

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KEDUA BELAS  
PENGGAL KEDUA  
MESYUARAT KEDUA**

---

**Bil.32**

**Selasa**

**30 Jun 2009**

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 18(1):</b>	
■ <b>Wabak Influenza A (H1N1)</b>	
- <i>Dr. Lee Boon Chye (Gopeng)</i>	(Halaman 27)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
- Rang Undang-undang Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009	(Halaman 29)
- Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia 2009	(Halaman 93)
<b>USUL:</b>	
- Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 62)
- Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah P.M. 16(3)	(Halaman 155)
<b>UCAPAN PENANGGUHAN:</b>	
■ <b>Agensi Pekerjaan Melakukan Penipuan</b>	
- <i>Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)</i>	(Halaman 155)
■ <b>Premis Komersial Atas Tanah Milik dan Tanah Rizab KTM</b>	
Diarah Keluar Tanpa Pampasan	
- <i>Tuan Mohd. Firdaus Jaafar (Jerai)</i>	(Halaman 159)

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Selasa, 30 Jun 2009**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) setakat manakah keberkesanan pihak kementerian dalam menyelesaikan masalah yang tiada kad pengenalan dan surat beranak sehingga hari ini di seluruh negara; dan
- (b) adakah pihak kementerian berhasrat untuk mencari satu penyelesaian yang drastik untuk menangani isu kad pengenalan dan surat beranak khususnya di negeri Sarawak memandangkan hak ini telah terlalu lama dipraktikkan.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Datuk Wira Abu Seman Yusop]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Bintulu yang telah mengemukakan pertanyaan.

Untuk menjawab soalan (a), berbagai-bagai usaha dan tindakan telah diambil oleh kementerian dan Jabatan Pendaftaran Negara sebagai inisiatif untuk menyelesaikan masalah penduduk yang tidak mempunyai dokumen pengenalan diri termasuk kad pengenalan dan juga sijil kelahiran. Satu Jawatankuasa Task Force telah diwujudkan di peringkat kementerian dan jabatan bagi melaksanakan program-program berikut:-

- (i) Program MyDaftar yang dilaksanakan di seluruh Semenanjung Malaysia meliputi kawasan bandar dan luar bandar;
- (ii) bagi Sarawak dan Sabah, Program Operasi Bergerak yang menjalankan tugas-tugas di bawah Program MyDaftar yang dilaksanakan terutamanya di tempat-tempat pedalaman;
- (iii) pembukaan kaunter-kaunter Jabatan Pendaftaran Negara di Ibu Pejabat Pendaftaran Negara, Putrajaya dan di setiap ibu pejabat negeri pada setiap hari Sabtu dan Ahad; dan
- (iv) mengadakan perkhidmatan kaunter Jabatan Pendaftaran Negara di hospital-hospital besar seperti di Hospital Besar Kuala Lumpur, Hospital

Sultanah Bahiyah Alor Setar, Kedah dan Hospital Likas, Sabah. Kemudahan ini akan dipanjangkan di hospital-hospital besar di negeri-negeri lain dalam negara.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada tindakan di atas, kementerian juga melalui Jabatan Pendaftaran Negara di negeri-negeri membuat pendekatan turun padang untuk memberi penerangan dan khidmat nasihat bagaimana permohonan dokumen-dokumen pengenalan diri tersebut dapat diurus dengan mudah dan cepat serta juga menerima permohonan-permohonan daripada individu-individu berkepentingan berkaitan dengan urusan di bawah Program MyDaftar. Kementerian mendapati usaha-usaha yang dijalankan ini adalah berkesan.

Tuan Yang di-Pertua bagi menjawab seterusnya, berikut adalah data-data mengenai jumlah permohonan, iaitu jumlah kes yang selesai dan jumlah kes dalam tindakan bagi Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak dari 26 November 2008 sehingga 30 Jun 2009.

<b>Negeri</b>	<b>Jumlah Permohonan</b>	<b>Jumlah Kes Selesai</b>	<b>Jumlah Kes Dalam tindakan</b>
Semenanjung Malaysia	412	252	160
Sarawak	857	195	662
Sabah	1,881	1,123	558

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan (b), kementerian memang sentiasa mencari penyelesaian untuk menangani isu pengeluaran dokumen-dokumen pengenalan diri ini kepada individu-individu yang layak khususnya bagi negeri Sarawak.

Dalam hal ini, Jabatan Pendaftaran Negara meneliti setiap aspek permohonan seperti berikut:-

- (i) menentukan sesuatu kelahiran itu benar-benar berlaku di Malaysia berdasarkan bukti-bukti yang disertakan;
- (ii) menentukan siapakah ibu bapa sebenar kanak-kanak tersebut;
- (iii) menentukan tarikh, tempat dan masa kelahiran kanak-kanak berdasarkan pembuktian dokumen dan saksi yang boleh mengesahkan kelahiran tersebut terlebih dahulu; dan
- (iv) mendapatkan maklumat mengenai perkahwinan yang sah di antara bapa dan ibu kanak-kanak berkaitan.

Sehubungan dengan kehendak-kehendak yang ditetapkan ini, kementerian telah membuat dasar khususnya bagi negeri Sarawak dengan melonggarkan syarat-syarat pendaftaran seperti berikut:-

- (i) mengecualikan denda yang berkaitan dengan pendaftaran sijil kelahiran dan juga kad pengenalan;
- (ii) mengecualikan bagi mengemukakan keperluan dokumen-dokumen pendaftaran seperti kad pengenalan ibu bapa, pengesahan doktor atau bidan atau kad rawatan pemeriksaan bagi ibu semasa mengandung; dan
- (iii) mengecualikan daripada keperluan untuk mengemukakan surat sijil perkahwinan ibu bapa kanak-kanak berkaitan.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang telah diberikan. Yang Berhormat Timbalan Menteri, soalan saya kemukakan kepada kementerian, tetapi jawapan daripada kementerian kalau kita dengar itu betul-betul melaksanakannya, memang semua masalah selesai.

■1010

Selalunya jawapan kita di Parlimen ini Yang Berhormat Menteri cukup ambil perhatian dan baik hati mahu menyelesaikan masalah tetapi pegawai yang tidak menjalankan tugas. Macam mana kementerian sampai hari ini, contohnya Pengarah JPN di Sarawak tidak begitu agresif dan proaktif. Kita sudah berpuluh kali minta tukar sampai hari ini pun tidak boleh tukar. Apa pasal? Jawapan syarat itu memang kita ada masalah di rumah panjang. Contohnya, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata kita sudah soal banyak kali dan beritahu pengarah. Kadang-kadang mereka ini lahir di rumah panjang. Cerita ini sudah lama berpuluh-puluh tahun dahulu. Jadi, dia tidak ada kad lawatan hospital ataupun surat beranak. Semuanya tidak ada.

Jadi, sampai hari ini kita minta supaya mengadakan satu cara untuk menyelesaikan masalah ini tetapi sehingga hari ini tidak boleh selesai. Saya mahu minta penjelasan, kenapa seorang pengarah tidak boleh ditukar? Apa pasal tidak boleh ditukar? Kadang-kadang dia yang "kepala gila" minta orang rumah panjang di Bintulu pergi ke Kuching untuk interviu. Interviu apa? Kalau dia buat cara yang begitu wakil rakyat akan mati. Kenapa dia tidak pakai otak?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Orang miskin.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Minta maaf saya marah hari ini, kita susah. Kadang-kadang dia cari kita kalau tidak dapat dia marah kita. Wakil rakyat tidak berfungsi sama rakyat pasal dia tidak dapat pergi ke Kuching untuk interviu. Akan tetapi ada yang pergi ke Kuching untuk interviu, bila balik surat pun sampai - ditolak.

Saya sudah minta banyak kali, kalau Jabatan Pendaftaran Negara tidak ada latar belakang mana-mana masyarakat ataupun penduduk di rumah panjang mintalah Ketua Masyarakat sahkan latar belakangnya. Pegawai cakap dalam mesyuarat boleh tetapi bila melaksanakannya dia kata tidak boleh. Semua orang tidak ada kuasa, kita, pegawai sahaja ada kuasa. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Wira Abu Seman Yusop:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Apa yang telah disuarakan oleh Yang Berhormat Bintulu bahawa kementerian sedar dan merasa simpati terhadap keadaan-keadaan yang berlaku yang mana kerajaan sedar memang tidak praktikal untuk masyarakat dari pedalaman untuk datang ke Kuching untuk mengurus berkaitan dengan pengeluaran surat-surat pengenalan ini. Oleh itu kementerian telah mengenalkan pewujudan *task force* dan juga mengadakan program-program seperti yang mana yang telah saya nyatakan tadi termasuklah program-program turun ke padang dan juga program-program ataupun kelonggaran syarat-syarat berkaitan dengan pengecualian daripada bayaran dan juga pengecualian daripada mengemukakan dokumen-dokumen yang saya telah nyatakan.

Namun apa yang saya lihat daripada keluh kesah Yang Berhormat Bintulu bahawa daripada dasarnya telah kita luluskan, tetapi dari segi pelaksanaannya mungkin ada masalah. Saya percaya selepas kepimpinan baru yang mengambil alih di Kementerian Dalam Negeri ini kita akan mengambil perhatian yang serius berkaitan dengan pegawai seperti mana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Bintulu tadi.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]:** *Assalamualaikum* Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat menjelaskan apakah masalah-masalah yang sebenar yang menyebabkan kelambatan itu berlaku. Kedua, apakah hak-hak kemanusiaan yang diberikan kepada mereka dari segi pendidikan, ekonomi dan sosial. Sekiranya hak-hak ini tidak dapat diberikan dengan sepenuhnya ia akan menjadi kepada negara.

**Datuk Wira Abu Seman Yusop:** Tuan Yang di-Pertua, saya hanya menumpukan kepada isu berkaitan dengan pengeluaran sijil pengenalan ini sahaja. Masalah yang sebenar seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Bintulu tadi, dari segi pelaksanaannya yang mana kementerian ini berjanji untuk melihat supaya sesuatu tindakan yang lebih positif akan diambil untuk menyelesaikan masalah pelaksanaan di peringkat bawahnya.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]:** Tuan Yang di-Pertua, minta...

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua, selepas *task force* ini ditubuhkan hanya beberapa kes...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kalau boleh di Sabah pun cuba ditengoklah, masalahnya terlampau banyak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat sudah faham bahawa soalan-soalan tambahan cuma dua.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Cuma hendak *remind* Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Faham. Ya, ya. Kalau saya benarkan lain kali pun terpaksa saya benarkan. Jadi, tidaklah elok begitu pendirian kita, tukar-tukar.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Rakyat didahulukan, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]:** Speaker yang ada kuasa untuk bagi kebenaran.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Kuala Selangor pun ada banyak, Tuan Yang di-Pertua.

**2. Tuan Haji Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan berapakah jumlah kes keganasan rumah tangga mengikut negeri dan langkah-langkah untuk melindunginya.

**Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato Sri Shahrizat Abdul Jalil]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat berperanan mengendalikan kes-kes keganasan rumah tangga mengikut peruntukan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994. Falsafah di sebalik penggubalan akta ini adalah untuk membendung kecenderungan menggunakan keganasan rumah tangga sebagai alat untuk menyelesaikan masalah rumah tangga.

Namun begitu kes-kes keganasan masih berlaku. Berdasarkan perangkaan Jabatan Kebajikan Masyarakat bilangan kes keganasan rumah tangga yang diuruskan oleh JKM mengikut negeri bagi tahun 2008 sehingga Mac 2009 adalah seperti berikut:

<b>KES-KES KEGANASAN RUMAH TANGGA BAGI TAHUN 2008 HINGGA MAC 2009</b>		
<b>Negeri</b>	<b>Tahun 2008</b>	<b>Tahun 2009</b>
Johor	39	-
Kedah	18	5
Kelantan	56	19
Melaka	15	2
Negeri Sembilan	56	14
Pahang	18	13
Perak	38	9
Perlis	9	2
Pulau Pinang	64	21
Sabah	19	-
Sarawak	25	-

Selangor	102	60
Terengganu	5	5
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	59	12
Wilayah Persekutuan Labuan	3	10

Untuk makluman langkah-langkah yang dilaksanakan untuk melindungi dan membantu mangsa keganasan rumah tangga adalah seperti berikut:

- (i) mempergiatkan program advokasi bagi menjelaskan mengenai hak mendapatkan perlindungan;
- (ii) membantu mangsa untuk membuat laporan polis;
- (iii) membantu mangsa membuat pemeriksaan perubatan dengan mengiringi dan menyediakan kenderaan kepada mangsa sekiranya diperlukan;
- (iv) membantu mangsa mendapatkan Perintah Perlindungan Sementara (IPO) atau Perintah Perlindungan (PO);
- (v) memberi perlindungan sementara kepada mangsa yang memerlukan di tempat selamat yang diluluskan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat;
- (vi) menyediakan perkhidmatan kaunseling; dan
- (vii) menyediakan Khidmat Talian Nur – 15999 bagi memudahkan mangsa membuat aduan dan mendapatkan khidmat nasihat mengenai perlindungan yang disediakan.

Terima kasih.

**Tuan Haji Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai]:** Terima kasih dengan jawapan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Kita telah pun mendengar begitu banyak sekali kes yang ada. Jadi, apa yang kita hendakkan iaitu bagaimana pula satu soalan yang termasuk sebagai keganasan rumah tangga iaitu gantung tidak bertali kepada kaum Muslimin.

■1020

Daripada pengalaman saya semasa membantu graduan PhD UKM dari Universitas Islam Banjarmasin, dalam kajian *comparative study* dalam keganasan rumah tangga antara Malaysia dan Indonesia, telah mendapati banyak kes tidak terurai dan terungkai dan memakan masa yang panjang dan lama sehingga ke dua ataupun tiga tahun lebih, sama ada sivil ataupun dari segi syarak. Dalam masa penantian tersebut, si suami akan mengganggu dan melakukan ugutan. Dalam satu kes, si suami akan masuk rumah ketika isteri sedang bekerja di luar. Si suami menyelongkar serta menyelerakkan perkakasan rumah, begitu sedih sekali iaitu kita tidak ada rumah, dia masuk. Jadi ini satu masalah.

Manakala kes kedua pula iaitu seorang wanita India kerap diganggu semasa perjalanan dan juga masa di tempat kerja dengan kata-kata kesat dan menyakitkan hati. Mereka telah melaporkan kepada pihak polis dan juga kepada pihak JKM dan tidak mendapat tindakan polis sebab dia kata ini adalah sebagai hal rumah tangga. Jadi soalan saya yang ingin saya kemukakan ialah apakah bentuk perlindungan – walaupun tadi sudah dibagikan enam cara perlindungan, saya rasa masih tidak cukup lagi. Kita perhatikan bagaimana kita hendak mempercepatkan proses supaya mereka ini dileraikan, baik sama ada sivil ataupun dengan syariah.

Kita perhatikan untuk makluman di sini, kalau di Indonesia, kes-kes seperti ini dapat diselesaikan dalam masa dua bulan. Jadi apakah langkah dan tindakan yang dicadangkan oleh kementerian sama ada satu daripada langkah, apa yang saya ingatkan bahawa adakah telah ditubuhkan *Family Court* yang khusus untuk menyelesaikan masalah-masalah keluarga yang ada. Sekian, mohon jawapan. *Wallahualam*.

**Dato Sri Shahrizat Abdul Jalil:** Yang Berhormat, saya hendak maklumkan bahawa mengikut perangkaan, 90% daripada kes-kes keganasan rumah tangga, malangnya mangsanya adalah wanita. Jadi kalau semua kaum bapa bersikap seperti Yang Berhormat, alangkah aman dan bahagia dunia. *[Disampuk]* Namun begitu, Yang Berhormat, saya hendak maklumkan bahawa pihak kementerian kita mengambil maklum isu-isu seperti mana yang dibawa oleh Yang Berhormat.

Maka saya hendak maklumkan di sini bahawa kementerian kita sedang mengambil langkah untuk meminda beberapa peruntukan yang ada untuk mengambil kira kes-kes seperti mana Yang Berhormat utarakan tadi. Malah di kementerian, kita berada dalam, *stage* dengan izin, *final stage*, di mana maklum balas yang telah pun kita kutip akan saya bawa kepada Kabinet untuk meminda akta ini supaya isu seperti mana Yang Berhormat bawa tadi akan diberi perhatian supaya implementasi akta keganasan ini efektif dan efisien. Terima kasih.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri [Batang Sadong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya hendak bertanya oleh kerana kita nampak keganasan ini telah makin meluas. Jadi apakah perancangan yang dibuat oleh kementerian untuk keseluruhan negara kita supaya lebih ramai wanita, terutama sekali mereka dari luar bandar faham apa itu keganasan untuk mereka. Berapakah peruntukan untuk program yang dirancangkan, kalau ada, untuk seluruh negara? Terima kasih.

**Dato Sri Shahrizat Abdul Jalil:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak maklumkan bahawa di dalam penyelidikan yang telah dijalankan oleh pihak-pihak *experts*, saya hendak maklumkan bahawa salah satu sebab keganasan ini berlaku ialah ada anggapan sama ada daripada kaum bapa mahupun daripada wanita bahawa tidak ada kesaksamaan gender. Salah satu sebab kenapa keganasan berlaku ialah kerana satu pihak merasakan beliau boleh



menguasai pihak yang lain. Selalunya, malangnya wanita yang menjadi mangsa. Maka dengan itu kami di kementerian..

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tidak ada rasa cinta.

**Dato Sri Shahrizat Abdul Jalil:** Betul Yang Berhormat. *[Ketawa]* Ya, memang betul, Yang Berhormat. Saya harap Yang Berhormat pun akan menentukan bila bercakap-cakap dengan Ahli Parlimen atau Wakil Rakyat, buatlah program seperti ini di kawasan Parlimen masing-masing.

Jadi Yang Berhormat, saya hendak maklumkan dari kementerian, kita telah pun menjalankan beberapa program untuk mendedahkan isu-isu keganasan rumah tangga ini dan kita akan mula juga program dengan izin, *gender sensitization* untuk semua yang terlibat dan saya harap melalui program *gender sensitization* ini akan ada pendedahan kepada semua kaum bapa dan juga wanita bahawa ini adalah satu jenayah yang tidak boleh kita biar menular di negara kita. Terima kasih.

**3. Datuk Richard Riot anak Jaem [Serian]** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan rancangan kerajaan untuk membangun kawasan luar bandar di negeri Sarawak lebih-lebih lagi di kawasan Parlimen Serian dari segi

- (a) Bekalan Elektrik Luar Bandar dan Bekalan Air Luar Bandar; dan
- (b) Jalan Kampung / Jalan Luar Bandar dan Lampu Jalan Kampung.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II [Tuan Joseph Entulu anak Belaun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian ini sentiasa berusaha bagi memastikan penduduk luar bandar di seluruh negara terutamanya di kawasan pedalaman negeri Sarawak dapat menikmati kemudahan asas seperti bekalan elektrik, bekalan air bersih dan jalan berturap. Justeru itu kerajaan akan meneruskan pelaksanaan Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar, Bekalan Air Luar Bandar, Jalan Luar Bandar, Projek Jalan Kampung dan Projek Lampu Jalan Kampung. Bagi memastikan semua penduduk di kawasan di seluruh negara termasuk di negeri Sarawak mendapat kemudahan infrastruktur yang sempurna.

Khusus bagi pelaksanaan projek BELB di negeri Sarawak, kerajaan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan telah memperuntukkan sejumlah RM637.56 juta. Amaun ini bersamaan dengan 38% dari keseluruhan peruntukan Program Bekalan Elektrik Luar Bandar di dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan. Dengan peruntukan tersebut, kementerian mensasarkan untuk meningkatkan liputan bekalan elektrik di negeri Sarawak kepada 90% menjelang akhir tahun 2010 berbanding 84% sekarang.

Bagi kawasan Parlimen Serian, kementerian telah melaksanakan 18 projek BELB yang bernilai RM21.9 juta dan memberi manfaat kepada 1,640 buah rumah. Semua projek ini telah pun disiapkan dan pengguna juga telah pun membuat penyambungan bekalan elektrik. Bagi Program Bekalan Air Luar Bandar ataupun BALB, kementerian telah diperuntukkan sejumlah

RM448.5 juta untuk pelaksanaan projek di seluruh negeri Sarawak. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM398 ribu telah diperuntukkan untuk pelaksanaan satu projek BALB di Simpang Jalan Minyak, Batu 54, Jalan Serian-Sri Aman.

Bagi pelaksanaan Projek JALB ataupun Jalan Luar Bandar pula, kerajaan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan telah meluluskan pelaksanaan dua projek JALB di kawasan Parlimen Serian bernilai RM21.52 juta. Projek-projek terlibat adalah:

- (i) membina dan menyiapkan Jalan Tebakang Melayu, Kampung Kursin, Serian; dan
- (ii) pembinaan jalan Sorak Melayu, Serian.

Untuk makluman Yang Berhormat, projek membina dan menyiapkan Jalan Tebakang Melayu, Kampung Kursin, Serian sedang dalam pembinaan dan dijangka siap pada Julai tahun ini. Sehingga 15 Jun 2009, kemajuan fizikal projek telah mencapai 83%, manakala projek membina Jalan Sorak Melayu, Serian pula masih di peringkat reka bentuk. Projek ini dijangka akan dimulakan pelaksanaannya pada Ogos tahun 2009. Bagi pelaksanaan Projek Jalan Kampung pula, kementerian pada tahun 2009 telah memperuntukkan sejumlah RM1.4 juta untuk pelaksanaan 18 projek di kawasan Parlimen Serian.

Sehingga 15 Jun 2009, semua projek tersebut berada di dalam peringkat akhir perolehan dan kementerian yakin semua projek berkenaan akan dapat disiapkan sebelum 31 Oktober tahun ini. Bagi pemasangan lampu jalan kampung pula, kementerian pada tahun ini telah menawarkan kontrak bernilai RM5 juta kepada Syarikat SESCO Berhad untuk kerja-kerja pemasangan lampu jalan kampung di seluruh negeri Sarawak.

■ 1030

Kerja-kerja pemasangan telah dimulakan pada 15 Mac 2009 dan dijangka siap sebelum 14 Mac 2010, melibatkan pemasangan 6400 unit lampu jalan kampung. Dari jumlah tersebut, sejumlah 149 unit lampu jalan kampung diperuntukkan untuk dipasang di kawasan Parlimen Serian melibatkan 24 buah kampung. Terima kasih.

**Datuk Richard Riot anak Jaem [Serian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri di atas jawapan yang begitu *informative*. Jadi sebelum itu Tuan Yang di-Pertua, saya di Dewan yang mulia ini ingin mengucapkan berbilang-bersang terima kasih kepada Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah sendiri iaitu Yang Berhormat Semporna kerana walaupun beliau baru sahaja dua bulan menjadi Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, beliau telah melawat kawasan saya, Parlimen Serian dua kali. *[Tepuk]* Jadi terima kasih.

**Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Kapit belum.

**Tuan Joseph Entulu anak Belaun:** Ini menunjukkan Yang Berhormat Menteri dari Semporna orang rajin, orang kuat kerja yang sentiasa turun ke padang. Jadi soalan saya...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tempat saya dia belum turun.  
*[Ketawa]*

**Datuk Richard Riot anak Jaem [Serian]:** Yang Berhormat Kinabatangan. terima kasih. Itu hak saya. *[Ketawa]*

Jadi Timbalan Menteri begini, mengikut angka yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, dari segi bekalan elektrik luar bandar beliau telah menyatakan bahawa setakat ini 90% rakyat di kawasan luar bandar di negeri Sarawak telah pun menikmati bekalan elektrik luar bandar.

Jadi di Serian, walaupun *figure* yang telah diberikan oleh Timbalan Menteri itu tadi cukup mengagumkan, tetapi saya ingin melaporkan di sini sebenarnya untuk kawasan Parlimen Serian dari segi liputan bekalan elektrik luar bandar, hanya 72% dari bekalan air iaitu bekalan air tertapis melalui JKR hanya 30%, projek jalan kampung 60%, dan lampu jalan kampung hanya 30%. Jadi ini bercanggah dengan angka yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Saya tahu Yang Berhormat Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, orang dari luar bandar, Semporna Sabah dengan kedatangan beliau melawat kawasan saya dua kali, saya percaya apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu akan menjadi kenyataan.

Jadi soalan saya, saya minta kepastian daripada kementerian agar liputan yang telah disebutkan itu akan betul-betul sampai ke kawasan Parlimen saya Serian. Jadi, terima kasih.

**Tuan Joseph Entulu anak Belaun:** Terima kasih sekali lagi Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Serian. Sebelum saya menjawab soalan itu Tuan Yang di-Pertua, saya perbetulkan sedikit beberapa butiran yang telah disebutkan tadi. Yang pertama, purata bekalan elektrik di seluruh negeri Sarawak ialah 84% pada sekarang bukan 90%. *Target* kita pada tahun 2010 ialah sampai ke 90%.

Berkenaan dengan percanggahan, bukan bercanggah cuma sebahagian daripada kawasan-kawasan di negeri Sarawak agak ketinggalan sedikit dari segi pelaksanaannya. Kenapa, terutamanya kawasan luar bandar agak ketinggalan? Satu daripada sebabnya ialah beberapa tahun yang lepas semasa kita hendak buat *agreement* dengan SESCO, semasa itu SESCO sekarang ESES Bhd.

Semasa itu SESCO dan kementerian kita telah berunding untuk membuat satu perjanjian tentang macam mana hendak melaksanakan Program Bekalan Elektrik Luar Bandar di Sarawak dan ini telah memakan masa beberapa tahun sehinggalah baru-baru ini, baru tahun ini ataupun tahun lepas perjanjian ini telah dipersetujui sepenuhnya. Jadi sekarang barulah pelancaran ataupun pelaksanaan projek bekalan elektrik luar bandar di Sarawak akan berjalan dengan licin.

Inilah sebabnya beberapa kawasan ketinggalan di Sarawak sebab semasa perundingan ini. Sekian, terima kasih.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini Yang Berhormat Beruas, soalan spesifik, hal Sarawak tetapi tidak mengapa. Saya beri peluang kepada Yang Berhormat Beruas, sila. Yang Berhormat Beruas berdiri dahulu. Sila.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Menteri, kenapa ada tempat seperti di daerah saya Manjong di mana...

**Tuan Yang di-Pertua:** *[Ketawa]*

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]:** Bagi orang Sarawaklah.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Isu...

**Tuan Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]:** Orang Sarawak.

**Tuan Joseph Entulu anak Belaun:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya minta orang Sarawak sahaja bertanya soalan sebab ini sudah memang keluar kalau Manjong.

**Tuan Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]:** *[Bangun]*

**Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** *[Bangun]*

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Soalannya berkenaan dengan bekalan elektrik.

**Tuan Joseph Entulu anak Belaun:** Luar bandar Sarawak.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Saya hendak tanya Menteri, kenapa ada ...

**Tuan Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]:** Tidak payah jawab.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Kenapa ada tempat di mana ada jana kuasa elektrik yang besar seperti jana kuasa RM5.5 bilion di Manjong di mana di Manjong ada dua jana kuasa iaitu satu jana kuasa TNB berjumlah RM5.5 bilion dan juga jana kuasa Malakot tetapi di tempat macam Manjong tidak cukup bekalan elektrik. Kenapakah ini berlaku dan begitu juga di tempat-tempat lain?

Adakah ini berlaku di lain-lain tempat juga di mana ada didirikan jana kuasa besar-besaran tetapi bekalan elektrik tempatan...

**Tuan Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]:** Terkeluar tajuk.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Tidak cukup termasuk kawasan luar bandar.

**Tuan Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]:** Tidak payah jawab, keluar tajuk.

**Tuan Joseph Entulu anak Belaun:** Kalau dapat Tuan Yang di-Pertua bagi Yang Berhormat dari Sarawak. Ini soalan berkenaan elektrik Sarawak.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Itulah awal-awal tadi telah saya nyatakan bahawa dalam hal soalan spesifik seperti begini sebetulnya saya mempunyai budi bicara untuk siapa yang saya panggil tetapi pun demikian oleh kerana saya nampak Yang Berhormat Beruas berdiri, saya bagilah laluan.

Akan tetapi lain kali tanyalah perkara yang betul-betul relevan kepada soalan. Jadi saya nampak Yang Berhormat Bintulu berdiri. Tidak mengapa, Yang Berhormat Kanowit, sila.

**Tuan Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bintulu. Ini soalan berkenaan Sarawak. Saya ingin bertanya kepada Menteri di kawasan saya Kanowit. Kita telah mohon untuk projek RAS *necessity* untuk luar bandar sejak tahun 1999 dan juga jalan luar bandar, sama juga 10 tahun yang lalu di beberapa buah tempat di kawasan saya di Kanowit. Sampai sekarang ini, projek-projek begitu belum lagi diselesaikan.

Saya pun telah membuat beberapa kali permohonan kepada Menteri sendiri dalam beberapa tahun yang lalu dan saya ingat Menteri sendiri pun sedar projek-projek yang saya sebutkan tadi. Jadi saya minta penjelasanlah, bilakah projek-projek ini dapat dilaksanakan di kawasan Kanowit. *Thank you.*

**Tuan Joseph Entulu anak Belaun:** Terima kasih Yang Berhormat Kanowit. Tuan Yang di-Pertua, sistem kelulusan atau prosedur kelulusan projek, permohonan dibuat dari Yang Berhormat ataupun pegawai daerah menerusi Pejabat Residen dan kadangkala dia terus dari Yang Berhormat kepada kementerian.

Akan tetapi kementerian perlu juga mengirim balik atau menghantar balik permohonan tersebut kepada Kerajaan Negeri dan kelulusan adalah tertakluk 100% kepada Kerajaan Negeri untuk meluluskan dan kita cuma sistem. Kita tidak ada, yang menentukan keutamaan adalah Kerajaan Negeri, bukan kementerian. Sekian, terima kasih.

4. **Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah hasil kajian pelaksanaan dasar Islam Hadhari oleh kerajaan. Apakah masalah yang dihadapi oleh kerajaan sehingga dasar Islam Hadhari memerlukan kajian semula.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Jamil Khir bin Baharom]:** *Assalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan selamanya sentiasa bertanggungjawab di atas kesejahteraan agama dan juga kesucian akidah yang dianuti oleh rakyat dan umat Islam di Malaysia.

Maka di atas prinsip inilah tugas dan tanggungjawab di peringkat Persekutuan melalui JAKIM, kerajaan sentiasa menjaga perkembangan Islam di Malaysia dan sentiasa berwaspada terhadap unsur-unsur yang tidak sihat terutamanya yang menyentuh akidah umat Islam.

Dalam menyusun ke arah menyemarakkan Islam di Malaysia, kerajaan dari semasa ke semasa mengambil pelbagai pendekatan termasuklah pendekatan Hadhari.

#### ■1040

Pendekatan ini telah berjalan dengan meluas dan disampaikan ke semua peringkat dan lapisan masyarakat, dari sejak pelaksanaan dan pelancarannya. Justeru itu, setelah melalui tempoh pelaksanaan, menjadi kebiasaan ianya perlu dibuat kajian dan penyelidikan. Bagi melihat kesan dan juga keberkesannya, di mana melalui kajian dan penyelidikan ini akan dapat memberikan ruang buat penambahbaikan, ke arah memantapkan lagi pelaksanaan dan

pengamalan Islam di Malaysia. Antara kajian yang telah dijalankan ialah kajian kefahaman dan penerimaan masyarakat terhadap pendekatan Islam Hadhari.

Kajian ini telah dilaksanakan oleh Pakar Runding Sdn. Bhd. Universiti Kebangsaan Malaysia. Seramai 2244 orang responden terdiri daripada kakitangan kerajaan, swasta, ahli-ahli korporat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pertubuhan-pertubuhan politik, mahasiswa institusi pengajian tinggi, warga pendidik, pelajar sekolah dan juga anggota tentera telah terlibat dalam kajian ini.

Responden kajian ini adalah terdiri daripada peserta yang mengikuti program-program penerangan pendekatan Hadhari. Hasil kajian menunjukkan bahawa 84.8% daripada 2244 orang responden yang menjawab soalan telah bersetuju dan menerima pendekatan Hadhari.

Selain itu, terdapat juga kajian-kajian dan penulisan tesis di kalangan para penyelidik institusi pengajian tinggi awam yang memperlihatkan penerimaan masyarakat terhadap pendekatan Hadhari ke arah melahirkan masyarakat Islam yang cemerlang di dunia dan akhirat. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Rantau Panjang.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dasar Islam Hadhari adalah satu lagi bukti kegagalan projek Barisan Nasional. [*Tepuk*] Apabila ditambah pula dengan dasar baru *One Malaysia*, memperlihatkan tidak ada kesinambungan antara kepimpinan yang dahulu dengan yang sekarang. Kita lihat bukti kegagalan dalam negara kita, dengan masih berleluasa perkara-perkara yang melibatkan umat Islam, kejahatan umat Islam, meninggalkan solat, mendedahkan aurat, melakukan jenayah, rogol dan sebagainya melibatkan umat Islam.

Persoalan saya ialah, apakah kerajaan..., bilakah kerajaan akan kembali kepada dasar Islam yang tulen, yang memang jelas memberi kesejahteraan kepada rakyat. Sudah lebih 52 tahun kita merdeka. Dalam keadaan dasar negara kita masih lagi banyak perkara yang bercanggah dengan Islam tetapi tidak dipedulikan oleh kerajaan. Masih berleluasa termasuklah judi dan sebagainya yang mana perkara ini ditolak oleh semua agama. Minta penjelasan.

**Dato' Jamil Khir bin Baharom:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon maaf sekiranya jawapan yang saya berikan tidak menepati, ataupun tidak sampai kepada maklumat yang saya berikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Namun, sebagaimana yang saya sebutkan di awal, Yang Berhormat Rantau Panjang membuat kesimpulan bahawa pendekatan Hadhari adalah merupakan dasar yang dianggap sebagai telah menemui kegagalan. Saya sebutkan tadi bahawa dalam jumlah responden yang telah kita berikan sebanyak 2244 orang, 84.8% mempersetujui pendekatan ini.

Sebab itu saya katakan tadi, kalau saya gagal memberikan maklumat, mungkin kesilapan saya ataupun mungkin kekurangan dan kelemahan dalam menyampaikan. Akan tetapi saya katakan bahawa dalam pendekatan yang telah dilaksanakan ini, kita melihat kefahaman telah

diberikan. Namun saya sebutkan juga bahawa perlu daripada masa ke semasa kita memerlukan kepada penambahbaikan melalui kajian-kajian yang telah kita lakukan. Selamanya, kerajaan adalah sentiasa berpegang untuk melaksanakan Islam yang sewajarnya sebagaimana yang telah kita laksanakan.

Kita sebutkan bahawa dalam tempoh 50 tahun lebih kita merdeka, kita berusaha dengan sebaik mungkin meletakkan kedudukan Islam yang kita katakan [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] itu di atas dasar dengan penuh kebijaksanaan, penuh hikmah dan mengambil kebijaksanaan yang wajar dalam mengambil kira negara yang berbilang agama, bangsa dan juga budaya ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** [*Bangun*]

**Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusof [Balik Pulau]:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Balik Pulau.

**Beberapa Ahli Barisan Nasional:** Kenapa tak bagi sebelah sini? [*Ketawa*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak apa, tak apa.

**Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusof [Balik Pulau]:** Tak apa? Minta maaf, minta maaf.

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti saya bagi dua peluang bergilir sebelah kanan.

**Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusof [Balik Pulau]:** Bagi peluang orang muda nak faham Islam Hadhari.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tadi apabila saya mendengar seorang Ahli Yang Berhormat memuji seorang Yang Berhormat Menteri, saya terfikir bahawa, saya kata begini baik saya menjalankan tugas, belum pernah saya dengar pujian daripada Ahli Yang Berhormat. [*Ketawa*] Tak apalah, sila Yang Berhormat Balik Pulau. [*Ketawa*]

**Beberapa Ahli:** Puji dulu, puji dulu...

**Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusof [Balik Pulau]:** Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri sebab dia orang Balik Pulau, sebab itu jawapan dia bagus. Yang Berhormat Menteri, saya nak bertanya, penjelasan. Macam mana nak dikaitkan Islam Hadhari ini dengan Satu Malaysia? Sebab dikatakan kajian nak tambah baikkan? Jadi saya mohon penjelasan. Itu sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini isu agama sama isu politik Yang Berhormat. Terpulang kepada Yang Berhormat untuk menjawab.

**Dato' Jamil Khir bin Baharom:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Balik Pulau. Saya melihat bahawa pendekatan Hadhari yang telah dilaksanakan oleh kerajaan terdahulu dan berterusan pelaksanaannya sehingga sekarang dan bersama-sama dengan pendekatan satu Malaysia.

Kita memperlihatkan bahawa sebenarnya dalam pendekatan Hadhari bermula daripada 10 prinsip yang telah kita sebutkan, iaitu:

- (i) Keimanan dan ketakwaan kepada Allah;
- (ii) kerajaan adil dan beramanah;
- (iii) rakyat berjiwa merdeka;
- (iv) penguasaan ilmu pengetahuan;
- (v) pembangunan ekonomi seimbang dan komprehensif;
- (vi) kehidupan berkualiti;
- (vii) pembelaan hak kumpulan minoriti dan juga wanita;
- (viii) keutuhan budaya dan moral;
- (ix) pemeliharaan alam semula jadi; dan
- (x) kekuatan pertahanan.

Kalau kita merujuk secara telus dan kita merujuk secara lengkap kepada 10 perkara pokok melalui pendekatan Hadhari ini dan dihubungkan dengan Satu Malaysia. Terdapat persamaan yang begitu dekat, di mana kalau kita perhatikan, untuk melahirkan kesejahteraan, keimanan dan ketakwaan kepada Allah. Membentuk manusia-manusia yang sentiasa hatinya dekat perhubungan dengan Allah. Pada masa yang sama juga, melalui kerajaan adil dan beramanah, kita akan memberikan satu pendekatan kepada rakyat dan juga negara yang akhirnya melalui keadilan dan juga amanah ini melahirkan Satu Malaysia tanpa mengira agama dan bangsa mereka. Kalau saya huraikan Tuan Yang di-Pertua, kesepuluh perkara ini, akan mengambil masa yang panjang.

Saya merasakan yang terakhir, yang kesepuluh juga mungkin barangkali atas semangat saya bekas daripada tentera bersara. Saya melihat bahawa kekuatan pertahanan akhirnya bukan semata-mata untuk orang Islam dan Melayu. Akan tetapi kekuatan pertahanan ialah untuk memelihara kesejahteraan ummah yang membentuk suatu negara Malaysia yang adil, beramanah dan dalam masa yang sama juga Tuan Yang di-Pertua, kita melihat bahawa rakyat dijaga dengan baik keamanannya. Sudah tentu selepas daripada itu dalam sektor ekonomi, pembangunan pendidikan sosial dan sebagainya dapat berjalan dengan baik apabila keselamatan negara terjaga dengan baik. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya puas hati Yang Berhormat.

**5. Tuan Ding Kuong Hiing [Sarikei]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan jumlah peruntukan yang disalurkan kepada Kerajaan Negeri Sarawak dari tahun 2006 hingga 2008 untuk memperbaiki dan menaik taraf jalan-jalan serta parit-parit di taman perumahan dan bandar. Adakah pihak kementerian menambah peruntukan pada RMK-10 nanti kepada Kerajaan Negeri Sarawak. Jika tidak, kenapa.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Seri Panglima Lajim Ukin]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih diucapkan kepada Ahli Yang Berhormat atas soalan ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak RM39,208,500 telah disalurkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kepada Kerajaan Negeri Sarawak melalui



Kementerian Alam Sekitar dan Kesihatan Awam atau KASKA daripada tahun 2006 sehingga tahun 2008.

Peruntukan tersebut adalah untuk memperbaiki dan menaik taraf jalan-jalan serta parit-parit di taman-taman perumahan dan bandar di mana projek ini dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Peruntukan bagi Rancangan Malaysia Kesepuluh mengambil kira keperluan dan permintaan Kerajaan Negeri Sarawak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Sarikei.

**Tuan Ding Kuong Hiing [Sarikei]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat timbalan menteri. Soalan tambahan saya ialah apakah syarat-syarat kelulusan yang dikenakan oleh kementerian untuk setiap permohonan penambahbaikan dan menaik taraf jalan dan parit di taman-taman, kepada pihak berkuasa tempatan.

■1050

**Datuk Seri Panglima Lajim Ukin:** Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih soalan tambahan daripada Yang Berhormat Sarikei. Sebenarnya kementerian bergantung kepada keperluan dan permintaan PBT di kawasan-kawasan ataupun daerah-daerah berkenaan. Kita sebenarnya tidak menentukan kriteria, asalkan masuk dalam program yang ada pada kementerian, kita akan beri peruntukan. Jadi, tidak ada apa-apa kriteria yang agak ketat daripada pihak kementerian.

Akan tetapi, kita cuma perlukan pertamanya, kawasan-kawasan yang perlu diperbaiki ataupun diperindah ini adalah kawasan-kawasan yang menarik seperti kawasan perumahan, kawasan perparitan, taman perumahan dan juga kawasan-kawasan bandar. Ini sebahagian daripada untuk menarik juga pelancong-pelancong sama ada datang daripada luar negara, dalam negara kita ataupun pelancong-pelancong tempatan daripada negeri tersebut.

Saya juga ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa Sarikei sahaja, daripada sejak tahun 2006 sehingga tahun 2008 peruntukan-peruntukan kecil yang diterima Majlis Daerah Sarikei ialah RM1,458,650 daripada peruntukan yang diberikan oleh Jabatan Kerajaan Tempatan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia.

**6. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]** minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan keadaan bekalan air termasuk penswastan di seluruh negara amnya dan Selangor, Putrajaya dan Kuala Lumpur khususnya. Berapa projek khas dan taklukannya seperti terowong dari Pahang ke Selangor akan dibina untuk memastikan tidak wujud masalah bekalan air di negara ini.

**Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Datuk Peter Chin Fah Kui]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini dengan memaklumkan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa usaha Kerajaan Persekutuan untuk menyusun semula industri perkhidmatan bekalan air negara tidak akan melibatkan penswastan mana-mana pihak berkuasa air negeri.

Di bawah usaha yang sedang dilaksanakan ini, sebanyak tiga buah negeri telah pun berjaya melaksanakan penstrukturan semula industri perkhidmatan airnya iaitu negeri Melaka, Negeri Sembilan dan Johor. Sementara itu bagi negeri Pahang, Kedah dan Perlis kini sedang dalam peringkat akhir dalam pelaksanaannya. Negeri-negeri lain pula masih dalam proses penstrukturan semula perkhidmatan bekalan air di negeri masing-masing. Bagi penstrukturan semula industri perkhidmatan bekalan air di negeri Selangor, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor sedang dalam perundingan dengan memuktamadkan cadangan penstrukturan semula industri perkhidmatan air dengan mengambil kira kepentingan pengguna sebagai matlamat utama serta kemajuan dan kemapanan industri perkhidmatan bekalan air di dalam jangka panjang. Proses rundingan ini dijangka akan dimuktamadkan dalam masa terdekat ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada umumnya, bekalan air di seluruh negara adalah mencukupi berdasarkan unjuran permintaan sedia ada. Sungguhpun demikian, setiap operator air di negara ini masih perlu menguruskan bekalan air secara cekap dan berkesan terutamanya semasa cuaca panas dan kering. Namun begitu, keperluan perkhidmatan bekalan air bagi negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya telah meningkat dari semasa ke semasa. Keadaan ini dijangka akan menyebabkan kapasiti bekalan air sedia ada tidak dapat menampung keperluan semasa.

Sehubungan ini, Kerajaan Persekutuan melalui kementerian saya telah mengambil langkah menyelesaikan jangka panjang dengan melaksanakan skim penyaluran air mentah antara negeri bagi memenuhi peningkatan keperluan air terawat. Skim ini yang melibatkan pelaksanaan projek penyaluran air mentah dari Pahang ke Selangor dan projek pembinaan Loji Rawatan Air Langat Dua dengan siapnya kedua-dua projek ini pada tahun 2015, dijangkakan akan menyalurkan sebanyak 1,130 juta liter sehari air ke Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Sekian.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, memang jawapan daripada Yang Berhormat Menteri itu nampaknya mencukupi, nampaknya sempurna. Akan tetapi, bolehkah Yang Berhormat mengumumkan plan penstrukturan semula bagi bekalan air di seluruh negara ini? Bolehkah Yang Berhormat terangkan kepada Dewan yang mulia ini di dalam syarikat-syarikat swasta yang menjadi operator pada air di seluruh negara ini, siapakah yang menjadi syarikat-syarikat di dalam penswastaan ini?

Jikalau kita ada loji rawatan di Pahang misalnya, apakah kosnya? Jikalau kita membawa air, sampah, tanah dan pasir daripada Pahang kepada Selangor, berapakah kos yang sebenarnya? Mengapa... Ya, memang ia membawa sampah daripada Pahang kepada Selangor... *[Dewan riuh]*

**Beberapa Ahli:** Sri Gading?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Sri Gading memang haus air.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Rompin, Rompin.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Rompin pun ia tidak kisah. Sampahnya dibuang kepada Selangor.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Dia di Amerika.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ya. Mengapa kita perlukan terowong? Kita ada...*[Disampuk]* Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Rompin tidak tahu apa terowong...  
*[Ketawa]*

**Seorang Ahli:** Tidak tahu... *[Ketawa]*

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Dia tahu... sahaja.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tidak tahu lah itu Rompin... *[Ketawa]* Awak sudah pergi US? Patutlah tidak faham apa terowong. Terowong ini di bawah, dibina terowong yang besar daripada Pahang...

**Datuk Seri Panglima Lajim Ukin:** Soalan lah... *[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, mereka tidak tahu apa soalan atau bukan soalan. Ini sambungan kepada soalan tadi. Jadi, apakah kos yang sebenarnya, kita menggali dan membuat terowong yang besar membawa sampah daripada Pahang kepada Selangor ini?... *[Dewan riuh]* Jikalau kita membuat paip-paip rawat air di Pahang dan kemudian melalui paip di Selangor, bolehkah kita jimatkan? Mengapa kita memberi projek ini kepada syarikat JICA, Jepun pula? Ini kerana, kajian dibuat oleh JICA. Tentu projek diberi kepada syarikat Jepun dan kerana mungkin tidak ada syarikat lain di dunia yang pandai untuk membuat kajian bekalan air, mungkin. Saya berharap Yang Berhormat dapat menjawab.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai pengumuman bagi semua syarikat operator air di semua negeri, memang saya ada maklumat di sini. Akan tetapi, ianya akan mengambil masa untuk dibaca dan saya akan edarkannya kepada Yang Berhormat Kepong secara bertulis.

Bagi projek penyaluran air dari Pahang ke Selangor ini, ingin saya jelaskan kepada Yang Berhormat bahawa projek ini memang melibatkan satu kajian yang terperinci supaya kita dapat menjamin di Selangor, di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan di Putrajaya mencukupi air pada masa yang akan datang, sampai 2020 dan selepasnya

#### ■ 1100

Dan sebab itu, projek ini sangat penting. Kajian itu menunjukkan bahawa kita kenalah walaupun kita kena belanja satu angka yang agak besar, tetapi ia penting. Ia penting dilaksanakan untuk menjamin bahawa kita dapat air mentah untuk dirawat di Selangor dan Wilayah Persekutuan supaya kita mencukupi air dijangka masa panjang.

Mengenai apa sebabnya kita gunakan *jay car* Saya hendak jelaskan bahawa angka kos projek ini adalah satu pinjaman daripada kerajaan Jepun. Oleh sebab itu ini adalah satu projek *G to G* yang kita setuju dengan pihak Jepun melalui *jay car* nya iaitu agensi Jepun di Malaysia

untuk menyelaraskan pelaksanaan projek ini dengan cara menender. Setiap peringkat, ia akan di tender dan semuanya melibatkan enam *packages* dan semua *packages* ini akan di tender secara terbuka kepada syarikat-syarikat yang layak dan mampu untuk melaksanakan projek yang di spesifikasi.

Sama ada sampah ini dibawa dalam terowong itu, saya ingin jelaskan bahawa projek ini hanya membawa air mentah yang kita sudah takung dalam satu empangan di Kelau, Pahang dan apabila air itu sudah cukup bersih, ia akan disalurkan dalam terowong itu dan akhirnya sampai Hulu Langat, satu loji rawatan air yang besar yang akan dibina. Dari situlah air yang terawat itu akan disalurkan kepada negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Sekian.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini soalan berbangkit kepada Yang Berhormat Kepong. Macam mana hari ini sejarahlah seorang pakar kulit menjadi pakar terowong pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya tentang isu bekalan air. Satu beban yang amat besar sekali dipikul oleh kerajaan. Sekarang ini hutang-hutang semua syarikat air ini diambil alih oleh kerajaan. Saya sudah tahu RM10 bilion atau RM15 bilion adalah besar. Namun begitu, saya takut dengan konsep penswastaan ini, konsep *user pay*, pengguna bayar. Kalau pakai satu konsep *user pay* penswastaan, syarikat-syarikat ini akan mengenakan bayaran kepada semua pengguna sama ada mereka mampu atau tidak mampu. Akan tetapi belanjanya amat besar dipikul oleh kerajaan berbilion-bilion. Saya tidak tahu, mungkin Yang Berhormat Menteri beritahu berapa jumlah. Saya ingat RM20 bilion hingga RM30 bilion lebih kurang begitulah.

Namun begitu sudah kita lihat satu kerajaan negeri cuba mendapatkan *mileage* politik. Berikan pengguna air yang percuma. Bebannya kerajaan, tanggungjawabnya kerajaan tetapi orang lain yang mendapat nama. Adakah kerajaan dalam menggunakan model *user pay* ini, pengguna-pengguna yang kurang mampu, yang miskin yang berpendapatan rendah itu kita bagi juga percuma. Kalau tidak nanti kita, kerajaan Barisan Nasional yang bekerja gigih, yang belah sana yang dapat *mileage*. [*Dewan riuh*]

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya ambil sedikit masa untuk menjelaskan penstrukturan semula ini yang diwajibkan dalam Akta Industri Perkhidmatan Air yang diluluskan oleh Dewan yang mulia ini pada tahun 2006.

Tuan Yang di-Pertua, ini bukan satu usaha penswastaan iaitu penswastaan yang kita hari ini kenakan iaitu syarikat-syarikat berkenaan mengambil alih sesuatu usaha sama ada rawatan air atau membekal air melalui sistem paip-paip di mana-mana tempat. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, itulah hakikat sekarang yang kita hendak ubah. Itulah cara yang kita hendak ubah supaya pihak Perbadanan Aset Air Berhad (PAAB), satu badan yang ditubuhkan SPV khas bagi kerajaan untuk ambil alih aset-aset daripada syarikat-syarikat yang sedia ada ini

yang dikatakan syarikat swasta yang beroperasi sebagai syarikat merawat dan membekal air di negara kita ini.

Apa sebab kita hendak ambil alih ini? Ini kerana kita perhatikan bahawa syarikat-syarikat ini mempunyai perjanjian-perjanjian yang berlainan. Ada yang mahal dan ada yang tidak mahal iaitu dia punya harga yang munasabah, ada yang cekap dan ada yang tidak cukup cekap. Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, kita menggunakan SPV ini mengambil alih semua asetnya supaya syarikat-syarikat yang berkenaan ini, yang masih menjalankan tugas-tugas seperti menjadi syarikat yang merawat air atau membekal air, mereka tidak ada dibebankan dengan aset. Kalau dia mempunyai aset yang banyak, mereka kena mengadakan pinjaman daripada bank atau bon daripada pasaran bon di market ini. Oleh sebab itulah maka dia punya kos untuk merawat satu unit atau satu liter meter *cube* air itu sangat tinggi.

Maka Tuan Yang di-Pertua, kita gunakan cara ini supaya kosnya akan rendah dan apabila kosnya akan rendah, kita akan memastikan bahawa seunit meter *cube* air yang disalurkan kepada pelanggan iaitu rakyat jelata adalah rendah dan tidak terus mengikut perjanjian konsesinya di mana tarifnya akan meningkat. Itulah satu jenis yang kita gunakan untuk merendahkan dan memastikan supaya tarif itu adalah stabil dan tidak naik secara mendadak mengikut perjanjian-perjanjian yang sedia ada. Sekian.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Penswastaan gagal berhenti.

**7. Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan bilangan unit rumah yang telah dapat disiapkan bagi tempoh tahun 2000 hingga 2008 di bawah skim perumahan untuk rakyat termiskin dan apakah usaha-usaha yang telah diambil oleh pihak kementerian untuk memastikan setiap rakyat mampu memiliki rumah.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II [Tuan Joseph Entulu anak Belaun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Silam. Bagi tempoh tahun 2000 hingga tahun 2008, kementerian telah menyiapkan 25,459 unit rumah di bawah Program Bantuan Rumah iaitu 10,846 unit bina baru dan 14,613 unit baik pulih. Jumlah ini tidak termasuk pelaksanaan pada tahun 2007 kerana pada tahun tersebut, Program Bantuan Rumah dilaksanakan oleh Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri dan bukan dilaksanakan oleh kementerian ini. Bagi memastikan setiap rakyat terutamanya golongan miskin tegar luar bandar mampu memiliki rumah, kerajaan telah memperuntukkan RM500 juta di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama di samping peruntukan tahunan berjumlah RM51.4 juta di bawah siling Rancangan Malaysia Kesembilan untuk membiayai pelaksanaan Program Bantuan Rumah (PBR) tahun 2009 ini.

Jumlah peruntukan berkenaan dijangka mampu membiayai pembinaan 16,232 unit rumah iaitu 15,317 unit bina baru dan 915 unit baik pulih. Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang diberikan.

## ■1110

Dari segi bilangan jumlah yang akan dibina terutamanya dari segi bina baru. Soalan tambahan saya, saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu inisiatif seterusnya pihak kementerian untuk memastikan pengagihan rumah untuk rakyat miskin ini adalah seadilnya? Keduanya berapakah jumlah bilangan rumah baru untuk rakyat termiskin ini diperuntukkan untuk kawasan saya di Parlimen Silam? Terima kasih.

**Tuan Joseph Entulu anak Belaun:** Terima kasih, Yang Berhormat dari Silam. Untuk memastikan pengagihan adalah dibuat seadil-adilnya, kita mendapat senarai tentang siapa yang menerima bantuan ini dari senarai eKasih, iaitu senarai orang yang miskin tegar di seluruh negara. Dari senarai tersebut, kerajaan negeri yang diberi peruntukkan ini akan membuat pengagihan yang sewajarnya. Untuk berapakah jumlah unit rumah bina baru diagihkan untuk kawasan Parlimen Silam, saya mohon Yang Berhormat minta dari Kerajaan Negeri ataupun Daerah yang berkenaan. Mereka memang ada senarai itu. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Ipoh Barat.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua sebelum itu saya ingin mengalu-alukan ketibaan Ketua DAP Wanita Pahang dan anggota-anggota dari Pahang hari ini... [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, mengenai rumah-rumah yang dibina untuk kalangan orang miskin tegar dan sebagainya di luar bandar, adakah kementerian sedar bahawa walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi jawapan, ini semua mengelirukan. Ramai di antara ini adalah Orang-orang Asli. Saya baru-baru ini pergi ke beberapa tempat tinggal orang-orang asli di Tapah dan sebagainya. Saya dapati bahawa rumah-rumah itu telah dibina, Tuan Yang di-Pertua tetapi apa guna bina rumah kalau tidak ada *connection* tenaga dan air. Sehingga hari ini, lebih kurang sudah dua tahun rumah-rumah itu dibina atas dasar Yang Berhormat kata, lebih dari RM 500 juta diagihkan. Kerap kali Barisan Nasional hangat mengatakan, "Oh, berjuta-juta ringgit diagihkan". Akan tetapi rumah-rumah ini dibina tidak masuk akal. Nombor dua, di kampung tersebut, ada lebih dari 60 keluarga Tuan Yang di-Pertua, hanya enam rumah sahaja dibina, apa asasnya? Ini bukan satu kampung, banyak di antara kampung-kampung Orang-orang Asli dianiaya oleh kerajaan Barisan Nasional... [*Dewan riuh*].

Jadi soalan saya adalah ini, di Rompin pun sedemikian juga di mana rumah-rumah dibina, Tuan Yang di-Pertua, akan tetapi tidak ada *basic amenities* diberi kepada mereka. Apa guna rumah-rumah ini dibina? Ini semua cuci mata tetapi sebenarnya dalam hati tidak ada satu kesedaran oleh kerajaan Barisan Nasional untuk betul-betul *empower* Orang Asli ini.

**Tuan Joseph Entulu anak Belaun:** Terima kasih, Yang Berhormat dari Ipoh Barat yang cuba mengelirukan Dewan juga. Yang Berhormat Ipoh Barat, cubalah lihat kejayaan-kejayaan yang begitu menyeluruh di Semenanjung Malaysia ini tentang program-program yang telah dilaksanakan oleh kementerian ini dan oleh kerajaan Barisan Nasional.

Sebenarnya, orang asli adalah di antara etnik yang paling terpelihara di negara ini sehinggalah saya sendiri apabila Senator Tuan Osman Bungsu menanya soalan tentang kebajikan Orang Asli, saya kata saya mohon kalau dapat saya diisytiharkan sebagai Orang Asli. Sebab saya melihat peruntukkan yang diberikan kepada Orang Asli begitu banyak, setiap Rancangan Malaysia Lima Tahun dari awal-awal lagi dan peluang Yang Berhormat Ipoh Barat menyoal tadi sudah tamat, saya jawab sekarang, dan...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Penjelasan boleh, penjelasan...

**Tuan Joseph Entulu anak Belaun:** Tunggu dulu, tunggu dulu... [*Dewan riu*].

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tidak mahu dengarbetul-betul...

**Tuan Joseph Entulu anak Belaun:** Dari segi infrastruktur, dasar kita Tuan Yang di-Pertua, begini. Kita hendak mana-mana pihak membuktikan mereka betul-betul... Kalau sudah diluluskan tempat ini dapat tempat boleh membina rumah dan sebagainya, jadi kita hendak bukti, ada bukti bahawa betul-betul ada orang hendak membina rumah di sana. Kalaulah kita mempunyai dasar di mana kita buat infrastruktur dulu, kita buat bekalan elektrik, kita buat macam-macam infrastruktur, ada dua masalah. Yang pertama besar kemungkinan orang pihak Pembangkang akan mengatakan, "Ini merugikan, ini tidak betul, tidak ada orang tinggal di sana," tetapi ada infrastruktur sudah disediakan.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Jangan bagi alasanlah, bagi jawapan...

**Tuan Joseph Entulu anak Belaun:** Akan tetapi kita hendak buktikan, kita hendak melihat bukti dari orang yang hendak membina rumah, dia betul-betul hendak tinggal di sana. Jadi ini adalah *chicken and egg* punya *story*... [*Dewan riu*].

Jadi, benda yang macam ini tak ramai, tak banyak. Kalau betul-betul banyak, saya minta Yang Berhormat dari Ipoh Barat bagi senarai kepada kementerian dan kita lihat. Yang saya tahu, ada dua tiga sahaja dan ini kita sedang dalam proses hendak menyelesaikannya, bukan hendak menyelesaikan. Memang kita mempunyai komitmen hendak bawa infrastruktur ke sana. Kita sedar beberapa kawasan yang memang ada kelewatan sedikit untuk melaksanakan projek ini dan berkenaan dengan infrastruktur-infrastruktur yang..., ataupun rumah-rumah yang kurang dibina, ataupun belum dibina, Yang Berhormat perlu tahu Orang Asli ini dia berselerak di banyak tempat, dan bukan senang, macam di Sarawak jugalah, di kawasan luar bandar, di kawasan pedalaman Jarak dari seorang penduduk kepada penduduk lain ataupun kampung kepada *main road* misalnya, begitu jauh dan ini memerlukan masa untuk kita menyiapkan pelaksanaan infrastruktur dan sebagainya. Terima kasih.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tidak bagi jawapanlah, lari dari tanggungjawab... [*Dewan riu*].

**[Soalan No. 8 – Y.B. Tuan Sivarasa A/L K. Rasiyah (Subang) tidak hadir]**

9. **Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, sejauh mana kejayaan konsep Rakan Kongsi Kementerian dengan Pertubuhan Belia:

- (a) apakah matlamat asal kewujudan Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 tercapai; dan
- (b) apakah langkah kementerian bagi menjayakan matlamat supaya semua kegiatan dirancang dan dilakukan oleh pertubuhan belia.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan I [Dato' Razali bin Haji Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Matlamat asal kewujudan Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 adalah untuk memperkasa dan mengembalikan pengurusan serta kepimpinan pertubuhan belia kepada golongan belia. Ini bagi menggalakkan aktiviti pertubuhan belia di negara ini lebih berdaya saing.
- (b) Kerajaan mengakui bahawa, akta ini masih di peringkat peralihan pelaksanaannya dan kementerian akan terus merangka pendekatan susulan secara bersungguh-sungguh dan komprehensif bagi menjayakannya. Kementerian menaruh harapan tinggi agar matlamat ini akan tercapai dengan sokongan semua pihak terutamanya dari pemimpin dan para belia sendiri.

Adalah menjadi harapan Kementerian Belia dan Sukan, dengan terdافتarnya semua pertubuhan belia di bawah Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007, maka tumpuan program belia akan dilaksanakan oleh golongan belia berbanding sebelum ini.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Lenggong kah, Lenggong?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** *[Ketawa]* Lenggong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Lenggong. Silakan, Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya, setuju kah kalau saya kata bahawa tidak banyak lagi perubahan dan penambah baikkan yang berlaku hasil daripada setelah dua tahun akta ini dibina?

Kemudian kalau dinilai konsep rakan kongsi pembangunan atau kegiatan belia dirancang, dilaksanakan oleh belia sendiri, ia juga belum sempurna terutama di peringkat negeri dan juga pelaksanaannya di peringkat daerah. Masih banyak unsur-unsur persaingan yang berlaku di mana pegawai bertindak sebagai pemimpin di peringkat bawah bukan sebagai fasilitator. Bagaimana kementerian mahu mengatasi masalah ini dan apakah ukuran yang kementerian buat untuk menilai sejauh mana kejayaan pada pelaksanaan akta ini? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.



**Dato' Razali bin Haji Ibrahim:** Kementerian sentiasa berusaha untuk memastikan setiap daripada belia kita dapat mendaftarkan pertubuhan masing-masing dan sehingga hari ini, sudah ada lebih kurang 5,301. Daripada jumlah tersebut, 77% adalah terdiri daripada pertubuhan belia sedia ada. Memang di peringkat awal peralihan kita mengalami sedikit masalah kerana peralihan pendaftaran daripada ROS ke ROY. Namun begitu, 77% yang telah mendaftar ini menyumbang kepada sebegitu banyak kejayaan yang dapat kita capai.

■1120

Mengenai tentang soalan sama ada bersetuju atau tidak, kita akan sentiasa bersungguh-sungguh untuk melaksanakan program seumpama ini. Sehingga hari ini berbanding dengan seratus ribu lebih pertubuhan belia yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan, kita dapat memastikan bahawa tumpuan Program Pertubuhan Belia yang berdaftar di bawah ROY dapat memberi manfaat kepada kumpulan sasaran yang kita harap-harapkan. Berbanding dengan sebelum ini jumlah seratus ribu itu terlalu banyak untuk kita pastikan pelaksanaan dapat menepati golongan belia.

Tuan Yang di-Pertua, dahulu Kementerian Belia dan Sukan menyediakan peruntukan berasaskan kepada program, iaitu program yang dianjurkan oleh pertubuhan-pertubuhan yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan. Akan tetapi hari ini perbelanjaan itu dapat kita salurkan berasaskan pertubuhan, di mana pertubuhan yang berdaftar di bawah ROY yang terdiri daripada belia-belia dalam negara, bukan lagi berasaskan kepada program, tetapi kepada pelaksanaan yang dianjurkan oleh pertubuhan belia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kubang Kerian.

**Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah benar satu kajian yang dibuat oleh salah sebuah universiti tempatan dalam negara kita yang mendapati bahawa belia-belia di kalangan bukan Melayu lebih aktif persatuannya, dan lebih proaktif khususnya yang melibatkan persatuan-persatuan yang ada kaitan dengan perniagaan dan pendidikan jika dibandingkan dengan persatuan-persatuan belia daripada kalangan Melayu bumiputera?

Kalau kementerian Yang Berhormat ada maklumat itu, apakah sebab-sebab yang menyebabkan persatuan-persatuan belia Melayu ini merosot dari segi jumlah pendaftarannya dan kurang proaktif dan kreatif dalam menjana isu belia dalam negara kita? Terima kasih.

**Dato' Razali bin Haji Ibrahim:** Kita tidak ada satu statistik yang mengatakan pertubuhan yang berasaskan kaum tertentu lebih aktif daripada yang satu lagi, tetapi kepada saya pertubuhan belia sememangnya tidak boleh berniaga. Ada penganjuran-penganjuran daripada kelab-kelab tertentu yang boleh menjana sumber kewangan berasaskan perniagaan akan dapat menarik minat yang lebih.

Akan tetapi di bawah pertubuhan belia sebenarnya pertubuhan-pertubuhan ini tidak boleh menjalankan bentuk perniagaan. Justeru itu kita lebih memberi tumpuan untuk

menggalakkan belia-belia kita menganjurkan program-program di bawah gaya-gaya hidup yang ada, dalam program-program kemasyarakatan kerana kita mahu melahirkan pemimpin belia terdiri daripada mereka yang mempunyai daya kepimpinan. Daya kepimpinan ini menjadi salah satu elemen yang diberi penekanan di bawah Kementerian Belia dan Sukan.

Justeru itu untuk membandingkan pertubuhan belia yang mengadakan program secara kepimpinan dan kemasyarakatan dengan pertubuhan-pertubuhan yang menganjurkan program yang berasaskan perniagaan adalah satu perbandingan yang tidak wajar. Saya tidak ada statistik kajian yang menyatakan bahawa pertubuhan-pertubuhan belia dari kaum-kaum tertentu lebih bergiat aktif berbanding dengan pertubuhan-pertubuhan belia Melayu yang berdaftar di bawah Kementerian Belia dan Sukan. Terima kasih.

**10. Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, pendirian kerajaan sama ada warga Malaysia digalakkan untuk bekerja di luar negara pada masa kemelesetan ekonomi dan pengangguran ini. Jika tidak, mengapa. Jika ya, apakah bentuk galakan dan nyatakan sama ada caj pasport akan dikurangkan.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Maznah Mazlan]:** Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah.

Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan mobiliti modal insan secara terbuka sesuai dengan era globalisasi. Sehubungan dengan itu kerajaan tidak menghalang sekiranya warganegara Malaysia berhasrat untuk bekerja di luar negara walaupun ketika ini dunia mengalami krisis ekonomi.

Kerajaan tidak menghalang sekiranya warganegara Malaysia ingin bekerja di luar negara kerana setiap rakyat Malaysia mempunyai hak dan kebebasan untuk memilih pekerjaan sama ada di dalam mahupun di luar negara. Walau bagaimanapun sejak 1 Januari 2001 Kementerian Sumber Manusia telah melaksanakan program menggalakkan warganegara Malaysia berkepakaran yang bekerja di luar negara pulang ke Malaysia bagi tujuan memanfaatkan kepakaran dan pengalaman mereka yang diperolehi di luar negara bagi membantu memajukan Malaysia. Dalam usaha ini Kementerian Sumber Manusia telah menyediakan program dan insentif untuk menarik mereka kembali berkhidmat di Malaysia bagi mengatasi masalah kekurangan pakar dan seterusnya membantu mewujudkan kumpulan tenaga kerja bertaraf dunia.

Sekretariat program ini ditempatkan di Kementerian Sumber Manusia dan Jawatankuasa Khas Program Pakar ini dianggotai oleh pelbagai kementerian, agensi-agensi dan wakil majikan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Batu Gajah.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah, bagaimana pula dengan warga kita yang mempunyai kepakaran yang bukan di dalam permintaan dalam pasaran kita ini?

Dalam aspek ini di mana kemelesetan ekonomi dalam negara ini walaupun sedunia, kemungkinan kepakaran warga Malaysia yang berada di dalam negara ini boleh digunakan di luar negara. Dengan demikian kita boleh mengurangkan pengangguran dalaman dan pada masa yang sama juga menggalakkan warga negara Malaysia bekerja di luar negara membawa masuk wang balik ke negara ini. Mereka boleh ambil peluang di mana dalam masa ekonomi penuh cabaran ini, keluar dari kepompong dan boleh mengasah bakat mereka di luar negara ini.

Jika kerajaan mempunyai galakan sedemikian kita mempunyai warganegara Malaysia yang mempunyai pelbagai kepakaran di seluruh dunia. Akhirnya boleh kembali ke Malaysia dan menyumbang kepada masyarakat. Galakkan mereka yang mempunyai kepakaran skil dalam bidang yang lain, yang bukan permintaan dalam negara ini untuk keluar negara dengan mengurangkan kadar pasport. Mungkin salah satu langkah. Saya pohon penjelasan.

**Dato' Maznah Mazlan:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita tidak ada sebarang galakkan untuk rakyat Malaysia yang berkepakaran untuk keluar bekerja di luar negara, kerana negara kita sendiri masih memerlukan banyak pakar tersebut.

Berkenaan dengan soalan Yang Berhormat Batu Gajah yang bertanya tentang bidang bukan kepakaran ini, saya perlu lebih spesifik kerana Kementerian Sumber Manusia mempunyai satu direktori yang merangkumi lebih daripada sepuluh bidang kepakaran, yang mana tiap-tiap satu bidang itu ada pula *detail* nya secara terperinci.

Saya rasa untuk membawa pakar-pakar kita atau rakyat Malaysia kita yang ada di luar negara balik ke Malaysia, program ini merupakan satu program yang memang menjadi salah satu daripada tugas yang penting di Kementerian Sumber Manusia dan merupakan satu aktiviti yang hebat dipromosikan pada masa ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuaran.

**Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri mengenai dengan perkara penggalakan rakyat Malaysia profesional yang balik ke Malaysia.

Saya lihat bahawa apabila mereka ini balik ke Malaysia, mereka dikehendaki untuk lulus SPM dan sebagainya. Bahkan mereka ini dilatih belajar di luar negara. Tuan Yang di-Pertua, saya dapat satu kes seorang doktor yang balik menyahut seruan kerajaan. Dua kepakaran. Dia balik ke Malaysia menganggur lima bulan hingga enam bulan. Permohonan beliau ini ulang-alik dari Kementerian Sumber Manusia kepada MMI, Kementerian Kesihatan dan sebagainya dan beliau mengatakan beliau diperlukan untuk menduduki peperiksaan SPM.

Saya ingin bertanya sama ada kerajaan boleh *waive* keperluan ini. Itu satu. Bolehkah kerajaan memproses permohonan mereka ini semasa mereka di luar negara untuk mengelakkan mereka ini menganggur berbulan-bulan menunggu kelulusan dalam negara. Ini kerugian negara sebab seorang doktor pakar kita perlu, tetapi mereka ini menganggur berbulan-bulan sebelum permohonan itu diproses. Terima kasih.

## ■1130

**Dato' Maznah Mazlan:** Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai dengan syarat-syarat yang dikatakan tadi, saya rasa kita mempunyai satu garis panduan yang jelas dan terperinci yang boleh dirujuk, di mana saya rasa kita akan cuba memudahkan sekiranya ada sebarang isu dan masalah yang timbul. Jawatankuasa ini yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian bersidang tiap-tiap bulan dan pada masa ini kita dapati permohonan yang telah kita peroleh daripada tahun 2001 sehingga Jun tahun ini adalah dalam 1,309 permohonan. Sebenarnya kita telah meluluskan lebih daripada 500 permohonan tersebut dan dalam bahasa lainnya itu, dalam proses.

Yang Berhormat, spesifik mengenai doktor pakar yang dirujuk saya mohon kalau boleh Yang Berhormat memberi saya maklumat yang terperinci supaya saya dapat melihatnya dan mengkaji apakah masalah dan bagaimana untuk membantunya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan berakhir. Sila Setiausaha.

*[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]*

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT  
DI BAWAH P.M. 18(1)**

**WABAK INFLUENZA A (H1N1)**

**11.32 pg.**

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya Dr. Lee Boon Chye, Ahli Parlimen Gopeng mencadangkan bahawa Dewan ini ditangguhkan untuk membolehkan satu isu berkenaan wabak Influenza A (H1N1) dibincangkan.

Tuan Yang di-Pertua, wabak Influenza A (H1N1) yang bermula di Mexico tiba di Malaysia melalui kes import pada 15 Mei 2009 dan 16 Mei 2009 dan kes yang ke-3 pula dikesan pada 4 Jun 2009. Selepas kes ke-3, jumlah kes meningkat secara mendadak dan sehingga 28 Jun 2009, terdapat 124 pesakit Influenza A (H1N1) termasuk 17 kes jangkitan tempatan. Ini bermakna usaha untuk mengawal wabak tersebut kurang berkesan dan jumlah kes dijangka meningkat berlipat ganda.

Memandangkan bahawa WHO telah isytiharkan status epidemik Influenza A (H1N1) pada 11 Jun 2009, tidak ada vaksin yang berkesan untuk melindungi orang awam daripada jangkitan ini sehingga November 2009. Maka kemungkinan besar jangkitan ini akan merebak di Malaysia melalui kes import mahupun kes jangkitan tempatan. Oleh itu saya mencadangkan supaya Dewan yang mulia ini berbincang isu-isu berkaitan dengan kawalan wabak Influenza A (H1N1) khususnya:

- (i) adakah usaha pemeriksaan di sempadan dan di KLIA setakat ini berkesan dan perlu dipertingkatkan;
- (ii) setakat mana kerjasama antara agensi atau kementerian khususnya Kementerian Kesihatan Malaysia, pihak berkuasa tempatan, Kementerian Pelajaran, Kementerian Penerangan, Komunikasi, Kesenian dan Kebudayaan berjaya membantu usaha kawalan jangkitan; dan
- (iii) setakat mana kita harus mengamalkan pendekatan drastik seperti menutup tempat orang awam setakat ini sekolah, seperti sekolah, jabatan kerajaan, kilang, pusat membeli-belah, hotel dan sebagainya yang terdapat kes jangkitan tempatan dan apakah impaknya terhadap ekonomi negara.

Memandangkan bahawa jangkitan Influenza A (H1N1) semakin serius, dan dengan impak yang ketara terhadap kesihatan dan ekonomi maka tindakan yang wajar harus diambil dengan segera. Saya mohon perkara ini dibincangkan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat kawasan Gopeng pada hari Isnin, 29 Jun 2009. Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat iaitu:

- (i) bahawa perkara itu tertentu;
- (ii) bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini adalah perkara tertentu dan ia adalah bagi kepentingan orang ramai, sama ada ia berkehendakkan untuk disegerakan, bagi pendapat saya perkara ini juga perlu untuk disegerakan... [Tepuk]

Oleh yang demikian, saya membenarkan usul ini dibahaskan Ahli-ahli Yang Berhormat mengikut Peraturan Mesyuarat 18(3)(b). Usul ini hendaklah ditempokkan sehingga pukul 4.30 petang ini dan hendaklah ditangguhkan pada jam 5.30 petang. Saya akan membenarkan pihak pencadang membahaskan selama 30 minit dan selepas itu pihak kerajaan menjawab selama 30 minit. Sekian... [Tepuk]

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN 2009**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguh atas masalah, "Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". **[29 Jun 2009]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, sila.

**11.38 pg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, bersambung daripada perbahasan petang semalam perkara yang dibangkit oleh Yang Berhormat Ipoh Timur. Saya sebenarnya ketika ini menjawab juga soalan-soalan yang telah dibangkit Yang Berhormat sewaktu perbahasan dahulu.

Pertamanya, mengapa IPCMC gagal ditubuhkan dan adakah IPCMC tidak diterima oleh polis. Kajian telah dibuat terhadap IPCMC dari segi konsep dan kerajaan mendapati bahawa IPCMC mempunyai bidang kuasa yang terlalu luas di mana IPCMC bertindak sebagai penyiasat, pendakwa, hakim dan pelaksana pada masa yang sama.

Konsep ini adalah bertentangan dengan prinsip Perlembagaan Persekutuan, rukun undang-undang dan undang-undang sedia ada. IPCMC diberi kuasa untuk menjatuhkan hukuman tatatertib bercanggah dengan Perkara 140, Perlembagaan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar) **mempengerusikan Mesyuarat]**

IPCMC diberi kuasa untuk mendakwa bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan iaitu Perkara 145. secara amnya peruntukan lain adalah tidak jelas, tidak munasabah dan terlalu luas sehingga bercanggah dengan undang-undang dan rukun undang-undang.

Kuasa-kuasa yang diberikan kepada IPCMC terlalu luas sehingga menjejaskan hak asasi seseorang dengan ketiadaan sistem *check and balance* dan boleh diselewengkan. Di bawah peruntukan IPCMC itu, seseorang telah di *condemned* dari awal walaupun aduan terhadapnya belum dibuktikan, dengan izin, *he is treated worth of compared to accuse a person caught of law*.

Hak asasi pegawai penguat kuasa itu dilupakan walaupun hanya *allegation* sahaja yang wujud terhadapnya. Ini adalah tidak adil kepada seseorang pegawai penguat kuasa dan kita perlu pegang kepada prinsip, iaitu dengan izin, *a person is innocent until proven guilty*. Mengapakah seseorang penguat kuasa yang dikatakan telah melakukan salah laku diambil tindakan seolah-

olah dia bersalah sedangkan siasatan masih perlu dijalankan. Pegawai penguat kuasa itu telah didapati bersalah walaupun belum didapati kesalahannya. Jadi inilah perkara-perkara yang kita... Nanti dahulu.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *[Menyampuk]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tidak lari, Padang Rengas tidak lari... *[Ketawa]* Jika objektif IPCMC adalah untuk menangani masalah rasuah dan salah laku, ia harus terpakai bagi semua agensi penguatkuasaan dan bukan sahaja PDRM. In adalah lebih adil dan sama rata. Mengapa perlu bezakan seorang pegawai penguat kuasa dari satu agensi tertentu dengan satu agensi penguatkuasaan yang lain. Kerajaan berpandangan bahawa jika PDRM sahaja dipantau, ini akan menindas PDRM.

■1140

Adalah tidak wajar, tidak adil bagi satu agensi penguatkuasaan sahaja yang dipantau sedangkan agensi lain juga menjalankan penguatkuasaan dan perlu dipantau kerana mereka juga menyentuh hak orang awam. Kerajaan berpandangan adalah lebih wajar bagi suatu badan bebas yang ditubuhkan untuk memantau pelbagai agensi penguatkuasaan secara sama rata dan adil. Juga saya ingin menyatakan Yang Berhormat punya cerita kata iaitu bahawa kita ditekan oleh pihak polis, itu semua adalah cerita dongeng. Memang ada mereka beritahu bahawa mereka, kita tidak boleh lari daripada Yang Berhormat sebut dengan kekuatan 120,000 sudah tentu ada beberapa individu yang menyatakan pandangan, perasaan secara emosi. Akan tetapi apa yang dinyatakan secara emosi itu ianya tidak merupakan faktor yang diambil kira untuk akhirnya kerajaan mengambil keputusan tidak mengadakan IPCMC tetapi SIAP.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Tuan Yang di-Pertua, ya saya setuju bahawa Yang Berhormat Padang Rengas lebih berani, tidak lari. Bukan semacam rakan beliau daripada Pandan yang lari sehingga ke Perancis, memang itu saya akui. Yang Berhormat kata bahawa ugutan atau *police revolt* satu masa dahulu apabila bantah cadangan penubuhan IPCMC cerita dongeng.

Siapa boleh terima, percaya cerita dongeng keluar dalam surat khabar. Sangat jelas, sangat *clear* bahawa itulah kata dua, *ultimatum* kepada pihak polis. Kalau menunduk kepada cadangan mengadakan IPCMC akan ada satu *police revolt*. Akan tetapi apa yang mustahak di sini ialah mengenai IPCMC. Sungguhpun Yang Berhormat ada sebut mengenai bahawa cadangan IPCMC yang dibuat oleh *Police Royal Commission* memberi kuasa yang terlalu besar, luas.

Kita boleh bincang, kita tidak ada satu kedudukan atau posisi mengenai perkara ini sama ada perlu rayuan, sama ada bentuk tetapi apa yang mustahak ialah perlu satu badan khas, khusus untuk polis untuk memantau salah laku polis dan itu tujuan IPCMC. Saya tidak mempertikaikan cadangan-cadangan bahawa agensi-agensi yang lain pun patutlah dipantau. Tidak bolehlah asingkan pihak polis, barulah menjadi badan yang tunggal di pantau. Akan tetapi

itu hal yang lain, cara untuk menyelaraskan mekanisme. Oleh kerana kita tidak mahu *negate*, *nullify*, ke tidakkan tujuan, objektif cadangan IPCMC, penubuhan *Police Royal Commission* untuk tujuan apa?

Supaya ada satu pasukan polis yang *world class*, efisien, *incorruptible* untuk mencapai tiga objektif kurangkan *crime*, *uphold human rights* pun untuk membanteras rasuah. Sebagai satu contoh dalam draf IPCMC *bill*, sangat jelas apa *principle function* IPCMC ini. Antara lain di sini bukan sahaja *received complaint* yang kita ada dalam *bill* ini pun tetapi lebih banyak. '*To formulate and to put in place mechanisms for the detection, investigation and prevention of serious police misconduct and other misconduct. To protect the public interest by preventing and dealing with police misconduct. To provide for the auditing and monitoring of particular aspects of the operations and procedures of the police force. Other functions of the commission in building its capacity to promote and improve police integrity and to deal with misconduct and in furtherance of the protection and promotion of public interest in reducing and preventing police corruptions and others serious police misconduct.*

*The powers and functions of the commission shall be (a) to promote awareness off and provide education to raise integrity and fight corruption and other forms of misconduct. To advice and to assist the government in formulating legislation and administrative directive and procedures and recommend the necessary measures to be taken.*" Semua ini ditinggalkan dalam rang undang-undang SIAP ini. Sebab itu tujuan utama ialah *Police Royal Commission* mencadangkan IPCMC semua diketepikan. Sebab itulah satu *betrayal*, satu pengkhianatan cadangan IPCMC yang dibuat oleh *Police Royal Commission*. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri dalam perkara ini?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Pandangan saya Yang Berhormat Ipoh Timur tidak betul. Sebab pertama, apa Yang Berhormat sebut tadi semuanya itu ada juga dalam SIAP. Ini kerana untuk hendak menjadikan PDRM sebagai satu badan penguat kuasa yang terbaik. Itu juga yang dimahukan di dalam SIAP yang maksud kepada semua.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tidak payah sebut. Ada, pasal maknanya kalau kita memantau...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Tunjuk, mana? Tidak ada!

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Kalau kita mengadakan peruntukan untuk memantau perjalanan polis, apa tujuannya? Kalau tidak untuk memperbaiki, memastikan supaya polis itu berada dalam keadaan yang baik. Tidak payahlah hendak dalam akta ini 'tujuan akta ini diwujudkan ialah kerana ini. Tidak payahlah, kita semua tahu. Semua ini dibuat kerana untuk hendak memperbaiki. Sebab kita fahamkan iaitu bahawa orang Malaysia ini cerdik, *we have moved forward* dengan izin. Mungkin Yang Berhormat Ipoh Timur ...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Ini lari daripada isu!



**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tidak ada lari! Apakah Yang Berhormat boleh kata kita mengadakan SIAP kerana hendak memburuk dan memperlemah dan menggagalkan segala apa usaha yang dilakukan oleh IPCMC? Sudah tentu tidakkan?

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Menteri...

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Semua ini dibuat untuk memperbaiki. Cuma tidaklah disebut tujuan kita mengadakan. Ini tidak perlu dimasukkan dalam akta. Tujuannya hendak memperbaiki. Kemudian Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan yang saya katakan dongeng ini ialah mengatakan bahawa *police revolt* dan beri kata dua, itu dongeng.

Polis bantah, itu *real*, itu bezanya. Jadi saya hendak bagi tahu memang tidak boleh lari bahawa mereka membantah. Mereka sudah tentu kalau kita pun tuduh DAP sesuatu tentu mesti membantah. Jadi kepada mereka kalau satu dua tiga orang punya perbuatan sehinggakan seluruh *police force* itu hendak dihukumkan dengan mewujudkan satu IPCMC khusus untuk mereka, tidak adillah. Itu kalau ada alasan untuk membantah memang mereka ada alasan untuk membantah kerana mereka merasa tidak adil untuk hendak menghukum mereka kerana perbuatan tiga empat, macam-macam cakap semalam. Bukan semua yang Machang jahat, yang tidak bagus.

Polis di Machang bagi repot, dia punya rumah masuk. Dua minggu sudah dapat tangkap. Ada kawan dia seorang lagi, rumah kena rompak, tiga minggu dapat. Jadi ada yang buat kerja yang baik, macam Yang Berhormat Kepong cakap, yang tidak baik dua tiga sahaja. Tidak adillah kalau dua tiga tidak baik ini maka kita hukumkan mereka seperti yang dimahukan oleh Yang Berhormat Ipoh Timurlah. Berdendam dengan polis ini!

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Tuan Yang di-Pertua, *point of order*.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ini berdendam dengan polis ini saya ingat!

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Tidak dendam! Saya sokong polis!

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya kah?

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Saya mahu di dalam Parlimen sokong semua pertambahan emolumen.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Masuk Hansard ya, dia sokong polis.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Sokong polis, betul! Akan tetapi saya mahu polis *friend of the people*, saya sokong polis, *yes!* Akan tetapi IPCMC..

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Memang kita mahu *friend of the people*. Yang Berhormat ini apa benda ini? *[Ketawa]*

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Dia sokong polis! Hansard masuk!

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Saya sokong polis untuk jalankan tugas mereka. Saya sokong! 100% sokong!

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat Titiwangsa kata, macam mana hendak *uphold the law* kalau Peraturan Dewan pun tidak ikut. Ini saya punya ini. Ini tidak minta kebenaran ini! Sudah tua ini! Sudah, tidak minta kebenaran! Ini saya punya *floor*.

**Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat...

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ini apa benda ini? Macam unta di Mekah. Duduk di Mekah puluhan tahun, Islam pun dia tidak tahu, tahu tidak?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Ipoh Timur.

**Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Jangan jadi unta tua. Biar saya jawab! Jangan jadi unta tua.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** [*Bangun*]

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Duduk, duduk, duduk!

**Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]:** Ini lagi teruk daripada unta. [*Ketawa*]

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ini sudah macam kedailah Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Minta penjelasan.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Nanti dulu! Bagi saya jalan kemudian tanya.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Okey.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ini tidak ada *movement* langsung.

**Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** Laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Termasuk Yang Berhormat Titiwangsalah, duduklah dulu.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tidak payahlah! Yang Berhormat Titiwangsa sudah 'jambu', sudah tidak pakai cermin mata. Dewan sudah tahu Yang Berhormat Titiwangsa sekarang 'jambu', sudah buang cermin mata, pakai *contact lens* memang lawa, cantiklah. Dewan sudah tahu, tidak payah bagi jalan.

**Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** Tidak perlu provokasi itu!

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ipoh Timur...

**Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** Kita...

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Soal kedua, adakah SIAP mempunyai kuasa untuk menyiasat, ini Yang Berhormat Ipoh Timur ya. Lepas ini bangun balik.

## ■ 1150

Soalan kedua, adakah SIAP mempunyai kuasa untuk menyiasat, ini Yang Berhormat Ipoh Timur ya, lepas ini bangun balik. Adakah SIAP mempunyai kuasa untuk menyiasat atau hanya posmen semata-mata? Di bawah Rang Undang-undang SIAP, Suruhanjaya Integriti mempunyai kuasa untuk menyiasat, apa-apa aduan, salah laku yang diterima daripada orang ramai, atau yang dirujuk kepada mereka oleh mana-mana orang di bawah seksyen 22. Malah, Suruhanjaya Integriti boleh memulakan sesuatu penyiasatan, berkenaan dengan apa-apa salah laku pegawai penguat kuasa yang diketahuinya atau atas inisiatifnya sendiri.

Jika Suruhanjaya Integriti berpuas hati, bahawa perkara itu mempunyai kepentingan yang signifikan kepada orang ramai, atau demi kepentingan awam, di bawah seksyen 28, Suruhanjaya Integriti diberikan kuasa penyiasatan sebagaimana yang diberikan kepada *Commission of Inquiry*, dan juga yang ada di bawah Kanun Tatacara Jenayah. Seksyen 31 memperuntukkan:

- (i) kuasa Suruhanjaya Integriti untuk mengadakan pendengaran awam;
- (ii) suruhanjaya ada kuasa menerima keterangan dan memeriksa orang sebagai saksi;
- (iii) suruhanjaya ada kuasa untuk mengeluarkan waran penangkapan untuk memaksa kehadiran mana-mana orang yang dipanggil untuk hadir, untuk berbuat demikian; dan
- (iv) kuasa suruhanjaya untuk mengenakan denda tidak melebihi RM5,000 ke atas mana-mana orang yang apabila dikehendaki oleh suruhanjaya untuk memberikan keterangan, atau ikrar, atau mengemukakan dokumen, gagal berbuat demikian.

Malah, tiap-tiap orang yang dikehendaki oleh pesuruhjaya, untuk memberi apa-apa maklumat, terikat di sisi undang-undang untuk memberikan maklumat yang dikehendaki, dan kegagalan berbuat demikian merupakan satu kesalahan di bawah seksyen 33(2). Pesuruhjaya dan anggota pasukan petugas mempunyai kuasa untuk menggeledah mana-mana premis yang digunakan bagi salah laku, atau yang terdapat apa-apa keterangan di dalamnya. Ya, Yang Berhormat Ipoh Timur.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Ya, terima kasih. Kita tidak musuh, kita kawan, kita sokong pihak polis. Oleh kerana kita mahu pihak polis lebih cekap, profesional, dan apabila saya semalam buat satu cadangan yang serius, perlulah seorang IGP yang baru. Tukar IGP. Saya ada 100 sebab kenapa perlu IGP yang baru. Bukan kita musuh pihak polis. Kita mahu polis boleh berjaya menjadi kawan, kawan setia kawan rakyat. Bukan ditakuti oleh rakyat atau dirasuah oleh rakyat bahawa polis sudah gagal untuk menjalankan tugas mereka untuk melindungi mereka.

Akan tetapi, dalam perkara ini, bukankah SIAP yang ada, di mana, sama ada skop, budi bicara, kuasa, sangat terhad yang nampaknya, di mana menjadi posmen sahaja. *High paid, high*

*powered* posmen, di mana menjadi *referral centre*, merujuk perkara-perkara kalau ada bersangkutan-paut dengan disiplin, atau dengan jenayah kepada badan-badan tatatertib yang berkenaan, atau kepada SPRM. Apa yang patut diadakan, ialah bahawa, badan ini ada kuasa untuk, bukan sahaja melengkapkan dan tapis *complain-complain* yang ada, dan lepas itu *refer* kepada SPRM dan kepada badan-badan tatatertib berkenaan, tetapi untuk siasat setiap *complain*. Kalau ada perkara tatatertib, barulah rujuk kepada badan tatatertib. Kalau ada korupsi, barulah rujuk kepada SPRM.

Bukankah ini patutlah diadakan? Oleh sebab, sebenarnya, kalau kita lihat *scope of misconduct*, kita baca 24:

- (a) *act or inaction by an enforcement officer which is contrary to any written law;*
- (b) *any act or inaction of an enforcement officer which, in the opinion of the Commission, is unreasonable, unjust, oppressive or improperly discriminatory;*
- (c) *any act or inaction of an enforcement officer which is, in the opinion of the Commission, committed on improper motives, irrelevant grounds or irrelevant consideration;*
- (d) *any act or inaction of an enforcement officer which is based on a mistake of law or fact;*
- (e) *any act or inaction of an enforcement officer of which grounds should have been given but were not given..."*

Semua boleh dianggap sebagai *breach of discipline*. Semua boleh dianggap sebagai *breach of discipline*. Ini bererti bahawa, semua kompelin-kompelin boleh jatuh kepada *breach of discipline*, dan di *taken out of the scope of SIAP*. Apa gunanya? Apa akan berlaku kalau apabila SIAP akan siasat kes-kes yang tidak dirujuk kepada SPRM, tidak dirujuk kepada badan-badan tatatertib yang berkenaan, tetapi badan tertib berkenaan kata, "Oh, ini kita siasat, masih dalam siasatan..."

Ini sebenarnya, jatuh 24, adakah ini akan mengganggu atau menghalang siasatan? Kenapa kita tidak boleh ada satu SIAP yang benar-benar siap? Ada berwibawa, ada kuasa untuk siasat semua *complain*, baru rujuk, *refer*. Bukan menjadi *high powered, high paid referral post office*.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut di sini, kita tidak berhajat untuk menjadikan SIAP ini sebagai satu suruhanjaya yang mengambil alih kuasa-kuasa, atau tanggungjawab yang telah sedia ada di dalam, sebagai contoh, macam polis, dia satu suruhanjaya. Dia ada badan disiplin dia. Dia lantik dan pilih dia punya kakitangan dia. Jadi, sini semua sudah ada suruhanjaya, dan kita mengadakan SIAP ini iaitu, pertama sekali, waktu aduan terhadap salah laku yang telah dibuat pertamanya kepada suruhanjaya, tapi tidak

diambil tindakan. Inilah SIAP diwujudkan untuk memastikan supaya aduan daripada orang ramai itu, diambil tindakan. Itu dia, bukan untuk mengambil alih kuasa semua badan-badan disiplin yang sedia wujud. Susahlah macam itu, kalau kita hendak tengok, kita punya kakitangan kerajaan ini, bukan Yang Berhormat kata 120,000 sahaja, beratus ribu.

Jadi, biarlah setiap suruhanjaya itu, Suruhanjaya Polis kah, apa kah, dan badan-badan penguatkuasaan, biarlah mereka mempunyai sistem tindakan mengambil disiplin terhadap kakitangan dia. Yang kita hendak jaga ini ialah, maknanya kalau diadu tentang seorang polis kepada badan disiplin polis, dan polis tidak ambil tindakan, maka di sinilah kita masuk campur, dan kita beritahu, kita memantau...

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Iaitu bahawa, ada aduan telah dibuat, tetapi tindakan sehingga hari ini tidak dibuat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Ini bererti *post office* lah. Yang Berhormat mengakui ini *post office high referral centre*..

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ini bukan *post office*.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *Referral centre*.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** *Post office*.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *One-stop Referral Centre... [Ketawa]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** *Post office*, sekali dia cap pos, dia hantar, dia tidak *check* dah. Yang ini, dia hantar, tapi kalau tidak diambil tindakan, sebab itu dalam 14 hari kena ambil tindakan, kalau tidak ambil tindakan, mengapa tidak ambil tindakan? Maknanya, dia ada datang balik. *Post office* dia tidak datang balik. Dia hantar sekali, sampailah.

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang ini, kita pantau. Kita pantau memastikan dan termasuk saya telah sebut sebentar tadi, ada pendengaran awam semua. Jadi, tidak boleh larilah.

**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *AR registered post office*. Tak mahu hantar balik. *AR registered post office* lah. *High powered, high paid*. Apa guna *AR registered post office*?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Ipoh Timur.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** *AR registered post office* datang balik cuma menceritakan dia terima tetapi ini, bukan *AR registered* datang balik kalau tindakan, syarat yang kita beri tidak diambil tindakan, kita ambil tindakan terhadap dia. Itu bezanya.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Mana kuasa, mana ada kuasa? Mana ada kuasa. Ini *AR registered* sahaja. Kita *post AR registered*. Belum ada peruntukan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Ipoh Timur. Yang Berhormat Ipoh Timur, tolonglah ikut peraturan sikit Yang Berhormat. Yang Berhormat, saya mahu peraturan Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Peraturan, kalau ada, kalau tidak ikut macam ini pun, tidak guna juga. Ada peraturan, ikut peraturan.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *Post AR registered.* Mana itu *post AR registered*?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya, kita ada sebut di sini iaitu bahawa, empat fungsi suruhanjaya... Apa fasal..., buta kah?

*"4(1)(b) merumuskan dan mengadakan mekanisme bagi mengesan, menyiasat, dan mencegah salah laku oleh seseorang pegawai penguat kuasa."*

Di situ, kita boleh bentuk mekanisme ini. Takkan semuanya hendak disebut dalam akta ini, Yang Berhormat.

■1200

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *Point of order,* Yang Berhormat mengelirukan Dewan yang mulia ini, ini tidak patut.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Mana ada, mengelirukan, *mislead the House, point of order.*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Kita kena serah kepada SIAP untuk mengadakan..., Yang Berhormat sebut tadi, kata dalam laporan IPCMC, mesti mengadakan mekanisme, itu yang kita masuk di sini. Biarlah mereka tentukan mekanisme, siapa kita untuk menentukan? Kita ada SIAP, biar SIAP menentukan cara mana yang dia nak bertindak, dia nak menyiasat, biar dia menentukan mekanisme.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *Mislead..., point of order* Tuan Yang di-Pertua, ini *mislead.*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya tidak *mislead.*

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Kita mahu tahu mana selepas tidak ada siasatan, apa yang boleh dibuat oleh SIAP, tidak ada.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** *"4(1)(b), merumus dan mengadakan, mekanisme bagi mengesan, menyiasat dan mencegah salah laku oleh seorang pegawai penguat kuasa."* Ini dia boleh wujudkan...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Di sini dia boleh menentukan apa mekanisme yang dia nak kerja. Dia punya rangka kerja..., biarlah mereka dan saya percaya...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Tuan Yang di-Pertua, *point of order,* Yang Berhormat *mislead the House,* tidak ada dalam rang undang-undang ini... *[Ketawa]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Mana ada *mislead the House.*

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *You are trying to read something doesn't exist... [Ketawa]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** *No..., you ask me, dengan izin, what mechanism.*

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** *Misleading, misleading.*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Jadi kita tak boleh turun dalam SIAP ini, SIAP buat macam ini, kita serah pada dialah, sebab dia profesional.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Minta penjelasan, hentikan pembohonganlah Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Dia profesional, okey...

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Yang Berhormat Menteri, minta penjelasan.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya pergi kepada perkara yang seterusnya.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Minta penjelasan!

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Apakah tindakan yang boleh diambil bagi memastikan PDRM sentiasa menjaga kepentingan hak asasi manusia dalam menjalankan tugas dan bukan mementingkan polis *site*. PDRM sentiasa mementingkan hak asasi manusia dalam menjalankan tugas-tugasnya sama ada semasa menjalankan operasi ataupun siasatan yang melibatkan tangkapan dan pengambilan harta benda yang dijadikan *exhibit*.

Semua pegawai dan kakitangan PDRM diberi latihan di peringkat asas dan juga dalam perkhidmatan mengenai hak asasi manusia termasuk anjuran bersama dengan SUHAKAM. Kes-kes yang melibatkan pelanggaran hak asasi oleh anggota PDRM adalah terpencil. Suruhanjaya Integriti..., Yang Berhormat Ipoh Timur juga...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Penjelasan, penjelasan...

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Nanti sekejap, saya habis dahulu.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Okey.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat Ipoh Timur juga mahu SIAP bertanya, Rang Undang-undang SIAP ini hanya mempunyai kuasa untuk merujuk kes sahaja kepada pihak berkuasa tatatertib, SPRM atau pendakwa raya.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Hak asasi, hak asasi.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Nantilah dulu, bagi saya jawab dulu.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Larilah...

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Eh, bila saya lari?

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Itu tajuk hak asasi, jangan lari, sudah ada satu contoh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Minta tolong Yang Berhormat Ipoh Timur, minta tolonglah.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Bila saya lari? Yang Berhormat Ipoh Timur orang tua saya tak larilah, saya tunggu lagi ada.

**Seorang Ahli:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Takut dia jatuh. Tak apa, saya nak habiskan, ia datang berkepil begini, saya jawab dululah. Apa pasal, takut kah, takut kah?... [*Dewan riuh*] Sudah tua kah? Saya muda lagi tau, Yang Berhormat dah tua... [*Ketawa*]

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** *Season, season.*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** *Season* belum tentu *season* lagi, tsunami dah tiup dari situ, ke situ dah. Okey, dia tanya apakah Rang Undang-undang SIAP ini hanya mempunyai kuasa untuk merujuk kes sahaja kepada pihak berkuasa tatatertib SPRM ataupun pendakwa raya. Suruhanjaya Integriti mempunyai kuasa am untuk menyiasat apa-apa aduan salah laku.

Walau bagaimanapun rang undang-undang ini turut memberikan Suruhanjaya Integriti kuasa budi bicara, jika ia fikirkan wajar untuk merujuk mana-mana aduan salah laku kepada pihak berkuasa lain untuk disiasat atau diambil tindakan. Kuasa yang diberikan kepada Suruhanjaya Integriti adalah kuasa yang bukan bersifat *limiting* atau mengehadkan. Suruhanjaya Integriti diberikan budi bicara untuk memutuskan kes mana yang hendak disiasat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Sebenarnya ini tidak adil kepada Yang Berhormat Menteri, saya tahu tetapi dia bertanggungjawab untuk jawab. Sepatutnya rakannya iaitu Menteri Keselamatan Dalam Negeri yang patut berada di sini. Mengenai *human rights* pihak polis dan sebab cadangan IPCMC ditubuhkan ialah untuk membela *human rights*. Mana ada pihak polis membela *human rights* dalam masa lima tahun ini? Baru-baru ini, mereka yang pakai hitam, mereka yang *light candle*, mereka yang puasa, mereka yang *birthday song*, semua pun ditangkap. Apa *human rights* ini?

Bukankah benar bahawa laporan ini ada mencadangkan bahawa patut ada kursus *sensitization human rights* untuk pihak polis. Akan tetapi nampaknya tahun pertama, tahun kedua ada kursus *sensitization human rights*, ada sedikit berkesan tetapi baru-baru ini nampaknya *the darkness creeping in, human rights are creeping out*. Yang Berhormat bukan orang yang boleh jawab, sebab bukan kementerian beliau, ini *unfair* tetapi apa boleh buat, ini Barisan Nasional, tak mahu Yang Berhormat Menteri yang patut datang, datang. Orang semua lari..., Yang Berhormat Menteri satu demi satu lari daripada tanggungjawab mereka.

Akan tetapi saya mahu minta penjelasan, sebagai *scope of misconduct*, sebagai senarai penuh, *schedule, enforcement agency*. Semalam saya ada sebut e-mel pembunuhan Dato' S. Krishnasamy MIC, bekas Adun Tengaroh..., Bolehkah kes ini dikemukakan kepada SIAP dan dilayan oleh SIAP? Atau lagi satu contoh mengenai Imigresen, bolehkah *complaint* mengenai rekod Imigresen yang hilang, yang di *erase* selepas orang Mongolia datang, masuk Imigresen



tetapi lepas rekod *entry, erase* daripada Imigresen. Bolehkah perkara ini dikemukakan kepada SIAP? Bolehkah SIAP buat apa-apa?

Sebenarnya dalam laporan cadangan draf IPCMC ini, ada cadangan bahawa semua salah laku yang berlaku, *police officer and ex-police officer* yang dahulu pun boleh disiasat tetapi ini ditinggalkan, tidak boleh. Apa salah laku *police, ex-police officer* semua tidak boleh dibuka. Kenapa, adakah itu ketinggalan?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Dulu tidak ada SIAP.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Tak ada SIAP ya.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Sekarang dah ada SIAP, buatlah. Saya dah jawab sebentar tadi, Yang Berhormat kata adakah SIAP mempunyai kuasa untuk menyiasat atau hanya polis, yang itu saya dah jawab, baca balik *Hansard*. Cuma Yang Berhormat sebut tadi, sebenarnya bukan kerana saya tidak boleh menjawab ...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Kalau SUHAKAM, *human rights* di bawah sayalah tetapi kalau spesifik tentang kementerian ataupun pegawai yang ada kaitan dengan kementerian lain. Jangan jadi pondan, tanya soalan waktu Yang Berhormat Menteri tidak ada, jadilah jantan.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Kalau Yang Berhormat Menteri pondan macam mana?... *[Ketawa]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat Menteri bukan pondan.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Kalau Yang Berhormat Menteri pondan tak datang macam mana?... *[Ketawa]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** ...Yang nampak pada hari ini di khalayak orang ramai, yang pondan itu ialah kepada Yang Berhormat Ipoh Timur .....

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** ...Ialah kerana waktu Yang Berhormat Menteri tidak ada, dia tanya soalan. Dia sudah tahu bahawa Yang Berhormat Menteri tidak boleh jawab... *[Dewan riuh]*

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Suruh Yang Berhormat Menteri datang.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Kepondanan ialah..., kepondanan, itu pondannya Yang Berhormat Ipoh Timur dan pada hari ini ...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** ...Ini semua pondan belaka depan saya, diketuai oleh Yang Berhormat Ipoh Timur sahaja. Selalu kemukakan soalan sewaktu Yang Berhormat Menteri tidak ada.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Semua Yang Berhormat Menteri pondan, Yang Berhormat Menteri... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Kalau betul jantan, tunggu dia datang dan tanya. Ini bukan waktu mereka menjawab, ini saya punya kementerian, saya jawab, saya anak jantan, saya jawab. Akan tetapi kalau perkara ini ada kaitan dengan kementerian mereka, merekalah jawab... *[Dewan riuh]*

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Yang Berhormat Ipoh Timur pondan rupanya.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat Batu Pahat, jangan campur.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ini sudah lebih daripada pondan, gila ini, ini pondan gila, wayar sudah putus... *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Saya ingat kita berhentilah cerita pondan Yang Berhormat, kita berhentilah cerita pondan.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ini bukan sahaja pondan, pondan tua yang gila, wayar putus. Waktu saya... *[Ketawa]*

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Tarik balik, tarik balik.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Apa nak tarik balik?... *[Ketawa]* Yang Berhormat Menteri sama-sama tuduh.

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** *[Bangun]*

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** *[Bangun] [Menyampuk]*

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Hei, Yang Berhormat Cheras gemuk, duduklah gemuk, jangan berdiri, gemuk duduklah gemuk. Gemuk pun nak jadi pondan macam ketua ni, ini pondan gemuk, pondan gemuk... *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Baiklah, baiklah Yang Berhormat Menteri, minta tolong. Banyak sangat pondan sudah keluar, dari kiri dan kanan sudah keluar semua. Saya minta Yang Berhormat Menteri tak payah cakap tentang pondan lagi, saya tak mahu lagi cerita pondan. Bagi Yang Berhormat Pokok Sena sahajalah.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Nanti, saya nak habis saya punya ini sebab ini berkenaan SIAP. Jadi saya nak cuba jawab perkara yang telah dibangkitkan waktu perbahasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, berapa lama lagi nak habis?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya ingat saya tak boleh lama, lagi lima minitlah.

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Tuan Yang di-Pertua, saya nak minta penjelasan perkara yang dibangkitkan tadi itu.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Nanti kejap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Pokok Sena tolong duduk dahulu.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat Ipoh Timur iaitu berkenaan dengan salah laku yang terdahulu boleh disiasat oleh SIAP. Fasal 1(3) menyatakan akta ini terpakai bagi aduan yang dibuat atau dirujuk berkenaan dengan salah laku yang berlaku pada atau selepas permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan ini, ia tidak *deprecative* ya. Kemudian...

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Penjelasan.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tindakan..., adakah Suruhanjaya Integriti selepas..., seksyen 30(5) Suruhanjaya hendaklah mengumumkan dapatannya kepada orang ramai dan memaklumkan pengadu mengenai dapatannya, *the findings*, dan tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa tatatertib atau pendakwa raya.

#### ■1210

Bermakna ini kita memantau dan kita tidak boleh lari daripada masyarakat mengetahui tentang apa yang telah berlaku waktu pendengaran awam dan apakah *recommendation* yang dibuat oleh SIAP ini. Saya kira apabila masyarakat sudah tahu agak sukar sebenarnya bagi badan pihak berkuasa tatatertib tertentu itu untuk mengambil satu tindakan yang berbeza melainkan kalau dia mempunyai alasan yang kukuh dan kuat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ipoh Timur ruang lingkup...

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Penjelasan.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** ...Salah laku hanya terhad kepada perkara tatatertib sahaja. Seksyen 24(1)(a) – “*Apa-apa tindakan yang diambil atau tidak diambil oleh pegawai penguat kuasa yang berlawanan dengan mana-mana undang-undang bertulis*”. Seksyen 24(1)(g) pula; “*Perlakuan apa-apa kesalahan jenayah oleh pegawai penguat kuasa*”. Oleh itu ia tidak terhad kepada perkara tatatertib sahaja, *beyond that also*, bukan tatatertib sahaja.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** [Bangun]

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Nantilah Yang Berhormat, relaks dahulu.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Saya hendak tanya.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Bagi saya...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Saya hendak tanya Imigresen, *erasure of record*. Bolehkah ini *erasure of record*.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Bagaimanakah prestasi pilihan raya ini dapat dibaiki dengan Rang Undang-undang SIAP ini. Suruhanjaya Integriti mempunyai fungsi

pemantauan ke atas PDRM secara amnya. Suruhanjaya Integriti boleh mengadakan mekanisme bagi mengesan, menyasat dan mencegah salah laku oleh seseorang pegawai polis di samping mengadakan pengauditan dan pemantauan aspek tertentu operasi dan tatacara bagaimana PDRM dilaksanakan.

Suruhanjaya Integriti boleh membantu kerajaan dalam merumuskan perundangan atau mengesyorkan langkah pentadbiran kepada kerajaan untuk menggalakkan integriti dan menghapuskan salah laku di kalangan anggota PDRM. Selain itu, Suruhanjaya Integriti boleh mengkaji apa-apa pelanggaran tata cara penguatkuasaan yang dilakukan oleh anggota polis dan membuat syor yang perlu berkenaan dengannya.

Suruhanjaya Integriti boleh secara amnya mencadangkan apa-apa penambahbaikan yang diperlukan oleh pihak PDRM. Jadi Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan daripada Yang Berhormat Ipoh Timur mengapa Menteri tidak datang. Sebab ini bukan polis sahaja, ini melibatkan 20 lagi agensi yang lain yang mana kementerian yang patut SIAP ini diletak dan dibentangkan ialah Jabatan Perdana Menteri, sebab itulah. Bukan kerana Menteri takut hendak jawab. Cuma dengan...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Akan tetapi dia patut ada di sini bukan.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tidak, sebab saya yang bertanggungjawab tentang perkara ini.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *You don't know everything.*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ada ruang di masa yang lain apabila Menteri datang, jadi seorang jantan, tanya waktu dia ada. Dengan adanya Suruhanjaya Integriti ini...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Adakah dia jantan?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya ingat dia jantan, saya jantan.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Menteri tidak jantan.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yakah? Jantan, dia jantan, semua jantan. Dengan adanya Suruhanjaya Integriti ini...

**Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya]:** Jikalau dia datang minta Tuan Yang di-Pertua bagi peluang tanya kah?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** ...Mana-mana orang awam yang tidak berpuas hati dengan apa-apa tindakan yang diambil atau tidak diambil oleh anggota polis boleh membuat aduan salah laku kepada Suruhanjaya Integriti untuk disiasat olehnya. Siasatan Suruhanjaya Integriti dibuat secara telus dengan pendengaran umum dan bukannya dengan pendengaran yang tertutup. Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Macam itulah bagus. Ini duk kata kat oleh orang pondan, kita berdiri lama sudah. Akan tetapi Yang Berhormat betul. Saya bersetuju Yang

Berhormat bukan pondan. Sebab itu dia berani hentam Tun Dr. Mahathir semalam, sebab Tun Dr. Mahathir tidak ada dalam Dewan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Tidak payah kata pondan. Yang Berhormat...

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Waktu Tun Mahathir ada dalam Dewan dahulu, dia cium tangan. Apabila Tun Mahathir tidak ada dalam Dewan, baru dia kata, tanya Tun Mahathir adakah waktu dia dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat...

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Memanglah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Soalan, soalan.

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Waktu zaman Tun Mahathir memang tidak ada benda-benda ini sebab yang ada semua jenis-jenis hak macam ini, zaman Tun Mahathir. Sebab itu tidak ada benda itu, semua pakai cium tangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak balik kepada isu berkaitan dengan apa yang disebut daripada semalam dan juga pagi tadi oleh Yang Berhormat Menteri bahawa proses ini mesti ikut proses biasa iaitu kita mesti *report* kepada badan penguat kuasa itu dahulu kemudian kalau badan penguat kuasa tidak ambil tindakan, barulah pergi kepada suruhanjaya ini. Jadi saya lihat bahawa ini merupakan proses untuk kita melambatkan proses untuk memperbaiki persoalan isu integriti yang ada dalam agensi-agensi penguatkuasaan ini. Jadi bagi saya masih ada ruang lagi di peringkat badan-badan umpamanya polis. Kadang-kadang kita tidak dapat penjelasan masa, tempoh yang munasabah.

Berapa lama *report* kita itu dia boleh tutup kes kalau kita boleh tahu dia tidak ambil tindakan ataupun ambil tindakan. Jadi bermakna bahawa dia boleh lengah-lengah. Dia kata kes ini belum selesai lagi, dia masih dalam penyiasatan. Jadi maknanya berlarutan. Kemudian apabila sudah sampai pada satu peringkat baru datang kepada suruhanjaya ini. Kemudian suruhanjaya ini siasat-siasat pula, lalu suruhanjaya tidak boleh ambil apa-apa tindakan dan hanya memanjangkan dan merujuk kepada agensi-agensi ini balik. Jadi saya tidak nampak mengatakan bahawa kita dapat memperbaiki persoalan integriti yang menjadi isu yang besar dalam negara kita kerana badan ini masih tidak diberikan kuasa seperti yang disebut tadi. Dia hanya boleh merujuk, kalau dirujuk, badan yang dirujuk itu tidak ambil apa-apa tindakan dia tidak ada kuasa untuk mengambil tindakan terhadap badan-badan yang dirujuk itu kerana tidak diambil tindakan. Jadi tidak ada apa benda yang boleh memperbaiki integriti. Jadi ini yang saya minta penjelasan lanjut daripada Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, pertama tentang Tun Mahathir ini saya hendak bagi tahu. Tun Mahathir, saya tidak pernah duduk dalam

pembangkang. Daripada mula sampai sekarang dalam kerajaan. Waktu itu dia ketua kepada kerajaan, kalau dia tidak serang kerajaan saya hendak marah dia buat apa? Wayar saya belum putus lagi. Akan tetapi kalau hari ini dia sudah bersekongkol dengan PAS, DAP, PKR dan hari-hari dia serang kerajaan, apakah saya hendak duduk diam? Saya akan bela kerajaan seperti mana saya bela kerajaan sewaktu dia jadi Perdana Menteri dahulu. *[Tepuk]* Tidak ada lari prinsip saya serang kerajaan, saya serang balik.

Macam Yang Berhormat jugalah dengan Yang Berhormat Marang mesti hormat, ketua. Namun baru-baru ini apabila Yang Berhormat Marang hendak baik dengan UMNO, mula hendak marah juga. Namun, oleh kerana tidak diumumkan, orang tidak tahulah. Macam itu sahaja.

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Tun Mahathir ini yang terbaru. Selepas dia masuk UMNO balik itu yang dia kompelin isu rasuah ini.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua....

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Tun Mahathir selepas dia masuk UMNO balik, Yang Berhormat juga terima dia masuk UMNO ini yang dikatakan bahawa majoriti masih terlibat dalam amalan rasuah.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Bukan, saya. Dia boleh masuk UMNO, masuk tidak boleh masuk hak saya. Akan tetapi saya hendak bagi tahu, siapa juga tidak kira ahli UMNO atau ahli UMNO, serang kerajaan saya serang dia balik, itu sahaja, mudah sahaja. Tuan Yang di-Pertua...

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Minta penjelasan.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ini berkenaan dengan Yang Berhormat bangkitkan iaitu ini melambat-lambatkan. Tidak, saya kira macam ini. Kalau macam polis ataupun Imigresen, dia sudah ada dia punya sistem dia sendiri. Jadi kalau kita sudah tahu dia ada sistem dia, prosedur dia disiplin semua, kita guna dahulu saluran asal. Tidak semestinya kalau kita menggunakan saluran asal buat pengaduan semuanya tidak akan dilayan. Namun yang mana katalah kita hendak buat aduan terhadap Imigresen semula jadi, *naturally* kita akan buat kompelin kepada Ketua Pengarah Imigresen, itu natural. Jadi apabila kita hantar surat kepada Ketua Pengarah Imigresen, tanggungjawab dia untuk menyiasat. Ini memang ruang lingkup kuasa dia. Jadi kita pergilah kepada dia. Dia ada badan-badan dan prosedur yang tertentu yang akan dijalankan.

Jikalau sekiranya setelah kata tidak ada jawapan satu bulan, barulah. Hendak kira berapa itu terpulang ada yang sabar mungkin dia tunggu dua bulan tidak jawab, dia tidak tanya lagi. Ada yang kurang sabar dua minggu tidak dapat jawapan, itu dia hendak kompelin. Itu terpulanglah. Jadi apabila badan yang sedia ada itu gagal mengikut pandangan kita dia mengambil tindakan terhadap aduan yang kita buat kepada seorang kakitangan dia, barulah kita pergi ke SIAP dan SIAP pun mestilah dia ikut juga mungkin ada sebab mengapa terlambat sedikit. Ini semua kita buat supaya akhirnya nanti satu keputusan yang dapat memuaskan

semua pihak. Jadi hendak dikatakan bahawa SIAP ini melambat-lambatkan, tidak. Guna dahulu saluran yang sedia ada, kompelin tentang polis hantar ke polis dahulu, kompelin tentang Imigresen hantar Imigresen dahulu. Sebab ini proses yang sedia ada.

Jadi SIAP ini hanya diwujudkan kalau kita tidak berpuas hati kerana aduan kita tidak dilayani. Barulah, itu SIAP memang diwujudkan untuk itu. Namun dalam hal-hal lain ikut saluran yang asal iaitu kita buat aduan terhadap badan-badan yang berkenaan itu. Tuan Yang di-Pertua, saya mencari jawapan. Ini tebal ini. Jadi saya cuba...

■ 1220

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Jawab mengenai dua kes. Saya tanya. Pembunuhan kes Krishnasamy, *Immigration Erasure*. Apa patut jawab?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya, saya apa yang SIAP boleh ambil tindakan. Sudah tentu, saya sudah sebut tadi dalam jawapan saya. Saya kata dia apa, tanggungjawab SIAP ini merangkumi. Ini, malah Suruhanjaya Integriti boleh memulakan satu penyiasatan berkenaan dengan apa-apa salah laku pegawai penguat kuasa yang diketahuinya atau atas inisiatifnya sendiri jika Suruhanjaya Integriti berpuas hati bahawa perkara itu mempunyai kepentingan yang signifikan kepada orang ramai atau demi kepentingan di bawah seksyen 28. Saya tidak fikir ia terhalang.

Suruhanjaya Integriti diberikan kuasa penyiasatan sebagai mana yang diberikan kepada *commission of inquiry* dan juga yang ada di bawah Kanun Tatacara Jenayah seksyen 31 memperuntukkan perkara-perkara pertamanya mengadakan pendengaran awam. Orang akan tahu nanti apa yang berbangkit. Saya tidak fikir bahawa mereka tidak boleh menerima dan menyiasat aduan di atas ketidakpuasan hati orang ramai tentang perkara yang dibangkit tadi. Kenapa tidak boleh pula? Itu terpulang kepada mereka lah. Jadi Timbalan Yang di-Pertua, kita *try* dulu tengok. Saya tidak fikir...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Penubuhan MIC kita?... [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tidak apa lah. Kalau...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Bolehkah ini dikemukakan kepada SIAP?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Kalau sekiranya...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Atau *erasure immigration records...*, *Altantunya Sharibuu?*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Kalau sekiranya dia boleh dihantar kepada SIAP. Kemudian SIAP dengan *commissioner* nya tujuh orang dia akan duduk. Dia akan meneliti aduan itu. Terpulang kepada mereka yang bebas untuk membuat keputusan sama ada dia hendak menyiasat sendiri.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Anak Datuk Krishnasamy boleh hantar lah, boleh dengarkan kes?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Kenapa tidak boleh hantar pula?

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Boleh?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Boleh. Kenapa tidak boleh hantar? Hantar lah. Siapa yang halang. Jadi Timbalan Yang di-Pertua, saya yang belum saya jawab, saya akan jawab bertulis. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Majlis dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

**Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar) **mempengerusikan Jawatankuasa]**

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

#### **Fasal 1- Pindaan oleh YB Batu Gajah:**

**12.25 tgh.**

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mencadangkan pindaan agar fasal 1(5) dipotong. Sebelum ini saya telah membangkitkan adalah keperluan untuk memastikan bahawa rang undang-undang ini adalah terpakai ke atas pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia ini. Ini adalah kerana Tuan Pengerusi, kalau kita meneliti di dalam 21 agensi di bawah jadual rang undang-undang ini, salah satu ialah Polis Diraja Malaysia dan pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia ini.

Kalau kita membaca Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah seksyen 10 subseksyen 1(a) dan subseksyen (5) saya dengan izin, membacakan 10 subseksyen 1(a):

*“Seseorang pegawai suruhanjaya hendaklah mempunyai bagi maksud akta ini bagi segala kuasa dan kekebalan seorang pegawai polis yang dilantik di bawah Akta Polis 1967”.*

Subseksyen (5) juga memberi pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Tuan Pengerusi saya rujuk:

*“Memberi seseorang pegawai suruhanjaya segala kuasa seorang pegawai polis tidak kira apa jua pangkatnya sebagaimana yang diperuntukkan di bawah kanun dalam beberapa akta”.*



Jadi memandangkan pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah ini mempunyai kuasa dan kekebalan seperti seorang anggota polis. Jadi adalah wajar pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah dimasukkan bersama dalam jadual ini dalam rang undang-undang ini sebagai salah satu agensi di bawah pemantauan Suruhanjaya Integriti yang akan ditubuhkan. Jadi saya pohon agar pindaan ini dibuat agar Suruhanjaya Pencegahan Rasuah tidak dikecualikan daripada pemantauan integriti setiap anggota Suruhanjaya Pencegahan Rasuah tersebut.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih. Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Batu Gajah sekarang ini terbuka untuk dibahaskan.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, sebelum saya memulakan perjalanan saya. Saya hendak tahu, saya hendak hujah mengenai seksyen 1, subseksyen 3. adakah ruang akan diberikan kelak?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar] :** Ya.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tuan Pengerusi, saya tanya sebelum saya memulakan hujah dalam seksyen 1 ruangan 5. Saya ada hendak hujah mengenai seksyen 1 subseksyen 3. adakah saya akan dibenarkan untuk berhujah kemudian kerana kita terus ke...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ya, kita hanya terus kepada pemindaan Yang Berhormat.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Selepas itu saya boleh alih ke...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ringkas. Yang Berhormat, tidak faham kah ini Jawatankuasa kita kena tanya fasal...

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Faham. Saya lebih dari faham.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Kadang-kadang tidak buat faham Yang Berhormat.

**12.27 tgh.**

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Saya faham. Tuan Pengerusi, saya sokong penuh pandangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Batu Gajah. Akan tetapi saya kurang faham mengenai apakah rasional kita ada klausa 5 ini? Walhal apa yang dibuatkan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah iaitu ACA. ACA nampaknya dalam beberapa dalam aktanya ada kuasa-kuasa yang kerap kali lebih daripada pihak polis. Kerap kali kita dapat aduan penyelewengan dan sebagainya. Ini adalah satu perkara di mana patut ada *overall review* oleh SIAP dan Ini menunjukkan bahawa kita memberi satu kebebasan kepada anti *corruption commission*. Supaya nampaknya mereka boleh bermaharajalela. Ini tidak patut dibenarkan langsung.

Kalau kita bandingkan di lain-lain negara di Komanwel, nampaknya di *ombudsman* dan sebagainya dia ada makna yang spesifik di mana memberi kuasa *overriding authority* dan di beberapa negara dia *ombudsman* adalah dikendalikan oleh Parlimen. Walaupun SIAP ini

nampaknya satu yang telah di *mellow down, water down* akan tetapi dengan apa yang ada ternyata tertulis tertera di klausa 5 ini ia akan menghalang dan tidak ada makna kepada fungsi SIAP. Saya harap bahawa ada sokongan supaya ia dibatalkan hari ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Yang Berhormat. Ya, Menteri jawab.

**12.30 tgh.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Pengerusi, cadangan pindaan oleh Yang Berhormat Batu Gajah tidak dipersetujui. Fasal 1(5) telah dimasukkan ke dalam rang undang-undang ini secara khusus untuk mengecualikan rang undang-undang ini kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

■1230

SPRM baru ditubuhkan melalui 1 Januari 2009 dengan matlamat utama untuk menggalakkan integriti dan kebertanggungjawaban pentadbiran sektor awam dan swasta serta untuk mendidik pihak berkuasa awam, pegawai awam dan orang awam tentang rasuah dan kesan buruknya terhadap pentadbiran sektor awam dan swasta juga komuniti. Akta Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia 2009 yang telah diluluskan oleh Dewan ini pada Mesyuarat Ketiga Penggal Pertama Parlimen Ke-12 yang berakhir pada Disember 2008 dan mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2009.

SPRM telah diwujudkan sebagai satu badan pencegahan rasuah yang bebas dan bertanggungjawab. Pada pandangan saya, sudah cukup pemantauan yang diperuntukkan oleh Akta Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia terhadap SPRM. Tidak perlu lagi bagi SPRM untuk dipantau oleh Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan ini. Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli Parlimen yang menjadi anggota ahli jawatankuasa khas yang ditubuhkan oleh Akta Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia ini juga terlibat dalam memantau SPRM.

Dalam Akta Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia telah wujud Lembaga Penasihat Pencegah Rasuah yang berfungsi antara lainnya untuk menasihati SPRM tentang apa-apa aspek masalah rasuah, menasihati SPRM tentang dasar dan strategi juga untuk mengemukakan ulasan mengenai perjalanan SPRM akan fungsinya kepada jawatankuasa khas mengenai rasuah. Jawatankuasa khas mengenai rasuah berfungsi antara lainnya untuk memeriksa ulasan Lembaga Penasihat Pencegah Rasuah tentang perjalanan oleh SPRM akan fungsinya dan untuk mendapatkan penjelasan dan penerangan mengenai laporan tahunan SPRM.

Jawatankuasa khas ini terdiri daripada kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Selain itu terdapat juga jawatankuasa aduan yang berfungsi untuk memantau pengendalian oleh SPRM akan aduan mengenai salah laku yang tidak bersifat jenayah terhadap pegawai-pegawai SPRM dan untuk mengenal pasti apa-apa kelemahan dalam tatacara kerja SPRM juga membuat apa-apa syor yang patut.

Jadi pada pendapat kerajaan, sebenarnya suruhanjaya ini diaktakan dengan ada tiga atau empat jawatankuasa dan panel untuk melihat perjalanan mereka. Jadi masalah yang disebutkan tadi kalau soal salah laku memang ada jawatankuasa aduan khas untuk perkara itu. Maka oleh sebab itu kerajaan fikirkan bahawa kita tidak perlu memasukkan SPRM dalam 21 agensi penguat kuasa yang tertakluk kepada SPRM ini...

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Minta penjelasan.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Maka oleh sebab itu kita menolak cadangan daripada Yang Berhormat Batu Gajah.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Minta penjelasan Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Hendak jawab lagi Menteri?

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Yang Berhormat Menteri, saya menyedari bahawa dalam seksyen 15 Akta Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia ada satu jawatankuasa aduan seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi memantau pengendalian oleh Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia akan aduan mengenai salah laku yang tidak bersifat jenayah. Namun ini adalah satu jawatankuasa dalaman yang sepatutnya masa ini telah gagal kita boleh tengok semua kebanyakan jawatankuasa yang ada berkenaan dengan tatatertib, Biro Pengaduan Awam telah gagal. Jawatankuasa aduan dalam akta ini anggotanya adalah lantikan Menteri.

Jadi mengapakah kita tidak boleh memastikan integriti anggota Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia dipantau oleh satu agensi yang lain iaitu Suruhanjaya Integriti ini? Di mana mereka telah memasukkan PDRM di dalam jadual di bawah suruhanjaya ini. Mengapa mengecualikan? Mengapa tidak memasukkan anggota Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia di bawah suruhanjaya ini agar integriti anggota Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia dipantau bersama? Jadi biar ada satu *external* Tuan Yang di-Pertua. Kita sudah tahu yang *internal* telah gagal sebab itu kita ada satu suruhanjaya sedemikian.

Jadi kalau Yang Berhormat kata boleh rujuk semula kepada suruhanjaya jawatankuasa aduan di bawah Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia saya rasa ini akan menghakis keyakinan orang ramai tentang mengapakah agensi ini disoal siasat, diambil tindakan oleh mekanisme dalamannya. Jadi saya mohon penjelasan.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, ada dua di sini. Pertama, Yang Berhormat kata jawatankuasa ini dalaman. Memang jawatankuasa ini dalaman tetapi ahli kepada panel ini adalah orang luar bukan anggota SPRM. Dia adalah Ahli Parlimen, Senator dan orang-orang kenamaan yang duduk di dalam jawatankuasa ini. Itu sahaja jelas menunjukkan bahawa walaupun ia jawatankuasa dalaman tetapi keanggotaannya itu adalah bukan orang dalam tetapi orang luar. Itu yang pertama.

Kedua, kalau Yang Berhormat Batu Gajah kata ini lantikan Menteri, yang jawatankuasa tujuh orang SIAP ini pun lantikan Menteri juga. Sama sahaja, tidak ada beza. Jadi alasan yang diberikan itu adalah tidak tepat. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ahli-ahli Yang Berhormat masalahnya ialah pindaan seperti mana yang dicadangkan sebagaimana yang dinyatakan dalam kertas pindaan hendaklah dipersetujui.

Pindaan dikemukakan bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

*[Kertas Pindaan adalah dilampirkan]*

**Fasal 1** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

**Fasal 2 hingga 4** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

#### **Fasal 5 – Pindaan oleh YB Sungai Siput:**

**12.38 tgh.**

**Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mencadangkan pindaan untuk seksyen 5. Seksyen 5 dalam akta rang undang-undang adalah 5(1). Yang di-Pertuan Agong hendaklah di atas nasihat Perdana Menteri melantik tidak lebih daripada tujuh pesuruhjaya. Cadangannya yang ingin saya bawa ialah perkataan yang ditambahkan daripada satu senarai calon yang disyorkan oleh Dewan Rakyat Malaysia. Ertinya di-Pertuan Agong hendaklah di atas nasihat Perdana Menteri melantik tidak lebih daripada tujuh pesuruhjaya daripada satu senarai calon yang disyorkan oleh Dewan Rakyat Malaysia.

Pindaan ini harus dibaca bersama dengan subseksyen baru 1(a) yang mengatakan satu senarai calon untuk jawatankuasa pesuruhjaya yang berbilang dua kali bilangan pesuruhjaya yang dikehendaki harus dikemukakan oleh Dewan Rakyat Malaysia untuk pertimbangan Yang di-Pertuan Agong. Jadi ertinya ialah masih dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong tetapi daripada satu senarai singkat yang disediakan oleh Dewan Rakyat.

Tujuannya ialah untuk mewujudkan satu SIAP yang lebih bebas supaya ia boleh bertindak secara lebih profesional dan tidak disekat oleh pihak eksekutif. Apabila kita mempertimbangkan cadangan ini, kita harus peka kepada situasi yang sedang wujud sekarang. Di mana badan-badan seperti MACC dan SPR yang harus bekerja dengan bebas dan profesional di kalangan orang ramai di Malaysia dipandang sebagai satu yang begitu terlalu berpihak kepada pihak eksekutif. Jadi itulah latar belakang yang kita perlu *keep in mind* apabila kita membahaskan pindaan cadangan yang saya bawa ini.

Tuan Pengerusi, cadangan yang dikemukakan ini bukan sesuatu yang luar biasa. Ini adalah satu amalan beberapa negara yang lain umpamanya di negara jiran kita iaitu di Thailand. *Human Rights Commission* atau pun Suruhanjaya Hak Asasi. Ahlinya itu dilantik oleh Raja atas nasihat Senat negara itu. Jadi Senat negara itu yang tentukan dan dilantik oleh Raja. Jadi apa

yang disyorkan di sini adalah lebih kurang mengikut keadaan yang sama bererti bukan begitu ketat. Di sini kita membuat *shortlist* seramai 14 orang dan tujuh dipilih. Jadi tujuannya ialah untuk memantapkan demokrasi Malaysia dan mewujudkan pengasingan kuasa supaya membolehkan SIAP ini melakukan tugas-tugasnya dengan lebih bebas dan profesional. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Menteri.

**12.39 tgh.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Pengerusi, cadangan pindaan ini tidak dipersetujui. Pertamanya sudah tentulah Yang Berhormat sedia maklum iaitu jawatankuasa atau *commissioner* dan juga ahli-ahli jawatankuasa apa sekali pun secara amalannya, pelantikannya itu ialah mengikut perlembagaan, dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri. Jadi ini adalah kerana Perdana Menteri itu mendapat mandat daripada rakyat yang merupakan ketua kepada sebuah parti yang menguasai majoriti di Dewan Rakyat. Itu mandatnya. Jadi untuk hanya bagi rang undang-undang ini diberikan pengecualian supaya pelantikannya berbeza dengan yang lain.

Pertamanya sudah tentu tidak mengikut kehendak Perlembagaan. Keduanya kita akan mewujudkan satu duluan atau *precedent*. Banyak sebelum ini akta-akta rang undang-undang suruhanjaya yang kita bahaskan dan luluskan.

■1240

Semua pelantikan itu dibuat berdasarkan amalan *convention*. Jadi untuk kita membuat permulaan di sini, saya kira ini adalah satu tindakan atau langkah yang tidak konsisten dan akan mendatangkan masalah di masa akan datang, dan juga adalah tidak adil untuk Yang Berhormat mempunyai satu sikap prejudis terhadap individu-individu yang bakal dilantik atau telah dilantik oleh Agong atas nasihat Perdana Menteri, kerana saya percaya mereka telah menjalankan tanggungjawab mereka dengan baik, bertindak bebas dan melakukan apa yang betul.

Sebagai contoh yang ketara sekali Suruhanjaya Diraja untuk melihat tentang isu yang berkaitan dengan V.K Lingam. Kita lihat bagaimana, ketiga-tiganya itu mempunyai pandangan yang bebas dan memberi pandangan yang tidak boleh dikatakan sebagai dipengaruhi oleh eksekutif. Hasil daripada itulah, maka berbagai-bagai pembaharuan yang telah dilakukan, jadi saya rasa untuk meletakkan pindaan ini sebenarnya ialah membuat satu kenyataan bahawa kita rasa tidak percaya kepada sama ada kepada individu, sama ada yang bakal akan dilantik ataupun yang telah dilantik sebelum ini oleh Yang di-Pertuan Agong.

**Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Okey terima kasih. Isu ini *precedent* dan sudah jadi amalan, memang itu betul. Inilah sebabnya kita ada situasi di sini ketidakbebasan, banyak agensi dan badan-badan yang harus bebas dan profesional. Ini sudah jadi masalah *selective prosecution you know*, di mana pihak-pihak yang *independent* harus bebas ambil pihak eksekutif. Jika ini satu masalah yang utama di Malaysia ini dalam amalan demokrasi kita,

pentadbiran kita. Ini harus dikendalikan dan cara dia ialah untuk memastikan bahawa tidak terlalu banyak kuasa ditumpukan atas satu individu, walaupun dia Perdana Menteri. Wujudkan satu *check and balance*.

So walaupun kita lulus di sini dan kita kena tukar undang-undang yang lain, itu saya ingat satu langkah yang baik untuk negara kita ini, kita hendak memantapkan demokrasi di Malaysia. Saya rasa ini satu isu yang penting, ini bukan hanya sia-sia sahaja. *To make democracy more balance* di Malaysia.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat? Yang Berhormat juga lihat daripada segi kerajaan, kalau sekiranya kerajaan membuat pelantikan hanya kepada orang-orang yang sememangnya daripada segi orang ramai tahu bahawa mereka ini hanya menurut kehendak kerajaan, itu juga akan memalukan kerajaan.

Dalam era internet dan bermacam-macam lagi tidak mungkin boleh dilakukan sewenang-wenangnya pelantikan yang dianggap sebagai hanya memilih orang atau melantik orang yang mengikut telunjuk, kerana dia sebagai individu juga dia tidak mahu mengambil tindakan yang boleh dilihat sebagai dipengaruhi oleh kerajaan.

Malah kadangkala dia melakukan satu keadaan di mana *commissioners* yang dilantik kerajaan ini terpaksa bertindak untuk menampakkan kepada masyarakat bahawa dia bebas, kadang-kadang dia ada *pressure* itu, kerana walaupun dalam kes-kes tertentu itu tidak ada kes, tetapi kalau diputuskan, tidak ada kes mungkin akan dianggap oleh masyarakat bahawa dia mengikut telunjuk kerajaan. Itu juga merupakan satu masalah kepada mereka. Jadi sebab itu kepada saya adalah lebih baik kita ikut cara yang sedia ada dan berilah keyakinan kepada individu-individu. Kalau sekiranya individu itu mengambil tindakan yang mungkin dilihat sebagai tidak adil, itu masalah individu bukan masalah pelantikan. Masalah individu dan jika perlu kita tukar dia, jadi sebab itu pada saya, cadangan pindaan ini adalah tidak dipersetujui.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Baik, Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Sungai Siput dalam kertas pindaan hendaklah di setujukan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan; dan tidak disetujukan.

*[Kertas Pindaan adalah dilampirkan]*

**Fasal-fasal 5 dan 6** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

#### **Fasal-fasal 7 dan 8 – Pindaan oleh YB Sungai Siput:**

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Sila Yang Berhormat.  
**12.45 tgh.**

**Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Ini datang dari pindaan yang pertama itu, ia berkaitan dengan pindaan yang pertama itu di mana fasal 7(4) ialah "*Pelantikan seseorang Pesuruhjaya boleh pada bila-bila masa dibatalkan oleh Yang di-Pertuan Agong*", dan fasal 8 pun

sama, fasal 8 subseksyen (g), "*Pelantikannya telah dibatalkan oleh Yang di-Pertuan Agong*". Dan pindaan yang dicadangkan ini digugurkan, kerana ini pun nampak sebagai satu kuasa untuk eksekutif dan juga ada lain-lain ruang untuk katakana dalam fasal 8 itu ada (a) sampai (h), yang boleh dipakai untuk gugurkan seorang Pesuruhjaya, dia tak perlu bagi kuasa kepada Perdana Menteri sendiri tanpa *reason* yang lain, untuk gugurkan dia. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Belum lagi, masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera dalam kertas pindaan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Sungai Siput sekarang ini terbuka untuk dibahas. Sila Yang Berhormat.

**12.46 tgh.**

**Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Pertamanya perkara teknikal yang tidak berkenaan dengan apa yang kita bahaskan. Iaitu saya perhatikan bahawa kertas pemberitahuan berkaitan dengan notis pindaan ini, satu daripada Yang Berhormat Batu Gajah warna biru, satu daripada Yang Berhormat Sungai Siput warna ungu. Amalan dan tradisi Parlimen sebagaimana Yang Berhormat Tuan Pengerusi amat maklum, warna kertas ada pengertian yang besar, sebab itu kita ada istilah *white paper*, dengan izin, kertas putih dan sebagainya, ia benar-benar menggambarkan dari satu bentuk sifat fizikal kertas yang dibentangkan di meja Dewan yang mulia ini.

Jadi saya harap ini akan menjadi amalan yang lebih teratur pada masa-masa akan datang, dan terpulanglah kepada pengurusan Parlimen untuk menentukan kertas warna apa, tetapi seboleh-bolehnya warnanya sama dan konsisten pada setiap masa dan ketika.

*Point* yang kedua, ialah saya ingin menyokong Yang Berhormat Sungai Siput tadi dan kalau mungkinlah Menteri dan kerajaan dapat menimbangkan supaya pembatalan pelantikan itu bukan secara langsung diputuskan oleh Yang di-Pertuan Agong, mungkin cadangannya ialah misalannya pelantikan seseorang Pesuruhjaya boleh pada bila-bila masa dibatalkan oleh Yang di-Pertuan Agong atas suatu usul daripada Dewan Rakyat Parlimen, misalnya begitu supaya kalau begini sebagaimana Yang Berhormat Sungai Siput sebutkan tadi nampak seolah-olah sebegitu senang dan mudah untuk membatalkan pelantikan, dan ini kita bimbang kalau-kalau pembatalan dan pengguguran jawatan-jawatan itu dijadikan amalan begini, ianya akan menjadi sesuatu yang tidak selari dengan semangat dan prinsip demokrasi berparlimen yang kita ada ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ada lagi yang cakap, ya sila Yang Berhormat.

**12.47 tgh.**

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, sedikit saja, berkaitan juga dengan cerai (4) ini. "*Pelantikan seseorang Pesuruhjaya boleh pada bila-bila masa dibatalkan oleh Yang di-Pertuan Agong*". Saya ingin bertanya kepada Menteri, apakah tersirat di dalam itu bahawa pembatalan ini mestilah atas nasihat Perdana Menteri, yang tadinya

Perdana Menteri mencadangkan kepada Yang di-Pertuan Agong, apakah atas budi bicara Agong sendiri atau mesti atas nasihat Perdana Menteri. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ya, Yang Berhormat, nak jawab?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya jawab soalnya yang 'jambu' tu, Yang Berhormat Kuala Krai.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Minta ulang sekali lagi... [Ketawa] Saya minta sebut di luar.

**12.49 tgh.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** [Ketawa] Pasal dua-dua yang bertanya tu, secara kebetulan pelajar dari Kolej Melayu Kuala Kangsar, sama dengan saya. Seorang *prefect*, seorang kena jambulah. Jadi, Yang Berhormat semua, semua pelantikan, amalan di negara *Constitutional Monarchy*, amalan kita, *Constitutional Monarchy* dan *Constitutional Democracy*. sememangnya ada perimbangan apa yang ada kuasa pada Yang di-Pertuan Agong dan apa yang ada kuasa kepada Perdana Menteri.

■1250

Dari segi pelantikan, pelantikan itu dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri. Maka kalau pelantikan itu berbentuk demikian, maka pembatalan juga adalah berbentuk demikian. Kemudian, cadangan ini sebenarnya kita tidak bersetuju dan ditolak atas hujah-hujah yang telah saya berikan sebentar tadi. Saya cuma hendak menambah iaitu Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa di bawah undang-undang untuk melantik pesuruhjaya. Maka baginda sewajarnya mempunyai kuasa untuk membatalkan sesuatu pelantikan mengikut budi bicaranya atau *the right to hire and fire*. Itu biasa. Jadi, sebelum saya duduk Tuan Yang di-Pertua, saya hendak meraikan wakil-wakil daripada Parlimen Padang Rengas... [Tepuk] Telah datang untuk menyokong Ahli Parlimennya dalam membentang dan mempertahankan rang undang-undang. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih. Sebelum saya minta Majlis bersetuju, saya beritahu kepada Yang Berhormat Tumpat bahawa pembezaan warna itu tadi kita putus pada Mesyuarat hujung tahun lepas. Apabila didapati ada sedikit kekeliruan di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat kerana kertas-kertas usul yang tidak berbeza, semua sama warna. Jadi, pihak pentadbiran bersetuju supaya kita cuba membezakan usul-usul yang berasingan supaya tidak mengelirukan Ahli-ahli Yang Berhormat. Ini cuba menolong dan membantu Ahli-ahli Yang Berhormat. Itu tujuannya yang sebenar. Jadi, tidak ada apa-apa Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, saya akan beri balik kepada Setiausaha. Terima kasih.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Sungai Siput dalam Kertas Pindaan hendaklah disetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan; dan tidak disetujui



*[Kertas Pindaan adalah dilampirkan]*

**Fasal-fasal 7 dan 8** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

**Fasal-fasal 9 hingga 21 -**

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bahas ya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ada?

**12.52 tgh.**

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin rujuk kepada fasal 16. Saya rasa saya juga sama prihatin kerana jawab berkenaan anggota Jawatankuasa Aduan ini. Ia adalah senyap berkenaan kelayakan, syarat-syarat, pengalaman dan kepakarannya sebab kalau kita teliti, Ahli Jawatankuasa Aduan, kalau bukan sama penting dan fungsinya, ia mungkin lebih penting daripada anggota suruhanjaya. Ini kerana Ahli-ahli Jawatankuasa Aduan ini, kalau kita baca seksyen 16(2), ia menerima aduan dan menilai aduan. Lepas itu ia menentukan jenis salah laku dan menjalankan penyiasatan awal. Jadi, sama ada suruhanjaya akan terus merujuk kes kepada pihak berkuasa tatatertib, pendakwa raya atau MACC, ia bergantung pada penilaian aduan itu oleh anggota Jawatankuasa Aduan.

Jadi, saya rasa adalah penting dalam rang undang-undang ini diperjelaskan kelayakan anggotanya. Jadi, kita boleh memastikan anggota jawatankuasa ini adalah bebas dan betul-betul berintegriti tinggi. Berkenaan seksyen 16(2)(d), Jawatankuasa Aduan juga menentukan jenis salah laku. Tuan Yang di-Pertua, walaupun seksyen 24 menyenaraikan jenis-jenis aduan yang di bawah ruang lingkup salah laku, jadi saya mahu Yang Berhormat Menteri menerangkan dalam seksyen 16(2)(d), menentukan jenis salah laku? Sebab kalau bukan di bawah jenayah, ia akan jatuh di bawah tatatertib. Kalau ia telah jatuh dalam tatatertib, ada apa kes lagi untuk siasatan pihak suruhanjaya atau Jawatankuasa Aduan ini? Kalau aduan itu jatuh dalam jenayah, ia telah dirujuk kepada pendakwa raya.

Jadi, boleh Yang Berhormat terangkan ada berapa jenis salah laku atau kategorinya. Setahu saya, daripada pemahaman dan penjelasan oleh Yang Berhormat Menteri dalam bacaan kali yang kedua tadi hanya dua. Iaitu tatatertib atau jenayah. Kedua-dua ini suruhanjaya boleh terus merujuk kepada pihak berkuasa tatatertib atau pendakwa raya. Jadi, apa kes ditinggalkan kategori kes yang lain? Saya rasa Yang Berhormat boleh jelaskan kategori kes yang lain selain daripada tatatertib dan jenayah. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Ipoh Timur.

**12.53 tgh.**

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Ya. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini dalam anggaran mengenai penubuhan SIAP ini, khususnya mengenai *officers* dan *staff*. Apa angka yang sekarang dibincangkan? Berapa besar jumlah *staff*? Oleh sebab ada 21 agensi-

agensi yang dicadangkan, maka tentulah ada satu kertas mengenai penubuhan SIAP ini. Berapa ramai anggota dan peruntukan yang diperlukan? Bolehkah kita ada satu gambaran mengenai perkara ini?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**12.54 tgh.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Pertamanya, Yang Berhormat Ipoh Timur ini, sebenarnya dia pun tidak ada soalan. Dia pun tahu bahawa ini baru kita hendak mulakan, tetapi oleh sebab ramai orang Padang Rengas ada di sini, jadi dia pun hendak berdirilah hendak tanya. Sebenarnya, kita belum lagi tentukan...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *No idea whatsoever?*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Belum lagilah. Kita tidak tahu...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *Blank* dalam fikiran?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Bukan soal *blank*, tidak. Bukan soal *blank*.

Ini perancangan.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Oh...

**Seorang Ahli:** Lulus pun belum lagi.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Kita belum luluskan lagi, lepas ini kita duduk bincang. Yang memang sah, tujuh orang *commissioner* itu, dalam ini memang ada. Akan tetapi kita tidak tahu kerjanya banyak mana nanti. Biarlah kita buat perkara ini dengan berhati-hati dan jangan terburu-buru macam Yang Berhormat Ipoh Timur. Saya tahulah dia sudah tua. Jadi, dia hendak cepat benda ini semua. Saya faham Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Siapa tua, siapa tua? Sebenarnya ini mustahaklah.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Memanglah mustahak.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Yang Berhormat Menteri tanpa ada kertas mengenai penubuhan, mungkin berapa staf...

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Mesti...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Tanpa apa...

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Mesti ada suruhanjaya, mesti...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Mungkin apa *estimation* untuk *plan*. *Unthinkable*, boleh *shocking*.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tidak, tidak. Tidak *unthinkable*.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Apa kerajaan ini?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Kita...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Kerajaan kosong kah?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Itu tidak diakui oleh pihak kerajaan. Dia Pembangkang...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Dia pembangkang, sebab itu dia cakap macam itu. Dia boleh bercakap tanpa bertanggungjawab, itu dia. Kita bertanggungjawab, kita kena pasti... *[Tepuk]* Kita kena pasti dahulu. Sebab itu rakyat tidak pilih jadi kerajaan. Ini masalah dia...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Akan datang.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ha... *[Dewan riuh]* Mimpilah, mimpilah.. Akan datang kalau dapat curi Barisan Nasional. Ha, itu akan datang, tetapi hendak curi memang...- Minta maaf...-

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Tidak payah. Barisan Nasional yang tidak sedia *opportune* ini!

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Itu kerja dia. Kerja dia hendak mencuri saja di Parlimen...

**Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]:** Yang lari DAP.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Yang rampas Barisan Nasional.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Dari mula sampai sekarang, kerja dia hendak mencuri saja. Tanya Ketua Pembangkang dia.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Yang curi, BN dekat Perak.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ketua Pembangkang yang mencuri mula-mula sekali.

**Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]:** Kita tidak curi, dia lari.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Okey.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Ada lapan Senator Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]:** Cukup sudah?

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Ini...

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ha, itu dia risaulah itu sebab dia tahu yang buat kesalahan mencuri ini sebelah dia. Itulah tujuan dia... *[Dewan riuh]* Hendak suruh saya duduk. Tidak mahu dengar benda yang betul.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Lapan Senator...

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tidak mahu dengar benda yang betul...

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Tidak cukup untuk Menteri lah. Lapan Senator yang tidak pernah pun masuk.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Dia rasa dia betul juga. Masalah pensyarah inilah, dia ingat dia betul...

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Yang Berhormat Menteri, yang tidak pernah pun masuk. Itu yang tidak pernah pun masuk.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya percaya banyak pelajar dia yang lingkup dalam peperiksaan. Ya. Baik. 16. Saya hendak jawab 16. Dia sudah tentu mesti, misal kata kita ada tujuh *commissioners*. Tujuh *commissioners* ini sudah tentulah apabila mereka bersidang, maka mestilah ada perkara-perkara yang hendak dibincangkan yang perlu terlebih dahulu melalui tapisan kerja-kerja dasar yang perlu dilakukan untuk menjadikan perkara yang dibincangkan oleh pesuruhjaya.

Jadi, oleh sebab kita tahu bahawa adalah penting apakah perkara-perkara yang harus ditapis, sama ada ia termasuk dalam jenis yang dianggap sebagai salah laku ataupun tidak, itulah yang dikatakan kerja *full time* yang kita terpaksa melantik Jawatankuasa Aduan. Ini keseriusan. Kita tidak mengharapkan *commissioner* untuk dia sendiri buat kerja-kerja *late works* ini semua.

Jadi, oleh sebab Yang Berhormat cakap itu betul, kerana yang hendak diputuskan nanti berdasarkan laporan yang dibuat oleh Ahli Jawatankuasa Aduan, ya. Kerajaan akan pastikan mereka ini merupakan orang yang benar-benar, yang bebas dan berkeupayaan supaya jangan perkara yang hendak diputuskan oleh *commissioner* itu merupakan perkara yang sebenarnya, yang lain telah disembunyikan dan yang diberikan kepada mereka adalah perkara yang tidak penting. Jadi, ya. Kita kerajaan akan pastikan Jawatankuasa Aduan mesti terdiri daripada mereka yang bebas, bertanggungjawab dan mempunyai kepentingan rakyat di hati mereka. Ini kita akan pastikan.

Kemudian, berkenaan jenis-jenis ini, orang inilah untuk dia menentukan kerana kerja-kerja ini, dia kena asing-asingkan. 24(a) sampai 24(g). Ini perkara yang dianggap suruhanjaya boleh menerima atau dirujuk. Ini 24(a) sampai 24(g). Jadi, yang mana yang ditapis? Yang dianggapkan kalau ia merupakan ada elemen rasuah. Itu kena hantar kepada MACC. Ataupun lebih, aduan itu merupakan jenayah yang seharusnya dibuat laporan kepada polis terlebih dahulu dan disiasat. Itu mudah bagi jawatankuasa untuk memisahkannya.

Walau bagaimanapun, sebagai *commissioner*, dia ada hak kerana *commissioner* ini sentiasa saya percaya, dia akan dihubungi oleh orang ramai kalau sekiranya ada sesuatu kes. Katalah aduan dibuat dan ianya sampai kepada Jawatankuasa Aduan dan tidak sampai kepada *commissioner*. Saya percaya bahawa orang yang membuat aduan itu boleh menghubungi *commissioner*. Saya percaya seorang *commissioner* adalah berwibawa. Mereka ini dilantik bukan berdasarkan dia orang yang tidak berwibawa. Dia juga berwibawa dan dia mahu jaga reputasi dia. Jadi, dia ada hak untuk bertanya mengenai apa yang telah terjadi kepada kes ini. Ini semua *detail* lah. Yang pasti, mereka tidak akan dihadkan daripada mempunyai kuasa untuk memanggil kes-kes tertentu. Terima kasih.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Minta penjelasan. Saya rasa Yang Berhormat Menteri masih...

**Beberapa Ahli:** Masa...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, jam...

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Minta penjelasan, sambung nanti. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Saya hendak habiskan fasal 7 dan 8 ini Yang Berhormat. 7 dan 8 Yang Berhormat. Ada penjelasan bagi fasal 7 dan 8?

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Bukan ya. Sudah habis. Sudah berlalu fasal 7 dan 8.

**Beberapa Ahli:** Sudah, sudah.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Sekarang ialah fasal 9 sampai 21.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Fasal 9 sampai 21.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Sudah, sudah.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Sekarang ialah fasal 9 sampai 21 sebab itu saya bangun bawa 16.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Okey. Yang Berhormat ada lagi fasal 9 sampai 21?

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Tadi saya hendak minta penjelasan Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Tidak payah lagi Yang Berhormat, tidak ada pindaan pun Yang Berhormat buat.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Boleh bahas. Tadi saya bahas...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Saya faham, saya faham.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Yang Berhormat Menteri jawab dan saya minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Saya faham, Yang Berhormat.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Saya bangun minta penjelasan. Jadi, saya...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Menteri hendak beri penjelasan lagi ini?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Sudah, sudah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Jam sudah pukul...

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Bagilah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ha, bagilah. Okey Yang Berhormat. Ringkas Yang Berhormat ya.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya rasa Yang Berhormat Menteri perlu jelaskan. Kita semua baca rang undang-undang ini kita tahu ruang lingkup salah laku. Jadi, yang saya tanya ialah jenis salah laku. Tatatertib, rasuah dan jenayah kita faham, tiga kategori. Akan tetapi, ketiga-tiga kategori ini membenarkan Jawatankuasa Aduan ini mengesyorkan kepada suruhanjaya untuk terus merujuk kepada tiga bahagian ini. Jadi, apa kes ditinggalkan kategori kes yang ditinggalkan di mana suruhanjaya boleh tidak merujuk terus? Dia boleh menjalankan penyiasatan dengan teliti. Bukan sekadar bergantung pada syor oleh Jawatankuasa Aduan.

Jadi, yang saya mohon penjelasan adalah jenis salah laku. Kita tahu tatatertib dirujuk kepada tatatertib. Jenayah dirujuk kepada pendakwa raya. Rasuah dirujuk kepada MACC. Jadi, apa yang tinggal lagi? Sebab ada seksyen 22 membenarkan kategori kes ini terus rujuk kepada agensi dalaman mereka. Pihak berkuasa tatatertib, MACC dan pendakwa raya. Jadi, mungkin Yang Berhormat Menteri boleh jelaskan kategori kes yang lain daripada yang tiga ini, di mana suruhanjaya ini boleh terus membuat siasatan. Saya tidak mahu ada kes di mana ada...

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Ya, seperti unsur politik wang.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Ya. Kita tidak hendak kes di mana ia lebih berpihak kepada mana-mana. Jadi, pihak suruhanjaya atau Jawatankuasa Aduan kata "*Oh, it falls under this category*". Kita tidak payah buat penyiasatan. Terus hantar balik kepada pihak berkuasa tatatertib atau pendakwa raya". Jadi, kategori yang lain di mana suruhanjaya boleh memainkan fungsi yang penting ini sebab ruang lingkup salah laku amat luas, tetapi tidak memperjelaskan kategori kes yang lain. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Baik Yang Berhormat Batu Gajah. Yang Berhormat Menteri. Ringkas Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya, ringkas sahaja. Ruang lingkup dia antara 21(a) sampai 21(g). Saya telah sebut, iaitu sebenarnya kalau dia merupakan jenayah, itu memanglah kita semua tahu, jenayah mesti ada siasatan oleh polis, kemudian akhirnya pendakwaan mesti dibuat oleh pendakwa raya. Kalau ada kes elemen rasuah, itu kena pergi kepada MACC. Akan tetapi, yang lain itu adalah hak kepada SIAP, dan kalau sekiranya...

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Sebagai contoh. Yang Berhormat dengar dulu. Ngok ngek, ngok ngek, ngok ngek bercakap. Mengacau orang bercakap... *[Ketawa]* Saya sudah sebut, iaitu kalau sekiranya termasuk salah laku, telah pun dibuat aduan. Kalau aduan pertama, aduan asal mestilah dibuat kepada Jawatankuasa Disiplin badan berkenaan. Kalau sekiranya tindakan diambil, prosedur berjalan dan kemudian semua berpuas hati, habislah di situ.

Akan tetapi, salah laku ini dibuat aduan dan kalau tidak diambil tindakan oleh Jawatankuasa Disiplin badan itu, barulah dia datang balik kepada SIAP kerana orang ini mengadu kata saya telah buat aduan sebenarnya dan aduan itu termasuk dalam ruang lingkup

antara (a) sampai (g). Ini salah laku, tetapi tidak ada tindakan yang diambil oleh badan disiplin itu. Sekarang inilah hendak buat aduan kepada SIAP. Itulah dia.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Boleh terus kah Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Jadi, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Saya boleh faham Yang Berhormat.

**Fasal-fasal 9 hingga 21** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

***Majlis Mesyuarat bersidang semula.***

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, persidangan bagi sesi pagi ditangguhkan dan bersambung pada pukul 2.30 petang nanti.

***Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.08 petang.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Usul Yang Berhormat Menteri.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8 malam ini dan sehingga selesai ucapan-ucapan penangguhan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu, 1 Julai 2009.”

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya pohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

***Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.***

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

**Fasal 22 – Pindaan oleh YB Batu Gajah:****2.31 ptg.**

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan bahawa fasal 22(2) dan (3) dipotong. Tuan Pengerusi saya rasa amatlah penting di mana kerajaan telah membentangkan satu rang undang-undang ini bagi penubuhan satu Suruhanjaya Integriti, memastikan bahawa Suruhanjaya Integriti memainkan peranan yang teramat penting untuk memulihkan keyakinan orang ramai terhadap anggota penguat kuasa.

Jadi apabila kita melihat seksyen 22(2) dan (3) yang memberi kuasa kepada suruhanjaya dengan sewenang-wenangnya boleh merujuk kes itu balik kepada agensi tersebut apabila mendapati bahawa aduan yang diterima adalah bersifat tatatertib atau bersifat jenayah, sebab kalau kita meneliti seksyen 25, saya hendak kaitkan dengan mengapa saya pohon seksyen 22(2) dan (3) ini dipotong sebab Jawatankuasa Aduan hanya apabila menilai kes tertentu, ia hanya menentukan jenis salah laku dan sama ada perlu meneruskan sesuatu siasatan sepenuhnya atau tidak sebelum mengesyorkan kepada suruhanjaya. Ia tidak memperuntukkan bagaimana penyiasatan aduan tersebut dengan mendalam dalam rang undang-undang ini.

Kalau kita membaca versi bahasa Inggeris dalam seksyen 25, ia hanya memperuntukkan bahawa jawatankuasa ini dengan izin, "*a preliminary investigation maybe conducted by the Complaints Committee...*". '*Maybe conducted*', 'hanya' sahaja. Boleh, di mana ia ada pilihan, perlu kah atau tidak perlu sesuatu penyiasatan awal sebelum merujuk kes kepada.. mengesyorkan kepada suruhanjaya untuk merujuk kepada pihak berkuasa tatatertib atau pendakwa raya. Jadi saya memohonlah sebab suruhanjaya ini bukan *messenger* Tuan Pengerusi, apabila aduan yang diterima patutlah dijalankan satu penyiasatan yang mendalam. Ada yang kata, "*Oh, kami mungkin dalam sebulan boleh menerima melebihi 100 kes*". Kalau sedemikian, saya percaya perlu ada tapisan tetapi biarlah satu tapisan yang betul-betul memastikan kes-kes yang sampai itu dipandang berat sebab sekarang ada *mechanism* dalaman.

Agensi-agensi berkenaan tatatertib telah gagal, sebab itulah pihak kerajaan mengemukakan suruhanjaya ini. Jadi tidak boleh menggunakan alasan bahawa kalau setiap kes kita buat satu siasatan mendalam, kita akan ada terlalu banyak kerja atau terlalu banyak kes, sebab dalam rang undang-undang ini membenarkan tanpa penyiasatan awal Jawatankuasa Aduan boleh memilih tidak mahu untuk membuat penyiasatan awal. Jadi saya rasa amatlah penting kedua-dua sub seksyen (2) dan (3) bagi seksyen 22 ini dipotong untuk memastikan setiap aduan diterima dipandang berat. Jika dilihat seksyen 23 subseksyen (4), Jawatankuasa Aduan boleh dengan sewenang-wenangnya mengatakan "*Oh, ini kes sangat remeh-temeh. Oh, sudah lama..*", tetapi tidak diberikan peruntukan berapa lama, dia boleh terus untuk mencadangkan tidak perlu suruhanjaya ini meneruskan siasatannya.



Jika ia perlu dipandang berat mengapakah suruhanjaya ini diberi kuasa untuk tidak perlu satu penyiasatan yang teliti sebelum sebarang tindakan diambil seterusnya ke atas setiap aduan yang diterimanya. Jadi saya pohon seksyen 22 subseksyen (2) dan (3) ini dipotong sejajar dengan kepentingan yang diberi fungsi yang penting terhadap suruhanjaya ini. Demi untuk meyakinkan orang ramai berkenaan betapa pentingnya kerajaan memandang terhadap integriti anggota penguat kuasa ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Masalahnya bahawa pindaan sebagai mana yang tertera ke atas pindaan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Batu Gajah sekarang ini terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Ipoh Timur.

**2.39 ptg.**

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya berdiri untuk menyokong pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Batu Gajah. Peruntukan 22 di mana memberi kuasa kepada SIAP untuk merujuk kepada pihak berkuasa tatatertib, perkara-perkara yang bersifat tatatertib dan merujuk kepada pendakwa raya, perkara-perkara yang bersifat jenayah, adalah sebab kenapa saya sifatkan SIAP sebagai *post office*. *Post office* yang sangat *high powered* dan *highly paid* tetapi Yang Berhormat Menteri tidak setuju. Dia kata ini *post office* lebih daripada sebuah *post office*. *Post office* hantar surat tetapi tidak ada kuasa untuk dapat balasan. Akan tetapi rang undang-undang SIAP ini adalah memaksa satu balasan dan balasan ini di bawah peraturan fasal 26.

■ 1440

Fasal 26 yang berbunyi dengan izin dalam Inggeris, “*Twenty seven*, sebenarnya *section 27*. Kita bincang mengenai tatatertib dan ketepikan sementara mengenai rasuah atau corruption:

“27(3). *Where the Commission has referred a complaint to the appropriate Disciplinary Authority under subsection (1) or the Malaysian Anti-Corruption Commission under subsection (2) for action, the Disciplinary Authority or the Malaysian Anti-Corruption Commission, as the case may be, shall conduct its own investigation and communicate its finding to the Commission within thirty days from the date of receipt of the complaint from the Commission.*”

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Menteri bahawa ini adalah lebih daripada *post office*. Ada kuasa untuk dapat balasan. Oleh sebab itu sebenarnya ia sebagai *AR registered*. Kita tahu sekurang-kurangnya terima atau tidak terima dan a bit sedikit lebih daripada *AR registered* tetapi dalam 30 hari, badan tatatertib yang berkenaan perlulah “*conduct its own investigation and communicate its finding to the Commission within thirty days from the date of receipt of the complaint from the Commission*”. Kalau *finding* ialah *no action needed, no action needed*, apa SIAP boleh buat? Kalau SIAP adalah cukup bukti bahawa perlulah ambil tindakan, bolehkah SIAP dalam kes ini oleh sebab sudah rujuk kepada badan tatatertib yang berkenaan,

tidak boleh lagi *reopen* dengan *on its own* makna ada satu *inquiry*. Kalau begitu, *so Commissioner* pun dapat satu balasan daripada pihak tatatertib bahawa *no action taken*. SIAP pun tidak puas hati. Apa tindakan SIAP boleh buat? *Nothing at all. Zero!!*

Oleh sebab itu, dalam kertas kata tidak ada. Yang Berhormat Menteri kata adalah boleh buat tindakan seterusnya, sebenarnya tidak. Saya sebab itu ada cabar Yang Berhormat Menteri tunjukkan di mana? Tidak! Oleh sebab tidak ada berbeza banyak dengan *AR registered*. Betul lebih daripada *post office*, hantar kepada badan tatatertib, kepada SPRM, mereka perlu jawab 30 hari kemudian apa mereka sudah buat. Mereka kata, "*No action further* yang diperlukan". Tidak ada apa-apa yang SIAP boleh buat. *Powerless, totally powerless*. Oleh sebab itu apa gunanya?

Apa yang kita mahu ialah supaya inilah berwibawa. Sebenar-benarnya berwibawa dan berkuasa untuk menangani segala kompelin mengenai salah laku pihak polis atau pihak agensi-agensi penguatkuasaan khasnya apabila kita sudah lihat bahawa mengikut fasal 24, mengenai ruang lingkup salah laku (a), (b), (c), (d), (e), (f), (g). *Most of them*, kebanyakan peruntukan-peruntukan ini bersifat sebagai perpecahan tatatertib. (a), (b), (c), (d), (e), (f), (g), semua merupakan *breach of disciplin*. Kalau *breach of disciplin* boleh jatuh dalam kurungan ataupun jatuh dalam kategori di mana perlulah dan patutlah diambil tindakan oleh badan tatatertib. Kalau begitu, apa guna ada satu SIAP? Oleh sebab itu kita mahulah SIAP bukan jadi *highly paid post office reference centre* sungguhpun lebih daripada *post office AR registered* sedikit sahaja tetapi dengan kuasa untuk siasat segala kompelin atau laporan yang ada dibuat.

Selepas itu, menyampaikan satu keputusan sama ada *prima facie case*, sama ada korupsi, sama ada tatatertib, sama ada jenayah dan rujuk kepada badan-badan tertentu, barulah bererti. Tengok di dalam perkara ini. Saya percaya mungkin 80% atau 90% kes-kes, kompelin-kompelin akan jatuh dalam kategori ini. Oh, ini *refer* taruh dalam *pigeon-hole*. *Pigeon-hole* tatatertib, *pigeon-hole corruption* SPRM, *pigeon-hole* Pendakwa Raya dan *sent out* tiga *pigeon-hole*. Mungkin 90% atau 95%, 5% *pigeon-hole* sendiri. Itu SIAP, baru siap untuk 5%. Di dalam kes-kes semacam ini sangat tidak memuaskan dan saya harap oleh sebab itulah kita mahu pinda bahawa kita mahu ada satu SIAP yang siap. Bukan satu SIAP yang tidak siap. Sekarang kita diminta untuk meneruskan satu SIAP dan setengah siap sahaja. Setengah siap, separuh siap.

Saya berharap kerana ini mustahak oleh sebab Yang Berhormat kata kita perlu rang undang-undang ini oleh sebab ada kompelin-kompelin sekarang nampaknya tidak diambil perhatian dan sebab itulah ada badan ini. Ini bukan tujuan SIAP. Kalau ada kompelin-kompelin sekarang sudah dibuat tetapi badan-badan tatatertib yang tertentu tidak ambil tindakan, kita perlu tindakan yang berasingan supaya mereka bertanggungjawab dalam badan-badan tatatertib itu menghadapi tindakan tatatertib. Kenapa ada begitu kes-kes, kompelin orang ramai terhadap polis, terhadap imigresen, terhadap RELA, terhadap JPJ, tidak ada tindakan diambil, kenapa? *Something is rotten with the leadership of these enforcement agencies*. Apa tindakan diambil? Bukan tubuh SIAP untuk gantikan *cover-up the big hole*, lubang yang besar iaitu badan-badan ini.

Saya rasa *the hole* pendekatan itu salah. *The hole pendekatan is wrong*. Oleh sebab itu saya berharaplah dan oleh sebab khasnya kita tidak percaya bahawa mengenai badan-badan yang ada termasuk SPRM. Di sini kata SPRM, MACC, '*Malaysian Agencies for Cows and Car*'. Apa enam bulan, *what have we seen?* Yang Berhormat Menteri menjaga itu MACC. Yang Berhormat Menteri untuk *cow and cars*. *What have we being seen on the MACC?* Tiada, langsung tidak ada apa-apa tindakan yang boleh *inspire confidences* bahawa kita di dalam satu zaman yang baharu di mana *anti-corruption*, anti salah guna kuasa, anti salah laku dalam kerajaan akan dihapuskan. Tidak! Saya berharap bahawa susahlah kita tahu oleh sebab Yang Berhormat Menteri datang sini dengan *already frozen mind*. Akan tetapi saya berharap dalam *frozen mind* ini ada sedikit ruang untuk fikirkan cadangan Yang Berhormat daripada Yang Berhormat Batu Gajah. *To, disfreeze and the tore can come*. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Melaka, selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab.

**2.48 ptg.**

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri. Saya juga ingin mengambil bahagian di dalam perbahasan demi menyokong pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Batu Gajah.

Tuan Pengerusi, kita sedia maklum bahawa rang undang-undang ini iaitu Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan ini dibentangkan di Dewan ini dikatakan untuk mengukuhkan keyakinan orang ramai terhadap agensi penguatkuasaan. Saya ingat harapan orang ramai atau rakyat jelata pun anggap bahawa adalah suruhanjaya ini mungkin satu suruhanjaya yang betul-betul berkuasa ke atas semua agensi yang lain.

Ini harapan rakyat kerana keyakinan rakyat terhadap agensi penguatkuasaan terutama polis, kastam, JPJ dan yang lain-lain ini adalah kerana sering kali aduan yang sampai ke agensi ini nampaknya tidak dapat disiasat atau diambil tindakan yang sewajarnya. Selalunya bukan hanya dilambat-lambatkan, dan sering kali macam kita buang batu ke dalam laut. Langsung tidak ada sebarang maklum balas.

**Seorang Ahli:** Garam.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Garam ya? Garam lagi. Tuan Pengerusi, kita percaya bahawa kerajaan hendak kembalikan keyakinan orang ramai terhadap agensi penguatkuasaan. Semasa di dalam rang undang-undang dibentangkan, kita nampak seperti Ahli Yang Berhormat yang lain juga katakan ini sebagai suatu badan untuk merujuk sahaja atau *coordinator* sahaja.

■1450

Ini memang bukan apa yang diminta oleh rakyat atau apa yang diminta oleh wakil rakyat. Selalu tindakan tidak diambil ialah di atas sebab-sebab tertentu. Mungkin orang-orang tertentu yang terlibat, sebab itulah susah hendak ambil tindakan terhadap beliau ataupun mungkin ada

syarikat ataupun badan-badan yang terlibat, yang susah sesebuah agensi mahu ambil tindakan terhadap syarikat ataupun badan itu. Oleh sebab itu dengan penuh harapan bahawa Suruhanjaya Integriti ataupun SIAP ini akan berkuasa, akan dapat mengambil tugas yang berat ini untuk menghapuskan ketidakpercayaan orang ramai.

Oleh itu saya menyokong dengan cadangan pindaan oleh Yang Berhormat Batu Gajah. Bagaimana jika kita hendak betul-betul mengikut huraian yang terkandung dalam rang undang-undang ini iaitu dengan mengukuh keyakinan rakyat kepada agensi penguatkuasaan. Saya harap mungkin Yang Berhormat Menteri dapat menyokong pindaan ini, supaya salah satu boleh, kita tambah kuasa untuk suruhanjaya ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**2.52 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Pengerusi, saya ingat inilah masalahnya. Belum pun suruhanjaya ini ditubuhkan, belum lagi mereka buat kerja, pandangan yang macam ini, yang tidak boleh dipakai. Pandangan Yang Berhormat Ipoh Timur dan Yang Berhormat Kota Melaka. Belum orang buat kerja sudah hukum. Yang Berhormat Ipoh Timur kata, ini akan jadi posmen, letak dalam *post box*.

**Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya ingat kalau dia jadi pesuruhjaya, yang itu dia dibuat. Kepala dia sendiri pun dia tidak cuci lagi. Bagilah peluang, jangan kita...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *Post office. AR registered.*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Akan tetapi bukan *post office* pun dia kata *high powered*. Dia sendiri cakap pun tidak betul.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Yang Berhormat Menteri sendiri yang kata, bukan *post office* tetapi *AR registered*. Yang Berhormat Menteri kata sendiri pagi ini. Pagi ini!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Dia yang kata. Saya malas hendak pertikai orang tua ini punya cakap... *[Ketawa]* Dia yang kata

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Penjelasan. Minta penjelasan.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Dia yang kata dan *high-powered*. Jadi, betullah. Dalam satu masa kata posmen, dalam yang sama *high-powered*, ada kuasa, yang mana satu ini? Jadi, saya harap kita kena bagi peluang.

Yang Berhormat PJ Utara, tidak payahlah, duduklah. Ini Yang Berhormat Kota Melaka, saya tidak nampak. Yang Berhormat Kota Melaka bangkit dan kata kita mesti berikan dia satu kuasa yang terbesar, tinggi daripada yang lain-lain. Baik, dia tidak akan kehabisan. Kalau SIAP ini dengan kuasa yang banyak, apabila pesuruhjaya ia pula tidak menjalankan tindakan yang betul, siapa pula hendak hukum dia ini? Siapa pula yang hendak suruh dia duduk, beritahu ada orang kompelin tentang dia, siapa pula?

Perkara ini tidak akan habis. Tidak ada satu badan yang tertinggi sekali. Oleh sebab itu apa yang kita sebutkan di sini ialah SIAP ini sebenarnya, yang kita hendak wujudkan, tidak berhajat untuk dia sebagai pendakwa raya kerana kuasa itu adalah kuasa dalam Perlembagaan yang diberikan kepada *Attorney General*. Kita kena asing-asingkan tugas masing-masing. Kalau tidak nanti semua masalah akan dihalakan kepada SIAP. Tutuplah Jabatan Peguam Negara, polis dan kastam pun tutup, dan tidak perlu wujud lagi badan disiplin untuk menyiasat tingkahlaku ahlinya.

Tidak boleh macam itu! Kita adakan SIAP ini untuk kita hendak ambil kira aduan daripada orang ramai yang telah pun mengadu seorang pegawai kepada jabatan dia tetapi tiada tindakan yang diambil. Yang ini merayu kepada SIAP supaya SIAP akan memantau dan memberitahu, "Hey jabatan, kamu tidak ambil tindakan. Ambil tindakan". Ini yang kita mahu. Saya hendak beritahu dengan adanya pendengaran awam, dengan bolehnya dipanggil saksi untuk memberikan bukti-bukti dia semua, ini sudah menjadi satu keputusan yang diketahui orang ramai. Pada ketika itu tidak boleh diletakkan dalam *post box*, letak bawah tikar, orang ramai sudah tahu.

Saya percaya inilah sebenarnya pendengar awam dan orang ramai sudah tahu bahawa ini suatu kuasa yang akan mendorong jabatan berkenaan, yang di kompelin itu kalau dulu tidak mengambil tindakan untuk dia mengambil tindakan. Bukan sahaja mengambil tindakan, kalau didapati bersalah mesti menurunkan hukuman kepada kakitangan yang dikompelin itu.

Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebutkan di sini cadangan pindaan daripada Yang Berhormat Batu Gajah, tidak setuju. Ahli-ahli Yang Berhormat Barisan Nasional ingat, tidak bersetuju ya? Nanti kalau disuruh undi kata, "tidak", jangan disokong pula... [*Ketawa*] Alasannya, bukan... [*Dewan riuh*] Saya belum bagi alasan, bukan saya kata tolak.

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** *Post Master*.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Bukan tolak dengan tidak memberi alasan. Sabarlah. Saya pernah dengar orang cakap *young man in hurry but old man in hurry* tidak pernah orang sebut. Kalau tua buat perangai macam orang tua, mesti mahu sabar, *steady*.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** [*Menyampuk*]

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** *Steady*. Mahu *steady* sedikit, Yang Berhormat. Selama 40 tahun duduk dalam Dewan mesti mahu *steady* sedikit. Kalau tidak malu kepada orang lain, tidak belajar apa-apa macam unta di Mekah.

Jadi, kita menolak cadangan pindaan ini kerana tujuan fasal 22(2) dan 22(3), ini adalah untuk memberikan kuasa yang luas dan bebas kepada Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan dalam menentukan apakah aduan yang ingin disiasatnya. Semuanya bergantung kepada keputusan Suruhanjaya Integriti. Jika difikirkan wajar untuk menyiasat sesuatu aduan dia boleh menyiasat. Jika difikirkan tidak wajar menyiasat sesuatu aduan maka ia berkuasa merujuk aduan itu kepada mana-mana pihak yang berkenaan. Kuasa ini diberikan

kepada Suruhanjaya Integriti dengan kepercayaan bahawa Suruhanjaya Integriti akan bersikap profesional, bijak dan jujur dalam menjalankan fungsi dan kuasanya. Kita kena beri *flexibility*.

Dengan adanya kuasa yang diperuntukkan di bawah fasal 22(2) dan 22(3) ini. Suruhanjaya Integriti mempunyai kebebasan untuk memutuskan sama ada untuk menyalah apa-apa kesalahan, tatatertib ataupun tidak menyalah apa-apa kesalahan tatatertib. Jika Suruhanjaya Integriti untuk memutuskan untuk tidak menyalah maka suruhanjaya boleh merujuk kesalahan tatatertib itu kepada pihak berkuasa tatatertib yang berkenaan untuk menyalahnya.

Fasal 22(2) dan (3) tidak bertujuan untuk membendung atau menyekat kuasa Suruhanjaya Integriti untuk menyalah apa-apa kes tatatertib atau kes jenayah. Fasal 22(2) wajar dikekalkan kerana kita tidak mahu Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan dengan pelbagai aduan yang menyentuh tatatertib yang bersifat rutin.

Inilah tujuannya mengapa Yang Berhormat sebut di 25 tadi kita gunakan "*may*" dan tidak "*must*". Ini kerana kita tidak mahu mereka dibebankan dengan perkara-perkara yang rutin, yang seharusnya diselesaikan oleh badan tatatertib yang berkenaan. Jadi, kita kena bagi ia *flexibility*. Masa dan kuasa suruhanjaya dapat difokuskan kepada perkara-perkara tatatertib yang membawa signifikan kepada orang ramai dan kepentingan awam.

Begitu juga dengan peruntukan fasal 22(3). Kuasa yang diberikan oleh peruntukan ini membolehkan Suruhanjaya Integriti terus merujuk aduan yang bersifat jenayah kepada pendakwa raya. Peruntukan ini tidak bertujuan untuk membendung kuasa Suruhanjaya Integriti untuk menyalah sesuatu aduan jenayah. Sebaliknya ia adalah satu kuasa yang luas yang, diberikan kepada suruhanjaya.

Suruhanjaya boleh dalam mana-mana hal jika ia mendapati aduan itu menunjukkan kesalahan jenayah telah berlaku, terus merujuk aduan itu kepada pendakwa raya untuk diambil tindakan tanpa perlu menyalahnya. Dengan itu suruhanjaya boleh memfokuskan siasatan kepada kes-kes jenayah lain, yang lebih signifikan kepada orang ramai.

Apabila Suruhanjaya Integriti merujuk sesuatu aduan kepada pihak lain, suruhanjaya bukannya lepas tangan begitu sahaja. Suruhanjaya masih mempunyai kuasa memantau status aduan itu, iaitu memantau tindakan yang diambil oleh pihak-pihak yang berkenaan. Suruhanjaya masih mempunyai tanggungjawab kepada setiap pengadu untuk memaklumkan pengadu tentang status aduannya. Tambahan pula Perlembagaan Persekutuan dengan jelasnya menetapkan bahawa semua pegawai dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan adalah terletak di bawah bidang kuasa suruhanjaya perkhidmatan mereka masing-masing yang ditubuhkan di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Antara fungsi Suruhanjaya Perkhidmatan di bawah Perkara 144, Perlembagaan Persekutuan ialah menjalankan kawalan tatatertib ke atas anggota perkhidmatan yang diliputi

oleh bidang kuasanya. Oleh yang demikian kuasa untuk mengenakan apa-apa hukuman tatatertib adalah terletak pada pihak berkuasa tatatertib yang berkenaan.

■1500

Berdasarkan Perkara 145, Perlembagaan Persekutuan, kuasa untuk memulakan atau menjalankan atau memberhentikan apa-apa prosiding bagi pertuduhan jenayah adalah kuasa yang boleh dijalankan menurut budi bicara pendakwa raya. Oleh itu Suruhanjaya Integriti tidak boleh mengenakan apa-apa hukuman tatatertib ke atas atau memulakan pendakwaan bagi salah laku pegawai penguat kuasa di bawah rang undang-undang ini kerana ia akan bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan. Maka dengan hujah ini, kedua-dua fasal 22(2) dan (3) hendaklah dikekalkan dan cadangan daripada Yang Berhormat Batu Gajah adalah ditolak.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Batu Gajah dalam kertas pindaan hendaklah disetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan; dan tidak disetujui.

*[Kertas Pindaan adalah dilampirkan]*

**Fasal 22** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

**Fasal-fasal 23 hingga 25 -**

**3.02 ptg.**

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Tuan Pengerusi, saya ingin memohon penjelasan berkenaan fasal 23(4) di mana Jawatankuasa Aduan akan menilai aduan yang diterimanya. Jadi dalam seksyen 23(4) ada menyatakan di mana Jawatankuasa Aduan dalam penilaiannya dalam (b) akan menentukan sama ada aduan itu bersifat remeh, menyusahkan atau tidak dibuat dengan tidak suci hati, apa yang dimaksudkan sebagai "remeh"? Apa yang dimaksudkan "menyusahkan"? Dan apa yang dimaksudkan "dibuat dengan tidak suci hati"? Bagaimana anggota boleh menentukannya dan bagaimana anggota menilai sama ada aduan itu adalah kecil atau besar.

Pada pendapat saya, sepatutnya setiap aduan yang diterima oleh suruhanjaya atau Jawatankuasa Aduan patut diberi kepentingan, dipandang beratnya dan bukan sekadar kata, *"Oh, ini berkaitan dengan seorang, dua pegawai penguat kuasa. Ia satu aduan yang kecil."* Selepas itu mengesyorkan kepada suruhanjaya untuk merujuk kepada pihak berkuasa tatatertib.

Jadi pihak kerajaan mungkin boleh menjelaskan apa yang dimaksudkan kalau kita tengok seksyen 23(4)(d), *"Salah laku yang diadukan telah berlaku terlalu lama dahulu untuk mewajarkan suatu penyiasatan dijalankan"*. Apa yang dimaksudkan terlalu lama ini? Apakah tempohnya yang dikatakan terlalu lama? Jadi saya sangat risau, Tuan Pengerusi, jika kita telah mencatat dengan begitu terang dalam rang undang-undang ini tetapi tidak menerangkan apa yang dimaksudkan sebagai aduan yang kecil, apa yang dimaksudkan dibuat dengan tidak suci hati.

*In direct* nya telah mengecilkan ruangan aduan orang ramai sebab Jawatankuasa Aduan, anggotanya, kelayakannya, kepakarannya kita tidak tahu. Ia boleh sewenang-wenangnya memutuskan ini aduan kecil, ini tidak dibuat dengan suci hati, ini telah lama. Jadi Tuan Pengerusi, saya rasa perlulah pada pandangan saya setiap pengadu yang kalau mengambil kesulitan untuk pergi menyampaikan aduan kepada suruhanjaya, semua adalah aduan yang besar. Tidak boleh dipandang sebagai satu aduan remeh.

Tuan Pengerusi, *we are talking about* satu suruhanjaya di mana pesuruhjaya adalah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong. Mereka telah pergi ke agensi tatatertib tetapi sudah gagal, tiada pilihan sebab itu datang ke suruhanjaya. Jadi semua aduan patut dipandang sebagai aduan yang besar, *major complaint*, tetapi dalam catatan di sini kata boleh menilai aduan kecil. Jadi saya risualah sebab selepas itu seksyen 22 membenarkan di mana jawatankuasa mencadangkan di mana suruhanjaya boleh terus merujuk balik kepada pihak berkuasa tatatertib tersebut.

*It making one round* balik. Jadi saya pohonlah penjelasan berkenaan apa yang dimaksudkan dengan remeh, apa yang dikatakan menyusahkan..., menyusahkan siapa? Apa yang dikata aduan kecil? Apa yang dimaksudkan terlalu lama? Jadi saya risau jangan ada kesempatan diambil untuk mengelakkan atau memalukan mana-mana pihak aduan tersebut dengan sewenang-wenangnya menggunakan seksyen ini untuk ditolak penyiasatannya. Jadi saya pohon penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**3.05 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Kalau kita sebagai seorang peguam, Yang Berhormat Batu Gajah pun peguam, dalam penghujahan di mahkamah, jawapan kita, satu daripada perkara yang boleh diambil kira bagi seorang hakim mengetepikan satu-satu tuntutan ialah dengan mengatakan iaitu bahawa tuntutan itu adalah *frivolous*, *factitious* dan *mala fide*. Ini satu alasan yang diterima oleh mahkamah.

Jadi soalnya, apakah yang dianggap sebagai *frivolous*, *factitious*, mala fide iaitu tanpa niat suci dan benda yang remeh. Itu kita serahlah kepada pegawai-pegawai Jawatankuasa Aduan untuk menentukan dan mereka tahu memang ada sesetengah perkara itu yang dibuat aduannya memang sengaja diada-adakan. Dia boleh tahu, dia seorang manusia, dia akan tahu sama ada benda itu *factitious* kah, *frivolous* kah. Jadi ini kita kena serah. Kita bukan ada satu mesin. Apabila aduan datang, kita masuk dalam mesin itu dan mesin itu akan menentukan kerana rumit, kerana perkara kecil, tidak payah. Tidak ada. Kita terpaksa bergantung kepada manusia juga.

Jadi sebab itu dalam soal ini saya percaya seorang yang mempunyai pemikiran yang normal, dia akan tahu sama ada aduan itu dibuat secara dianggap sebagai perkara remeh



ataupun tidak. Sebagai contoh, kalau kita hendak buat satu aduan, bagi sayalah, kalau surat itu tidak ditandatangani, sudah jelas menunjukkan ini merupakan satu perkara yang tidak boleh ambil berat sebab bagaimana kita hendak mengesahkan tentang perkara itu berlaku kalau kita tidak dapat mengetahui siapakah yang membuat aduan, di mana alamat dia. Jadi ini kita akan tahu.

Kita kena yakin dan percaya iaitu bahawa pegawai-pegawai yang dilantik in janganlah daripada mula lagi kita sudah menganggap mereka tidak berkemampuan untuk hendak membuat satu keputusan sama ada perkara itu remeh ataupun tanpa niat suci ataupun tidak. Jadi itu penjelasan yang boleh saya berikan.

**Fasal-fasal 23 hingga 25** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

#### **Fasal 26 – Pindaan oleh YB Sungai Siput:**

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Sila, Yang Berhormat.

**3.08 ptg.**

**Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bawa perkara ini kerana Jawatankuasa Aduan ini, ia macam jadi *gatekeeper* untuk suruhanjaya ini dan bila aduan diterima, ia ditimbang oleh Jawatankuasa Aduan dan selepas habis pertimbangan itu, Jawatankuasa Aduan akan beri laporan kepada suruhanjaya, tetapi dalam akta yang sedia ada ini tidak ada langsung jangka masa untuk buat perkara ini.

Manakala dalam seksyen 27(3) di mana aduan yang disifatkan sebagai satu kesalahan tatatertib dan dirujuk kepada agensi tertentu itu, mereka ini dikehendaki selepas buat siasatan mereka ini, untuk beri jawapan dalam masa 30 hari. Ada tempoh masa untuk aduan yang dirujuk kepada pihak lain atau dalam seksyen 27(7), bila aduan itu dihantar kepada pasukan petugas dalam suruhanjaya yang sama, ia kena menyiasat dan beri laporan balik kepada suruhanjaya dalam tempoh masa 14 hari.

Akan tetapi dalam *gate keeper* kita ini, Jawatankuasa Aduan ini, tidak ada satu tempoh masa menetapkan berapa lama untuk beri balik laporan kepada suruhanjaya. Jadi apa yang saya cadangkan ialah dalam seksyen 26 ini, yang asal ini mengatakan, "*Maka Jawatankuasa Aduan hendaklah membuat satu laporan kepada suruhanjaya mengenai aduan ini dan dapatannya, dan membuat syor supaya suruhanjaya menolak aduan itu..*"

Saya cadangkan selepas "*suruhanjaya mengenai aduan ini dan dapatannya...*", dimasukkan perkataan "*dalam jangka masa enam minggu selepas aduan tersebut didaftarkan dengan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan*".

## ■ 1510

Ini akan menjadikan seksyen 26 ini konsisten dengan seksyen 27(3), seksyen 27(7) dan juga seksyen 32 dan seksyen 30(3) dan juga akan menjadikan siap ini lebih berkesan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Sungai Siput sekarang ini terbuka untuk dibahas. Sila Yang Berhormat Menteri.

**3.12 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Pengerusi, kerajaan telah terima cadangan pindaan ini. Cadangan enam minggu selepas aduan tersebut didaftarkan dengan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan adalah terlalu lama bagi hal perkara ini. Enam minggu lama pada pandangan kita.

Hal perkara dalam subseksyen 26(4) ini ialah berkenaan dengan keadaan apabila Jawatankuasa ingin membuat syor untuk menolak sesuatu aduan. Pada pandangan saya, enam minggu hanya untuk membuat syor kepada suruhanjaya untuk menolak sesuatu aduan adalah terlalu lama dan tidak wajar.

Biarlah suruhanjaya menentukan tempoh masa yang sesuai mengikut budi bicaranya. Suruhanjaya dijangka akan menetapkan prosedur yang lebih cepat. Suruhanjaya boleh menetapkan *Standard Operating Procedure* yang perlu diikuti oleh Jawatankuasa Aduan dalam peraturan-peraturan yang dibuat. Adalah dijangkakan bahawa masa yang lebih wajar bagi tindakan yang perlu diambil bagi hal perkara ini ialah paling awal 14 hari atau paling lewat empat minggu.

Biarlah suruhanjaya menetapkan sendiri melalui peraturan-peraturan ini dan Tuan Pengerusi, saya akan menjamin iaitu pindaan Yang Berhormat Sungai Siput ini dibawa yang mahukan dikenakan masa enam minggu dan tidak dipersetujui oleh pihak kerajaan, ini akan kita sampaikan perbincangan ini kepada pihak suruhanjaya nanti apabila mereka bermesyuarat untuk melihat, apabila hendak menentukan masa nanti melihat tentang *the spirit* di kalangan Ahli-ahli Parlimen berkenaan dengan masa ini. Yang Berhormat cadang enam minggu tetapi pihak kerajaan cadang paling lewat empat minggu. Akan tetapi sebaik-baiknya 14 hari.

Jadi sebab itu saya fikirkan oleh sebab mereka akan dilantik nanti biarlah mereka yang membuat keputusan mereka masing-masing berdasarkan apa yang telah kita bahaskan dalam Dewan ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh...

**Tuan Chua Tian Chang [Batu]:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Sudah tidak ada Yang Berhormat. Saya tidak nampak Yang Berhormat bangun dan telah dijawab oleh Menteri, selesailah untuk seksyen

itu Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan dalam kertas pindaan hendaklah dipersetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan; dan tidak disetujui.

*[Kertas Pindaan adalah dilampirkan]*

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Tuan Pengerusi, cadangan pindaan saya 26(1) agar dipotong. Saya ingat selepas Yang Berhormat Sungai Siput adalah saya bangkit untuk mencadangkan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Sebentar Yang Berhormat.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Pengerusi, boleh saya bantu?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya Yang Berhormat, teks fasal 26 Yang Berhormat Batu Gajah tidak disertakan.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya ada terima dan kita bersedia untuk menjawab.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya setuju bahawa seksyen ini perlu dibahaskan oleh Dewan yang mulia ini. Kita akan balik kepada fasal 26 pindaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Batu Gajah. Sila Yang Berhormat.

#### **Fasal 26 – Pindaan oleh YB Batu Gajah:**

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Yang Berhormat Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya pohon untuk memohon agar fasal 26, seksyen 26 subseksyen 1 dan 2 ini dipotong seperti alasan yang saya bangkitkan sebelum ini di bawah seksyen 22, fasal 22.

Tuan Pengerusi, seksyen 26 subseksyen 1 adalah menyatakan bahawa Jawatankuasa Aduan boleh apabila ia sendiri berpuas hati lebih baik aduan itu dirujuk kepada pihak berkuasa tetapi akan membuat laporan dan mengesyorkan untuk dipertimbangkan oleh suruhanjaya. Jika ia adalah berpuas hati bahawa ia di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah, ia akan membuat laporan dan syorkan untuk dirujuk kepada suruhanjaya ini agar ia dirujuk kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah.

Akan tetapi Tuan Pengerusi, apa yang tadi saya bangkitkan adalah Jawatankuasa Aduan berpuas hati, ia boleh berpuas hati tanpa sebarang penyiasatan dijalankan di dalam proses penilaiannya itu yang merisaukan sebab seksyen 27(3), jika laporan dan syor oleh Jawatankuasa untuk merujuk kes ini sebagai satu kes aduan tatatertib mencadangkan kepada suruhanjaya agar merujuk balik kepada Pihak Berkuasa Tatatertib.

Jika Pihak Berkuasa Tatatertib dalam masa 30 hari memaklumkan hasil siasatannya, apakah pihak Jawatankuasa Aduan atau suruhanjaya akan faham bagaimanakah Pihak

Berkuasa Tatatertib itu mencapai keputusan sedemikian atau membuat tindakan tersebut jika ada.

Jadi kalau Jawatankuasa Aduan tidak membuat sebarang siasatan terlebih dahulu untuk menentukan ia patut atau tidak patut dirujuk. Jadi saya rasa kuasa dengan terus merujuk kepada Pihak Berkuasa Tatatertib apabila mendapati ia adalah kes tatatertib atau jenayah dan rasuah tanpa sebarang siasatan sebab rang undang-undang membenarkan tadi saya kata, "*may conduct the preliminary investigation*". Dia boleh pilih untuk tidak membuat penyiasatan awal.

Jadi inilah yang merisaukan dan jadi bagaimanakah jika sedemikian adakah suruhanjaya boleh menilai sama ada keputusan yang dimaklumkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib atau MACC atau pendakwa raya itu adalah wajar atau adil untuk pengadu atau memuaskan hati.

Inilah masalahnya kalau ia membenarkan Jawatankuasa Aduan untuk mengesyorkan kes dirujuk terus kepada Pihak Berkuasa Tatatertib oleh suruhanjaya ini dan saya nyatakan tadi di bawah seksyen 22. Jadi saya pohon agar seksyen 26(1)(2) ini dipotong agar memastikan setiap aduan yang disampaikan ada satu penyiasatan mendalam dijalankan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Batu Gajah sekarang ini terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Ipoh Timur.

### **3.20 ptg.**

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Sampai sekarang Yang Berhormat Menteri tidak boleh memberi jawapan yang memuaskan. Kenapa kita tidak boleh ada satu SIAP yang siap bukan yang separuh siap sahaja dengan kuasa, dengan bidang kuasa yang berwibawa untuk menangani segala kompelin terhadap agensi-agensi penguatkuasaan?

Lebih mustahaknya ialah terhadap polis dan saya khususkan kepada polis bukan oleh kerana kita bukan musuh polis akan tetapi kita sokong polis, kita mahu polis berwibawa dan satu cara untuk polis berwibawa ialah ada IPMC. Ini tidak akan memberi apa-apa kesan untuk mewujudkan satu polis yang berwibawa, tidak akan menunaikan usaha dan aspirasi bekas Perdana Menteri yang dua, tiga hari ada di sini harap ini satu *trinity reform legislation* boleh benar-benar memberi satu kesan untuk usaha negara kita menjadi *first world nation* di mana rakyat boleh menikmati keselamatan persendirian, *personnel safety* dan *property safety*.

Itulah tujuannya tetapi ini semua dihilangkan dalam perbincangan ini dan mengenai cadangan spesifik mengenai fasal 26 yang serupa. Sampai sekarang kita tahu apabila SIAP ditubuh, ada dua peti besar, tiga peti besar, *pigeon-hole* besar, satu SPRM, satu badan berkenaan dan satu pendakwa raya di mana untuk asingkan semua kompelin dan dikeluarkan.

## ■1520

Akan tetapi tidak ada peruntukan pun dalam rang undang-undang ini mengenai memberi maklumat kepada si *complainant*. Apa sudah jadi kepada *company-company* mereka? Betul, kalau SIAP buat keputusan bahawa kompelin-kompelin yang akan di siasat dengan *public hearing* dan ini akan menjadi pendengaran umum. Ini juga akan menjadi pengetahuan orang umum dan pengetahuan si *complainant* apa yang sudah jadi kepada kompelin mereka. Akan tetapi mengenai kes-kes yang di *pigeon-hole* dan dihantar kepada badan tatatertib atau dihantar kepada SPRM atau dihantar kepada pendakwa raya, siapa pun tidak tahu.

Tidak ada peruntukkan untuk memaklumkan kepada mereka mengenai *what happen to their complaint* oleh sebab SIAP pun tidak tahu. SIAP pun tidak ada SIAP untuk tahu. Oleh kerana beri dua minggu, dua bulan atau 30 hari. 30 hari untuk mendapat balasan daripada mereka yang berkenaan, tiga-tiga *pigeon-hole* ini, apa yang buat? Tetapi kalau tidak buat pun tidak boleh buat apa. Sebab itu kita mahu badan ini ada kuasa sepenuhnya untuk siasat setiap kompelin. Bagaimana *three pigeon-hole* sahaja, *three pigeon-hole* yang lain tidak siap dan *what is going to happen to the 90% of this complains* yang akan dihantar ke pada tiga-tiga badan yang tertentu. Sebab itu, kita perlulah terima cadangan pindaan yang dibuat oleh Yang Berhormat Batu Gajah supaya khusus mengenai tanggungjawab SIAP, untuk siap segala perkara-perkara mengenai kompelin-kompelin yang ada dibuat kepada SIAP. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu, selepas Yang Berhormat Kuala Selangor, Kemudian Menteri menjawab.

**3.21 ptg.**

**Tuan Chua Tian Chang [Batu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin ucapkan syabas kalau Menteri telah mempunyai satu pandangan bahawa kita ingin mempertingkatkan keberkesanan untuk mengehadkan tempoh empat minggu bagi siasatan ini ditentukan. Tapi selagi kita tidak letak dalam akta ini, kita masih boleh menganggap ini sebagai hujah dari seorang Menteri sahaja dan saya harap hujah ini dapat ditetapkan dalam suruhanjaya yang akan ditubuhkan. Akan Tetapi saya tidak nampak kalau dengan *silent* ini tidak ada dalam akta ini.

Keberkesanan ini boleh dipertingkatkan ambil contoh sekarang yang kita hadapi seluruh negara tumpu kepada isu kes Kugan ini. Saya baru dapat, baru terima jawapan dari Menteri bahawa kes ini belum ada lagi keputusan dan laporan tidak akan dikemukakan kerana masih menunggu siasatan terhadap doktor yang melakukan bedah siasat. Doktor bedah siasat yang pertama hanya memberi satu boleh dikatakan satu laporan yang anggap *misleading*.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, tidak payah *detail-detail* kes ini Yang Berhormat.

**Tuan Chua Tian Chang [Batu]:** Tapi ia tidak ada kena mengena dengan keberkesanan mengambil tindakan terhadap orang yang salah laku. Saya tidak nampak kalau kes sekarang dijalankan dengan masa yang begitu panjang, bagaimana dengan satu akta yang kita tidak

tentukan dan kita tidak juga mewajibkan suruhanjaya ini memberi alasan tentang siasatan mereka. Kita boleh mempertingkatkan *efficiency* agensi ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Selangor.

**3.22 ptg.**

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Konsisten dengan pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Batu Gajah dalam seksyen 22(2) dan (3), dan sekarang ini 26(1)(2). Tuan Pengerusi, kita akan melaburkan serta membelanjakan sejumlah wang yang besar untuk sekali lagi menubuhkan satu suruhanjaya dan kita telah dapati bahawa Suruhanjaya SUHAKAM Hak Asasi Manusia berdepan dengan pelbagai kekangan. Maka kalau konsisten kita untuk benar-benar memperkasakan suruhanjaya ini Tuan Pengerusi, saya minta sungguh-sungguh supaya Yang Berhormat Menteri bersedia untuk menggugurkan seksyen 26(1)(2) ini supaya benar-benar Jawatankuasa Aduan ini akan dapat terus...setelah membuat siasatan awal memberikan siasatan itu kepada Suruhanjaya dan tidak kepada pihak yang lain seperti pihak berkuasa tatatertib mahu pun PSRM. Itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Sila Yang Berhormat Menteri.

**3.23 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Terutama Yang Berhormat Ipoh Timur lah. Saya tidak tahu dia ini kurang pendengaran kah atau pun tidak faham bahasa Malaysia? *[Ketawa]*

Sebab saya sudah jawab banyak kali mengapa pertamanya kita tidak adakan IPCMC dan kita mengadakan SIAP dan keduanya saya telah menjelaskan mengapa kita tidak berikan kuasa mendakwa dan mengapa kita tidak boleh mengambil tindakan hukum terus kerana semua ini merupakan perkara-perkara yang telah ditentukan oleh Perlembagaan. Jadi Yang Berhormat, kalau tidak faham nanti kita keluar minum kopi saya... apa ni pakai telefon. Macam mana ini, saya jawab dia pakai telefon. Jadi itu lah masalahnya.

**Seorang Ahli:** Peraturan Mesyuarat ini.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Dia tidak dengar apa saya jawab. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat tidak boleh guna telefon dalam Dewan Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tidak boleh guna. Nanti dia buat tidak tahu. Jadi tidak apalah saya tidak usah jawab hal dia lah. Jadi, kita terus kepada Yang Berhormat Batu dan Yang Berhormat Kuala Selangor.

Ya, kita mesti beri ruang kepada pihak suruhanjaya nanti pesuruhjayanya untuk menentukan dia punya rangka kerja dia. Dalam bentuk apa? Supaya ini akan menyenangkan mereka untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab dia. Saya sudah beritahu iaitu apa juga perbincangan yang kita lakukan di peringkat jawatankuasa yang begitu mendalam. Saya akan

sampaikan, saya akan sampaikan kepada pihak suruhanjaya pesuruhjaya nanti untuk waktu dia hendak menyediakan dia punya rangka ruang kerja dia, ruang lingkup dia supaya dia mengambil kira apa yang telah dia bahaskan oleh kita. Ini bukan satu masalah yang besar yang saya tidak boleh saya lakukan. Jadi saya ingin menyatakan di sini iaitu bahawa...

**Tuan Chua Tian Chang [Batu]:** Boleh mencelah Yang Berhormat Menteri?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sebentar Yang Berhormat

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Kerajaan tidak bersetuju dengan cadangan pindaan untuk memotong fasal 26(1) dan (2) ini tidak dipersetujui. Kita tidak bersetuju kerana kebimbangan Batu Gajah. Duduk lah saya nak tengok Yang Berhormat Batu Gajah, saya bukan hendak tengok muka *you*. Dia yang tanya saya kena jawab untuk dia.

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat Batu Gajah tidur kah? [*Menyampuk*]

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat Batu Gajah dia pandang saya. Tidak, dia tidak tidur. Dia pandang saya. Jadi, Yang Berhormat Batu Gajah saya boleh *recognize* masalah yang Batu Gajah bangkit kalau seorang pengadu dia buat aduan kemudian Jawatankuasa Aduan dia ke tepikan dan tidak diketahui oleh Suruhanjaya Pesuruhjaya.

Tuan Pengerusi, di bawah sub seksyen 30(5), Suruhanjaya akan mestilah dapatan memaklumkan aduan kepada pengadu. Apa juga dapatan termasuk maknanya ditolak di peringkat Jawatankuasa Aduan. Apabila orang itu ada buat aduan, dia mesti diberi maklum apa telah jadi berlaku kepada aduannya. Kalau ditolak di peringkat Jawatankuasa Aduan sebagai *frivolous* ke *vexatious* kah ada nama dia ada alamat dia akan diberi maklum dan Yang Berhormat jangan bimbang itu apabila *the full committee* Suruhanjaya dia bersidang, sudah tentu akan ada laporan yang dibuat menceritakan bahawa aduan si anu-anu ditolak. Di situ Pesuruhjaya akan tahu dan akan bertanya kepada Jawatankuasa Aduan mengapa ini ditolak kalau itu menarik perhatian dia. Jadi dalam soalan mengatakan ini akan menyebabkan pengadu tidak tahu aduan ditolak, apa sebabnya dan juga kalau katalah tidak akan sampai kepada *full committee*, itu tidak akan berlaku kerana prosedur kerjanya mesti ada laporan dan jawapan.

#### ■1530

Keduanya, Yang Berhormat Batu Gajah, sebenarnya Yang Berhormat di peringkat Jawatankuasa Aduan di bawah itu telah pun berlaku penyiasatan. Kedua-dua fasal 26(1) dan (2) adalah peruntukan prosedur. Jawatankuasa Aduan hanya membuat laporan dan syor kepada Suruhanjaya berdasarkan penyiasatan awal. Maknanya ia bukan macam Yang Berhormat Ipoh Timur katakan tadi masuk ikut situ, masuk ikut sini. Ia ada penyiasatan awal yang dijalankan olehnya. Tidak semestinya Suruhanjaya mengikut syor Jawatankuasa Aduan itu. Laporan dan syor Jawatankuasa Aduan tidak mengikat suruhanjaya.

Mengikut fasal 27(6) jika Suruhanjaya tidak berpuas hati dengan laporan dan syor Jawatankuasa Aduan, Suruhanjaya boleh mengarahkan pasukan petugas untuk membuat penyiasatan lanjut mengenai aduan itu dan pasukan petugas hendaklah melaporkan dapataannya

kepada Suruhanjaya dalam masa 14 hari bagi keputusan muktamad Suruhanjaya. Jika Suruhanjaya memutuskan aduan itu perlu disiasat, maka Suruhanjaya boleh menyiasatnya walaupun laporan dan syor Jawatankuasa Aduan adalah untuk menunjukkan aduan itu kepada pihak berkuasa tatatertib yang berkenaan.

Merujuk kepada syor Jawatankuasa Aduan untuk Suruhanjaya merujuk aduannya berkaitan dengan perkara rasuah kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tindakan Jawatankuasa Aduan adalah teratur dari segi prosedurnya. SPRM ditubuh khas untuk menangani masalah rasuah dan mempunyai pengkhususan dalam perkara tersebut. Dengan itu, adalah lebih wajar dan praktikal bagi aduan mengenai rasuah disiasat oleh SPRM. Sekiranya Suruhanjaya Integriti bersetuju dengan laporan dan syor Jawatankuasa Aduan untuk merujuk perkara rasuah kepada SPRM, maka Suruhanjaya Integriti boleh memberikan fokus kepada aduan-aduan yang lain.

Jadi berdasarkan kepada hujah ini kita tolak cadangan daripada Yang Berhormat Batu Gajah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Batu Gajah dalam kertas pindaan hendaklah dipersetujukan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan; dan tidak disetujui.

*[Kertas Pindaan adalah dilampirkan]*

**Fasal 26** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

**Fasal 27 – Pindaan oleh YB Batu Gajah:**

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Sila Yang Berhormat.

**3.33 ptg.**

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Ia adalah berkaitan cadangan pindaan dengan seksyen 22, seksyen 26 dan sekarang pula dengan seksyen 27 berkenaan kuasa rujuk-merujuk. Apabila Jawatankuasa Aduan telah membuat syor kepada Suruhanjaya, Suruhanjaya berpendapat tidak berhasrat untuk memulakan siasatan, ia boleh merujuk aduan itu kepada pihak berkuasa tatatertib dan begitu juga di bawah subseksyen 2 merujuk kuasa kepada Suruhanjaya setelah menimbang syor Jawatankuasa Aduan merujuk kepada aduan itu kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri tadi ada kata kita mesti bagi peluang, kita mesti bagi ruang kepada Suruhanjaya menentukan rangka kerja, tapi dalam rang undang-undang ini apa yang merisaukan ia telah menetapkan satu rangka di mana membenarkan aduan-aduan ini terlepas daripada penyiasatan yang mendalam, penilaian yang mendalam oleh Suruhanjaya ini. Inilah yang merisaukan Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, tadi saya telah bangkitkan Yang Berhormat kata penyiasatan awal ada dijalankan. Ada penyiasatan. Seksyen 25 ada penyiasatan dijalankan oleh Jawatankuasa



Aduan tapi penyiasatan berbentuk apa? Kalau kita tengok Jawatankuasa Aduan hanya menjalankan penyiasatan awal yang berbentuk menentukan jenis salah laku atau sama ada Suruhanjaya patut atau tidak patut mengadakan satu siasatan yang sepenuhnya, bukannya satu penyiasatan yang mendalam seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 31, di mana Suruhanjaya mempunyai kuasa menjalankan pendengaran, menerima semua keterangan, memanggil saksi-saksi, tidak ada. Penyiasatan awal oleh Jawatankuasa Aduan hanya menentukan jenis salah laku dan menilai sama ada Suruhanjaya patut atau tidak patut menjalankan penyiasatan sepenuhnya. Itu sahaja Tuan Pengerusi.

Jadi saya tadi bangkitkan adalah, apakah akan terjadi kalau kes yang tiada sebarang penyiasatan. Jangan kata penyiasatan awal, kalau tiada langsung penyiasatan dijalankan oleh Jawatankuasa Aduan dan Suruhanjaya menerima syor Jawatankuasa Aduan untuk rujuk ini kepada pihak berkuasa tatatertib dan pihak berkuasa tatatertib dalam 30 hari menjawab, kalau jawapan itu adalah tidak adil bagaimana pihak Suruhanjaya boleh menilainya Tuan Pengerusi. Ini betul *messenger* Tuan Pengerusi.

Kalau kita tengok seksyen 27 subseksyen (8) di mana, "*Suruhanjaya hendaklah memaklumkan pengadu tentang tindakan yang diambil di bawah seksyen ini*". Apa dia boleh maklumkan? Oh, kami telah menulis kepada pihak berkuasa tatatertib dan pihak berkuasa tatatertib telah menyatakan sedang diproses aduan ini. Oh, aduan ini sedang dalam siasatan. Oh, kami telah menyerahkan kes kepada pegawai kami. Oh, kami telah menerima aduan ini. Itu sahaja. Kalau jawapan sedemikian yang tidak memuaskan hati, apa yang boleh dibuat oleh pengadu. Suruhanjaya hanya boleh kata, oh, kami mempunyai kuasa untuk rujuk sebab ia balik kepada pihak berkuasa tatatertib. Itu sahaja.

Jadi saya rasa tidak wajar Suruhanjaya, di mana anggota dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong, diberi kuasa dengan sedemikian terus membuat rujukan berdasarkan syor dan laporan Jawatankuasa Aduan tanpa penyiasatan mendalam ke atas setiap aduan kepada pihak berkuasa tatatertib, MACC atau pendakwa raya, kerana kalau sedemikian maklum balas daripada ketiga-tiga agensi ini Suruhanjaya tidak boleh menilainya. Jadi saya pohon kedua-dua subseksyen bawah seksyen 27 ini dipotong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Batu Gajah sekarang ini terbuka untuk dibahas.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Ipoh Timur.

**3.37 ptg.**

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tidak tahu Yang Berhormat Menteri tak faham bahasa atau tidak mahu faham. Apa yang saya kata sangat *simple*, bahawa kita perlulah satu badan yang berwibawa kalau menggantikan IPCMC

sungguhpun ada kompelin yang perlu diambil pertimbangan kita tidak boleh ada satu penggantian yang hilang fokus, hilang matlamat dan tujuan sebab kenapa *Police Royal Commission* mencadangkan satu PMC. Nampaknya Yang Berhormat Menteri tidak boleh faham, tidak mahu faham, bahasa dia tidak baik atau dia tidak boleh faham kerana dia seorang Menteri. Sungguhpun dia faham dia pura-pura tidak faham. Itulah masalahnya. Orang muda daripada saya janganlah buat begitu. Itu tidak baik. Orang tua nasihatkan orang muda.

Tuan Pengerusi, fasal 27 pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Batu Gajah mengenai kita mahu satu badan yang berkesan. Mungkin tadi saya silap, saya tarik balik apa yang saya kata. Saya memohon maaf kerana saya kata tiga *pigeon-hole* bahawa siap tubuh tiga *pigeon-hole complaints*. Satu pergi badan tatatertib, dua pergi SPRM, tiga pergi pendakwa raya. Bukan *pigeon-hole*. Mungkin perlu tiga *building*. Tiga bangunan. Satu bangunan untuk *complaints* yang dirujuk kepada badan tatatertib. Bangunan yang kedua untuk *complaints* rujuk kepada SPRM. Bangunan yang ketiga *complaints* kepada pendakwa raya dan akhirnya 5% satu bilik cukuplah. *[Ketawa]*

Kenapa kita mahu satu badan di mana nampaknya ini akan berlaku? Kita mahu 100% *complaints* dikendalikan, disiasatkan oleh badan ini khasnya ada 21 agensi-agensi.

#### ■1540

Itulah, kalau tidak faham nanti saya boleh terangkan lagi kepada Yang Berhormat Menteri. Saya tahu, bukan senang untuk Yang Berhormat Menteri faham. Kalau dia berdiri dan mengatakan lagi dia tidak faham, saya boleh terima. Saya pun boleh maafkan beliau. Oleh kerana, nampaknya itulah tingkah laku Yang Berhormat Menteri. Sekian, terima kasih.

**Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** *Very old man.*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

3.41 ptg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Polis, pendakwa raya dan SPRM dengarlah penghinaan yang dibuat secara terbuka oleh Yang Berhormat Ipoh Timur terhadap mereka. Saya sebenarnya hendak beritahu di sini, betul saya mengakui Yang Berhormat jauh lebih tua tetapi, hendak kata waras, bijaksana daripada saya belum tentu lagi. *[Menyampuk]* Tidak cerdik itu, sudah memang tentu tidak lebih daripada saya. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi, saya sudah jawab Yang Berhormat mengatakan yang IPCMC tidak dirujuk. Mengapa? Mengapa tidak digantikan dengan satu suruhanjaya yang berwibawa? Berwibawa ataupun tidak, itu terpulang kepada pandangan masing-masing, yang dok cakap kata SIAP tidak berwibawa adalah kumpulan Yang Berhormat dengan geng-geng kongsi gelap sebelah sana itu. *[Dewan riuh]* Ini kerana, pihak kami ini, kerajaan, kita yakin rakyat Malaysia boleh, apabila dilantik menjalankan tugasnya dengan baik dan bebas kerana dia tahu

tanggungjawab dia senantiasanya akan dipantau oleh rakyat. Jadi, sebab itu kita yakin bahawa SIAP ini akan dapat menjalankan tanggungjawabnya dengan baik.

Saya tidak berhajat untuk, saya kira untuk memberitahu cadangan pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Batu Gajah adalah tidak dipersetujui dan ditolak atas alasan hujah yang telah saya beri ketika menolak cadangan sebelum ini. Cuma Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat bimbang, memanglah. Di peringkat Jawatankuasa Aduan, ia punya penyiasatan tidaklah jika dibanding dengan penyiasatan yang diarah oleh suruhanjaya, tidaklah boleh dibandingkan. Sudah tentu penyiasatan yang diarah oleh suruhanjaya yang penuh itu, lebih dalam lagi daripada siasatan awal. Oleh sebab itu ia perlu disiasat dengan lebih dalam.

Jadi, siasatan awal itu ialah untuk melihat sama ada perkara itu *vexatious*, *mala fide* ataupun perkara yang remeh. Akan tetapi, kalau Yang Berhormat bimbang dalam siasatan yang tidak mendalam itu di peringkat Jawatankuasa Aduan, akan terlepas aduan itu. Saya telah sebut sebentar tadi bahawa setiap kali mereka mesyuarat, sudah tentu laporan akan diberikan kepada suruhanjaya dan dalam laporan itu akan ternampaklah perkara-perkara aduan yang dibawa yang tidak dipanjangkan kerana *vexatious*. Laporan ini akan dibaca dan akan di *query* oleh pesuruhjaya. Jadi, ia tidak akan terlepas pandang kerana pada bila-bila masa, pesuruhjaya boleh mengarah untuk mendapatkan laporan ataupun siasatan yang lebih terhadap kes yang dibaca di laporan ditolak ke tepi atas alasan *vexatious*, remeh dan lain-lain.

Jadi, sebab itu saya rasa kebimbangan Yang Berhormat itu dapat diatasi kerana laporan akan dibuat kepada mesyuarat suruhanjaya yang penuh.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Minta penjelasan.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** ...Oleh kerana itu, saya tidak bersetuju dan kita tolak cadangan daripada Yang Berhormat Batu Gajah.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Ya, Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Dia tidak beri. Sudah habis Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bawah pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Batu Gajah dalam Kertas Pindaan hendaklah disetujukan.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan tidak disetujukan.

*[Kertas Pindaan adalah dilampirkan]*

**Fasal 27** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal-fasal 28 dan 29** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal 30 – pindaan oleh YB Sungai Siput:**

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Silakan Yang Berhormat.

3.45 ptg.

**Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya kecewa sedikit Tuan Pengerusi kerana setiap pindaan yang dibawa ke sini nampaknya ini *block voting*.

Jika bawa idea pun tidak dibahas, sekarang pun sudah tahu tidak setuju. Jadi ini, macam satu *exercise* yang sia-sia sahaja. [*Dewan riuh*]

Tuan Pengerusi, saya bawa pindaan-pindaan ini kerana dengan satu sikap yang tulus. Saya rasa ini, seperti yang dikatakan tadi, ini satu akta yang baik untuk Malaysia tetapi, ia boleh lagi diperbaiki dengan beberapa pindaan. Itulah *spirit* saya yang saya bawa ini. Akan tetapi, nampaknya ini *entirely block voting*. Jadi, tidak patut betul. *Logically*, kita lihat dalam seksyen 30 ini, ini berkenaan dengan badan suruhanjaya yang dikatakan 30(1), salah laku itu yang merupakan kesalahan jenayah akan dirujuk kepada pendakwa raya. Akan tetapi, masalahnya ialah wujudnya beberapa fasal dalam Undang-undang Penubuhan Agensi-agensi Penguatkuasaan yang memberi kekebalan yang begitu tebal untuk pegawai-pegawai dalam agensi ini. Jadi ini isu yang saya ingin kendalikan dengan satu subseksyen baru iaitu 30(1)(c)(A) yang dicadangkan iaitu perlindungan daripada tindakan mahkamah yang diwujudkan akta-akta penguatkuasaan untuk pegawai-pegawai penguat kuasa, tidak memberi perlindungan daripada tindakan mahkamah terhadap kes-kes yang dirujuk oleh Suruhanjaya Integriti ke pendakwa raya. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Masalahnya ialah bawah pindaan sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Pindaan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Sungai Siput, sekarang ini terbuka untuk dibahaskan. Yang Berhormat Batu Gajah.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri dalam seksyen 30 fasal 30 tersebut. Jika, syor suruhanjaya selepas satu siasatan yang melulu dijalankan, dikemukakan kepada pihak berkuasa tatatertib atau pendakwa raya dan dalam masa 14 hari kedua-dua bahagian ini atau pihak berkuasa tatatertib dan pendakwa raya gagal menyampaikan keputusannya kepada suruhanjaya, apakah tindakan yang boleh diambil oleh suruhanjaya ini? Tidak ada sebarang peruntukan di bawah rang undang-undang ini kalau kedua-dua pihak ini tidak memandang berat terhadap syor Suruhanjaya Integriti ini atau cuba mengelak atau melambat-lambatkan maklum balas kepada Suruhanjaya Integriti ini, apa yang boleh dibuat oleh pihak suruhanjaya ini? Ini kerana ia senyap dalam rang undang-undang ini. Saya pohon penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu. Selepas itu Menteri menjawab.

**3.48 ptg.**

**Tuan Chua Tian Chang [Batu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin bangun untuk menyokong pindaan ini. Ini kerana, kalau kita tidak ada tambahan ini, tidak ada makna. Selain daripada kalau menteri boleh menjamin apa dan saya pun tidak nampak nyata dalam akta ini,

apa yang telah didapati, sesiapa pegawai yang didapati bersalah dalam yang disiasat oleh agensi ini, adakah mereka dapat imuniti kerana banyak lagi akta-akta yang lain telah memberi imuniti kepada pegawai. Itulah sebab saya nampak kita perlukan seksyen ini supaya kita boleh ada *effect* yang boleh dianggap sebagai *deterrent*. Itulah sebab saya harap kita boleh, menteri dapat terima dengan pindaan ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Sila Yang Berhormat Menteri.

**3.49 ptg.**

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Pengerusi, pertama saya minta kepada Yang Berhormat Sungai Siput, jangan kecewa dan patah hati kerana ini proses yang dibenarkan oleh Parlimen kita.

■1550

Saya selaku wakil kerajaan, sebagai Menteri, tidak setiap kali cadangan dibuat, bangun menyatakan cadangan ditolak dan terus duduk. Tidak begitu. Saya berdiri dan menjawab dan memberikan alasan mengapa saya mewakili kerajaan, tidak dapat menerima cadangan itu. Mungkin Yang Berhormat tidak bersetuju tetapi di sebelah sini, kami bersetuju. Jadi jangan kecewa, Yang Berhormat. Sekurang-kurangnya petang ini kita *exercise*. Terima kasih banyak-banyak. Berdiri, duduk, berdiri dan duduk. Sudah berapa kali ini? *So*, jangan kecewa. Ada positif. Saya tidak mahu Yang Berhormat merasa kecewa kerana kalau saya tolak sekalipun, saya mempunyai alasan. Bukan secara totokkah, secara butakah tolak begitu sahaja. Bangun, jawab, tolak dan duduk. Bukan begitu. Saya menjawab, ya. Soal Yang Berhormat setuju atau tidak setuju, itu demokrasi kita. Kita undilah. Jalan kita membuat keputusan.

Jadi dalam hal ini, Yang Berhormat Batu Gajah tanya berkenaan kalau sekiranya dia tidak jawab dalam masa 14 hari yang ditentukan. Memang betul. Memang betul Yang Berhormat sebut iaitu bahawa tidak ada tindakan yang boleh diambil. Tidak ada tindakan yang boleh diambil. Pertamanya, soal tata tertib mempunyai kuasa di atas kakitangan-kakitangannya. Itu ialah kuasa yang diberikan oleh Perlembagaan dan hukuman itu mesti diturunkan oleh mereka. Begitu juga dalam soal pendakwaan. Kuasa mendakwa mengikut Perlembagaan kita itu adalah kuasa di pihak Peguam Negara. Kita sebenarnya tidak boleh mengambil apa-apa tindakan kerana ini Perlembagaan.

Jadi, sekurang-kurangnya fasal 30(2) dan 30(3) memperuntukkan penggunaan perkataan 'hendaklah' yang merupakan mandatori bagi pendakwa raya dan pihak berkuasa tata tertib memaklumkan suruhanjaya tentang tindakan dan alasan, dan alasan keputusannya yang dulu mungkin kita tidak dapat hendak tahu sebenarnya mengapa tindakan tata tertib diambil ataupun tidak diambil, mengapa pendakwa raya tidak mendakwa. Apa alasannya. Dulu tidak ada. Jadi sekurang-kurangnya sekarang ini mereka hendaklah memberi dalam masa berapa hari yang berkenaan, memaklumkan suruhanjaya tentang tindakan dan alasan keputusan mereka. Apa yang penting saya hendak Yang Berhormat baca iaitu 30(5) "*Suruhanjaya hendaklah*

*mengumumkan dapatannya kepada orang ramai dan memaklumkan pengadu mengenai dapatannya dan apa-apa tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa tatatertib atau pendakwa raya di bawah seksyen ini.”* Bermakna, sekarang ini orang ramai sudah tahu. Jadi ini juga merupakan satu tekanan kepada pihak yang disebut sebentar tadi supaya benar-benar membuat keputusan dan kalau sekiranya tidak diambil tindakan, mesti memberikan alasan yang munasabah yang boleh diterima oleh orang ramai kerana ia boleh dimaklumkan.

Jadi itulah dalam konteks dan *constrain* yang kita ada. Tekanan yang kita boleh beri kepada kedua-dua badan ini supaya mereka mesti bertindak adil, saksama dan telus kerana kalau tidak, apa juga dapatan ataupun *findings* dengan izin, yang dibuat oleh mereka itu akan diketahui oleh orang ramai dan orang ramai akan tahu sama ada mereka ini menjalankan tugas mereka dengan baik atau tidak.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Minta penjelasan.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Maka, oleh kerana alasan inilah, saya menolak cadangan daripada Yang Berhormat Sungai Siput..

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Minta penjelasan.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** ..dan kita tidak bersetuju dengan cadangan yang dicadangkan itu.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Penjelasan sikit boleh, Yang Berhormat Menteri?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan, Yang Berhormat?

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Tadi saya rasa Yang Berhormat Menteri telah tidak faham apa yang saya bangkitkan tadi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri, hendak bagi jalan, Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Habis.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Dia sudah duduk. Dia bagi.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Semalam saya bangkitkan perkara ini tetapi Yang Berhormat Menteri *speech* ikut lain.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, tutup sudah, Yang Berhormat. Sudah tutup, Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Sungai Siput dalam kertas pindaan hendaklah disetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan; dan tidak disetujui.

*[Kertas Pindaan adalah dilampirkan]*

**Fasal 30** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

**Fasal-fasal 31 hingga 55 –**

**3.57 ptg.**

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tidak payah geleng kepala, Yang Berhormat Menteri. Saya ingin merujuk sebab banyak kelemahan. Saya ingin rujuk kepada fasal 45 di mana ada satu peruntukan di mana mana-mana *individual* atau orang melakukan perbuatan menghina boleh dikenakan hukuman denda tidak lebih RM100,000 atau penjara tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya. Kalau kita membaca definisinya, semalam saya ada bangkitkan tapi Yang Berhormat Menteri tidak jawab. Ia meliputi apa-apa perbuatan tidak hormat terhadap seseorang pesuruhjaya pada bila-bila masa dan mana-mana tempat lain kerana dia menjalankan sifatnya sebagai seorang pesuruhjaya.

Jadi mengapakan kerajaan mengadakan peruntukan sedemikian? Ini nyatanya seolah-olah anggota pesuruhjaya adalah tidak boleh dikritik apabila membuat sebarang keputusan kerana jika mana-mana individu atau orang tertentu membuat kritikan, ia boleh diklasifikasikan sebagai tidak hormat dan dituduh di bawah seksyen 45 ini. Jadi saya hendak tanya juga, kalau pihak berkuasa tatatertib atau pendakwa raya gagal menjawab atau memberi maklum balas kepada suruhanjaya dalam 14 hari itu, apakah ia juga boleh jatuh di bawah seksyen 45 iaitu dikatakan tidak hormat kepada pesuruhjaya. Jadi saya rasa pihak kementerian, pihak kerajaan perlu menjelaskan mengapa memperuntukkan seksyen 45 ini. Menghalang mana-mana orang daripada membuat kritikan.

Pada pandangan saya ia boleh dianggap sebagai tidak hormat kepada pesuruhjaya kalau kita mengkritik tindakannya, mengkritik keputusannya apabila dia menjalankan tugasnya sebagai pesuruhjaya, lebih-lebih lagi kalau kita nampak ia tidak bebas, ia berpihak dan ia mempunyai elemen politik. Apakah kita tidak boleh mengkritiknya? Apakah ini akan dianggap sebagai tidak menghormatinya dan akan dikenakan di bawah seksyen 45. Saya pohon penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Ipoh Timur.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Ya, saya mahu minta satu penjelasan iaitu 45(2)(b) *“For the purpose of this section, an “act of contempt” means, (b) any act of disrespect or any insult of threat to a Commissioner at any other time and place on account of him proceeding in his capacity as a Commissioner.”*

Adakah ini bererti bahawa apa-apa kritikan yang dibuat dalam Parlimen ini boleh disifatkan sebagai *act of disrespect* kepada *Commissioner*? Mungkin ini perlulah lebih terbuka dalam perkara ini. Mungkin satu dua perkara yang saya perlu untuk bangkitkan, saya memohon maaf, saya mahu tinggal oleh kerana mahu mengikut *demonstrators* daripada HINDRAF yang datang yang mahu *demonstrate* di ibu pejabat DAP.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Itu tidak termasuk dalam pindaan, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Kita mengalu-alukan demonstrasi daripada HINDRAF. Kita jumpa mereka.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Parlimen pentingkah HINDRAF penting? HINDRAF penting kah Parlimen penting?

**Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]:** Itu pertubuhan haram.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Kita ada rakan-rakan DAP-Pakatan yang boleh bawa....

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]:** Pertubuhan haram. Tidak berdaftar.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Parlimen pentinglah.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk] [Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

3.59 ptg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Pengerusi, setahu saya HINDRAF ini hendak *demonstrate* terhadap Kerajaan Pulau Pinang, DAP. Sebab itu dia hendak keluar itu. Hendak jumpa. Tunjuk perasaan terhadap Kerajaan Pulau Pinang. *[Dewan riuh] [Ketawa]* Jadi, berkenaan dengan Kampung Pala.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Maknanya dia takut dengan HINDRAFlah.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya, dia takut. Memang dia takut. Dia ketar. Jadi Tuan Pengerusi, berkenaan dengan perkara 45 ini, saya ingin menyatakan bahawa ini ialah untuk memastikan supaya mereka dapat menjalankan tanggungjawabnya tanpa ketakutan tanpa dihalang oleh mana-mana pihak. Itu sahaja.

#### ■ 1600

Sekiranya ada sesuatu perkara yang difikirkan iaitu bahawa perlu diperingatkan bahawa dia telah tidak menjalankan tugas dengan betul, Yang Berhormat boleh tulis surat kepada dia, ya? Ini terpulang kepada hati suci kitalah, sama ada yang kita hendak kritik ini kerana kita hendak dapat *mileage* politik ataupun kita benar-benar mahu melihat dia menjalankan tugasnya dengan baik. Jadi sebab itu, kalau Yang Berhormat daripada Ipoh Timur kata tadi, di dalam Dewan Rakyat ini kita bebas untuk hendak menyatakan pandangan kita.

Yang saya fahamkan, itu bahawa di dalam Dewan Rakyat ini kita hanya hakim sahaja, itu pun kalau 25% bersetuju boleh bahas, tetapi yang lain itu saya rasa tidak menjadi masalah kalau Yang Berhormat Ipoh Timur tadi sebut apakah kita boleh. Saya kira, mengikut saya punya fahaman, tidak ada perkara yang boleh menghalang. Jadi jangan perlu bimbang, ya? Maka oleh kerana itu, saya ingin menyatakan bahawa, saya bagi penjelasan sahaja, bukan tolak, penjelasan saya terhadap apa yang disebut oleh Yang Berhormat Batu Gajah. Terima kasih.



**Fasal-fasal 31 hingga 55** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

**Jadual – pindaan oleh YB Batu Gajah**

**4.01 ptg.**

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin mencadangkan di bawah jadual selepas Polis Diraja Malaysia dimasukkan "Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia". Seperti yang saya nyatakan sebelum ini, adalah wajar anggota atau pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dirangkumi di bawah rang undang-undang ini. Sebab mereka diberi kuasa kekebalan yang begitu luas seperti seorang anggota polis di bawah Akta Polis itu. Jadi kalau PDRM, Polis Diraja Malaysia tersenarai di bawah jadual ini, mengapakah anggota Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia ini yang mempunyai kuasa yang begitu luas boleh dikecualikan di dalam jadual ini?

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar)

***mempengerusikan Jawatankuasa]***

Yang Berhormat boleh kata jadual ini bukan *exhaustive*, boleh lepas ini membuat pindaan dimasukkan tetapi sekarang ini kita perlu memulihkan, mengembalikan keyakinan orang ramai bahawa kita mempunyai anggota penguat kuasa yang berkaliber, berintegriti, yang sentiasa dipantau oleh suruhanjaya ini. Di mana ada orang ramai yang merasa beliau telah dianiyai atau didiskriminasikan atau pegawai penguat kuasa yang tidak menjalankan tugasnya dengan bebas, tanpa berpolitik, tanpa perkauman, mereka boleh menyampaikan aduan terhadapnya di bawah suruhanjaya ini. Jadi saya rasa adalah wajar kerajaan mempertimbangkan agar Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia ini disenaraikan di bawah jadual ini atas sebab-sebab yang telah saya sampaikan sebelum ini. Sekian.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Belum lagi, Yang Berhormat. Ada lagi yang bercakap. Belum saya panggil lagi, Yang Berhormat. Tunggu dulu.  
[Ketawa]

Masalahnya adalah bahawa pindaan sebagaimana yang telah tertera di dalam kertas pindaan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Batu Gajah sekarang terbuka untuk dibahaskan.

**4.05 ptg.**

**Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Di dalam jadual di bawah seksyen 1 subseksyen (4) adalah termasuk banyak agensi yang penting tetapi selain daripada MACC, ada satu agensi lagi yang amat penting saya rasa tidak dimasukkan dalam SIAP ini. Saya ingin mengetahui mengapa *Election Commission*, Suruhanjaya Pilihan Raya kita tidak dimasukkan dalam akta ini dan adakah integriti EC kita tidak penting? Dan saya percaya banyak rakan-rakan di Dewan ini bersetuju bahawa integriti EC kita adalah amat penting kepada

suatu negara yang demokratik. So, saya hendak bercadang *Election Commision* pun dimasukkan dalam Akta SIP. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Krai.

**4.06 ptg.**

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya menyokong cadangan daripada Yang Berhormat Batu Gajah supaya SPRM ini dimasukkan di dalam senarai agensi penguat kuasa yang akta ini terpakai baginya. Dalam banyak-banyak agensi penguat kuasa ini, yang saya rasa paling penting yang lain tidak ada tak apa tetapi SPRM yang patut ada, ya? Kerana ia melibatkan suatu isu yang paling besar dalam negara kita, iaitu rasuah.

Rasuah inilah yang menyebabkan pelabur-pelabur asing tidak mahu datang ke Malaysia, bukan kerana masalah politik Malaysia tidak selesai seperti yang disebut oleh salah seorang Timbalan Menteri. Rasuah ini, jadi tiba-tiba isu yang paling besar ini, pihak berkuasa yang menanganinya tidak dimasukkan. Jadi, amat janggal dan melemahkan, mengurangkan sangat ataupun kekuatan gigitan suruhanjaya ini kalau tidak dilibatkan. Jadi saya minta supaya pihak kerajaan menimbang secara berat cadangan Yang Berhormat Batu Gajah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ya, Yang Berhormat Balik Pulau.

**4.07 ptg.**

**Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Dalam bahaskan cadangan Yang Berhormat Batu Gajah ini, Yang Berhormat Menteri, saya nampak bahawa kriteria-kriteria yang diberikan terhadap agensi-agensi penguat kuasa yang disenaraikan agak kurang jelas mengapa mereka di situ. Kerana bagi saya dengan izin, agensi juga bermaksud *an organization that enforce the law*. Mana-mana badan ataupun agensi kerajaan yang melaksanakan apa-apa perundangan. Jadi di sini, bagi saya, banyak agensi-agensi lain yang juga mempunyai bidang kuasa di dalam melaksanakan undang-undang ataupun undang-undang dijadikan sebagai asas di dalam melakukan tugas yang mempunyai impak kepada masyarakat dan seterusnya akan membentuk keadaan sama ada integriti ataupun tidak berintegriti sesuatu tindakan ataupun jabatan tersebut. Penjelasan? Okey, okey.

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Balik Pulau. Yang Berhormat Balik Pulau boleh setuju tidak bahawa Jawatankuasa Disiplin UMNO pun patut masuk dalam senarai? *[Ketawa]* Ada juga dia tidak mengambil tindakan kepada orang yang didapati ada salah laku wang, politik wang. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]:** ...langsung tak berani...*[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Tak payah jawablah, Yang Berhormat, tak payahlah jawab Yang Berhormat. Nanti semua disiplin PAS, DAP semua masuk...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Seri Gading]:** PAS mana ada.

**Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Tujuan saya memohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri kerana saya tidak dapat mengasingkan di antara penguatkuasaan, dengan izin, *enforcement agency* ataupun pihak yang saya hujahkan semalam iaitu pihak Pendakwa Raya dan Pejabat Peguam Negara. Nanti Yang Berhormat Menteri kata saya asyik-asyik ada masalah peribadi dengan salah seorang Peguam Negara. Akan tetapi persoalan saya bukan persoalan individu tetapi sebab itu saya bangkitkan dalam hujah semalam ialah peruntukan Perlembagaan yang merujuk kepada kuasa agensi, iaitu kuasa Peguam Negara.

Jadi di sini, saya mahu penjelasan apa beza hak pendakwaan dengan penguatkuasaan ini? Bagi saya, pendakwaan juga merupakan salah satu *enforcing the law*, dengan izin ataupun melakukan penguatkuasaan undang-undang. Bagi saya, kalau satu badan yang akhir sekali akan menentukan suatu integriti itu tercapai ataupun tidak, tidak dimaksudkan saya rasa macam saya ucapkan semalam akan terencatlah satu usaha yang cuba ingin dicapai oleh kerajaan di dalam menentukan integriti dilihat di dalam pentadbiran agensi kerajaan. Seterusnya, *point* yang kedua memohon penjelasan Yang Berhormat Menteri ialah seksyen 55 memberi kuasa kepada Perdana Menteri untuk menentukan ataupun meminda senarai agensi yang di dalam jadual.

Saya berhujah lebih baik kuasa itu diberikan kepada suruhanjaya untuk menentukan senarai tersebut. Atau secara alternatifnya, Perdana Menteri berdasarkan nasihat oleh suruhanjaya tersebut supaya ruang untuk menentukan agensi-agensi yang perlu dipantau itu ialah ditentukan oleh suruhanjaya yang terlibat secara langsung yang tahu keadaan, suasana dan integriti dalam negara dan bukannya Perdana Menteri yang tidak terlibat secara langsung. Itu pandangan saya. Jadi dua persoalan mahu penjelasan, iaitu mengenai kenapa pihak pendakwaan tidak termasuk dalam senarai agensi penguatkuasaan? Pada pandangan saya tidak tepat. Dan yang kedua, kuasa untuk menentukan senarai agensi yang terlibat.

■1610

4.10 ptg.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bangun menyokong Yang Berhormat Batu Gajah dalam pindaan ini dan saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri kenapakah dalam jadual ini tidak masuk penguatkuasaan di bawah DBKL? Sedangkan di Wilayah Persekutuan dapat banyak aduan terhadap penguatkuasaan di bawah DBKL.

Macam-macam tuduhan mengenai rasuah, tidak efficient, tidak menjawab surat dan sebagainya. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini mengapa

penguatkuasaan di bawah DBKL tidak dimasukkan di dalam jadual ini? Sedangkan kita tahu banyak aduan orang awam telah dibuat kepada pejabat Datuk Bandar dan tidak ia berkesan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Tuan Pengerusi, boleh saya...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Saya sudah beri keputusan tadi Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri jawab, boleh tanya Yang Berhormat Menteri.

#### **4.11 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Saya telah jawab dengan panjang lebar berkenaan dengan SPRM tadi. Jadi saya rasa tidak perlulah saya mengulang balik alasan mengapa ianya tidak termasuk dalam senarai agensi penguat kuasa.

Berkenaan dengan SPR yang dibangkit oleh Yang Berhormat Kelana Jaya, SPR bukanlah agensi penguatkuasaan. Ia merupakan entiti yang ditubuhkan di bawah Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan untuk menjalankan pilihan raya bagi Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri. Jadi ia merupakan satu entiti *direct* diwujudkan oleh Perlembagaan Persekutuan.

Begitu juga dengan Yang Berhormat Balik Pulau bangkitkan tadi tentang Jabatan Peguam Negara. Itu juga merupakan satu jabatan, di mana jawatan itu sendiri merupakan satu jawatan pelantikan yang diwujudkan oleh Perlembagaan. Maka ia bukan merupakan badan penguatkuasaan. Berkenaan dengan apa yang dibangkit oleh...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Wangsa Maju.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat Wangsa Maju. Yang ini saya kena dapat jawapan yang tepat terlebih dahulu sebab Dewan Bandaraya Kuala Lumpur saya tidak begitu jelas. Akan tetapi jika Kerajaan Tempatan yang lain itu kerana ia dalam *list* negeri. Ia bukan badan penguatkuasaan Persekutuan. Kalau bandar raya di negeri-negeri...

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tidak. Belum tentu lagi. Sebab itu saya kata biar saya menerima..

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** *[Bangun]* Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Jawapan yang tepat kerana saya..tidak apa, duduk, duduk. Saya akan bagi jawapan yang tepat kerana pada hari ini yang dianggap sebagai badan penguatkuasaan Persekutuan ialah 21 ini. Mungkin ada alasan yang munasabah

mengapa DBKL dan juga jabatan-jabatan..., minta maaf, Majlis Perbandaran yang lain itu tidak dimasukkan. Saya setuju memang ada elemen penguatkuasaan. Yang itu saya akan bagi jawapan yang bertulis.

SPR saya telah jawab tadi. Yang Berhormat Balik Pulau tadi berkenaan dengan senarai Menteri..., Perdana Menteri. Perdana Menteri diberi kuasa untuk menentukan sama ada senarai itu boleh ditambah atau dikurangkan. Tuan Pengerusi, ini merupakan kuasa-kuasa yang ada di bawah akta..., kacau juga dia orang hantar barang macam ini. *[Ketawa]*

Mengganggu saya punya *trail of thought*. Ini merupakan kuasa yang diberikan oleh akta yang mana pelantikan itu selalunya merupakan pelantikan oleh Agong di atas nasihat Perdana Menteri. Bermakna dalam soal untuk sama ada kita hendak tambah agensi dalam senarai ini ataupun kurang, maka orang yang layak dan mempunyai mandat untuk melakukan perkara itu ialah Perdana Menteri, kerana dia merupakan ketua kepada parti yang mempunyai kerusi yang lebih di Dewan Rakyat.

Itu memang amalan konvensyen yang kita lakukan. Soalnya dalam Perdana Menteri melaksanakan tanggungjawab itu sudah tentulah dia akan mendapat nasihat daripada suruhanjaya yang mengatakan ataupun bukan sahaja suruhanjaya, dalam perbahasan di Dewan Rakyat juga akan dibangkitkan. Kemungkinan dengan perlunya diluaskan lagi senarai ini. Ia juga akan dianggap sebagai satu *consultation* kalau sekiranya disampaikan kepada Perdana Menteri.

Saya kira untuk kita hendak turunkan kepada suruhanjaya sahaja, saya rasa itu adalah tidak adil daripada segi kita, sebagai Ahli Parlimen. Lebih baik Yang Berhormat cadangkan Parlimen tetapi sudah tentulah apabila Parlimen bercakap, Perdana Menteri dengar, dapat Hansard dan dia akan tahu. Oleh sebab itu dengan alasan ini maka saya sekali lagi dukacitanya menolak cadangan daripada Yang Berhormat Batu Gajah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Yang Berhormat sebab pukul 4.30 kita ada usul Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat masalah ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Batu Gajah dalam kertas pindaan hendaklah dipersetujukan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan; dan tidak disetujui.

*[Kertas pindaan adalah dilampirkan]*

**Jadual** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

***Majlis Mesyuarat bersidang semula.***

Rang undang-undang dilaporkan dengan tiada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG BANK NEGARA MALAYSIA 2009**  
**Bacaan Kali Yang Kedua Dan Ketiga**

■1620

**Menteri Kewangan II [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia 2009 untuk membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang bersampingan atau berkaitan dengannya dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak Akta Bank Negara Malaysia 1958 dikuatkuasakan lima dekad yang lalu, keadaan dan landskap ekonomi serta kewangan global dan domestik telah mengalami banyak perubahan yang ketara. Sepanjang tempoh tersebut, beberapa krisis kewangan telah berlaku termasuk krisis kewangan Asia pada tahun 1997/1998 dan kemelut kewangan global yang sedang dialami sekarang.

Walaupun Akta Bank Negara Malaysia 1958 telah dipinda dari semasa ke semasa, pindaan-pindaan tersebut hanyalah untuk menangani isu-isu tertentu. Cabaran dan risiko pada masa kini berikutan perkembangan dalam persekitaran ekonomi dan kewangan memerlukan kewujudan satu perundangan baharu untuk memastikan keberkesanan Bank Negara Malaysia dalam menjalankan mandatnya sebagai sebuah bank pusat moden.

Oleh yang demikian, di antara ciri-ciri penting yang diperkenalkan dalam rang undang-undang ini ialah memperjelaskan mandat Bank Negara Malaysia agar lebih efektif untuk menggalakkan kestabilan monetari dan kestabilan kewangan yang kondusif bagi memastikan pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mampan dan persekitaran baru.

Menyatakan fungsi-fungsi utama Bank Negara Malaysia termasuk merumuskan dan mengendalikan Dasar Monetari Negara dan menggalakkan pembangunan sesuatu sistem kewangan yang kukuh, progresif dan menyeluruh.

Memberi autoriti yang perlu kepada Bank Negara Malaysia untuk menangani krisis sistem kewangan termasuk ke atas institusi-institusi kewangan yang bukan di bawah kawal selia Bank Negara Malaysia tetapi menggugat kestabilan kewangan. Sehubungan dengan ini Jawatankuasa Eksekutif Kestabilan Kewangan akan ditubuhkan untuk menyelaraskan tindakan resolusi agensi kewangan yang bermasalah.

Menginstitusikan amalan Bank Negara Malaysia sedia ada yang telah terbukti efektif untuk mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan, tadbir urus dan operasi Bank Negara Malaysia.

Mengukuhkan peranan Lembaga Pengarah Bank Negara Malaysia sebagai badan pengawasan ke atas pengurusan dan pentadbiran Bank Negara Malaysia khususnya dengan

penubuhan tiga Jawatankuasa Lembaga iaitu Jawatankuasa Tadbir Urus Lembaga, Jawatankuasa Audit Lembaga dan Jawatankuasa Risiko Lembaga.

Memperjelaskan lagi peranan Bank Negara Malaysia untuk mengadakan pengawasan ke atas pasaran wang dan pasaran pertukaran asing bagi memastikan keadaan yang teratur dalam pasaran-pasaran tersebut dan memberi pengiktirafan sewajarnya kepada sistem kewangan Islam.

Ciri-ciri yang terdapat dalam rang undang-undang ini adalah sejajar dengan peruntukan undang-undang bank pusat yang dinamik di seluruh dunia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam memperjelaskan mandat Bank Negara Malaysia, rang undang-undang ini membezakan matlamat utama Bank Negara Malaysia dengan fungsi-fungsi utamanya. Matlamat utama Bank Negara Malaysia (BNM) adalah untuk menggalakkan kestabilan monetari dan kestabilan kewangan bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi Malaysia mampan, manakala fungsi-fungsi utama BNM adalah seperti yang berikut:

- (i) merumuskan dan mengendalikan Dasar Monetari di Malaysia;
- (ii) mengeluarkan mata wang Malaysia;
- (iii) mengawal dan menyelia institusi-institusi kewangan;
- (iv) mengadakan pengawasan terhadap pasaran wang, pasaran pertukaran asing dan sistem pembayaran;
- (v) menggalakkan sesuatu sistem kewangan yang kukuh, progresif dan menyeluruh;
- (vi) memegang dan menguruskan rizab luar negara;
- (vii) menggalakkan satu rejim terhadap pertukaran asing yang selaras dengan asas ekonomi; dan
- (viii) bertindak sebagai penasihat kewangan, jurubank dan agen kewangan bagi kerajaan.

Sasaran utama tersirat dalam matlamat utama dan fungsi BNM adalah untuk mewujudkan suatu persekitaran monetari yang stabil dan sistem kewangan yang progresif dan berdaya tahan bagi menyokong pembangunan ekonomi Malaysia. Rang undang-undang telah memperuntukkan secara jelas bahawa dalam menjalankan fungsi-fungsi dan mencapai matlamatnya, BNM memberi keutamaan kepada kepentingan negara.

Matlamat utama Dasar Monetari seperti yang diperuntukkan dalam rang undang-undang ini adalah untuk mengekalkan kestabilan harga dan mengambil kira perkembangan dalam ekonomi di mana Dasar Monetari akan dirumuskan secara autonomi oleh Jawatankuasa Dasar Monetari. Jawatankuasa Dasar Monetari telah diwujudkan sejak tahun 2002 dan kini diinstitusikan dalam rang undang-undang. Jawatankuasa Dasar Monetari akan dianggotai tujuh hingga sebelas anggota termasuklah Gabenor dan semua Timbalan Gabenor.

Lembaga Pengarah BNM atau syor Jawatankuasa Tadbir Urus Lembaga boleh melantik mana-mana ahli pengarah, lembaga pengarah dan pegawai-pegawai BNM untuk menjadi anggota Jawatankuasa Dasar Monetari, manakala anggota dari luar BNM boleh dilantik oleh Menteri atas syor Jawatankuasa Tadbir Urus Lembaga.

Rang undang-undang juga mengehendaki Jawatankuasa Dasar Monetari mengadakan mesyuarat tidak kurang daripada enam kali setahun bagi memastikan Dasar Monetari dirumuskan dengan penuh tanggungjawab. Beberapa perlindungan telah dimasukkan dalam rang undang-undang seperti berikut:

- (i) kelulusan Dasar Monetari hanya boleh dibuat dalam mesyuarat yang diadakan secara rasmi oleh jawatankuasa dan kuorum, sekurang-kurangnya dua pertiga anggota;
- (ii) anggota-anggota jawatankuasa hendaklah terdiri daripada orang yang jujur, kompeten dan berwibawa serta mempunyai kemahiran dan pengalaman yang relevan; dan
- (iii) selepas setiap mesyuarat jawatankuasa, pernyataan Dasar Monetari hendaklah diumumkan bagi menjelaskan Dasar Monetari yang dirumuskan serta resolusi bagi dasar tersebut.

Dalam hal rejim kadar pertukaran asing di Malaysia, Menteri akan terus menentukan rejim yang sesuai berdasarkan syor BNM dan BNM akan melaksanakan langkah yang berpatutan bagi menyokong pelaksanaan rejim tersebut. Perkembangan dalam sistem kewangan global telah memberi cabaran baru ke atas peranan BNM dalam memastikan kestabilan kewangan negara. Seperti sedia maklum, sistem kewangan di Malaysia kini lebih kompleks dan saling berhubung kait, di samping itu terdapat proses inovasi yang telah melahirkan produk kewangan yang kompleks.

Selain itu, integrasi di antara perantara kewangan serata sistem perdagangan dan penjelasan juga semakin tinggi. Memandangkan punca-punca risiko yang boleh menjejaskan kestabilan kewangan menjadi semakin kurang jelas serta meningkatkan risiko kontinjen adalah penting agar pengawal seliaan dan pengurusan krisis ke atas semua sektor dan sempadan dijadikan lebih efektif.

Sehubungan dengan itu, rang undang-undang telah memasukkan peruntukan yang menyeluruh untuk membolehkan resolusi krisis kewangan dijalankan secara lebih lancar dan teratur untuk mengurangkan kesan dan kos resolusi itu serta mengekalkan keyakinan awam terhadap sistem kewangan negara.

Rang undang-undang ini akan memperkukuhkan daya tahan Malaysia untuk menangani krisis kewangan di antaranya, rang undang-undang mengandungi peruntukan-peruntukan mengenai peningkatan pengawasan, keupayaan BNM untuk mengambil tindakan awal serta memperjelaskan kuasa resolusi termasuklah pemberian bantuan mudah tunai kepada entiti-entiti



yang tidak dikawal selia oleh BNM tetapi berpotensi untuk membawa risiko kepada kestabilan kewangan. BNM diberi autoriti untuk membuat pengawasan lebih berkesan ke atas pasaran kewangan, pasaran pertukaran asing dan sistem pembayaran serta meningkatkan pengaturannya kerjasama dengan pihak berkuasa pengawal seliaan lain.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan tujuan rang undang-undang untuk memperkukuhkan rangka tadbir urus dan kredibiliti BNM dalam mencapai kestabilan kewangan, rang undang-undang ini mencadangkan beberapa perkara. Bagi mencapai kestabilan kewangan hendaklah diputuskan oleh Jawatankuasa Eksekutif Kestabilan Kewangan. Ahli-ahli jawatankuasa tersebut terdiri daripada Gabenor, seorang Timbalan Gabenor dan sekurang-kurangnya tiga anggota lain yang akan dilantik Menteri atas syor Lembaga Pengarah BNM. Ketua Setiausaha Perbendaharaan akan menjadi anggota jawatankuasa yang berkenaan bagi semua perkara yang dikemukakan kepada jawatankuasa kecuali yang berkaitan dengan institusi-institusi kewangan di bawah bidang kuasa BNM.

Sekiranya perkara yang dibawa kepada jawatankuasa melibatkan institusi kewangan dan pasaran di bawah bidang kuasa pihak berkuasa pengawal seliaan lain, ketua-ketua pihak berkuasa pengawal seliaan yang berikut akan hadir sebagai anggota jawatankuasa.

Sejajar dengan matlamat untuk mempromosi Malaysia sebagai pusat kewangan Islam, rang undang-undang memberi pengiktirafan yang sewajarnya kepada kedua-dua sistem kewangan Islam konvensional untuk beroperasi seiring di Malaysia. Selain itu, peranan Majlis Penasihat Syariah Kewangan Islam telah dipertingkatkan di bawah rang undang-undang yang dicadangkan keputusan yang dibuat oleh Majlis Penasihat Syariah mengikat mahkamah yang membuat rujukan kepada majlis ini mengenai perkara syariah berkaitan dengan perniagaan kewangan Islam. Rang undang-undang juga memperuntukkan bahawa anggota-anggota Majlis Penasihat Syariah akan dilantik Yang Dipertuan Agong atas nasihat Menteri selepas rundingan dengan BNM.

Dalam hal mengenai pengurusan rizab luar negara, rang undang-undang memperuntukkan bahawa adalah menjadi tanggungjawab BNM untuk memegang dan mengurus rizab luar negara Malaysia bagi maksud melaksanakan matlamat BNM. Bagi membolehkan BNM menjalankan fungsi-fungsinya di bawah rang undang-undang ini serta bertujuan untuk mengekalkan keyakinan awam. Bagi memastikan pengurusan rizab luar negara...

■1630

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, kita ada usul. Yang Berhormat Menteri boleh sambung selepas 5.30 petang nanti ya.

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT**  
**DI BAWAH P.M. 18(1)**

**WABAK INFLUENZA A (H1N1)**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang masa telah pun pukul 4.30 petang dan menurut keputusan yang telah dibuat pada pagi tadi satu usul 18(1) telah dibenarkan dibahas pada petang ini. Saya sekarang memulakan perbahasan usul ini. Pihak pencadang akan diberi 30 minit dan pihak kerajaan juga 30 minit. Yang Berhormat bagi kawasan Gopeng sila kemukakan usul.

**4.31 ptg.**

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan isu wabak Influenza Akan (H1N1) dibincangkan di Dewan yang mulia ini. Tuan Yang di-Pertua, wabak Influenza A (H1N1) tiba ke Malaysia melalui kes import pada 15 Mei 2009 yang lalu. Sehingga hari ini jumlah kes Influenza A (H1N1) meningkat ke 158 orang termasuk 26 kes jangkitan tempatan.

Kalau dua minggu sebelum ini adalah sekadar lima kes sahaja, ini bermakna pada masa yang singkat ini telah meningkat 30 kali ganda. Memandangkan tidak ada pemeriksaan di pintu-pintu masuk yang lain seperti di Padang Besar, Golok dan di sempadan Johor Bahru, Singapura kecuali di lapangan terbang pasti kes yang sebenarnya adalah sepuluh kali ganda kalau tidak mungkin 100 kali ganda apa yang dilaporkan. Jelaslah bahawa usaha untuk mengawal wabak tersebut tidak berkesan dan apa yang dikatakan *National Influenza Preparedness Pandemic Plan* 2006 oleh Kementerian Kesihatan Malaysia setakat ini tidak berjaya.

WHO pada 11 Jun 2009 telah isytiharkan status *pandemic* Influenza A (H1N1). Di jangka tidak ada vaksin yang berkesan untuk melindungi orang awam daripada jangkitan ini sehingga November 2009. Maka jangkitan ini akan terus merebak di Malaysia melalui kes import dan juga kes jangkitan tempatan. Setakat mana *impact* wabak Influenza A (H1N1) ini boleh dilihat kalau kita mengikuti sejarah. Sejarah *pandemic* Influenza di dunia sebelum ini misalannya pada tahun 1918 Spanish *flu* akibat *pandemic* Spanish *flu* kematian di seluruh dunia sekadar 40 juta orang.

Pada tahun 1957 Asian *flu*, kematian satu juta hingga dua juta orang. Pada tahun 1968, Hong Kong *flu*, kematian 700 ribu orang. Ini tidak kira dari segi *impact* ekonomi. Jadi dalam isu wabak Influenza A (H1N1) ini ada beberapa isu yang berkaitan berkenaan dengan kawalan wabak khususnya pemeriksaan dan *screening* di lapangan terbang setakat ini nampaknya tidak berkesan sedangkan di pintu masuk yang lain seperti Padang Besar, Golok, CIQ di Johor Bahru tidak ada tindakan yang sama. Jadi kini kita isytiharkan bahawa Thailand dan Indonesia merupakan negara yang tinggi insiden wabak tersebut.

Apakah tindakan yang akan diambil di pintu-pintu masuk tersebut? Kedua, kerjasama antara kementerian dalam usaha kawalan jangkitan ini nampak tidak selaras. Jelas sekali, saya

ingin ambil satu contoh timbulnya kontroversi soal istilah Influenza A (H1N1) atau selesema babi ini. Kita lihat Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Penerangan Komunikasi, Kesenian dan Kebudayaan tidak dapat *consensus*, kita katakan Satu Malaysia. Kalau di Perak ada dua Menteri Besar, dua Speaker. Sekarang di Kabinet pun istilah Influenza pun ada dua istilah, ini Satu Malaysia. Isu yang ketiga, kita harus menentukan pendekatan yang wajar diambil.

Sekiranya kita mengambil kira perkembangan yang terkini, saya pasti dengan apa yang kita lihat setakat ini jangkitan ini tidak dapat dikawal dengan usaha-usaha yang sedia ada. Kita seharusnya mengatur strategi yang baru untuk menghadapi masalah tersebut. Kementerian Kesihatan Malaysia seharusnya menetapkan kriteria-kriteria yang jelas, yang mengklasifikasikan Malaysia antara negara *pandemic*. Di mana wabak telah di luar kawalan. Saya khawatir bahawa sebenarnya Malaysia sudah dalam kategori antara negara *pandemic*. Kementerian juga seharusnya menetapkan kriteria-kriteria yang jelas untuk menutup tempat-tempat orang awam seperti sekolah.

Kalau sekolah itu tidak ada masalah besar tetapi sekiranya jabatan kerajaan atau kilang, pusat beli belah, hotel, hospital dan sebagainya sekiranya mendapat kes jangkitan tempatan, apakah tindakan yang akan diambil terhadap kemudahan-kemudahan tersebut. Sekiranya kita tutup kemudahan-kemudahan tersebut, *impact* terhadap ekonomi agak besar. Jadi ini kita memerlukan satu kriteria yang jelas untuk tindakan yang seterusnya.

Saya rasa kementerian juga seharusnya menumpu kepada rawatan kepada pesakit-pesakit dan juga memberi perlindungan dari segi usaha pencegahan kepada mereka yang bakal menghadapi komplikasi serius. Khususnya mereka yang menghidapi kelemahan jantung, sakit asma, bronkitis, warga tua dan sebagainya. Ini kerana, kumpulan ini sekiranya menghidapi Influenza A (H1N1), mereka mungkin maut akibat jangkitan tersebut. Akhir sekali saya juga harap Kementerian Kesihatan Malaysia tumpu kepada tindakan-tindakan *substantial* dan bukan semata-mata tindakan yang bercorak *public relation exercise* dengan izin. Sekian, terima kasih.

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Kuala Krai.

**4.38 ptg.**

**Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya sedikit untuk menambah dari apa yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Gopeng tadi berkenaan dengan Influenza A (H1N1) ini. Perkara ini mungkin dianggap remeh tetapi telah disebut oleh pembentang tadi iaitu mengenai nama penyakit ini sendiri.

Kementerian Penerangan bersungguh-sungguh melalui Menterinya meyakinkan kita bahawa kita kena guna nama selesema babi untuk menunjukkan pertapa seriusnya penyakit ini. Akan tetapi dalam konteks kesihatan awam (*public health*) untuk mengajak seramai mungkin rakyat yang mempunyai tanda-tanda penyakit ini supaya tampil untuk mendapatkan rawatan

segera. Maka satu stigma tidak boleh dikenakan terhadap mereka yang berpotensi penyakit ini. Kalau dikatakan selesema babi itu, ianya akan memberikan satu gambaran yang tidak tepat ataupun yang menakutkan. Kita hendak orang takut penyakit itu tapi bukan namanya.

Jadi kalau ada Influenza babi ini digunakan, ia akan melekat pada orang ini macam dulu pernah penyakit gila babi. Tidak ada kaitan dengan babi tetapi apabila kita gunakan epilepsi, maka *connotation* itu kurang menimbulkan stigma kepada pesakit. Jadi kes Influenza A ini dengan babi sudah berlalu. Dia bermula mungkin, *swine flu* bukan *pig flu* ya. *Swine flu* begitulah ringannya.

#### ■1640

Akan tetapi, Menteri kita kata, bukan selesema khinzir, selesema babi. Tekankan, dengan begitu nada yang cukup bersemangat. Saya telah buat kompelin ini kepada pegawai Kementerian Kesihatan melalui SMS dan juga seorang Timbalan Menteri. Ada respons dari Kementerian Kesihatan, dan selang sehari, Menteri lembut sikit, dia kata, boleh pakai dua-dua. Saya tidak bersetuju terus digunakan selesema babi ini, terus kepada influenza A H1N1, supaya orang tidak akan terasa... Nanti kalau Menteri pergi ke klinik berjumpa doktor, dengan selesema, orang kata... ah, itu, Menteri itu kena babi. Kita takut begitu. Selesema tidak dengar, tang babi saja yang dengar. Jadi, ini akan menimbulkan satu implikasi kepada seluruh masyarakat dari segi *public health* nya, ini mesti kita hentikan.

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah kerana menggunakan wabak babi, bolehkah ada orang yang dapat persepsi bahawa, oleh sebab saya tidak makan babi, saya tidak terdedah-terdedah dan takkan menghidap penyakit ini. Apakah ini benar sebagai seorang doktor?

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Itu yang kita harus elakkan daripada ada dikaitkan dengan babi. Sebab itu, saya juga hendak dengar daripada kementerian, statistik dari segi bangsa. Kalau misalnya semua bangsa kena. Jadi, tidaklah ia melibatkan apa yang disebut haiwan babi itu. Kalau tidak nanti, orang akan tempelak, sejak bila pula kamu berapat dengan babi dan dapat influenza babi. Jadi, itu yang kita tidak... mungkin remeh perkara ini, tetapi dari segi *public health* nya, kalau kita hendak dapatkan *support* daripada rakyat, tidak malu-malu, tidak segan-segan, dan takut untuk diberikan gambaran yang negatif, maka kita perlu gunakan nama yang sesuai. Saya harap Menteri... ini tidak terlambat. Belum terlambat lagi. *Impression* ini belum masuk ke dalam kepala kita.

158 kes ini, 26 *local kes*, dan yang selebihnya import. Ertinya, ia sudah mula berjangkit di kalangan rakyat sendiri dan ini pun kita jangka seperti yang disebut Yang Berhormat Gopeng tadi iaitu *under reporting* kerana mungkin ramai di antara kita yang ada tanda-tanda, tetapi belum bersedia. Apa yang saya hendak cadangkan, apabila dua negara baru dimasukkan sebagai negara yang berpotensi untuk membawa ataupun menjangkiti kita iaitu Indonesia dengan Thailand, saya hendak bertanya, apakah kemudahan saringan ataupun pemantauan di pintu-

pintu masuk? Semua pintu masuk, termasuk di Pelabuhan Klang yang banyak menerima pendatang daripada Indonesia, sempadan Sabah-Sarawak dengan Kalimantan, Indonesia.

Apakah kemudahan yang sama disediakan bagi mengesan kemasukan penyakit ini. Kalau tidak, kalau hanya di lapangan terbang antarabangsa yang besar, ia saya rasa bukan tempat yang satu-satunya kita hendak mengawal penyakit ini. Jadi, apakah kementerian bersedia dengan segala tenaga dan peralatan untuk menangani kemasukan di pintu-pintu masuk ini?

Di samping itu, saya dimaklumkan, cara mengesan suhu di tempat-tempat pemeriksaan ini pun berbeza-beza. Ada yang memeriksa suhu di telinga, ada yang meletakkan termometer di dahi, dalam suasana yang tentunya tidak tepat, tidak *accurate*. Jadi, apakah standard yang dirasakan perlu kerana kalau dalam *airport* itu dengan suhu *aircond airport* yang sejuk mungkin ia memberikan kesan terhadap cara kita mengesan suhu mereka yang baru tiba ke dalam negara ini.

Mengenai vaksin yang dijangka lambat tiba... itu paling cepat pun, katanya enam bulan daripada sebulan yang lalu, ertinya bulan November. Bagaimana penggunaan vaksin-vaksin untuk flu yang lain? Adakah kita bercadang untuk mengguna secara *sparing, sparingly*? Secara mudahnya, tidak diperketatkan penggunaannya, terutama kepada pelajar-pelajar kita yang sekarang ini musim mereka hendak pergi ke luar negara. Ramai yang akan ke Australia. Ramai yang akan ke Amerika Syarikat dan juga ke Eropah. Adakah mereka ini termasuk dalam senarai yang mesti diberikan perlindungan melalui vaksin influenza yang sedia ada? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ya, Yang Berhormat Kepong. Ada lima minit saja Yang Berhormat.

**4:44 ptg.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, memang hujah daripada Yang Berhormat Gopeng dan Yang Berhormat Kuala Krai itu betul, tepat dan kita pun tidak tahu bilangan kes atau insiden yang sebenarnya di dalam negara ini. Walaupun pihak Kementerian Kesihatan sudah berikhtiar untuk memberi maklumat-maklumat setiap hari. Akan tetapi pintu-pintu masuk itu terutamanya di Sarawak, Sabah itu, mungkin kawalan tidak begitu ketat, ataupun itu PATI kita tidak kesan. Itulah masalah di Malaysia. Di sini, saya hendak menyarankan supaya kita mempertingkatkan penyelarasan di antara kementerian, di antara jawatankuasa-jawatankuasa dan juga itu badan-badan awam termasuklah saya diberitahu bahawa unit-unit khas sudah ditubuh di semua sekolah. Ini kita mempunyai lebih hampir 8,000 sekolah. Jadi kita ada 8,000 unit khas di sekolah dan sebagainya. Semua ini perlu dikendalikan dengan berkesan dan setakat ini saya nampaknya usaha untuk melakukan penyaringan kesihatan itu di semua pintu masuk dan sebagainya tidak begitu seragam.

Saya berharaplah ini dapat diseragamkan, supaya semua prosedur itu dapat diikuti oleh semua pihak di semua pintu masuk. Setakat ini, saya nampak perkhidmatan di antara hospital terutamanya 28 buah hospital untuk merawat kes influenza H1N1 ini belum sempurna. Saya

berharaplah perkhidmatan ini dapat dipertingkatkan lagi di semua 28 buah dan juga di sini, walaupun kita tidak mempunyai vaksin untuk virus yang berkenaan. Yang Berhormat di dalam Dewan yang Mulia pun sudah menerangkan bahawa, vaksin untuk virus bermusim pun ada berkesan. Saya tidak bersetuju. Macam mana berkesan? Yang Berhormat Kuala Krai pun tahu. Memang tidak berkesan vaksin virus bermusim ini. Kita pun hendak tahu, bilakah kita boleh dapat vaksin H1N1 ini di pasaran. Kalau kita dapati vaksin ini, bilakah pihak kementerian dapat memperoleh stok vaksin ini serta stok untuk ubat dan alat perlindungan diri yang mencukupi?

Di sini, saya hendak menekankan bahawa kesedaran awam. Aktiviti kesedaran awam termasuk laporan media haruslah telus dan tepat. Kita boleh dapati bahawa kerana laporan yang tidak tepat, tidak persis, tidak jitu ini menjejaskan ekonomi kita. Misalnya, bilangan pelancongan yang masuk ke Malaysia ini memang kurang. Memang dia takut kepada Malaysia juga dan bilangan akan kurang. Ini menjejaskan ekonomi kita dan juga di sini saya diberitahu bahawa pihak kementerian sudah pun menyediakan pelan iaitu *National Influenza Pandemic Preparedness Plan* (NIPPP), yang di sini saya mengakui bahawa pihak kementerian pun mempunyai pengalaman untuk menangani wabak atau pandemiknya. Bermula... Misalnya dengan nipah dan sebagainya, memang mempunyai kaedah dan pengalaman juga. Akan tetapi, bagi pandemik influenza ini, memang tidak mencukupi. Apa kaedah yang tidak mempunyai... satu minit sahaja Tuan Yang di-Pertua...., . Pihak kerajaan sudah mengaktifkan Jawatankuasa Kebangsaan antara kementerian dan juga itu mengaktifkan Majlis Keselamatan Negara untuk menyelaraskan aktiviti pencegahan dan kawalan yang perlu dilaksanakan.

Di sini Tuan Yang di-Pertua, bagi sayalah saya nampaknya penyelarasan di antara jawatankuasa-jawatankuasa ini, termasuklah aktiviti untuk *surveillance* pencegahan dan kawalan seperti yang dinyatakan di dalam NIPPP itu, tidak mencukupi, tidak begitu berkesan bagi saya. Akhir sekali, mengenai tindakan *social distancing* ini. *Social distancing* kita nampaknya setakat ini, ada empat buah sekolah sudah ditutup, dan ada SRJK(C) di Jalan Davidson itu dan SK Assunta di Petaling juga sudah dibuka semula dan sebagainya.

#### ■1650

*Social distancing* ini ialah untuk membanteras penularan penyakit ini. Bagi sayalah, saya nampak itu tidak begitu teratur dan maklumat mengenai *social distancing* ini mestilah diberi kepada semua pihak terutamanya ibu bapa yang terlibat dengan sekolah-sekolah tersebut.

Akhir sekali saya berharaplah, saya yakin bahawa dengan kerjasama semua pihak termasuk semua Ahli Parlimen, kita dapat mencegah, mengawal dan juga meminimumkan kesan dan impak Influenza A H1N1. Sekian, terima kasih.

#### 4.51 ptg.

**Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil kesempatan ini untuk berucap sedikit. Di awal-awal ini saya mengambil kesempatan

untuk mengucapkan syabas, terima kasih dan tahniah kepada Menteri dan seluruh kakitangan perubatan dan kesihatan yang telah bertungkus-lumus untuk menghadapi wabak ini.

Saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah satu usaha yang bersungguh-sungguh dibuat untuk mencegah wabak ini dari terus merebak terutama di sekolah-sekolah, sebab sekarang ini beberapa sekolah telah ditutup. Apa yang saya dapat maklum balas, salah satu usaha untuk mencegahnya adalah kebersihan terutama kebersihan tangan dan sebagainya. Akan tetapi sebahagian daripada sekolah ini menghadapi masalah dari segi kekurangan air, kalau misalnya setiap kali anak-anak murid hendak pergi ke bilik air, timbul beberapa masalah logistik.

Jadi, apakah boleh kita mencadangkan di sini supaya disediakan, Kementerian Kesihatan dan juga Kementerian Pelajaran dengan kos yang mungkin boleh diadakan bersama menyampaikan ataupun membekalkan *hand sanitization* unit kepada sekolah-sekolah terutama kepada sekolah-sekolah yang mungkin lebih besar, ada kemungkinan besar terdedah kepada wabak ini.

Kemudian, begitu juga diberikan seperti kata Yang Berhormat Kuala Krai tadi, diberikan termometer set yang lebih standard. Jadi dengan ini tidaklah mereka menggunakan set yang sangat tidak tepat dan mungkin *misleading*. Jadi saya kira dan saya harap usaha-usaha seperti ini adalah untuk memastikan supaya tidak ada lagi sekolah yang perlu ditutup supaya tidak terganggu lagi pembelajaran anak-anak kita di sekolah. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ya, Yang Berhormat Pendang, lepas itu saya bagi sikit sahaja ya. Yang Berhormat Pendang, lepas itu Yang Berhormat Arau dan Menteri menjawab.

#### **4.53 ptg.**

**Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Gopeng yang telah membawa usul ini dan juga kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah meluluskan untuk dibincangkan pada petang ini.

Saya cuma nak menyentuh sedikit tentang masalah mereka yang di kuarantin di rumah. Sebenarnya kepada mereka yang telah didapati ada *contact* dengan pesakit di mana kanak-kanak sekolah telah dinasihatkan oleh pihak Kementerian Kesihatan untuk berada di rumah ataupun dikuarantin di rumah. Ini masalahnya, kadang-kadang apabila ibu bapa berhadapan dengan masalah begini, mereka terpaksa mengawal anak-anak. Dan maklumlah kita semua tahu bahawasanya apabila anak-anak itu dalam usia remaja mereka berhak pergi bermain dan juga berkawan-kawan.

Apakah tindakan kementerian terhadap kanak-kanak yang sebegini dan juga mungkin mereka akan terkena dengan kawan-kawan mereka yang lain, yang sebelum ini tidak mempunyai masalah berhubungan dengan *contact* di sekolah. Ini masalah pertama yang saya rasa perlu diberi perhatian oleh pihak kementerian.

Yang kedua tentang rawatan, apakah mereka yang telah terkena *contact* dengan pesakit H1N1 Influenza A ini diberi rawatan yang sempurna, kerana kita dapati di dalam apa yang dijelaskan oleh WHO, ia tidak mempunyai rawatan khusus, ia hanya *symptomatic treatment* yakni untuk demam, selesema dan juga kalau kekurangan air ataupun ada *dehydration* barulah perkara-perkara yang seterusnya dilakukan. Begitu juga kepada mereka yang telah terkena dengan masalah-masalah asma misalnya, memerlukan rawatan untuk masalah paru-paru.

Ataupun mereka yang terlibat dengan masalah *pneumonia* ataupun jangkitan di paru-paru. Ini merupakan rawatan yang khusus terhadap pesakit-pesakit mereka. Apakah *screening* terhadap H1N1 ini dilakukan juga kepada mereka yang dimasukkan ke wad disebabkan oleh masalah yang saya sebut iaitu asma dan juga *pneumonia* tadi. Maknanya perkara ini perlu juga diberi perhatian kerana kita bimbang mereka yang mempunyai penyakit khusus ini juga merupakan penyebar kepada selesema H1N1 ini, kerana kita mempunyai banyak kes import daripada kes-kes tempatan.

Walaupun kita tahu kes import ini kita dapat kesan daripada mereka yang masuk ke dalam negara kita melalui pintu-pintu masuk dalam negara, tetapi ada juga pintu-pintu masuk yang tidak *discreening* dengan secara tepat. Misalnya di Bukit Kayu Hitam, kalau kita tengok pada peringkat awal belum ada *screening* yang khusus seperti mana yang terdapat di lapangan terbang. Jadi saya rasa pihak kementerian perlulah memberikan perhatian kerana kita tidak mahu masalah Influenza A H1N1 ini terjadi seperti mana *Evian Flu* yang telah kita hadapi tiga atau empat tahun yang lepas.

Begitu juga dengan mereka yang tidak melaporkan diri apabila terkena dengan *contact* di dalam kapal terbang. Apakah tindakan pihak kementerian ataupun pihak berwajib terhadap mereka yang tidak tampil ke muka disebabkan oleh apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kuala Krai tadi, stigma tentang babi tadi ini.

Akhir sekali saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah persediaan pihak kementerian kepada mereka yang ingin menunaikan fardu haji, kerana saya mendapat maklumat ataupun *feedback* daripada peringkat bawahan. Apakah mereka dihalang ataupun ada sekatan-sekatan terhadap penunaian fardu haji pada tahun ini disebabkan oleh berlakunya epidemik selesema Influenza A H1N1 ini. Sekian, terima kasih.

**4.57 ptg.**

**Dato' Ismail Kasim [Arau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membangkitkan beberapa perkara berhubung dengan kedudukan pencegahan yang sama ada telah dirancang ataupun telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan.

Pertama kalau kita lihat beberapa buah negara, walaupun kes ini di peringkat awal begitu kecil bilangan penghidapnya yang melibatkan penghidap di peringkat domestik ataupun peringkat *international*. Akan tetapi akhir-akhir ini kita lihat ianya semakin menular dan berkembang sehingga melibatkan penutupan beberapa buah sekolah dan sebagainya. Jadi, tidakkah boleh



dilaksanakan bahawa penumpang di peringkat *international* ini diperiksa keseluruhannya baru dibenarkan turun daripada pesawat seperti mana yang berlaku di negara Hong Kong, China dan sebagainya. Mereka tidak membenarkan sama sekali keseluruhan penumpang turun dari pesawat sebelum dapat diperiksa taraf kesihatan mereka.

Jadi kita minta perkara ini dikuatkuasakan kerana kita lihat kalau kerajaan tidak membuat tindakan tegas, hanya membuat pemeriksaan secara *random* dengan izin, maka kita akan menghadapi masalah apabila perkara ini tersebar apabila penumpang-penumpang ini balik ke tempat-tempat tertentu yang boleh menyebabkan ianya berkembang ke seluruh negara.

Seterusnya, langkah awal yang dicadangkan oleh pihak kementerian iaitu suntikan pencegahan vaksin kepada semua babi peliharaan yang ada di negara kita, yang mana saya difahamkan persatuan penternak memberitahu bahawa terdapat lebih tiga juta ekor yang terdapat di negara kita. Mulanya cadangan yang dibuat oleh beberapa pihak seperti Pfizer dan sebagainya, sebuah syarikat yang mengeluarkan vaksin dan ubat-ubatan ini.

Mereka mencadangkan supaya setiap ekor ini disuntik melalui beberapa suntikan pencegahan bagi mengelak daripada jangkitan tempatan ini dan berpunca daripada keadaan-keadaan penternakan yang ada di negara kita supaya tidak seperti virus ataupun wabak-wabak yang terdahulu, yang merebak baru kita nak menjalankan suntikan ini. Saya melihat kosnya yang ditawarkan oleh Pfizer pun tidaklah begitu mahal dan kita harus dengan segera mengambil tindakan pencegahan kepada wabak yang cukup bahaya pada negara ini. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Menteri, oleh kerana masa ada sedikit lagi, bagi peluang kepada Yang Berhormat Kinabatangan.

**4.59 ptg.**

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma ingin menambah iaitu bahawa rakyat melihat virus H1N1 ini memang bukan satu lagi perkara yang dilindungi. Ianya kita maklum bahawa virus ini dibawa daripada manusia, burung dan babi sebab itu mungkin ada selesema manusia, ada selesema burung dan ada selesema babi. Jadi ini *popular* dengan selesema babi.

■1700

Jadi negara kita ini contohnya kita di lapangan terbang saya percaya, boleh kita kawal, tetapi bagaimana dengan pendatang tanpa izin yang datang? Mereka ini tidak ada dokumen, tidak ada kawalan. Jadi ini merupakan satu pendedahan pembawa virus ini begitu menular. Sebab itu saya menolak andaian daripada Yang Berhormat Gopeng bahawa kononnya negara kita seolah-olah tidak dikawal. Saya sendiri telah melawat sistem bagaimana kawalan dilaksanakan di kementerian. Saya sendiri menengok bagaimana mereka menjurus ke arah untuk melihat supaya rakyat Malaysia terpelihara.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]:** Sedikit sahaja.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Masa tidak ada.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi selesema yang dikatakan H1N1 ini, kita nampak memang ada keberkesanan untuk kita *board of entry* di lapangan terbang banyak. Akan tetapi masalah di Sabah, Sarawak terutama sekali di Pulau Sebatik, Nukan, Sungai Nyamuk, Sabah orang masuk keluar tidak ada pemeriksaan sama sekali. Jadi kalau ini kita tidak kawal, masalah rakyat di Sabah dan Sarawak. Jadi kita minta kalau boleh semua tempat masuk sama ada dia masuk secara halal atau haram mesti diperiksa dengan cara apa juga supaya kita dapat jangkitan daripada luar.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat Kalabakan. Itulah yang ingin saya cadangkan. Mungkin kita kawal dari segi lapangan terbang. Sebab memang kementerian, menteri ini sendiri telah melakukan yang terbaik. Akan tetapi bagaimana tempat *landing* yang tidak *legalize* ini. Bagaimana pula kawalan dia sedangkan pasport dia sudah tidak ada memang penyakit itu mudah dibawa. Jadi ini perlu dilihat secara positif sebab kita bazir tenaga mengawal di sini, tetapi selebihnya itu masuk kita tidak tahu. Bermakna virus ini akan terus merebak di negara kita tanpa ada kawalan.

Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir sekali saya juga ingin memuji langkah yang telah diambil oleh negara kita sebab mesin pengimbas untuk virus ini telah diletakkan di semua lapangan terbang. Mesin ini memang canggih, boleh mengimbas mereka-mereka yang lalu. Saya juga ingin mencadangkan bukan hanya kita mengimbas pelawat-pelawat dari negara yang berpotensi membawa virus ini, bahkan kalau boleh pesawat dari seluruh negara juga harus melalui proses ini seperti yang dilakukan oleh negara-negara yang telah dilanda wabak ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Yang Berhormat, Menteri.

## 5.02 ptg.

**Menteri Kesihatan [Dato' Sri Liow Tiong Lai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak ucapkan terima kasih kepada semua Ahli Parlimen yang telah mengambil bahagian dalam ucapan tadi. Saya ingin maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa pandemik Influenza A (H1N1) yang sedang melanda dunia pada masa ini telah bermula sejak 17 April 2009 di Mexico, Amerika Syarikat dan Kanada. Dalam masa dua bulan ini sehingga kini telah menular ke 116 buah negara di mana 71,106 kes dengan 311 kematian telah dilaporkan. Kadarnya satu kematian bagi setiap 230 kes. Di Malaysia sebanyak 158 kes telah dilaporkan dengan tiada kematian iaitu dengan jumlahnya 0.2% daripada jumlah seluruh dunia. Berdasarkan maklumat daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia penyakit Influenza A (H1N1) adalah mudah menular, *highly infectious* dan tahap keterukannya adalah sederhana, *moderate severity*. Virus Influenza A (H1N1) ini mudah bermutasi dan oleh kerana kemungkinan berlakunya gelombang kedua tidak dapat dielakkan.

Penularan wabak Influenza A (H1N1) ini cenderung untuk berlaku dengan cepat kerana faktor-faktor seperti pergerakan manusia yang mudah dan cepat dari satu tempat ke satu tempat yang lain terutamanya melibatkan perjalanan antarabangsa. Penularan penyakit juga cepat berlaku kerana Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) tidak menyarankan sebarang tindakan sekatan perjalanan atau *travel restriction* atau penutupan sempadan sebagai langkah mengawal penularan penyakit ini. Pada 11 Jun 2009, Pertubuhan Kesihatan Sedunia telah meningkat fasa amaran pandemik ke fasa 6 iaitu fasa pandemik keseluruhannya dan pengisytiharan ini dibuat kerana penyakit ini telah menular di banyak negara melibatkan negara-negara di semua kawasan dan benua. Semasa fasa 6 ini Pertubuhan Kesihatan Sedunia meminta supaya semua negara mengambil langkah-langkah pengawalan yang melibatkan aktiviti mitigasi dan meminimumkan impak penyakit dari segi kesihatan dan ekonomi. Langkah-langkah ini telah pun dilaksanakan oleh negara Amerika Syarikat, Australia, negara-negara Eropah yang mana kadar penularannya telah tahap yang tinggi.

Malaysia tidak terkecuali dari dilanda pandemik Virus Influenza A (H1N1). Sehingga hari ini 30 Jun 2009, 8.00 pagi sejumlah 158 kes yang disahkan kes Virus Influenza A (H1N1) telah dilaporkan. Sebanyak 133 kes adalah kes import dan 25 lagi adalah kes jangkitan tempatan.

Daripada 158 kes tersebut, 109 kes import terdiri daripada rakyat Malaysia yang mendapat jangkitan tersebut dari negara-negara terjejas sama ada semasa melancong atau dibawa oleh pelajar Malaysia yang balik bercuti dan ia adalah warganegara Malaysia berbilang kaum. Fenomena pandemik Virus Influenza berlaku seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Gopeng tadi memang setiap 20 hingga 30 tahun sekali dan ini berlaku kerana sifat virus influenza yang bermutasi yang menghasilkan virus baru. Wabak pandemik yang terakhir adalah pada tahun 1968 dinamakan *pandemic* Hong Kong *flu* disebabkan Virus Influenza (H3N1) yang melibatkan sejumlah lebih kurang 700,000 hingga 1 juta kematian di seluruh dunia. Di atas kemungkinan berlakunya pandemik influenza ini, semua negara termasuk Malaysia telah membuat persiapan yang awal seperti yang disarankan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia. Pada tahun 2005 Kementerian Kesihatan bersama dengan lain-lain kementerian dan agensi telah membuat yang melibatkan sejumlah lebih kurang 700,000 hingga 1 juta kematian di seluruh dunia.

Di atas kemungkinan berlakunya *pandemic* influenza ini, semua negara termasuk Malaysia telah membuat persiapan yang awal seperti yang disarankan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia. Pada tahun 2005 Kementerian Kesihatan bersama dengan lain-lain kementerian dan agensi telah membuat pelan tindakan yang bernama *National Pandemic Preparedness Plan* yang diluluskan oleh Jemaah Menteri pada akhir tahun 2004 telah mula dilaksanakan pada tahun 2006. Sehingga sekarang melibatkan 17 kementerian dan agensi. Persediaan yang secukupnya telah dibuat termasuk latihan simulasi dan *stock pile* ubat anti viral dan ubat perlindungan diri telah dibuat untuk memastikan negara kita bersiap sedia menghadapi

kemungkinan wabak pandemik influenza. Negara kita telah membuat persiapan yang secukupnya dalam menghadapi pandemik influenza begitu juga dengan lain-lain kementerian dan agensi bagi tujuan mengurangkan impak pandemik kepada negara tersebut termasuk kesan sosio ekonomi.

Kita yakin dengan perancangan yang teliti, kes pandemik kepada negara dapat diminimumkan demi kesejahteraan semua penduduk Malaysia. Persediaan kita buat termasuk respons organisasi iaitu seperti yang dikatakan tadi kita aktifkan lebih banyak bilik gerakan, jawatankuasa kerja antara kementerian. Kita ada respons antara perubatan, kita pastikan semua hospital bersiap sedia. Kita pastikan kita punya *stock pile* cukup untuk menghadapi situasi ini, kita ada respons kesihatan, kita adakan *surveillance* yang cukup, kita pastikan bahawa semua pintu masuk dikawal. Kita ada respons makmal, kita pastikan makmal kita diaktifkan, dapat kita mengesan virus H1N1 ini dengan cepat, kita ada *response community, risk community assessment*, pastikan bahawa masyarakat kita dimaklumkan dari semasa ke semasa tentang masalah semasa dan kita ada respons sosial sekiranya kita perlukan melaksanakan *sosial distancing*.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Gopeng bangun Yang Berhormat.

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Ya Yang Berhormat Gopeng.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Menteri. Memandangkan memang ada pelan tindakan bersama antara kementerian, kenapa masih berlaku percanggahan dari segi istilah yang digunakan? Ini soalan yang pertama. Kedua, saya juga dapat tahu bahawa lebih kurang 200,000 dos vaksin untuk *seasonal flu* telah diberikan kepada *frontline medical personnel* dengan izin.

■1710

Apakah rasional untuk memberikan vaksin tersebut memandangkan bahawa vaksin tersebut memang tidak berkesan terhadap influenza A H1N1? Bukankah ini memberikan satu *false sense of security* dengan izin, kepada mereka yang terlibat? Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kita memberi *vaccine seasonal flu* ini kerana ia dapat memastikan barisan hadapan kita tidak terkena *flu* biasa H3N2 dan H1N1. Influenza hari ini ialah influenza A H1N1 yang telah pun mengalami mutasi. Kita masih lagi boleh mengawal *flu* biasa iaitu H1N1 dan H3N1.

Kita memberi vaksin ini untuk memastikan bahawa seseorang kakitangan ataupun barisan hadapan kita tidak terkena selesema biasa dan juga apabila terkena H1N1, kalau dia kena *flu* biasa dan juga dengan H1N1 akan memberat lagi, merumitkan keadaan. *It's to prevent*. Kita tidak dapat menghalang mendapat H1N1 tetapi sekurang-kurangnya mereka tidak terkena selesema biasa.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Soal vaksin ini, Tuan Yang di-Pertua. Yang pertama, saya rasa mungkin tidak ada bukti bahawa dengan beri vaksin *seasonal flu* akan mengelakkan mutasi. Sekiranya teori ini betul, kementerian seharusnya memberi vaksin yang sama kepada mereka yang terlibat, 158 kes yang terlibat dalam influenza A H1N1 *seasonal flu vaccine*. Sekiranya anggapan itu betul. Adakah ini diambil?

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Saya rasa ia disalah anggap. Saya tidak mengatakan bahawa kita bagi *seasonal flu vaccine* ini boleh mengelakkan mutasi. Saya hanya mengatakan bahawa kita beri vaksin *seasonal flu* ini bagi mengelakkan komplikasi apabila seseorang telah pun dapat *flu* biasa, dapat lagi *flu* H1N1 dia akan *complicate the matters*. Itu yang saya nyatakan.

Berhubung dengan pertanyaan Yang Berhormat Gopeng dari segi nama influenza A H1N1 ini. Kenapa tidak diselaraskan? Dari segi penyelarasan kementerian, kita telah pun mendapat satu ketetapan di mana kita menggunakan influenza A H1N1 dan saya hendak tegaskan sekali lagi bahawa semua kementerian memang telah pun diarahkan untuk menggunakan nama yang sama iaitu influenza A H1N1 agar tidak mengelirukan mana-mana pihak. Saya hendak tegaskan di sini...

**Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]:** [Bangun]

**Dato' Abdul Rahman Dahlan [Kota Belud]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, ada dua bangun. Yang Berhormat Sekijang dengan Yang Berhormat Kota Belud Yang Berhormat.

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Yang Berhormat Sekijang.

**Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri ada menyatakan bahawa WHO ini tidak ada menyarankan untuk menyekat pengawalan sempadan. Jadi, saya ingin tahu pendapat dari Yang Berhormat Menteri.

Kenapakah keadaan ini tidak dibuat oleh WHO, sedangkan penyakit atau wabak-wabak lain seperti *J.E* dulu dan sebagainya, ia begitu cepat dibuat? Apakah ini WHO memandang bahawa penyakit H1N1 ini tidak begitu berbahaya ataupun ada sebab-sebab lain? Mungkin ada stok ubat yang hendak dijual dahulu ataupun ada sebab-sebab lain? Saya mohon pandangan Yang Amat Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Ya, untuk maklumat Yang Berhormat Sekijang bahawa Menteri Kesihatan ASEAN + 3 telah pun bermesyuarat di Bangkok dan kita telah pun mendapat satu keputusan iaitu mencadangkan kepada WHO untuk mengadakan sekatan sempadan iaitu *border screening* atau pun *exit screening* kita cadangkan. Malangnya, kita berada dalam mesyuarat WHO dan cadangan kita telah buat dan WHO berpendapat bahawa wabak ini tidak dapat dikawal melalui kawalan sempadan kerana 25% daripada pesakit ini tidak ada simptom. Dia tidak ada simptom panas dan akan bocor. Kita tahu *it is not fool proof* walaupun kita

sekarang ada banyak *thermo scanner* di semua lapangan terbang, di semua pintu-pintu masuk, *but at least* kita boleh sekat 75% kalau kita ada kesan panas, demam, kita dapat kesan.

Itu adalah alasan apabila kita berbincang dengan *Margaret Chan* sebagai *Director General WHO*. Kita tahu, kita rasa dia ada politiknya lah dalam WHO yang menyebabkan cadangan kita tidak dapat dilaksanakan oleh WHO dan untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa kita memang mengadakan kawalan yang ketat di semua pintu masuk. Kita adakan *health declaration form* pada semua pelawat-pelawat kita yang masuk ke negara kita dan kita mengambil langkah-langkah ini kerana kita...

**Kota Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** ...masih lagi mampu memastikan negara kita masih dalam fasa *containment*. *Containment measure stage*. Kita akan masuk ke *mitigation*. Macam *Singapore, they go into mitigation. In Thailand, Indonesia is out of containment, cannot contain anymore*. Tidak boleh *contain* sudah. Dia sudah *outbreak*. *So, they have to go into mitigation measures*. Kita sekarang masih lagi dalam tahap *containment*. *So, we are trying our level best*. Kita perlu kerjasama semua pihak. *We try to contain the wabak ini agar tidak terlalu menular dalam tempatan. Once outbreak, then we had to go into mitigation measures. It is a second phase*. Kementerian Kesihatan ada kita punya rancangan. *If it is another outbreak then kita akan buat mitigation measures dan kita akan ambil langkah-langkah yang lain pula. Saya akan jelaskan satu-persatu untuk membolehkan semua Ahli-ahli Yang Berhormat Parlimen dalam Dewan yang mulia ini jelas, apa langkah-langkah yang akan kita akan ambil. So, if a lot ask me, I cannot explain more. I want to explain to all of you for you to understand.*

**Kota Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Saya ada cadangan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** *Okay, maybe.* Yang Berhormat Batu.

**Tuan Chua Tian Chang [Batu]:** Saya faham...

**Kota Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Yang Berhormat Kota Belud belakang ini.

**Tuan Chua Tian Chang [Batu]:** Saya simpati dengan pendirian Yang Berhormat Menteri. Kita seluruh negara harus faham kalau sepuluh hari atau 20 hari yang akan datang kita tidak dapat mengawal sempadan kita dan pengawalan sempadan ini tidak akan berkesan lagi. Itulah sebab cadangan beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat di sini ialah, kita harus memperketat kawalan sempadan sekarang. Kalau kita nampaknya sempadan kita tidak diketatkan, nanti bila sampai *phase* kemudian, tidak ada maknanya kalau kita ada *scanner*.

*So, adakah Yang Berhormat Menteri cadangkan self imposed quarantine untuk negara-negara yang source nya memang banyak, yang telah outbreak, yang tidak boleh kawal lagi. Isu-isu sempadan darat ini yang kita dapati ada juga yang datang bukan sahaja dari pesawat tetapi*

juga bas dan sempadan yang lain. Apakah cadangan yang lebih berkesan untuk mengawal sempadan?

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Untuk maklumat Yang Berhormat Batu, kita sekarang ada 53 pintu masuk. Semua ada kita ada buat kawalan saringan. Semua 53 pintu masuk. *That is official* punya pintu masuk kita sudah ada kawalan kita. Kita ada *thermo scanner for the* beban yang besar, kita guna *thermo scanner*. Beban yang kurang, kita gunakan *thermometer*. *Measure* telinga untuk dapatkan suhu badan. Akan tetapi bagi yang tidak sah punya, yang dikatakan tadi daripada Sarawak, Sabah yang ada masuk tanpa izin, pendatang tanpa izin. Ini yang memberi tekanan kepada kita.

Kita tahu bahawa dia kerana tanpa izin, memang tidak tahu bila dia masuk. Oleh itu kita telah pun mengerahkan pihak polis, pihak imigresen untuk memastikan bahawa perketatkanlah jagaan sempadan kita. Untuk memastikan bahawa fasa satu ini - *containment stage*, masih lagi kita boleh laksanakan kerana kita yakin dapat mengawal keadaan kerana *responsive* dan kerjasama rakyat untuk memberi kerjasama kepada kita. Berhubung dengan...

**Kota Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Boleh bagi cadangan Yang Berhormat Menteri sekejap sedikit?

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Cadangan? Okey.

**Kota Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan tahniah kepada Kementerian Kesihatan kerana telah menjalankan tugas dengan begitu baik. Cuma saya ingin beri dua-tiga pandangan. Satunya ialah Kementerian Kesihatan perlu tahu bahawa ada *flight* daripada Sabah ini yang *originating* nya daripada luar negara, singgah di Kota Kinabalu dan ke Kuala Lumpur.

■1720

Saya dapati sebab kebanyakan Wakil Rakyat daripada Sabah balik ke negeri masing-masing setiap minggu dan ada ketikanya apabila *flight* itu walaupun daripada Kota Kinabalu tetapi *originating* daripada Korea atau Japan tidak melalui pemeriksaan yang ketat. Ini mungkin kerana pihak imigresen atau pihak kementerian mengingatkan ini adalah *domestic flight*. Okey, itu satu. Keduanya, Yang Berhormat Menteri saya dimaklumkan, ini saya tidak tahu mungkin Yang Berhormat Menteri boleh cari jawapannya.

Saya dimaklumkan bahawa *circulation* udara di dalam kapal terbang itu boleh dipercepatkan. Kalau dahulu mungkin tiga minit sekali udara di dalam kabin kapal terbang itu boleh dibersihkan atau di *circulate* kan. Mungkin kalau kita boleh bertanya dengan pihak Kementerian Pengangkutan kalau boleh dipercepatkan untuk mengelakkan masalah *contaminated air*. Yang ketiga, sedikit sahaja, *very simple*. Kadang-kadang dalam *flight* Yang Berhormat, kita faham ada penumpang-penumpang yang bersin, batuk dan sebagainya. Kita di dalam kapal terbang itu merasa cemas. Jadi saya minta kalau boleh beritahu kepada

Kementerian Pengangkutan dan pihak MAS supaya apabila ada orang yang batuk berterusan berikan *mask* kepada mereka di dalam kabin itu. Terima kasih.

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Terima kasih di atas cadangan-cadangan yang cukup bernas. Memang kita akan mengambil langkah-langkah yang dicadangkan itu adalah satu langkah *preventive* yang baik. Berhubung dengan *flight* daripada Sabah, transit yang tidak ada kesan ini, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, semua pelawat yang masuk ke KLIA sekarang kita buat *scanning* kepada semua yang datang. Dahulu kita membuat *scanning* kepada negara-negara yang ada jangkitan sahaja tetapi sekarang kita membuat *scanning* bagi semua.

Bagi negara-negara seperti USA, Manila, Melbourne dan sekarang termasuk Thailand kita akan kenakan dua kali saringan. Kita tidak masuk ke dalam kapal terbang tetapi apabila mereka keluar daripada kapal terbang, *we do the scanning at the door*. Pastikan mereka tidak bawa wabak itu masuk ke negara kita.

Yang Berhormat Batu Gajah...

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Batu Gajah.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya rasa kita kesuntukan masa tetapi saya harap Yang Berhormat Menteri kalau boleh aturkan satu taklimat atau dialog perbincangan dalam masa dua hari ini. *Maybe* hari Khamis agar kita boleh membawa balik maklumat dan juga menyampaikan maklumat kepada pihak kementerian pelbagai cadangan yang saya ada dalam senarai ini...

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Okey.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Namun saya sangat setuju dengan apa yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Kota Belud. Namun bukan sekadar kepada mereka yang sedang batuk di dalam kapal terbang tetapi edarkan kepada setiap yang menaiki kapal terbang. Apakah pihak kementerian mempertimbangkan sebelum seseorang menaiki kapal terbang diadakan satu *temperature check*?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ya.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Meninggalkan beberapa barisan belakang kapal terbang itu, tempat duduk, dibiarkan kosong dan adakan satu langsir. Apabila mana-mana penumpang didapati dalam keadaan tidak selesa boleh dipindahkan ke tempat duduk itu. Selain itu, kita nampak dalam laporan selalu menyatakan bahawa mencari penumpang dalam MH atau SQ yang menduduki tiga barisan hadapan itu, saya rasa telah terlambat Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Baik.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Mungkin apabila menaiki kapal terbang *temperature check* diadakan, *mask* diberikan dan adakan tempat khas kepada mereka yang berada di dalam



keadaan yang tidak selesa atau didapati mempunyai suhu badan yang tinggi. Saya mempunyai banyak lagi cadangan, borang deklarasi *health*.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** *[Bangun]*

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Di mana saya dimaklumkan oleh kawan saya dari Singapura, pegawai langsung tidak tengok *Health Declaration Form*. Banyak lagi. Saya pohon kalau boleh kita adakan satu taklimat perbincangan pada hari Khamis ini selewat-lewatnya saya pohon.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Boleh sambung sedikit?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat ada lima minit sahaja.

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** *Last one* ya. Sebab kalau tidak saya tidak dapat jawab banyak lagi. *So I want to answer all the questions here.*

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Tentang nama yang disebutkan tadi. Saya sangat *confused*, di surat khabar, di media, perkara ini Menteri Penerangan kata akan memberikan nama selesema babi atau *swine flu*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ini soalan politik. Tidak perlu bangkitkan dahulu Yang Berhormat.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Jadi siapa kementerian yang beri nama yang betul itu? Adakah Kabinet membenarkan menggunakan H1N1 atau pun menggunakan nama yang sebaliknya? Terima kasih.

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Saya sudah jelaskan tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Tidak apa. Ini hal politik Yang Berhormat.

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Ya, Kementerian Kesihatan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Saya berminat untuk mendengar penjelasan Yang Berhormat tentang tindakan.

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi yang saya hendak jelaskan di sini kerana dari segi cadangan-cadangan Ahli Yang Berhormat itu cukup baik. Saya hendak jelaskan satu per satu. Yang dikatakan tadi bahawa jangkitan tidak dapat dikawal dan Yang Berhormat Gopeng kata apakah kriteria yang kita gunakan yang jelas dari pelbagai peringkat. Memang kita ada kriteria. Saya hendak jelaskan kriteria kita, kalau satu orang kena, apakah yang kita buat *local transmission* apakah yang kita buat, *community transmission* apakah yang kita akan buat, satu orang mati apakah yang kita akan buat. *All these* telah pun digariskan di dalam pelan tindakan, *preparedness plan* yang diadakan.

Buat masa ini kita sudah masuk dalam fasa *local transmission*. Namun *local transmission* kita masih lagi dikawal kerana kita masih lagi tahu *source* nya daripada siapa dan kita juga dapat kesan dia ke mana. *Contact point* kita dapat lagi kesan. Oleh itu ia belum merebak kepada komuniti *sustain local transmission*. Belum sampai ke tahap itu. Kalau katakan kriteria yang satu lagi apabila sampai ke *sustain local transmission* maka komuniti itu telah pun kita tidak tahu dijangkiti daripada mana. Apakah sumber, daripada mana dan kita mendapat sakit ini. Maka ini adalah satu wabak *local community*.

Kita kena buat, *first we have to close down most of the schools* or kita kena tutup dan mengadakan *social distancing measure* di mana semua aktiviti orang ramai perlu dikurangkan atau pun dihadkan. Kita juga perlu adakan *sick screening* walaupun WHO tidak hendak cadangkan tetapi bagi Malaysia kita akan buat *for the community level* untuk pastikan bahawa *we contain that issue within that community* dan tidak merebak ke kawasan lain. Itu sekiranya *it has reach another level*.

Kalau sudah sampai ke *another level*, orang sudah meninggal, *it will come* kerana bilangan kalau kita lihat daripada statistik, *it is about 0.4% death. The death is quit high*. Ada orang kata *do not worry. We go for swine flu party* atau *a H1N1 flu party. It is very dangerous*. Itu satu tindakan yang gila. Tidak boleh diterima kerana apabila lebih banyak orang kena, katakan kita tahu kita lihat statistik yang dikeluarkan, lebih ramai yang kena H1N1 ini, lebih ramai yang meninggal. USA 27,717 yang kena H1N1, 127 orang yang meninggal. Mexico 8,000 kena H1N1, 116 orang yang meninggal dan Kanada *also very high*. 21 orang yang meninggal.

Oleh itu apa yang perlu kita buat sekarang, kita perlu kurangkan bilangan yang kena kes H1N1 ini. Wabak ini perlu dikawal. Tidak boleh dipandang remeh atau dipandang rendah juga sikap acuh tidak acuh terhadap masalah wabak yang sedang menular di dalam negara kita. Kita kena buat beberapa perkara yang penting sekarang *precaution measures*. Saya hendak minta kerjasama semua Ahli Parlimen bahawa kita ada kriteria menutup tempat jabatan kerajaan juga kilang.

Kita akan keluarkan arahan-arahannya apabila sampai tahapnya. Namun sekarang kita harus bersiap sedia pandangan dan juga sikap rakyat kita agar mereka bersiap sedia. Apabila kilang itu kena tutup apakah yang harus mereka buat. Adakah kita kena bagi gaji, adakah kita kena pastikan bagaimana kilang itu boleh terus beroperasi, apakah rancangan *the continual business plan* kerana kalau kita tidak ada *continual business plan* maka *pandemic* ini akan menyebabkan ekonomi negara merudum? Kita kena pastikan *all the economic plan, sustainable development plan* harus diadakan untuk menghadapi wabak *pandemic* ini.

Saya menyeru semua kilang-kilang dan semua institusi *must take ownership of this pandemic*. Tidak boleh kata *it is* kerajaan *or somebody else*. Ini Menteri Kesihatan punya tanggungjawab. Semua orang lepas tangan. Kalau semua macam ini *nobody take ownership, pandemic flu* ini kita tidak boleh selesaikan bersama. Saya rasa ini amat penting. Kita kena

pastikan bahawa impak terhadap ekonomi dapat kita tangani bersama. Ada yang katakan tadi bahawa kita mengatakan banyak sangat H1N1, pelancong kita kurang. Orang tidak boleh hendak datang.

■1730

Itu silap, pandangan itu saya rasa tidak betul kerana kita mengambil langkah-langkah yang berjaga-jaga. Langkah yang cukup baik dan kita dapat kawal keadaan, maka *our tour agent*, kita kena katakan bahawa operasi kita di sini selamat. Pelancong boleh datang, *it's a plus point* apabila kita mempunyai kempen dan juga mempunyai berbagai usaha yang dikeluarkan melalui surat khabar dan juga kenyataan. Bukan mengatakan banyak kenyataan, bahawa orang takut datang ke Malaysia. Ini saya rasa kenyataan dan pandangan yang silap. Saya tahu masa tidak mengizinkan memang banyak lagi saya nak selesaikan, cadangan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Batu Gajah.

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Yang Berhormat Batu Gajah saya rasa boleh saya cuba buat, kita adakan satu taklimat, *maybe* adakan taklimat dan adakan perbincangan yang lebih mendalam. Saya beri satu taklimat tentang yang lebih menyeluruh. Semua soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Parlimen tadi saya akan jawab Tuan Yang di-Pertua, kerana saya tahu memang tadi menimbulkan banyak perkara-perkara yang cukup baik, termasuklah cadangan suhu badan diukur dengan betul, cadangan bagaimana mengadakan vaksin dan banyak lagi. Saya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ya.

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Okey saya hanya nak menekankan..., Akhirnya kerana masa tidak mengizinkan, saya nak minta kerjasama semua pihak bahawa pada masa sekarang kita *in between* fasa *containment* dan fasa *medication*. Kita juga nak masuk dalam fasa *medication* kerana kita tahu tekanan kita berat sekarang. Wabak ini akan menjadi *stain local transmission* di Singapore, Thailand, Indonesia dan semua sudah terkena dan menjadi satu wabak di dalam komuniti.

Oleh itu, semua kena mempunyai sikap dan semangat kerjasama yang rapat untuk sama-sama, kita menanganinya bersama wabak ini. *It's here to stay, it's not one week two week, it's can be months*, dia berbulan-bulan akan bersama dengan kita dan kita perlu berganding bahu bersama-sama untuk menanganinya Influenza AH1N1 ini, sekian Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih, Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup dalam Perbahasan di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) dengan demikian saya tutupkan perbahasan ini. Dengan itu juga, saya sekali lagi menjemput Menteri Kewangan menyambung pembentangan.

*[Perbahasan rang undang-undang disambung semula]*

**5.34 ptg.**

**Menteri Kewangan II [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah]:** Tuan pengerusi, sebelum saya berhenti berucap tadi, saya telah pun mula menyentuh mengenai dengan pengurusan rizab luar negara. Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini memperuntukkan bahawa adalah menjadi tanggungjawab BNM untuk memegang dan mengurus rizab luar negara Malaysia, bagi maksud melaksanakan tanggungjawab BNM bagi membolehkan BNM menjalankan fungsi-fungsinya di bawah Rang Undang-undang, ini serta bertujuan untuk mengekalkan keyakinan awam.

Bagi memastikan pengurusan rizab luar negara dilaksanakan sewajarnya, BNM akan meneruskan amalan yang sedia ada, dengan membuat laporan kepada Menteri secara tetap mengenai aktiviti-aktiviti pelaburan yang dilaksanakan oleh BNM. Mengikut Peruntukan Rang Undang-undang, lembaga pengarah memainkan peranan penting untuk menjalankan pengawasan ke atas pengurusan BNM, serta mengkaji prestasi BNM dalam melaksanakan tanggungjawabnya.

Dalam menjalankan peranannya, lembaga pengarah akan dibantu oleh tiga jawatankuasa yang dibentuk dalam rang undang-undang iaitu Jawatankuasa Tadbir Urus Lembaga, Jawatankuasa Audit Lembaga dan Jawatankuasa Risiko Lembaga. Antara fungsi-fungsi Jawatankuasa Tadbir Urus Lembaga adalah untuk mengesyorkan pelantikan anggota Jawatankuasa Dasar Monetari dan Jawatankuasa-jawatankuasa BNM yang lain, serta memeriksa dan mencadangkan belanjawan dan pelan ukuran operasi BNM kepada lembaga pengarah untuk kelulusan.

Manakala Jawatankuasa Audit Lembaga mempunyai fungsi untuk membantu lembaga pengarah dalam mengawasi Integriti Akaun dan Penyata Kewangan BNM. Mengawasi keberkesanan sistem kawalan dalaman pelaksana fungsi audit dalaman dan kepatuhan kepada undang-undang dan keperluan pengawalseliaan.

Seterusnya fungsi Jawatankuasa Risiko Lembaga adalah untuk membantu lembaga pengarah menyemak pengurusan risiko yang dijalankan oleh BNM bagi menilai, sama ada risiko telah dikenal pasti dan diurus dengan berkesan. Dari segi akauntabiliti, rang undang-undang ini menghendaki BNM untuk memaklumkan kepada Yang Berhormat Menteri dasar berhubung dengan matlamat utamanya. BNM juga akan menyerahkan kepada Yang Berhormat Menteri penyata aset dan liabiliti dalam setiap dua minggu.

Akaun BNM perlu diaudit dan disahkan oleh Ketua Audit Negara, penyata kewangan dan laporan tahunan BNM pula akan dibentangkan di Parlimen. Rang undang-undang juga menghendaki BNM menyiarkan penyata aset dan liabiliti BNM setiap dua minggu sekali, penyataan Dasar Monetari, penyata kewangan dan laporan tahunan BNM.

Sekiranya terdapat perbezaan pendapat antara BNM dengan Yang Berhormat Menteri mengenai dasar yang berkaitan dengan matlamat BNM, rang undang-undang membuat peruntukan, untuk Menteri merujuk perbezaan pendapat tersebut kepada Jemaah Menteri. Dalam hal ini Menteri hendaklah mengemukakan kepada Jemaah Menteri syor Yang Berhormat Menteri dan pernyataan oleh Lembaga Pengarah BNM mengenai perbezaan pendapat itu.

Seterusnya Jemaah Menteri boleh membuat keputusan mengenai dasar yang perlu diambil oleh BNM dan BNM hendaklah melaksanakan dasar yang diputuskan oleh Jemaah Menteri itu. Sekiranya Lembaga Pengarah tidak bersetuju dengan keputusan Jemaah Menteri, Sekiranya Lembaga Pengarah tidak bersetuju dengan keputusan Jemaah Menteri. Lembaga Pengarah BNM boleh mengemukakan bantahannya kepada Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Menteri hendaklah membentangkan dasar yang ditentukan oleh Jemaah Menteri dan pernyataan diberikan oleh Lembaga Pengarah BNM kepada Yang Berhormat Menteri di Dewan Rakyat.

Tuan Pengerusi sebanyak 100 fasal dalam 15 bahagian dan tiga jadual telah digubal di bawah rang undang-undang. Peruntukan untuk rang undang-undang adalah ringkas dan seperti berikut:

Bahagian I rang undang-undang fasal 1 dan fasal 2 mengandungi perkara permulaan seperti tajuk ringkas dan kuasa Yang Berhormat Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa serta tafsiran bagi ungkapan-ungkapan digunakan dalam rang undang-undang.

Bahagian II rang undang-undang, fasal 3 hingga fasal 5 mengandungi peruntukan mengenai BNM, matlamat dan fungsinya. Fasal 3 menerangkan bahawa penubuhan BNM di bawah Akta Bank Negara Malaysia 1958 dikekalkan di bawah rang undang-undang. matlamat utama BNM seta fungsi-fungsi utama BNM juga dinyatakan dalam bahagian ini.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Bahagian III rang undang-undang fasal 6 hingga fasal 13 mengandungi peruntukan berkaitan dengan hal-hal kewangan Bank Negara Malaysia, termasuklah penubuhan Kumpulan Wang Rizab Am dan pembayaran dividen kepada kerajaan daripada untung bersih BNM.

Bahagian IV rang undang-undang fasal 14 hingga 21 mengandungi Peruntukan Tadbir Urus BNM, antaranya ialah penubuhan Lembaga Pengarah yang akan mengawasi urusan BNM dan peruntukan berhubung pelantikan Gabenor dan Timbalan Gabenor.

Bahagian V rang undang-undang fasal 22 hingga 26 memperuntukkan fungsi operasi monetari BNM, bahagian ini juga memperuntukkan Penubuhan Jawatankuasa Dasar Monetari, jawatankuasa yang bertanggungjawab untuk merumuskan dasar monetari dan dasar operasinya. Selain daripada itu bahagian ini juga membuat peruntukan bagi penyiaran pernyataan dasar monetari.

Bahagian VI Rang Undang-undang, fasal 27 hingga 50, menetapkan kuasa, fungsi dan operasi BNM dalam menggalakkan kestabilan kewangan. Bab 1 mengandungi autoriti BNM dalam mencapai matlamatnya, dalam menggalakkan kestabilan kewangan antaranya termasuklah kuasa untuk mendapatkan maklumat, mengeluarkan perintah, memberi bantuan mudah tunai dan kuasa resolusi.

Bab 2 memberi kuasa kepada BNM untuk mengeluarkan peraturan dan garis panduan bagi pasaran wang, pasaran pertukaran asing, atau pasaran bagi terbitan yang berkaitan dengan mata wang, sekuriti dan instrumen kewangan lainnya diniagakan dalam pasaran-pasaran berkenaan. Sementara itu bab tiga berkenaan perkhidmatan kewangan dan fungsi lain termasuklah penubuhan Biro Kredit dan Badan Korporat untuk tujuan tertentu.

Bahagian VII rang undang-undang, fasal 51 hingga fasal 60 memperkatakan tentang perniagaan kewangan Islam antara lainnya, bahagian ini menjelaskan mengenai fungsi Majlis Penasihat Syariah dan peranan BNM dalam mempromosi Malaysia sebagai Pusat Kewangan Islam Antarabangsa.

Bahagian VIII rang undang-undang fasal 61 hingga fasal 66 memperkatakan mengenai mata wang termasuk dalam bahagian ini, adalah kuasa BNM untuk mengeluarkan mata wang seta menjalankan operasi pertukaran asing.

Bahagian IX rang undang-undang fasal 67 hingga 68 memperuntukkan mengenai Rizab Luar Negara, bahagian ini menjelaskan tanggungjawab BNM dalam memegang dan menguruskan untuk mendapatkan maklumat, mengeluarkan perintah, memberi bantuan mudah tunai dan kuasa resolusi.

Bahagian X rang undang-undang fasal 69 hingga fasal 72 memperkatakan mengenai hubungan BNM dengan kerajaan. BNM akan terus menjadi jurubank, penasihat dan ejen kewangan kepada kerajaan.

Di samping itu, BNM juga boleh memberi pinjaman sementara kepada kerajaan atas syarat-syarat tertentu, bahagian ini juga menggariskan prosedur yang perlu diambil sekiranya terdapat perbezaan pendapat antara BNM dan Yang Berhormat Menteri mengenai dasar berkaitan matlamat utamanya.

■1740

Bahagian XI, rang undang-undang fasal 73 hingga 78 memperkatakan mengenai kuasa-kuasa BNM yang lain. Antaranya, terdapat peruntukan mengenai kuasa-kuasa am BNM, kuasa terhad untuk membeli harta tak alih serta perniagaan yang tidak boleh diurusniagakan oleh BNM.

Bahagian XII, rang undang-undang fasal 79 hingga 82 memperkatakan mengenai perkara-perkara antarabangsa berkaitan dengan BNM. Antara lainnya yang memperuntukkan keanggotaan BNM dan beberapa organisasi antarabangsa serta kuasa BNM untuk mengeluarkan peraturan bagi maksud melaksanakan obligasi kerajaan di bawah resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Bahagian XIII, rang undang-undang fasal 83 hingga 85 memperkatakan mengenai pelantikan dan hal ehwal pegawai dan pekerja BNM.

Bahagian XIV, rang undang-undang fasal 86 hingga 98 memperkatakan mengenai peruntukan am. Bahagian ini antara lain mengandungi peruntukan mengenai kuasa BNM untuk mengeluarkan peraturan dan garis panduan mengenakan fi dan penalti pentadbiran serta mengkompaun apa-apa kesalahan di bawah rang undang-undang ini dengan persetujuan bertulis oleh pendakwa raya. Selain daripada itu, bahagian ini turut memperjelaskan tanggungjawab BNM berhubung pemeliharaan kerahsiaan. Terdapat juga peruntukan mengenai imuniti kepada pegawai atau sesiapa yang dilantik atau bertindak bagi pihak BNM dengan suci hati daripada tindakan guaman dan pendakwaan.

Bahagian XV, rang undang-undang fasal 99 hingga 100 memperkatakan mengenai peruntukan pemansuhan, kecualian dan peralihan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani II [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]:** Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, Masalahnya di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi kewujudan berterusan Bank Negara Malaysia; dan bagi pentadbiran matlamat, fungsi dan kuasa bank dan bagi perkara berbangkit atau bersampingan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

*[Tiada ahli bangun untuk berucap]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Hai, elok sangat tiada yang membahas. Saya kira sampai tiga, kalau tiada yang membahas, sila Menteri.

**5.42 ptg.**

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Tidak hendak bahas kah?

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]:** Biarlah, duduklah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hendak bagi bahas kah tidak payah?

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]:** Tidak payahlah.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana membentangkan usul seperti yang dibacakan tadi. Isu yang baik ya. Saya baru saja meneliti rang undang-undang ini, seperti yang tertera dan disebut banyak perkara oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi.

Perkara pertama yang mungkin boleh kita bawa untuk *clarification*, ulasan ataupun penerangan oleh pihak Yang Berhormat Menteri Kewangan barangkali, dalam masa, zaman ataupun *period* kegawatan ekonomi seperti yang dikatakan oleh seluruh masyarakat dunia dan negara kita juga adalah antara salah satu yang menyatakan kebimbangan kita. Perkara ini telah diukur oleh banyak *indicators* ataupun penunjuk-penunjuk termasuk juga kadar kenaikan harga, kadar inflasi, kadar penurunan keupayaan membeli dan sebagainya. Salah satu daripada perkara yang disebut secara spesifik oleh ramai Ahli-ahli Dewan yang mulia ini juga pada sesi pembentangan yang lalu, iaitu tentang kerisauan bagaimana berlakunya inflasi dan seterusnya deflasi sekiranya perkara ini tidak dapat dibendung dan dikawal dengan rapi oleh pihak kerajaan.

Pada 18 Oktober 2008, Bank Negara Malaysia telah menyatakan bahawa wujudnya pertambahan M3, iaitu wang secara fizikal. Pertambahan sebanyak 13.5%. Pernyataan itu menyebut bahawa Bank Negara Malaysia telah bertindak memasukkan atau meningkatkan kadar sirkulasi mata wang di dalam pasaran domestik kita sebanyak yang disebutkan tadi, iaitu 13.5% pada tahun lalu. Ini juga dicerminkan oleh laporan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, iaitu penyata aset dan liabiliti yang dikeluarkan secara berkala, iaitu seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, selama empat bulan sekali.

Saya memetik di sini sebagaimana yang telah dikeluarkan pada 15 April 2009 yang lalu iaitu jumlah perbezaan; tambahan terhadap mata wang dalam edaran. Perbandingan di antara dua laporan terdahulu, 15 April dan laporan yang sebelum daripada itu, menunjukkan bahawa terdapatnya pertambahan wang dalam edaran sebanyak RM1.3 bilion. Perbezaan dengan laporan yang lalu. Ini juga selaras dengan laporan akhbar yang telah diterbitkan pada 31 Oktober



tahun lalu menyebut sebanyak RM13.8 bilion tambahan wang telah dimasukkan di dalam sirkulasi kewangan negara.

Di antara faktor yang menjadi perhatian pada seluruh masyarakat, terutamanya peniaga di dalam negara kita ialah apabila wujudnya tambahan ataupun penawaran wang secara fizikal di dalam pasaran tanpa disokong oleh pengeluaran ataupun output yang setimpal. Ini dibimbangi wujudnya secara automatik kenaikan dalam kadar inflasi secara semula jadi. Saya faham masih ada langkah-langkah lain. Bukan hanya terdedah kepada kenaikan kadar inflasi atas sebab pertambahan penawaran atau pertambahan nilai mata wang kertas atau M3 di dalam pasaran. Ia juga disokong oleh faktor-faktor lain.

Namun, oleh sebab kita membincangkan secara spesifik tentang Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia 2009, maka kita tidak boleh mengasingkan isu ini di mana kebimbangan terhadap wujudnya galakan untuk melonjak kadar inflasi di kalangan masyarakat kita tetap ada kerana pada peringkat pertama, iaitu apabila wujudnya pertambahan penawaran wang M3 ataupun wang kertas di dalam pasaran kita secara agak *massive* kerana 13.8% ini bermakna tidak ada satu jaminan secara konkrit bahawa pengawalan untuk membendung sekurang-kurangnya 50% daripada bilangan tersebut untuk menjadikan kadar inflasi boleh dikekang dalam sekitar bawah daripada 13%.

Saya mohon kepada Yang Berhormat Menteri untuk memberi ulasan dan jawapan bagaimana keputusan ini kita ambil. Ini kerana telah pun dilihat dalam tiga tahun kewangan berturut-turut wujudnya pertambahan wang dalam sirkulasi atau dalam pasaran. Sekiranya dikolaborasikan dengan beberapa cadangan kerajaan yang telah dibuat dan diluluskan, malah diisytiharkan bahawa pelan untuk meliberalisasikan sektor-sektor tertentu termasuk sektor kewangan dalam 27 subsektor yang disebutkan begitu *detail* sekali. Ini juga menyentuh kepada sektor perbankan, di mana kita mendapati beberapa kelulusan lesen telah pun dikeluarkan untuk beroperasi kepada pihak asing, pihak pemilikan asing atau entiti asing untuk beroperasi di dalam negara kita.

■1750

Adakah kolaborasi di antara jumlah kebenaran atau jumlah kelulusan ini dapat dijustifikasikan dengan keadaan di mana potensi kesan inflasi berjumlah 13% tadi yang mungkin dibawa kesannya oleh pertambahan integer sebanyak itu dapat dibendung. Saya lebih mementingkan bahawa sekiranya minat daripada pihak asing beroperasi dalam negara kita walaupun sub-sub sektor yang tidak diminati atau tidak diceburi oleh pihak tempatan atau domestik. Saya yakin sedikit sebanyak ia akan mendorong terhadap partisipasi entiti asing untuk melihat bahawa bidang yang tidak diceburi oleh pihak tempatan ini akan menjadi satu aspek monopoli yang cukup ketat yang bakal dimainkan oleh pihak atau entiti asing yang telah pun diberi kebenaran untuk beroperasi.

Pada hari ini Menteri Kewangan telah mengemukakan atau memaklumkan satu lagi rancangan yang cukup berani iaitu rancangan untuk merealisasikan dengan segera aspek liberalisasi yang telah disebutkan terdahulu dan beberapa langkah telah pun diisytiharkan pada tengah hari ini termasuk juga menyentuh secara spesifik berkenaan kedudukan peratusan pemilikan dalam entiti ini termasuk juga kedudukan entiti tempatan yang selama ini telah bersama dipertahankan, diikat. Ini jelas dalam aspek yang selama ini telah di dokong oleh seluruh masyarakat kita yang mengatakan ikatan 30% terhadap kedudukan keistimewaan pemilikan bumiputera yang juga di terjemah sebahagiannya daripada prinsip Dasar Ekonomi Baru.

Walaupun kita tidak berjaya mencapai sasaran yang sebenar ataupun yang disasarkan namun pada pihak kami, angka ataupun peratusan 30 % itu masih dianggap sebagai peratusan keramat yang harus menjadi satu titik ataupun satu kedudukan yang perlu dipertahankan meskipun agak sukar. Kita perlu mengakui bahawa mencapai kejayaan peratusan itu agak hampir tidak munasabah untuk dicapai dalam tempoh terdekat.

Walau bagaimanapun liberalisasi atau meliberalisasikan sub-sub sektor termasuk dengan pengumuman yang terbaru pada hari ini ialah memberikan satu persepsi yang berlainan terhadap kesungguhan pihak kerajaan yang mentadbir negara khususnya dalam menjaga kepentingan ekonomi tempatan atau ekonomi negara ataupun yang mencakupi seluruh kehidupan ekonomi masyarakat akan menjadikan satu persepsi yang berlainan walaupun aspek kejayaan terhadap nilai 30% itu amat jauh sekali untuk menjadi realiti pada kedudukan terutamanya kedudukan ekonomi semasa. Namun dengan cara kita membawa satu pengisytiharan barangkali untuk tujuan meletakkan satu keyakinan baru terhadap terutamanya pihak luar ataupun pihak pelaburan luar barangkali...

**Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]:** [*Bangun*]

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** ...Dan selaras juga dengan fokus kerajaan untuk meletakkan satu asas yang baru membawa kepada minat pelaburan luar untuk tujuan remedi kepada masalah ekonomi domestik. Namun persepsi yang baru ini sudah tentu akan membawa satu natijah yang lain. Saya juga bimbang sekiranya perkara ini tidak diklarifikasikan dengan betul atau tidak di *position* kan dengan betul. Ia akan membentuk satu minat terhadap ruang-ruang yang selama ini kita jaga atau kita hadkan kepada pemilikan tempatan atau monopoli tempatan terutama bumiputera akan menjadi satu elemen buka pintu atau *door opening* yang begitu luas atau seluas-luasnya dan kita bimbang pada satu masa akan datang kita akan melihat dan mengatakan memang wujud kesilapan dalam meletakkan asas liberalisasi kewangan ini. Silakan.

**Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya. Yang Berhormat ada menyebut tadi tentang Dasar Ekonomi Baru tetapi kalau boleh kita menyebut sekarang semangat Dasar Ekonomi Baru seperti yang terkandung dalam

Misi Nasional. Saya cukup bersetuju tentang apa yang disebut Yang Berhormat tadi kerana kalau kita ikut daripada teras tiga iaitu seharusnya kita menangani ketidakseimbangan sosioekonomi antara kaum. Memang kita akui bahawa penguasaan dan pemilikan bumiputera masih jauh daripada sasaran.

Keduanya, taraf kemiskinan kita memang terlalu tinggi kalau kiat bandingkan dengan kaum-kaum yang lain. Seharusnya pihak kerajaan melipat gandakan usaha bagi memastikan supaya kita dapat merapatkan jurang ini supaya rasa tidak puas hati ini tidak timbul lagi. Jadi untuk maklumat Ahli Yang Berhormat bahawa pada ketika ini walaupun sebenarnya kerajaan telah menjalankan berbagai usaha tetapi apakah pandangan Yang Berhormat jalan pintas untuk kita benar-benar dapat kalau boleh sampai kepada sasaran yang kita harapkan. Terima kasih.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Terima kasih Yang Berhormat Jasin. Saya tidak menolak terdapat banyak andaian ataupun *assumption* yang telah dibuat dalam usaha juga untuk mencuba untuk mencapai tahap pemilikan 30% dalam ekuiti bumiputera terutama dalam beberapa tahun terakhir, kita lihat banyak usaha terdesak dan hampir terdesaklah boleh saya katakan untuk mencuba juga untuk memaparkan statistik untuk membolehkan atau membawa satu keyakinan terhadap ada juga unsur kejayaan dalam dasar tersebut.

Walau bagaimanapun kita lihat lima tahun selepas dasar itu berakhir, barulah wujud satu klarifikasi daripada pihak kerajaan untuk dengan terang dan berani mengatakan bahawa pencapaian kita hanyalah tertinggi setakat 18.3% dan pentadbiran-pentadbiran di bawah Perdana Menteri yang lalu menyedari perkara ini dan ketegasan telah dibuat mengatakan bahawa walaupun tidak wujud tara ataupun *target* ataupun sasaran yang betul untuk mengubah dasar ketetapan 30 %. Maka kita lihat polisi-polisi yang terkebelakang telah tidak begitu serius untuk membincangkan semula, meletakkan satu angka yang baru ataupun cuba menghidupkan semula semangat untuk juga mencapai angka ataupun ekuiti 30% yang disebutkan tadi. Memang banyak sebab ataupun dan natijah kepada angka yang begitu *simple* sebenarnya 30%.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat daripada Indera Mahkota.

■1800

Setujukah Yang Berhormat kalau saya katakan kegagalan untuk mencapai sasaran 30% penyertaan kaum bumiputera dalam sektor ekonomi ini adalah disebabkan kebergantungan yang amat sangat ke atas pihak kerajaan. Sebagaimana yang kita tahu bahawa ekonomi negara ini bukan hanya diuruskan oleh kerajaan, ia juga diuruskan oleh sektor swasta.

Kita dapati bahawa sektor swasta begitu tidak memainkan peranan langsung untuk membantu kaum bumiputera mencapai kemajuan ekonominya. Kita merasa juga kesal di pihak pembangkang tidak langsung membangkitkan perkara ini menyeru kepada pihak swasta untuk memainkan peranan sebagaimana juga pihak kerajaan memainkan peranannya. Setujukah Yang Berhormat Indera Mahkota dengan pertanyaan saya ini?

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Sebenarnya permulaan terhadap keinginan untuk mencapai atau meletakkan sasaran 30% itu bukan semata-mata ataupun hanya kerana prinsip ekonomi dan soal meletakkan atau menyatakan kesalahan kepada pihak kami, sebenarnya tidak berapa relevan sangat untuk kita ungkit dan bincang di sini.

Oleh sebab sasaran itu memang telah diterima oleh seluruh masyarakat dan tidak berjaya jadi mengungkit atau membawa semula isu itu hanya menjadi akademik dan ia tidak membawa apa-apa makna. Soal mempersalahkan ataupun menunjuk kegagalan itu akan hanya menyebabkan timbul rasa curiga dan rasa curiga biasanya akan membawa kepada proses untuk mencari di mana kesilapan dan sudah tentu dalam proses itu kita akan nampak dan akan dapat diketahui.

Seperti juga macam perbincangan tentang Rang Undang-undang Akta Bank Negara ini, antara tujuannya ialah untuk menggantikan satu akta yang telah diperkenalkan pada tahun 1958, satu akta yang begitu lama telah dipergunakan atau diguna pakai untuk tujuan yang hampir sama iaitu untuk meletakkan Bank Negara mempunyai fungsi-fungsi tertentu dan di antara fungsi yang paling utama iaitu untuk mengawal pengeluaran wang yang digunakan di dalam negara kita dan di dalam masyarakat kita atau di dalam aktiviti ekonomi negara kita.

Merujuk kepada soal kegagalan untuk mencapai sasaran 30% penguasaan ekuiti di kalangan bumiputera di negara kita. Ini juga perlu dilihat secara holistik. Ada elemen-elemen bukan hanya terhadap dasar tetapi elemen-elemen pelaksanaan. Di dalam pelaksanaan juga ada wujudnya elemen-elemen untuk mengusahakan bagaimana golongan-golongan tertentu di dalam bumiputera ini patut digembleng untuk mencapai angka ataupun peratus keramat yang dibawa berpuluh-puluh tahun diperjuangkan. Sehingga daripada elemen ekonominya sehingga kepada menjadi satu elemen politik yang begitu berleluasa.

Kita lihat NGO dan sebagainya juga menggunakan angka 30% ini sebagai satu isu keramat untuk mencapai tujuan masing-masing. Ini semua telah dibuktikan selama 36 tahun perkara ini tidak berhasil dan tidak menjadi satu perkara yang boleh dibanggakan demi kedudukan yang kita lalui atau pengalaman pahit yang dilalui terhadap gagalnya pencapaian 30%. Kita perlu lihat pada ketika itu pihak kerajaan ataupun Kerajaan Barisan Nasional telah dipertanggungjawabkan. UMNO yang berada sebagai satu tunggal di dalam Kerajaan Barisan Nasional yang mentadbir negara dan diberikan kuasa untuk mentadbir polisi-polisi ekonomi serta polisi kewangan pada masa itu sudah tentu harus menjawab dan menjadi satu pihak yang mesti *accountable* terhadap kegagalan tercapainya matlamat ini.

Saya fikir sekali lagi perbincangan terhadap kegagalan ini hanya menyebabkan kita berfikir kenapa dan siapa yang menyebabkan perkara ini gagal ataupun perkara ini tidak berhasil? Saya rasa dalam keadaan semula jadi atau *geographically*, dengan izin, kedudukan Malaysia dengan sumber alam yang begitu banyak. Sebut sahaja apa jenis sumber alam, Malaysia adalah tempat yang begitu *multi-resourceful* perkara-perkara ini ada. dengan hasil

petroleum, gas dan sebagainya. Perkara ini hampir menjadi tidak munasabah kalau dikatakan asas fizikal ini yang menyebabkan tidak tercapainya sasaran tersebut.

Satu laporan yang saya terbaca di dalam majalah yang disebut oleh Steve Rich yang juga merupakan seorang profesor di *Johns Hopkins University*, di dalam majalah keluaran terbaru bulan Jun. Saya ada bulan Jun sahaja. Dia juga memberi pandangan bahawa sekiranya sesuatu negara itu meletakkan asas pencapaian dalam bentuk peratusan untuk menunjukkan *concern* ataupun untuk menunjukkan begitu kukuhnya cadangan sesuatu kerajaan untuk mencapai peratusan terhadap sesuatu kaum yang berada di dalam negara itu. Maka akhirnya peratusan itu akan menyebabkan masyarakat yang dikata dikhususkan peratusan itu akan mengira peratusan kegagalan berbanding dengan kejayaan.

Memang benar, banyak dalam masyarakat dunia di negara yang lain juga selain daripada negara kita pernah meletakkan satu asas dan berbentuk peratusan. Kalau tidak dalam bentuk ekonomi, ia juga meletakkan dalam peratusan keterlibatan atau terlibatnya sesuatu bangsa itu di dalam sektor-sektor tertentu. Ada yang meletakkan sektor pendidikan, penguasaan dalam bentuk ekuiti hartanah dan sebagainya. Ada, tetapi kalau faktor peratusan itu menjadi satu keramat yang mesti dikejar, terbukti akhirnya perkara itulah yang menyebabkan berlakunya kekecewaan...

**Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Jasin, Yang Berhormat. Yang Berhormat Jasin.

**Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menganggap bahawa ucapan Yang Berhormat berhubung dengan penguasaan dan pemilikan bumiputera yang masih jauh ketinggalan lagi begitu positif sekali. Jadi kita mestilah mengambil maklum bahawa Ahli-ahli Dewan yang bersidang sebenarnya mempunyai tanggungjawab yang sama. Kita seharusnya sama-sama menyumbang idea dan pendapat supaya kita dapat mencadangkan kepada kerajaan apakah langkah yang paling terbaik sekali untuk dibuat bagi memastikan supaya kita dapat meningkatkan lagi penguasaan dan pemilikan bumiputera.

Dalam konteks ini, saya yakin kerajaan sangat berhati-hati terutama apatah lagi kita hidup dalam berbilang kaum. Apa juga langkah yang dibuat untuk membela, menaikkan taraf bumiputera, selalunya mendapat tentangan. Jadi pada kali ini saya rasa cukup berpuas hati sekali dan Yang Berhormat nampaknya begitu positif. Kali ini sama-sama kita perjuangkan dan kalau boleh pemilikan bumiputera yang jauh ketinggalan ini insya-Allah dapat kita capai. Terima kasih.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Terima kasih Yang Berhormat Jasin. Sebenarnya rakan-rakan kita di sebelah sini semuanya positif sejak dari hari pertama kita masuk Dewan ini pun. Cuma isunya sekarang ialah apabila semua orang mengakui tidak tercapainya sasaran ini menjadikan satu isu besar yang menyebabkan semua orang menilai ataupun saya rasa bukan

setakat menilai tetapi melahirkan rasa kecewa. Kekecewaan ini kita perlu bendung supaya ia tidak diterjemahkan ke dalam satu aspek yang barangkali tidak mendatangkan apa-apa kebaikan. Baik kepada bangsa ataupun kepada negara secara keseluruhan.

■1810

Saya mengajak Yang Berhormat supaya melihat ke hadapan. Kita ada beberapa isu yang cukup kritikal untuk kita nilai dan untuk kita lihat sama ada perkara ini benar-benar boleh membawa kebaikan kepada keseluruhan ekonomi negara kita, terutama dalam keadaan negara kita menghadapi saat pertumbuhan yang begitu nazak. Pihak kementerian sendiri mengakui pada penghujung tahun ini kita menyasarkan ekuiti kita menjangkakan bahawa pertumbuhan kita negatif hingga 4%. Baru-baru ini Menteri Kewangan juga mengumumkan bahawa pada setakat bulan Mei kita telah melihat bahawa pertumbuhan kita adalah 6.23%. Perkara ini memang tidak pernah berlaku sebelum pada ini. Kalau pun ada ia tidak berlaku secara struktural seperti perbandingan dengan apa yang kita rasai pada masa ini.

Saya juga agak terkilan sekiranya kita tidak membawa atau hubung kaitkan perkara ini dengan keadaan di mana langkah-langkah diambil pada hemat semua orang adalah bertujuan untuk memperbaiki keadaan semasa. Saya minta rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat yang bertanya tadi sekurang-kurangnya kita fokus terhadap keadaan yang paling dekat dengan mata kita sekarang, iaitu terhadap pengumuman-pengumuman terbaru yang berada dalam ruang lingkup meliberalisasikan sektor-sektor termasuk kewangan. Adakah perkara ini boleh membantu untuk menghidupkan semula impian kita mencapai kepada pencapaian yang disebutkan gagal tadi? Adakah perkara ini boleh membawa kepada memulihkan impian bangsa untuk mencapai ataupun dengan wujudnya polisi ini akan melebarkan atau menjauhkan lagi matlamat untuk mencapai *target* tadi?

Sebagai contoh, sekiranya beberapa bank tempatan yang ada dalam negara kita pernah satu masa dulu melalui saat genting ataupun saat pahit kegawatan ekonomi sepuluh tahun yang lalu, kita telah memilih untuk memperkukuhkan kedudukan kecairan dalam sektor-sektor bank tersebut dengan cara mencadangkan wujudnya gabungan-gabungan atau menggabungkan kekuatan *liquidity* bank-bank milik tempatan pada masa itu. Kita lihat pada masa itu kerajaan kita, kerajaan yang memerintah sekian lama telah pun membuat satu langkah yang berani dengan sanggup mengetepikan atau sanggup mengorbankan satu bank yang menjadi tonggak, menjadi satu simbol, satu monumen kepada bangsa Melayu pada masa itu, iaitu Bank Bumiputra sehingga hilangnya identiti tersebut.

Kehilangan identiti ini sama juga dalam sistem kewangan ini, ibaratnya menghilangkan satu keyakinan terhadap institusi tersebut. Sekiranya Bank Bumiputra sanggup dihilangkan/dilenyapkan kerana alasannya pada masa itu kerajaan tidak mempunyai pilihan yang lain untuk hanya tujuan mengukuhkan *liquidity* di dalam bank-bank tersebut kita mengusulkan untuk menggabung. Penggabungan-penggabungan itu telah menyebabkan hasil terakhir (*final*

*output*), dengan izin, ialah terhilangnya atau terlenyapnya satu nama yang pada satu masa ditubuhkan untuk tujuan mempertingkatkan keupayaan atau persepsi untuk mengupayakan pemilikan bumiputera. Jadi ini berlaku jauh lebih awal daripada suasana sekarang ini, suasana yang kita hadapi ke depan atau sekurang-kurangnya tempoh dua tiga tahun daripada sekarang.

Jadi, soal yang dibangkitkan oleh rakan-rakan tadi berkenaan dengan sama ada bersetuju ataupun tidak, saya mahu bertegas di sini. Di antara tujuan kita masih cuba juga untuk membahaskan tentang Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia 2009 ini tidak lain tidak bukan hanyalah untuk melihat atau untuk menimbulkan satu keyakinan baru. Adakah dengan tertubuhnya atau terlulusnya rang undang-undang ini, membentuk undang-undang Bank Negara yang baru, Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia 2009, adakah ia membawa satu keyakinan yang baru sekurang-kurangnya terhadap kedudukan pemilikan yang diasaskan oleh pentadbiran bank-bank milik tempatan yang masih lagi ada di dalam negara kita? Berapa banyak keraguan atau kebimbangan yang timbul daripada masyarakat perdagangan, juga yang dimiliki sebahagian kecilnya oleh kaum bumiputera dan juga termasuk rakan-rakan kita di Sabah dan Sarawak yang juga merasa wujud kebimbangan? Adakah dengan dasar liberalisasi kewangan ini akan menjamin perkara ini? Saya rasa perkara ini jauh lebih mustahak untuk kita bincangkan daripada kita membawa ingatan kita kepada perkara yang sudah tentu menyebabkan kita rasa marah atau kita rasa terkilan, kerana tidak tercapainya sasaran yang kita sendiri cuba pertahankan bermati-matian pada suatu masa dahulu.

Saya juga minta kepada rakan-rakan, baki yang ada dalam Dewan ini... [*Memandang keseluruhan ruang Dewan*][*Ketawa*]... Sama-sama kita lihat. Sebenarnya kita ibaratnya seperti merobohkan satu rumah yang lama untuk membina satu rumah yang baru untuk tujuan yang sama, iaitu memberi perlindungan dan menjadikan tempat kita bernaung, bergantung kerana ini adalah semuanya berkenaan dengan diri kita, masyarakat kita dan barangkali generasi kita yang akan datang.

Saya tidak mempunyai syak wasangka yang tidak berasas ataupun cuba untuk membawa satu keadaan yang negatif terhadap isi kandungan rang undang-undang ini, tetapi saya minta kalau boleh rakan-rakan termasuk juga pihak Menteri yang membawa cadangan terhadap perkara ini supaya meneliti. Saya rasa kandungan rang undang-undang ini memang satu perkara yang sangat eksklusif yang kita bawakan, kerana Bank Negara dilihat sebagai satu tonggak utama, sebagai satu pentadbir utama untuk menentukan sekurang-kurangnya elemen kedudukan kewangan di dalam negara menjadi kukuh atas dasar untuk menjamin segala macam keburukan yang berlaku, baik dari segi kadar inflasi, penurunan kuasa beli, kehilangan ataupun kejatuhan nilai aset yang begitu ketara. Juga, barangkali yang dibimbangi di lapisan atau *first level* dalam masyarakat ialah apabila nilai mata wang kita secara relatifnya jatuh.

Saya mengambil satu contoh yang baru dikemukakan oleh rakan saya yang mengatakan bahawa kedudukan simpanan semasa di kalangan..., saya hendak sebut perkara ini Tuan Yang

di-Pertua kerana diminta oleh rakan-rakan saya di kawasan saya, dari Indera Mahkota. Mereka merasa risau kerana tahap pegangan nilai mereka pada suatu masa dianggap agak stabil, kukuh dan bertahan tetapi pada masa ini mereka telah merasakan ada kecurigaan. Mereka ini adalah di kalangan orang-orang tua, orang-orang *senior citizen* yang bakal mengerjakan ibadah haji pada penghujung tahun ini.

Saya memang pada peringkat atau dalam kelas yang berlainan daripada mereka tetapi oleh kerana perkara ini disebut, saya minta kepada pihak Menteri juga barangkali membawa satu penerangan agar mereka juga boleh faham di luar sana. Pada suatu masa dulu seorang yang bercadang untuk mengerjakan ibadah haji hanya perlu mencukupkan simpanan mereka sebanyak RM6,700. Simpanan ini dilakukan dengan begitu disiplin setiap bulan oleh golongan-golongan ini secara disiplin sebanyak RM50 atau RM100 setiap bulan dengan satu niat, iaitu dengan niat pada suatu masa apabila cukup jumlahnya, maka berjayalah mereka ini untuk terbang ataupun belayar ataupun ke satu destinasi yang ditentukan, iaitu di Mekah untuk mengerjakan ibadah haji.

#### ■1820

Tidak ada satu impian lain. Hanya ini sahaja terpahat pada fikiran mereka. Mereka dengan disiplinnya menabung hampir lima tahun, ada enam tahun, ada setengah itu tujuh tahun menabung sedikit demi sedikit kerana mereka yakin pihak Tabung Haji ataupun pihak kerajaan memberi jaminan apabila cukup sahaja jumlah ini, maka mereka layak ataupun *qualify* untuk menjadi calon untuk dihantar kerana aspek kewangannya mencukupi.

Bayangkan tiga tahun yang lalu atau lima tahun yang lalu kita masih lagi mengatakan jumlah itu adalah jumlah yang mencukupi. Selepas satu masa oleh kerana turunnya nilai kewangan kita ataupun nilai bandingan mata wang kita, disebabkan juga atau disokong juga oleh beberapa aspek yang lain iaitu kenaikan dalam harga tambang dan sebagainya ataupun caj yang ditentukan oleh pihak-pihak yang dikatakan sebagai tidak di dalam ruang lingkup keupayaan kita.

Akan tetapi natijahnya ialah jumlah yang disebut dahulu tidak lagi berupaya untuk membolehkan seseorang calon itu mengerjakan ibadah yang sepatutnya disebut dan diberi keyakinan kepada mereka itu boleh, oleh kerana ada di antara mereka mengatakan bahawa RM6,700 hampir *impossible*, hampir tidak munasabah untuk membolehkan mereka mengerjakan perkara itu dan sekarang rata-rata kita tahu bahawa perkara itu telah pun berubah walaupun golongan-golongan ini tidak faham atau tidak tahu secara jelas kenapa mereka dikenakan tambahan.

Mengapa mereka ini sebenarnya terpaksa untuk membayar lebih, kenapa dan kenapa? Banyak juga persoalan ini tetapi kita secara formalnya tidak memberitahu ini berlaku turunnya nilai mata wang Ringgit Malaysia kalau kita bandingkan dengan beberapa mata wang lain di sekitar negara kita atau di negara-negara rakan ASEAN kita. Kita cukup jelas bahawa berlakunya penurunan ataupun selisih yang begitu ketara. Tidak ada satu masa menunjukkan *lock-in*



kedudukan mata wang itu bertahan untuk satu tempoh yang lama berbanding secara komparatifnya dengan mata wang yang lain.

Kita membuka begitu luas dasar dan baru-baru ini Menteri Kewangan, Perdana Menteri ada berkunjung ke negara China atas usaha memperkukuhkan usaha rakan dagang dengan China. Banyak subsektor juga yang ditawarkan kepada Kerajaan China tetapi sedarkah kita bahawa secara perbandingannya Ringgit Malaysia dengan Renminbi di negara China cukup menyebabkan kita merasa kita tidak pernah *comparatively, compatible* dengan Renminbi. Saya rasa rakan-rakan yang berada dalam Dewan pun masih ramai lagi yang pernah baru-baru ini pergi ke China.

Memang perkara ini agak jelas dan pada saya perkara ini bukan jelas sahaja tetapi memalukan kerana pernah satu masa kedudukan pengukuhan Ringgit Malaysia atau mata wang Malaysia kita begitu jauh kukuh atau lebih atas, lebih tinggi nilainya berbanding dengan Renminbi itu. Akan tetapi sekarang kedudukannya agak terbalik. Jadi kebimbangan-kebimbangan ini atau perkembangan ini sekiranya berterusan untuk dua, tiga tahun akan datang, saya bimbang dan saya rasa rakan-rakan dalam Dewan ini juga merasa bimbang bahawa ini menunjukkan satu penurunan graf yang begitu ketara sekali...

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** *[Bangun]*

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Terima kasih.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa tentang nilai pertukaran wang asing antara Ringgit Malaysia dengan Renminbi dalam tempoh hanya lapan bulan ini dari RM4.50 pada kedudukan 100 Renminbi naik sehingga RM5.30 walaupun dalam masa yang begitu singkat. Ini menunjukkan bahawa ekonomi negara kita berbanding dengan negeri China yang amat berbeza. Adakah ini kerajaan, khususnya kerajaan sekarang, adakah menggunakan Renminbi menggantikan US Dollar sebagai satu perdagangan antara dua pihak. Adakah bersetuju atau tidak?

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Terima kasih. Saya hendak katakan apabila berlakunya penurunan dalam nilai secara relatif atau perbandingan di antara satu mata wang dengan satu mata wang yang lain, perkara ini telah mewujudkan satu elemen di mana penurunan atau *sliding* itu menjadikan beban baru terhadap pihak yang terpaksa menerima hakikat bahawa penurunan nilai itu adalah menjadi implikasinya, tambahan terhadap jumlah yang....

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Penjelasan. Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat dari Indera Mahkota. Walaupun pertukaran wang asing ini dilihat seolah-olah satu kelemahan dari segi ekonomi negara kita tetapi sebenarnya ianya memberi satu nikmat dan hikmah yang besar kepada negara. Bagaimana? Sebelum menjawab, saya bagi *hint* sedikit. Apabila mata wang kita jatuh berbanding dengan mata wang asing, bermaknanya

barangan di dalam negara kita ini menjadi lebih murah dan dengan itu maka permintaan kepada barang-barangan kita meningkat.

Daripada mereka membeli di negara-negara lain, mereka membeli daripada Malaysia kerana harganya sudah menurun dan peningkatan perdagangan ini akan memberikan *foreign exchange* yang sangat besar kepada negara. Itu yang penting. Bukannya kadar pertukaran wang asing itu yang penting. Yang penting ialah jumlah kutipan *foreign exchange* itu. Tidak tahulah hari itu belajar ekonomi setakat mana... [Ketawa]

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Terima kasih. Betul, sebenarnya kalau mengikut impian Yang Berhormat Pasir Salak itu memang betul, tetapi kita terima juga hakikat keluaran seperti yang disebut kata sebagai produk-produk yang boleh menjadi minat untuk orang beli begitu mudah seperti yang diandaikan itu menyebabkan meningkatnya penjualan kita. Memang itu secara teori, tetapi kita terima hakikat bahawa...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *It is not a theory.* Ini hakikat ini. Permintaan kepada kelapa sawit kita, minyak kelapa sawit, elektronik, elektrik, plastik, *furniture, everything*, kita punya eksport menjadi lebih kompetitif. Kita menuju kepada perdagangan yang kompetitif, *competitiveness*. Bukan begitu?

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Ya, *competitiveness* saya setuju tetapi kita kena terima hakikat beberapa minggu yang dahulu menteri juga memberitahu dalam Dewan ini bahawa kita sedang menghadapi penurunan dalam pengeluaran kita terutama untuk barang-barang yang dahulunya menjadi minat kepada keluaran-keluaran produk yang biasanya menjadi minat kepada masyarakat luar dalam dagangan ataupun hasil eksport. Kita diberitahu sehingga Mei, sebulan yang lalu kita menghadapi penurunan negatif 46.3% dalam keluaran SMI atau SME. Bukankah ini satu kedudukan yang begitu nazak atau meruncing?

Hampir separuh daripada keluaran SMI, perusahaan-perusahaan kecil dan sederhana kita sampai negatif hampir separuh. Tidakkah perkara ini menunjukkan bahawa berlakunya satu kejatuhan yang begitu mendadak atas produk domestik? Ini juga menunjukkan bahawa bila produk tempatan itu jatuh pengeluarannya bermakna tidak ada orang hendak beli. *Simple*, itu perkara mudah sahaja.

■1830

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Boleh bincang lagi? Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, memang dalam keadaan sekarang, ini dalam keadaan sekarang. Kegawatan ekonomi dunia, permintaan kepada apa barang juga pun menurun bukan disebabkan faktor *exchange rate* ataupun pertukaran wang asing, yang kita bicarakan tadi ialah pertukaran wang asing di mana wang Malaysia itu jatuh.

Dalam keadaan biasa kalau kita mempunyai satu kadar pertukaran asing yang rendah, ianya memberi keuntungan kepada kita. Boleh tanya kepada Yang Berhormat Bukit Bintang, di import kereta bukan main banyak. Kalau jatuh pertukaran wang asing daripada *Pound Sterling*,

dialah yang untung besar. Berapa juta dia sudah buat duit hasil daripada perbezaan pertukaran wang asing. Betul tak Yang Berhormat Bukit Bintang? *[Ketawa]*

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak. Soalnya sekarang, pertama orang tidak ramai dalam Dewan hari ini, jadi soal kedua memang saya pun turut sama berminat untuk menyatakan rasa risau juga kerana berlaku perkara ini selari. Mungkin penjelasan *detail* kita boleh minta daripada pihak Menteri dan kita sama-sama kalau ada perkara yang jelas untuk mencadangkan usaha bagi memperbaiki kedudukan ini, saya rasa tidak ada masalah atau tidak ada sebab untuk semua orang menyokong dan menerima.

Akan tetapi kedudukan negatif ini agak *parallel*, berlaku dua keadaan dalam satu masa yang jarang berlaku ataupun yang kita agak tidak punya pengalaman yang begitu baik untuk mengatasi perkara ini kerana *empirically* perkara ini tidak berlaku.

Saya rasa tidak perlu kita sebut *impact global meltdown* dan sebagainya. Itu memang selalunya kita mengatakan ini adalah kerana krisis global dan kerana kesan global dan sebagainya. Ini tujuannya hanya untuk *console* diri kita mengatakan perkara ini di luar jangkauan atau di luar keupayaan kita untuk *manage* atau menguruskan perkara ini. Ini adalah satu jawapan yang semata-mata dan hanya untuk memberi jawapan atau memberi alasan. Ini bukan tujuan kita dan alasan itu tidak dapat memperbaiki atau langsung tidak akan boleh mengubah atau membawa satu elemen baru untuk memperkukuhkan keadaan ini.

Secara logiknya apabila kedudukan mata wang kita jatuh *comparatively* atau *relatively* dengan satu mata wang lain bermakna kita memerlukan satu jumlah yang lebih besar untuk menampung selisih atau perbezaan itu dan aspekimbangan pembayaran sudah tentu akan menjadi lebih nazak atau menjadi lebih utama kita bincangkan. Soal *imbalance of payment*, ini memang satu perkara yang sudah bertahun-tahun kita bawa.

Saya baca Hansard yang lalu memang ramai Ahli-ahli Yang Berhormat kita juga risau terhadap berlakunya krisis ketidakseimbangan ini dan apabila mata wang kita menurun sudah tentu ini akan membesarkan lagi jurang ketidakseimbangan dalam pembayaran ini, sudah tentu.

Kalau dahulu kita perlu bayar RM10, oleh kerana nilai kita turun sudah tentu kita kena bayar lebih, kalau penurunan 50% bermakna kita kena bayar RM20 untuk sama dengan nilai RM10 yang lama dahulu. Ini perlu kita usulkan dan ini secara logik sahaja, sebab itu orang-orang atau bakal haji ini dia lebih logik daripada kita sebab dia tahu jumlah RM6,000 itu sudah tidak cukup sekarang. Kena RM12,000 dia pun tahu sebenarnya ini berpunca daripada penurunan nilai, cuma dia tidak sebut sahaja ini berlaku *devaluation kah*, dia tidak sebut sahaja tetapi hakikatnya samalah.

Serupa juga dengan kita sekarang, kita tidak perlu memberi alasan untuk menolak atau menangkis hujah sahaja, tidak perlu. Saya rasa lebih baik kita terima tetapi sama-sama kita fikir bagaimanakah langkah-langkah yang dicadangkan itu benar atau tidak boleh membawa perubahan terhadap kedudukan semasa sekarang. Kalau benar, kita sama-sama sokong dan

kalau tidak benar, barangkali kita sama-sama boleh memberi cadangan-cadangan yang sekurang-kurangnya di peringkat kita, cadangan bagaimana pada pandangan kita berdasarkan alasan-alasan ataupun hujah tertentu boleh memperbaiki keadaan ini.

Saya katakan dahulu memang ada elemen yang disebutkan atau dicadangkan tetapi barangkali kita tidaklah sempurna atau paling sempurna kerana ada lagi yang lebih sempurna daripada kita. Ada perkara yang begitu *simple* tetapi kita terlepas pandang. Ingat masa pembentangan belanjawan yang lalu, kita lupa bahawa kita menganggap atau kita mengandaikan bahawa kedudukan nilai aset dalam negara kita kukuh, stabil dan *saturate*, duduk di situ tanpa berubah, kita membuat andaian, satu *assumption* yang agak meyakinkan.

Saya juga yakin tetapi saya terkejut apabila Yang Amat Berhormat mantan Perdana Menteri kita menyebut dalam satu majlis pada satu tempoh yang tanpa ada ura-ura atau ada spekulasi yang jelas beliau mengatakan bahawa kedudukan semasa nilai aset negara di dalam negara telah jatuh sebanyak 31.3%, 1/3 pada masa itu. Saya pun terkejut, saya rasa tidak ada sesiapa yang mencabar kredibiliti statistik ini ataupun peratusan ini.

Tidak ada antara kita yang mencabar ataupun tidak ada ulasan semula untuk mengkaji semula kedudukan itu dan kalau perkara itu selaras dengan berlakunya masalah ekonomi domestik atau dalaman, empat bulan yang lalu tanpa ada satu tanda pemulihan yang begitu jelas, sudah tentu secara logiknya lagi sekali maka daripada 31.3% sudah tentu barangkali sekarang dia menurun atau lebih rendah daripada jumlah itu.

Penurunan aset juga bermakna penurunan nilai. Nilai aset itu maksudnya nilai keseluruhan juga termasuk juga dikaitkan dengan penurunan nilai wang. Ini ukuran yang sangat munasabah dan *simple* untuk kita sebut. Jadi saya rasa kalau semua peringkat telah membayangkan kedudukan ini termasuk bekas atau mantan Perdana Menteri yang lalu menyebut itu dalam satu majlis *public, public event* dengan izin, yang disebut dan sudah tentu pada masa itu mengambil kira juga keyakinan semasa masyarakat yang hadir pada masa itu termasuk masyarakat ataupun *commerce community* pada masa itu.

Sekarang apabila wujudnya *multiple effect* terhadap kepercayaan atau persepsi itu, ia juga akan menyebabkan berlakunya gangguan terhadap penstabilan nilai ini. Saya rasa sekarang apabila kita diminta untuk membincangkan Rang Undang-undang Bank Negara, ini juga memberi satu bayangan, satu cadangan bahawa kita sedang berusaha untuk mengikat nilai ini dan mengekang nilai ini daripada terus jatuh.

Pasaran saham tidak usah sebutlah sebab yang itu kita boleh manipulasikan dan setakat pengisytiharan semata-mata. Ya, boleh juga tolong.

**Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota. Mungkin pandangan saya hendak menyimpang sedikit daripada *point* yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat. Saya perhatikan hujah-hujah Yang Berhormat tadi mengenai ekonomi. Saya

ada rasa bimbang sedikit dan saya hendak penjelasan daripada Yang Berhormat tentang kemanakah arah ekonomi kita berkenaan dengan inflasi.

Adakah inflasi mungkin pada masa sekarang kita tidak nampak dan tidak risau dan kita anggap sebagai di kadar yang rendah. Akan tetapi apabila ekonomi kita di tahap yang rendah, *depressed*, pengeluaran kita juga terpaksa menurun kerana kilang-kilang pengeluaran dalam keadaan ekonomi sekarang terpaksa mengurangkan pengeluaran sebab sekarang tidak ada permintaan.

■ 1840

Akan tetapi kita akan sampai kepada keadaan di mana dengan *Economic Stimulus Package* yang akan kita sampai kepada keadaan pengeluaran kita tidak dapat dengan *timing* yang betul untuk mengeluarkan barangan yang cukup untuk pasaran. Jadi, kita akan sampai kepada keadaan inflasi yang akan melanda kita. Saya tumpang kepada Yang Berhormat untuk minta penjelasan daripada Kementerian Kewangan untuk memberi penjelasan atau pun memberi kita sedikit gambaran bagaimana kita akan menyediakan diri untuk menghadapi situasi itu apabila ia melanda kita nanti.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Terima kasih Yang Berhormat, inflasi memang banyak disebutkan daripada aspek kebimbangan, daripada aspek kebaikannya banyak dipertikaikan. Akan tetapi kita tidak boleh menolak elemen asas menyumbang terhadap peningkatan kadar inflasi iaitu kepenggunaan. Apabila pengguna *enlarge* membuat keputusan untuk berbelanja lebih atau pun mengurangkan tabungan mereka, maka ini akan menggalakkan satu *event* atau satu peristiwa di mana potensi untuk menyebabkan kenaikan kadar inflasi mungkin akan berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat pada satu masa kerajaan membawa kempen untuk rakyat kita menabung. Kita minta bersungguh-sungguh memberitahu rakyat negara kita untuk menabung, iaitu tidak berbelanja pendapatan mereka disimpan katanya untuk tabungan, untuk hari tua, ada setengah itu mempromosikan untuk menabung dalam Institusi Insurans, Institusi Pembangkang, dan sebagainya.

Sehingga ada suatu masa dahulu begitu *massive* kempen untuk mengeluarkan kertas-kertas kerajaan dan perbincangan ini sampai di peringkat pengguna secara individu. Ada mereka yang mengusulkan supaya membeli sijil-sijil termasuk Sijil Simpanan Premium dan ada yang membeli di *branches*. Ada yang merasakan setengah *rating* bon itu juga perlu disedikitkan untuk membolehkan kelompok-kelompok kecil dalam masyarakat membeli atau terlibat dalam industri ini.

Akan tetapi sekarang kita juga lihat untuk mempromosikan atau pun mempertingkatkan penggunaan domestik atau perbelanjaan domestik. Kita sudah tentu terpaksa memanggil atau meminta masyarakat kita untuk keluar dan berbelanja, kerana berbelanja ini akan

mempromosikan *promoting spending* ataupun perbelanjaan dan akhirnya kita berharap aktiviti-aktiviti ini akan menyumbang terhadap pertumbuhan ekonomi domestik.

Ini saya ingat lagi pihak Menteri bercakap sudah setahun lebih untuk mempromosi atau *promoting domestic gross* ini dengan kepenggunaan dan perbelanjaan. Akan tetapi kita bimbang sekarang ini adakah dengan berbelanja atau dengan mengorbankan sebahagian daripada tabungan yang pernah dibuat dulu untuk tujuan *promoting gross* atau pun pertumbuhan domestik atas dasar atau sifatnya berbelanja supaya barang-barang keluaran tempatan dalam negara kita dapat dibeli maka pertumbuhan ekonomi berlaku kerana kitarannya makin laju dan laju. Kita berharap macam itu.

Adakah tujuan ini boleh dicapai? Itu perkara yang agak spesifik. Kita terpaksa korban satu. Maksudnya kos lepasnya kita terpaksa minta orang ramai berbelanja kerana hendak suruh berlaku pertumbuhan dalam penjualan barang-barang atau produk tempatan. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang lama dan sekarang Kementerian Koperasi dan Keusahawanan juga menjalankan kempen ini dan kempen ini bukan murah.

Kempen ini untuk tahun 2009 sahaja sehingga Mei lebih daripada RM100 juta telah dibelanjakan untuk kempen sahaja. Bukannya untuk produk, jadi nampak ada sedikit *confusion* dalam penerimaan masyarakat kepenggunaan itu sendiri. Dalam tujuan untuk mempertahankan pertumbuhan atau mempromosikan pertumbuhan dalam masa yang sama. Terima kasih.

**Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Terima kasih Indera Mahkota. Dekat tetapi tidak boleh berbisik Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Dia dengar Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Berhubung dengan belanja dan juga inflasi yang disebutkan oleh sahabat kita Yang Berhormat tadi ini. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Indera Mahkota. Kita sebenarnya rakyat di Malaysia baru-baru ini kita baca di dalam akhbar kakitangan kerajaan dan juga swasta dinyatakan bahawasanya kakitangan kerajaan ini membawa balik hanya 40% daripada gaji mereka setiap bulan kerana yang lain terpaksa digunakan untuk membayar hutang-hutang. Jadi bermaknanya mereka berbelanja cukup banyak 60% telah dibelanjakan dalam setiap bulan pendapatan mereka tersebut.

Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawasanya boleh kerana kemudahan kita mendapatkan pinjaman dan juga sumber-sumber kewangan seperti mana wang-wang plastik atau pun kad kredit yang diberikan begitu mudah sekali kepada mereka yang mungkin berpendapatan RM700 atau RM800 sudah boleh mempunyai kadang-kadang sampai dua, tiga kad kredit yang mana dia punya caj sebanyak 18% untuk setahun dan baru-baru ini mungkin dikurangkan. Ada sesetengah bank mengurangkan kadar itu, mengurangkan kadar 18% untuk setahun itu. Apakah kerana kemudahan kita mendapat pinjaman atau berhutang ini yang menyebabkan kadar inflasi dalam negara kita begitu tidak terkawal sekarang ini walaupun masih boleh bertahan?

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Sahabat saya Yang Berhormat Pendang, purata peratusan *utilization* pendapatan atau pun penggunaan jumlah pendapatan pekerja di negara kita untuk tujuan pembayaran *installment* ataupun pembayaran hutang secara bulanan atau pun bayaran-bayaran *installment* lebih daripada 43% ini dinyatakan oleh banyak pihak secara *generalnya*. Ada yang berpendapatan RM2000 terpaksa membayar RM530 untuk *installment* kereta semata-mata. Pinjaman kereta belum lagi diambil kira untuk pembiayaan perumahan insurans, pendidikan, dan sebagainya yang juga sebahagian besarnya datang dalam bentuk pembayaran *installment*.

Maknanya, baki aset kepada keupayaan untuk berbelanja rakyat Malaysia terutamanya di bawah satu garis yang dianggap sebagai yang atas sedikit daripada garis kemiskinan atau kita tidak mahu membandingkan dengan garis kemiskinan tegar. Akan tetapi ini adalah satu elemen biasa dalam masyarakat kita dan di antara penduduk dunia yang tertinggi membayar *installment* bulanan secara praktiknya tanpa gagal di negara kita iaitu mengorbankan atau memperuntukkan lebih daripada 50% pendapatan semasa mereka untuk tujuan melunaskan bayaran bulanan atau *installment* setiap orang daripada mereka.

Ini adalah satu fenomena yang cukup juga pelik atau pun agak membimbangkan kedudukan ini. Ini belum lagi kita ambil kira sebahagian daripada baki itu perlu digunakan untuk tujuan-tujuan di samping tujuan menyokong polisi kerajaan untuk tujuan penabungan dan sebagainya. Saya rasa ini adalah satu selisih yang begitu sukarlah pada saya untuk kita rombak semula dan bawa satu polisi yang baru.

Sebab itu, saya mempunyai saya tidak spesifik, saya mempunyai jangkaan saya dan menjangka itu juga di antara ruang lingkup yang terkandung dalam tujuan membawa rang undang-undang baru berkenaan Bank Negara atas fungsi bank itu membawa satu pengukuhan terhadap nilai mata wang ringgit Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya terlihat dalam Warta Kerajaan Persekutuan juga menyebut terdahulunya berkenaan dengan elemen SDR itu *Special Drawing Right* yang dilaporkan oleh Bank Negara kita dalam penyata keuntungan aset dan liabiliti Bank Negara.

■ 1850

SDR memang ada peranan tertentu yang ditentukan secara polisinya *exclusively* kepada Bank Negara selain daripada polisi ini ataupun keputusan ini juga terletak oleh sudah tentu Menteri Kewangan. Satu fenomena sebab rakan Ahli Parlimen tadi Yang Berhormat tadi menyebut tentang perbandingan dengan kerajaan di negara China yang dilihat secara relatifnya agak lebih stabil dan lebih baik pertumbuhannya atau kebangkitan ekonominya berbanding daripada negara-negara jiran termasuk juga negara kita tetapi ada satu elemen yang penting disebut di dalam pentadbiran pengurusan kewangan di negara China disebut di dalam tulisan yang professor yang saya sebutkan tadi, yang sama.

Dia menyebut bahawa pengurus-pengurus kewangan di negara China sekarang telah berusaha untuk mencuba supaya SDR ini boleh diberi kuasa pemutus dia terhadap negara itu sendiri. Sebagai contoh dikatakan Negara China telah meminta supaya IMF menstrukturkan semula keupayaan SDR iaitu *Special Drawing Right*, ini dan kita lihat laporan yang dikemukakan oleh Bank Negara pada tahun 2008, tahun 2009 belum ada diletakkan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjang lagi Yang Berhormat?

**Tuan Azan bin Ismail [Indera Mahkota]:** Sikit sajalah sebab kawan saya ada datang ini. Dia boleh ambil alih.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Pakar ekonomi sudah masuk itu. Yang Berhormat Kuala Selangor... [Ketawa]

**Tuan Azan bin Ismail [Indera Mahkota]:** Sepuluh minit sahaja, sepuluh minit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa Yang Berhormat ambil sudah lebih sejam. Yang lain itu di sebelah kiri sini. Kalau nanti saya *limit time* itu jangan marah Yang Berhormat.

**Tuan Azan bin Ismail [Indera Mahkota]:** Okey. Tuan Yang di-Pertua, disebut berkenaan dengan emas, pertukaran asing dan rizab-rizab lain termasuk SDR. Yang ini dilaporkan kita mempunyai sebanyak RM320 bilion termasuk SDR. Saya tidak tahu jumlah dalam SDR ini berapa di/lock dalam SDR tetapi saya hendak sebut tentang satu keputusan yang telah diambil oleh Kerajaan Negara China iaitu mendesak supaya SDR ini dirumus semula di peringkat tertinggi termasuk kepada peringkat IMF dan juga peringkat *federal reserve* di negara-negara yang lebih besar atau lebih tinggi kekuatan ekonominya berbanding dengan Negara China.

Mereka melahirkan kebimbangan mereka. Dikatakan ya, dengan izin *the finance in Beijing are getting a literary of Dollars and are accumulating gold just in case. You should do like otherwise.* Ini disebut. Maknanya keyakinan terhadap mata wang ini telah pun merosot walaupun mata wang jenis apa sekalipun telah merosot dan ini juga disebut mungkin di antara sebab di mana sistem tabungan antarabangsa di negara China yang bernilai USD2 trilion mungkin juga akan dijadikan satu tumpuan utama kepada Kerajaan China untuk menstabilkan ekonomi dalaman mereka melawan krisis ekonomi yang sedang dikatakan melanda global ini.

Saya rasa ini agak *significant* juga untuk kita sebut dan kita bincangkan sebab negara kita juga tidak jauh kesannya kepada aspek ini dan orang lain telah meneliti perkara ini dan saya rasa mungkin Menteri boleh terangkan sama ada perlu sifat SDR ini, *Special Drawing Right* ini kita lihat atau kita tengok sebagaimana antara juga usaha negara-negara lain untuk membuat satu proses pengukuhan baru dalam masa kita membentangkan rang undang-undang baru untuk Bank Negara tahun 2009 ini menggantikan 1958. Saya berterima kasih banyak Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pasir Salak.



**6.54 ptg.**

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terlebih dahulu ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang telah membentangkan rang undang-undang ini kerana saya percaya ianyalah bertujuan untuk memperkemaskan perjalanan Bank Negara kita iaitu sebagai *central agency*, dengan izin, yang memantau keadaan ekonomi negara. Keupayaan Bank Negara memainkan peranannya adalah sangat penting bagi menjaga kebajikan rakyat dalam negara kita ini. Daripada segi ekonominya, sosial, kesihatan dan sebagainya berpunca daripada kejayaan. Daripada segi kita memperjuangkan ekonomi rakyat dan saya memang berharap bahawa dengan kelulusan rang undang-undang ini, pihak Bank Negara dan kerajaan benar-benar akan menggunakan peluang dan kesempatan ini sebaiknya.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apa juga sistem, apa juga kaedah yang kita perkenalkan bagi tujuan yang baik, hanya juga banyak bergantung pada pihak yang melaksanakan peraturan dan kuasa yang diberikan kepadanya. Jadi, faktor kemanusiaan dalam sistem ini adalah amat penting. Jadi dengan sebab itu, pemilihan kepimpinan peringkat Bank Negara dan juga jawatankuasa yang disebutkan dalam rang undang-undang ini mestilah terdiri daripada orang-orang yang *credible*, orang-orang yang mempunyai kewibawaan, pengetahuan dan kemahiran bagi tujuan memenuhi tanggungjawab mereka yang kita harapkan.

Setakat ini kita amat berbangga dengan peranan yang dimainkan oleh Tan Sri Dr. Zetty selaku Gabenor Bank Negara kita yang mana kita lihat bahawa ekonomi negara kita walaupun dunia dilanda oleh krisis yang paling teruk dalam sejarah, namun kita boleh bertahan dan rakyat boleh hidup dalam keadaan yang tidak seperti mana yang dialami oleh beberapa negara yang lain. Tadi disebutkan oleh Yang Berhormat dari Indera Mahkota di atas kejatuhan nilai aset negara sebagaimana yang beliau petik daripada ucapan mantan Perdana Menteri, ini bukanlah perkara yang luar biasa dalam keadaan sekarang di mana negara kita menghadapi krisis ekonomi dunia.

Malah di Amerika Syarikat, satu kuasa ekonomi dunia pun menghadapi kejatuhan nilai aset mereka yang jauh lebih besar daripada negara kita ini. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri untuk diberikan pertimbangan secara khusus berhubung dengan peranan Bank Negara yang memantau bank-bank komersial dan institusi-institusi kewangan yang lain yang merupakan badan-badan ataupun *corporation* perniagaan untuk menjayakan matlamat ekonomi negara. Satu aspek ialah kita memang mendengar dan juga percaya kepada kenyataan yang dibuat oleh kerajaan iaitu Bank Negara telah mengarahkan bank-bank komersial dan institusi kewangan dalam negara kita ini untuk memberikan pinjaman kepada pengusaha-pengusaha ataupun peniaga-peniaga supaya ianya dapat membantu

memulihkan kedudukan ekonomi negara kita ini dan memacu perkembangan ekonomi negara seterusnya.

■1900

Arahan yang sedemikian telah pun diberikan kepada bank-bank. Akan tetapi, saya juga mendapat rungutan daripada masyarakat perniagaan, pengusaha yang mengadu bahawa banyak bank-bank komersial ini yang agak berat ataupun dalam bahasa Inggeris dengan izin, disebut *reluctant* untuk memberi pinjaman kepada peniaga-peniaga dan mereka begitu ketat sekali syarat-syarat yang dikenakan. Malah, banyak juga kes-kes yang mereka, bukannya membuat keputusan secara profesional berdasarkan kepada daya maju projek, *feasibility project*. Akan tetapi, kadang-kadang bersifat personel, mengambil sikap acuh tidak acuh, endah tidak endah kepada pemohon-pemohon pinjaman daripada masyarakat perniagaan.

Ini satu keadaan yang perlu ditangani kalau tidak, ianya tidak membantu kepada matlamat kerajaan, usaha kerajaan sebagaimana yang saya sebutkan tadi. Selain daripada itu, saya juga menerima aduan daripada masyarakat perniagaan menghadapi masalah dengan sesetengah bank, bukan semua bank yang mengenakan syarat yang tidak termasuk di dalam syarat yang sepatutnya. Ada yang meminta komisen di atas pinjaman yang dipohon, meminta komisen 5%, *certain* peratus, ada peratusan komisen yang diminta. Maknanya, kalau pinjaman yang dipohon sebanyak RM1 juta, kalau dikenakan komisen sebanyak 10%, maka sudah RM100 ribu. Kalau RM10 juta, RM1 juta.

Ini adalah satu keadaan yang tidak baik dan menyusahkan peniaga-peniaga untuk mendapatkan kemudahan-kemudahan kredit daripada bank-bank. Sejauh mana benarnya perkara ini, saya harap pihak kerajaan dapat membuat kajian kerana saya menerima maklumat ini daripada bukan orang-orang yang sembarangan tetapi, daripada pengusaha-pengusaha yang terlibat dalam dunia perniagaan.

Selain daripada itu, saya juga memohon kepada kerajaan supaya memastikan Bank Negara juga menganalisa portfolio pinjaman yang dibuat oleh *commercial bank* bukan sahaja dari segi jumlah pinjaman yang diberikan tetapi, juga dari segi bentuk pinjaman sektor yang diberikan dan juga bagaimana pinjaman itu dapat membantu kepada matlamat kita bukan sahaja untuk mengembangkan ekonomi, tetapi juga untuk mencapai matlamat Satu Malaysia sebagaimana yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Setiap cabang dalam negara kita ini sama ada politik, dari segi dalam swasta dan juga sektor awam, bank, kedudukan kewangan, mempunyai peranan dan pengaruh terhadap mencapai matlamat Satu Malaysia iaitu bagi memastikan semua rakyat mendapat pembelaan dan juga semua kaum mendapat pembelaan. Itu menjadi matlamat Satu Malaysia. Yang Berhormat Batu, silakan.

**Tuan Chua Tian Chang [Batu]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Pasir Salak. Yang Berhormat Pasir Salak telah menyebut Satu Malaysia ini dan Yang Berhormat Pasir Salak

juga terkenal sebagai seorang pejuang bangsa khususnya bangsa Melayu, sebagai seorang yang dahulu juga aktivis dan sentiasa mengutuk sesiapa sahaja yang cuba mencabar hak UMNO, hak orang Melayu.

Saya ingin dapat pandangan daripada Yang Berhormat Pasir Salak, tidak tahulah sama ada Yang Berhormat Pasir Salak *update* atau tidak dengan pengumuman oleh Yang Amat Berhormat Pekan, Perdana Menteri pagi ini yang menyatakan hapuskan 30% ekuiti bumiputera kerana jelasnya dasar ini tidak berjaya dan dengan acuan yang disebut Satu Malaysia ini, sekarang kita tidak perlu lagilah memberi perlindungan kepada usahawan atau pemegang saham bumiputera dalam pasaran saham. Adakah Yang Berhormat Pasir Salak juga sudah mengubah rentak dan setuju dengan apa yang telah dikemukakan oleh Perdana Menteri kita ini. Mohon penjelasan.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Batu. Saya ingin membetulkan bahawa saya tidak mengutuk mana-mana pihak dalam perjuangan saya sedari masa dari zaman pelajar di universiti, mahupun di dalam pergerakan Pemuda UMNO ataupun sekarang ini, sebagai wakil rakyat. Apa yang saya lakukan Tuan Yang di-Pertua ialah untuk mempertahankan hak-hak masing-masing dengan tidak mengganggu gugat hak-hak orang lain. Ini perlu jelas.

Saya sanggup bertindak secara bersungguh-sungguh dalam keadaan di mana apabila hak sesuatu pihak itu digugat dan ingin dihapuskan. Pendirian saya terhadap orang Melayu memang jelas sebagaimana Yang Berhormat Batu sebut tetapi jangan lupa. Saya juga telah menyatakan dan biar saya nyatakan sekali lagi pada hari ini iaitu saya juga mahu pihak kerajaan dan juga semua pihak mempertahankan hak-hak kaum yang lain, rakyat Malaysia keseluruhannya sama ada daripada kaum Cina, India ataupun yang lain-lain, tiada masalah.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Kita sudah tahu dan menerima bahawa sudah ada peruntukan hak yang diberikan kepada mereka sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan. Jadi, kita mempertahankan hak-hak itu. Hak-hak kebebasan beragama, hak-hak kebebasan untuk berniaga dan hak-hak untuk mendapatkan pelajaran, kebebasan bersuara. Ini sudah diberi dalam Perlembagaan kita dan kita terima. Saya rasa belum ada mana-mana pihak yang mempertikaikan ini semua. Akan tetapi, yang selalu kita dengar ialah mempertikaikan hak-hak dan keistimewaan kaum Melayu...

**Tuan Chua Tian Chang [Batu]:** Saya, saya tidak...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Jadi dengan sebab itu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, hendak beri jalan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya beri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak beri jalan?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Boleh, jangan panjang sangat.

**Tuan Chua Tian Chang [Batu]:** Terima kasih. Saya tidak menjurus ke sana. Saya cuma hendak mendapatkan komen pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita mengaku bahawa NEP sudah gagal dan tidak, sekarang ini apa yang...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** ...Faham, faham.

**Tuan Chua Tian Chang [Batu]:** ...Dilakukan. Saya hendak mendapatkan komen sama ada...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** ...*I am coming to that*, dengan izin...

**Tuan Chua Tian Chang [Batu]:** ..Itu setuju atau tidak?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya akan sampai ke situ. Apa yang saya maksudkan tadi maknanya saya konsisten, apabila saya menyokong dasar yang dibuat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Satu Malaysia. Satu Malaysia yang saya faham apa yang dinyatakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah memberikan hak yang sama kepada semua kaum dalam negara kita ini dan hak-hak ini mengikut sebagaimana yang telah termaktub di dalam Perlembagaan.

#### ■ 1910

Tidak ada bezanya yang ada dipersetujukan dahulu dengan apa yang ada sekarang. Cuma saya rasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendak melakukan suatu pembaharuan dari segi cara bagaimana kita hendak mencapai matlamat satu negara yang bersatu padu, bagaimana hendak mencapai integrasi dalam negara kita ini dengan cara yang baru tetapi dari segi matlamat tidak berubah. Berhubung dengan kata 30% dalam syarikat-syarikat sebagaimana yang ditetapkan sebelum ini. Apa yang ditetapkan sebelum ini merupakan satu kaedah di mana FIC umpamanya mengawal pelaburan asing dan mengenakan 30% bagi setiap permohonan setiap satu projek yang baru bagi tujuan untuk melihat kita mencapai matlamat bumiputera mendapat peningkatan dari segi penguasaan ekonomi dalam negara kita ini kepada paras 30% sekurang-kurangnya dan kalau boleh biar lebih sebagaimana yang orang lain boleh capai.

Ini matlamat yang telah ditetapkan dan saya percaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri masih berpegang kepada matlamat ini kerana kalau beliau tidak mencapai matlamat ini, selagi itulah tidak adanya Satu Malaysia kerana adanya jurang di antara kaum, di antara rakyat berbilang kaum dalam negara kita ini...

**Tuan Chua Tian Chang [Batu]:** [*Bangun*]

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Sekejap-sekejap. Saya terangkan dulu. Nanti soalnya. Jadi dengan sebab itu, kaedah ini saya ada masalah. Saya menyokong pembaharuan dari segi cara ataupun modal baru yang hendak dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekiranya ia akan membantu menjayakan matlamat sebagaimana yang saya sebutkan tadi, yang tidak ada kompromi ialah membuang matlamat itu atau mengubah matlamat itu. Itu tidak ada kompromi. Namun begitu dari segi kaedah atau cara model baru

ataupun model yang lebih baik, kita boleh terima. Tidak ada masalah kerana kita menyedari bahawa untuk menghadapi masa ini tidak sama dengan menghadapi masa yang lalu.

Kita tidak pernah menghadapi krisis ekonomi yang terburuk dalam sejarah. Sebelum ini kita berhadapan dengan beberapa krisis tetapi krisisnya tidak seburuk ini dan satu pendekatan, satu strategi dan langkah baru perlu diambil oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam hal ini. Hendak tanya lagi?

**Tuan Chua Tian Chang [Batu]:** Saya setuju seperti yang telah disebut tadi. Saya percaya dan saya ingin jelaskan di sini sama ada pihak sana atau sini, kita setuju dengan matlamat. Saya secara peribadi saya setuju dan saya harap kita boleh bersama-sama berusaha untuk mempertingkatkan daya ekonomi masyarakat bumiputera supaya bukan sahaja 30%, kalau boleh 60% atau 70%. Tidak ada masalah. Kita berbeza hanya kaedah dan kita tidak setuju ialah dasar NAP tidak berjaya dan ini memang satu kritikan yang telah di bawa oleh Pakatan Rakyat sebelum ini. Namun begitu kami dilabel sebagai pengkhianat, kami dilabel sebagai orang yang cuba sabotaj hak istimewa bumiputera. Itu tidak benar.

Kita beza sekarang, kita dipersetujui. Saya nampak apa yang telah dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah secara *indirect* mengaku bahawa apa yang telah diujahkan oleh pembangkang adalah betul, bahawa mekanisme setakat ini tidak berjaya dapat mempertingkatkan hak milik orang Melayu atau bumiputera dalam bidang ekonomi. Saya anggap itu harus diakui. Akan tetapi saya juga harap kita berhati-hati supaya jangan kita *over react* sehingga kita *embrace*, kita setuju dengan liberalisasi sebagai cara untuk menyelesaikan masalah. Ini adalah satu perkara yang kita harus berhati-hati. Saya harap Yang Berhormat Pasir Salak juga boleh memainkan peranan supaya kita jangan terlalu percaya kepada liberalisasi boleh mencapai matlamat yang kita bersama-sama ingin capai. Terima kasih.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih Yang Berhormat Batu. Kegagalan, bukan satu kegagalan sebenarnya. Kita telah berjaya. Kalau dibandingkan dengan dahulu, bumiputera tidak sampai, tidak semacam hari ini. Begitu juga kaum yang lain. Semua rakyat Malaysia telah mencapai kejayaan yang cemerlang. Ini tidak dapat dinafikan dan boleh dianggap bahawa Malaysia merupakan satu negara yang hampir dianggap sebagai *economic tigers* dalam rantau ini. Walaupun tidak betul-betul tetapi mempunyai potensi satu ketika untuk menjadi sebuah negara yang makmur dan maju seperti negara yang lain. Yang Berhormat Kuala Selangor senyum bila dia dengar ini. Dia senyum sinis...

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** [Bangun]

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Nantilah. Saya jawab Yang Berhormat Batu dahulu. *I will give you're a chance. Don't worry.* Saya akan bagi.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Yang *tiger* tadi saya suka dengar.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ya, itu *tiger*. Jadi kita sudah mencapai daripada dahulu kedudukan ekonomi bumiputera yang mungkin 1% hingga 2% dua

puluh tahun yang lalu dan kita telah mencapai pada hari ini 18%. Pencapaian ini 19% pada hari ini. Itu satu kejayaan yang besar berbanding dahulu dan kegagalan....

**Tuan Chua Tian Chang [Batu]:** Empat puluh tahun.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Dasar Ekonomi Baru berapa tahun, 1970 kah? Selepas 13 Mei. Namun begitu, dalam pada itu kita kena faham laluan-laluan sukar yang kita lalui bukannya disebabkan oleh kesukaran di atas kelemahan pihak kerajaan. Ada banyak faktor yang menyumbang kepada perkara ini. Krisis demi krisis ekonomi kalau Yang Berhormat Batu ingat, dalam tahun 1997, kita menghadapi satu krisis besar dalam ekonomi negara kita ini. Pada masa itu, bukan sahaja kaum bumiputera menghadapi kejatuhan dari segi pegangan ekonomi. Kejatuhan dari nilai aset sama ada ekuiti ataupun harta yang lain, tetapi juga peniaga-peniaga bukan bumiputera pun menghadapi ataupun mengalami masalah yang sama pada masa itu.

Jadi ini masalah yang hadapi. Selain daripada itu, pihak Yang Berhormat Batu dan rakan-rakan Yang Berhormat juga tidak membantu dalam perkara ini. Selalu menunjukkan keadaan yang tidak stabil. Selalu mengecam...

**Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]:** [Bangun]

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Selalu mengecam tindakan *affirmative* yang dibuat oleh kerajaan. Selalu mempertikaikan. Ini semua menimbulkan keadaan di mana Dasar Ekonomi Baru itu dipertikai. Pertikaian Dasar Ekonomi Baru ini timbul hanya apabila pihak pembangkang menggembar-gemburkan, membesar-besarkan sehingga pihak-pihak yang lain juga ikut sama, terikut-ikut dengan apa yang disuarakan oleh pembangkang...

**Tuan Chua Tian Chang [Batu]:** Ya, termasuk Perdana Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan, Yang Berhormat? Yang Berhormat Jasin, Yang Berhormat Kuala Selangor.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Yang Berhormat Jasin, Yang Berhormat Jasin dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Jasin.

**Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak. Sebenarnya Yang Berhormat Batu ini lambat datang. Perkara ini telah pun kita bincangkan tadi dan kita telah mengambil satu pendekatan bahawa semangat Dasar Ekonomi Baru seperti yang terkandung dalam Misi Nasional Teras Ketiga, ketidakseimbangan sosioekonomi antara kaum. Perkara ini sudah buang masa. Yang Berhormat Pasir Salak, sahabat saya ada banyak perkara hendak dibincangkan.

Tadi kalau Yang Berhormat datang, Yang Berhormat pun akan dapat satu persepsi bahawa kita telah bersetuju tadi. Di antara Yang Berhormat dari kerajaan dan pembangkang

mesti bersatu tenaga dan janganlah hendaknya ada mana-mana usaha yang boleh menggagalkan usaha kerajaan bagi mengangkat martabat untuk mencapai ekuiti seperti yang diharapkan.

■1920

Yang kedua, Yang Berhormat saya suka sangat sekarang Yang Berhormat sebut tadi kita berbalik-balik kepada tajuk kita. Apabila dikata ada sedikit masalah hendak pinjam duit, Ahli Berhormat kata ada dikenakan cukai. Saya hanya hendak bincang satu perkara Yang Berhormat. Sekarang ini, pada dua minggu yang lepas, apabila kita berbincang tentang sistem maklumat peribadi iaitu CTOS (Credit Tip Off Service Sdn Bhd).

Yang Berhormat Timbalan Menteri ada sebut kerajaan kita memang ada lima sistem termasuk CTOS. Bank Negara pun ada memperkenalkan CCRIS (*Central Credit Reference Information System*), saya tidak faham mengapa perkara ini boleh wujud. Tuan Yang di-Pertua, kalau Bank Negara telah mewujudkan CCRIS yang memang sentiasa di *update* dan semua data-data personel untuk tujuan kredit ada di dalam CCRIS yang digunakan oleh Bank Rakyat yang sepatutnya sebagai bank pusat menentukan semua agensi-agensi perbankan dalam negara kita menggunakan satu sistem. Mengapakah kita benarkan sistem yang lain digunakan? Kerana CTOS ini telah banyak mendatangkan masalah yang cukup besar.

Sebenarnya, CTOS ini adalah kepunyaan rakyat asing yang beroperasi di negara kita, mendapat untung yang cukup besar. Bukan sahaja bank-bank sahaja menggunakan khidmat mereka Tuan Yang di-Pertua, bahkan ah long pun gunakan khidmat mereka kerana apa juga maklumat yang ada dalam CTOS itu, bukan saya tidak di *update*, tetapi apa yang terjadi 30 tahun dahulu pun akan disebut di situ. Kalau misalnya, tahun 1997 tahun 1998 masa kita menghadapi krisis dulu, banyak peniaga-peniaga kita yang bankrap, yang menghadapi masalah bank, dia akan disebut di situ. Jadi ini yang mendatangkan masalah. Kenapakah Bank Negara membenarkan sistem sebanyak lima ini dibenarkan untuk beroperasi?. Terima kasih, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih, Yang Berhormat Jasin. Tuan Yang di-Pertua, satu daripada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jasin tadi dari segi pinjaman, memanglah saya tadi telah sebut dan saya tambah lagi iaitu pinjaman ini menjadi satu masalah kepada peniaga-peniaga kecil khususnya daripada pengusaha-pengusaha bumiputera.

Selain daripada bank-bank komersial, saya juga mendapat laporan pinjaman daripada MARA, daripada SME Bank pun juga pegawai-pegawai di sini yang bertanggungjawab meluluskan pinjaman-pinjaman. Mereka juga kadang-kadang bersikap acuh tidak acuh dan juga mempermainkan pemohon-pemohon yang sangat-sangat memerlukan serta banyak yang merasa kecewa dengan sikap yang ditunjukkan. Saya harap pihak kerajaan dapat menyiasat perkara ini dan ada di antaranya terdiri daripada Parti Pembangkang, menyokong Parti

Pembangkok dalam institusi-institusi ini yang menggunakan kuasa mereka untuk menindas pemohon-pemohon yang datang daripada pihak parti yang mereka tidak sukai seperti UMNO. Selalu apabila pihak pemohon menggunakan sedikit sebanyak rujukan kepada Menteri pun mereka tidak suka, rujukan kepada pihak Timbalan Menteri pun mereka tidak suka. Mereka kata, "Apa Menteri boleh buat, apa Timbalan Menteri boleh buat?". Jadi, sikap yang begini membunuh semangat pengusaha-pengusaha kita yang baru bertatah-tatih untuk berniaga.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Sikit Yang Berhormat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Sekejap. Selain daripada itu, berhubung dengan CTOS, perkara ini juga telah disebut, saya menyokong Yang Berhormat Jasin supaya CTOS ini diambil tindakan ya. Dulu pihak Bank Negara sudah membuat kenyataan bahawa tindakan akan diambil kepada CTOS bagi memastikan ianya tidak menganiaya orang awam dan mereka ini mendapat keuntungan di atas kesusahan pihak orang lain. Ini satu prinsip yang tidak dapat diterima.

Bagaimana satu pihak individu ataupun syarikat mendapat nikmat daripada kesusahan pihak orang lain. Jadi ini tidak bermoral, tindakan seperti ini dan kita mintalah pihak Bank Negara buat kali yang terakhirnya diberikan peringatan supaya saya rasa tidak ada apa ruginya kalau CTOS ini dibubarkan sahaja daripada senarai *credit reference* atau rujukan kredit. Semua Ahli Parlimen dalam Dewan Rakyat ini, semua Ahli Dewan Rakyat ini boleh dikatakan hampir semualah, 100% tidak setuju dengan pewujudan CTOS. Jadi kalau di mana lagi kerajaan...[*Disampuk*] Yang Berhormat Petaling Jaya Utara setuju?

**Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Tidak setuju.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tidak setuju dengan CTOS, ya?

**Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Setuju dengan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Mungkin dia ada saham. Mungkin Yang Berhormat Petaling Jaya Utara ada kepentingan di situ. Saya tidak tahu, sama ada tersembunyi ataupun tidak tersembunyi, ya?

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Tanya sedikit boleh?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tetapi tidak usah diambil kira Yang Berhormat Petaling Jaya Utara. Apa yang perlu diambil kira ialah saya rasa kepentingan rakyat dan di antara kelemahan situasi ini ialah mereka tidak mengemas kini maklumat. Kalau mereka bertanggungjawab, kalau mereka boleh mengutip maklumat peribadi berhubung dengan *credit rating* seseorang, *credit worthiness* dengan izin seseorang pemohon untuk dijual kepada pihak bank dan mana-mana pihak yang lain atau institusi peminjam yang lain, kenapa mereka tidak boleh mengumpul maklumat untuk mengemas kini, *update* maklumat seseorang itu? Barulah ianya boleh diterima sebagai bersikap bertanggungjawab dalam kendalian perniagaan mereka. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin...[*Disampuk*]

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Hendak bagikah tidak ini? Bagilah...



**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Siapa itu?

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** [Bangun]

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tadi sudah berucap satu jam lebih...

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Tak, saya hendak tanya sedikit sahaja...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Sedikit sahaja, jangan banyak-banyak...

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Sedikit. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya sedikit sahaja sebenarnya. Saya hendak tanya pendirian Yang Berhormat Pasir Salak tentang 30% ini. Sebab nampak risaulah, semua risau tentang 30%. Saya hendak tanya pendirian Yang Berhormat Pasir Salak, setuju atau tidak hari ini Menteri Kewangan... Perdana Menteri umum hendak buang 30% ini untuk pelaburan yang masuk ke dalam negara kita? Dulu ada syarat. 30% kepentingan itu mesti diagih kepada bumiputera atas pelaburan tadi untuk bersama dengan domestik. Setuju atau tidak hendak buang perkara ini?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih, dengar Yang Berhormat Indera Mahkota jawapan saya baik-baik, ya. Jangan seleweng. Ini semua pakar menyeleweng, banyak sebelah sana ini. [Ketawa]

Nanti kita cakap macam ini, dia putar macam ini. Dia cakap macam ini, dia putar macam ini. Saya sudah sebut tadi, kefahaman saya di atas apa yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, sebelum hari ini dan hari ini iaitu kedudukan... Dengarlah, jangan senyum, kenapa senyum sinis? Belum kita jawab dia sudah senyum, Jadi maknanya, orang kata buat kesimpulan iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tetap mempertahankan matlamat untuk menjayakan pegangan ekonomi oleh kaum bumiputera. Bukan sekadar saya percaya, bukan sekadar 30%. Yang Amat Berhormat telah sebut...

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** *Announcement* ini hendak buang 30% ini. Yang Berhormat setuju atau tidak?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Itu buang 30% bukan buang 30% dari segi matlamat untuk pegangan ekonomi bumiputera. Buang 30% itu kepada syarikat-syarikat yang hendak memohon untuk berniaga di dalam negara kita ini.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Jadi setuju kah?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Pembuangan itu tidak ada masalah.

#### ■1930

Apa guna setiap syarikat yang masuk ke dalam negara ini dikenakan 30% kalau keseluruhannya bumiputera tidak menguasai 30% ekonomi negara kita ini. Yang penting ialah *effective*, keberkesanan dari segi pegangan. Tidak ada gunanya ada seratus syarikat yang ada 30% dikenakan syarat, tetapi dari segi keseluruhan ekonomi negara kita, kita tidak mencapai pegangan 30%. Ini yang dikatakan kaedah baru, *the new economic model* yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Matlamat Dasar Ekonomi Baru itu tetap diperjuangkan

kerana tidak ada kompromi dari segi bukan sahaja semangat, dari segi pegangan yang hendak kita capai.

**Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]:** Sudah sampai Yang Berhormat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya hendak bertanya Tuan Yang di-Pertua. Tolong duduk. Saya hendak bertanya kepada..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Duduk dahulu Yang Berhormat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Yang Berhormat Indera Mahkota. Bersetujukah Yang Berhormat Indera Mahkota dan juga Yang Berhormat Batu, tadi sudah sebut. Saya hendak dengar dari Yang Berhormat Indera Mahkota dan rakan-rakan yang lain daripada pembangkang, bahawa bersetujukah nanti apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya untuk mencapai pegangan ekonomi oleh bumiputera, bukan sekadar 30% malah lebih daripada 30%. 40% atau 50% kalau sekiranya ia merupakan yang menjadi hak kepada mereka...

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Yang Berhormat hendak jawab atau tidak?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Yang Berhormat Indera Mahkota setuju?

**Tuan Chua Tian Chang [Batu]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak boleh tanya macam itu Yang Berhormat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tidak boleh tanya? Dia tanya saya boleh... *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dia boleh mencelah sahaja.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Bagilah Yang Berhormat Kuala Selangor.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Kata hendak tanya soalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sila Yang Berhormat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Bagi Yang Berhormat Kuala Selangor.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak. Saya memang menanti-nantikan juga peluang untuk mencelah.

Sebutan Yang Berhormat Pasir Salak sebentar tadi tentang, '*The Asian Tiger*', Malaysia dan juga negara-negara ASEAN ini satu masa dahulu disebut-sebut sebagai '*The Asian Tiger*' Tuan Yang di-Pertua, tetapi setelah berlaku *the financial fallout, the financial debacle* dalam tahun 1997. Jadi, selepas daripada itu kita dapati sebenar-benarnya seperti mana yang disebutkan oleh pakar-pakar ekonomi, negara-negara ASEAN hanya *the fat cats* dan bukannya *Asian Tigers*. Itulah perkara yang perlu kita fahami tentang pertumbuhan, *growth* yang betul-betul

berdasarkan *strong economic fundamentals* berbeza dengan apa yang dikatakan sebagai *asset-price hyperinflation* sahaja.

Jauh bezanya, sebab itu bila diserang kita *collapsed*. Sebab apa yang berlaku adalah *actual bubbles* sama ada *property bubbles*, pelbagai *bubbles* ketika itu. Tidak apa itu sampingan... [Ketawa] Itu yang saya sebutkan tadi, saya hendak mencelah ketika disebut tentang 'The Asian Tigers'. Sebenarnya hanyalah merupakan *fat cats* sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak masuk perkara yang saya hendak tanya sungguh-sungguh secara ikhlas kepada Yang Berhormat Pasir Salak tadi. Apakah sekarang ini Yang Berhormat Pasir Salak sedia bersetuju bahawa selama hari ini rupa-rupanya pacuan 30% ekuiti bumiputera itu hanyalah satu yang bersifat fatamorgana sebenar-benarnya. Hari ini Yang Berhormat Pasir Salak dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan sedia mengatakan yang ia tidak perlu, tetapi selama hari ini dipacu seolah-olah itulah *the be all and end all*, segala-galanya daripada matlamat kemuncak UMNO, minta maaflah ya, sebagai satu parti Melayu terbesar di dunia ini.

Akan tetapi hari ini bersedia menerima bahawa yang penting itu bukan sebutan 30% ekuiti bumiputera itu. Persoalan yang lebih penting Yang Berhormat Pasir Salak kalau boleh saya sebutkan di sini, merakamkan di Dewan yang mulia ini, kalau benar-benar ekonomi itu telah diurus tadbir dengan baik, bukan hanya 30% bahkan lebih pun mampu dicapai oleh mana-mana *ethnic group*, mana-mana kelompok etnik. Kalau benar-benar telah diberikan padang yang sama rata..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ringkaskan Yang Berhormat.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Dengan kata lain kalau ringkasnya saya boleh sebutkan, yang pentingnya sekarang ini adalah untuk apa yang dikatakan sebagai polisi ekonomi yang *prudent*, yang mesti melihat kepada persaingan yang tidak mengambil pendekatan-pendekatan yang akhirnya menguntungkan hanya segelintir. Bukan juga bumiputera tetapi UMNOputra sebenarnya. Oleh kerana itu, hari ini kita sama-sama bersetuju bahawa yang penting adalah satu polisi yang benar-benar dapat mengangkat daya saing negara ini dan memberikan *level playing field* untuk semua, sementara kita memahami sensitiviti kelompok-kelompok tertentu untuk kita bela dalam bentuk informatif, tetapi bukan atas dasar etnik. Akan tetapi atas dasar keperluan *as a function of needs* dan bukan atas dasar bumiputera atau UMNO Putera semata-mata. Terima kasih.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih. Minta saya jawab yang ini dahulu, nanti terlupa. Saya hendak jawab ini dahulu.

Yang Berhormat Kuala Selangor cakap itu dari segi teorinya boleh, di universiti kita belajar. Teori ekonomi macam-macam teori. Bila suruh berniaga baru tahu. Sudah berniaga, pernah berniaga..., tidak pernah?... [Ketawa] Jadi cabaran-cabaran dalam dunia nyata ini lain. Ini bukan sahaja dialami oleh negara kita Malaysia ini. Negara mana pun dalam dunia ini

menghadapi putaran ekonomi, *economics cycle*. Putaran ekonomi ini menyebabkan kita mesti pragmatik dan praktikal dari segi kaedah ataupun strategi yang kita ambil.

Kalau kita menjadi profesor yang *dogmatic, centric*, ego sahaja dengan teorinya, dia tidak akan membawa kepada kemajuan. Untuk mengangkat balik kedudukan ekonomi negara kita yang melibatkan semua kaum, ia mestilah merupakan dasar-dasar yang realistik, pragmatik dalam keadaan yang ada sekarang ini.

Sila Yang Berhormat Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tuan Yang di-Pertua. Seronok Tuan Yang di-Pertua mendengar pakar-pakar ekonomi berhujah. Saya tersinggung dengan saranan Yang Berhormat Kuala Selangor.

Dasar Ekonomi Baru yang diwujudkan setelah 13 Mei 1969 oleh Allahyarham Tun Razak bermatlamat menyusun semula masyarakat. Memang ditetapkan kerana 13 Mei itu ada kaitan dengan bagaimana lemahnya orang Melayu dalam lapangan ekonomi, tertinggal, tercicir, terpinggirnya Melayu dalam negaranya sendiri. Ini menyebabkan perasaan tidak puas hati berlaku antara kaum yang menyebabkan pergaduhan.

Dengan bijaksana pemimpin UMNO saya ulangi sekali lagi, dengan bijaksana pemimpin UMNO, dengan rasa tanggungjawab untuk menyelamatkan negara dan rakyat dibuat satu dasar yang dinamakan Dasar Ekonomi Baru. 30% *target* yang hendak dicapai. Sebanyak 30% itu sebenarnya bukan angka yang kecil, satu angka yang kalau benar-benar tercapai, ia memberikan satu perubahan kepada sejarah muka bumi penyertaan orang Melayu dalam ekonomi negara ini.

Ia tidak tercapai, tetapi jangan dinafikan orang Melayu rata-rata 80% dan 90% di peringkat yang rendah akhirnya dengan Dasar Ekonomi Baru, dengan dasar pendidikan yang diberi dan berbagai-bagai bantuan, orang Melayu akhirnya menjadi satu kelompok yang dikatakan besar jumlahnya dalam kumpulan yang sederhana. Dalam kumpulan sederhana daripada kumpulan yang tercicir ini sebenarnya menjadi satu kejayaan yang besar. Jangan dihina dan dipermainkan ataupun disindir-sindir peranan UMNO di peringkat awal ini. Yang akhirnya hari ini *alhamdulillah*. Orang Melayu dulu apa? Siapa orang Melayu tetapi setelah...

#### ■1940

Walaupun kita memang tidak tercapai 30%, tetapi jangan dinafikan kejayaan anak-anak Melayu Kuala Selangor termasuklah Dasar Ekonomi Baru ini menyebabkan dia menjadi profesor, PhD dan sebagai-bagainya. Mengangkat taraf orang Melayu yang miskin, papa kedana di dalam negara ini terangkat menjadi orang-orang yang berada hari ini. Betullah, memang kita tidak mencapai 30% tetapi bersyukurlah kita kerana dasar yang dibuat oleh pemimpin UMNO. Merujuk kepada orang yang terlibat secara langsung, Allahyarham Tun Abdul Razak bapa kepada Perdana Menteri yang keenam hari ini, *alhamdulillah*.

Sebab itu kita boleh pakai *tie*, boleh pakai kot, tahu tidak dahulu pakai kain gobang sahajalah orang Melayu... [Ketawa] Jadi jangan sindir, jangan sindir, jangan sindir peranan dan

jasa UMNO kepada bangsanya dan bukan sahaja kepada bangsa Melayu tetapi Dasar Ekonomi baru ini juga kayakan yang bukan Melayu. Tidak boleh dinafikan... [*Tepuk*] Jadi inilah Tuan Yang di-Pertua, saya mencelah sedikit Yang Berhormat Pasir Salak dan Yang Berhormat Kuala Selangor.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ya.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Tambah sedikit sahaja kepada Yang Berhormat Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, dia sudah bagi jalan Yang Berhormat.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Bolah saya tanya, siapa yang mengkhianati sekarang ini Dasar Ekonomi Baru?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa pencelahan daripada Yang Berhormat Sri Gading telah menjelaskan segala-galanya. Saya minta Yang Berhormat Kuala Selangor dan rakan-rakan sekalian terimalah hakikat ini. Jangan ada sindrom *denial*, *denial syndrome*, menafikan. Apakah saudara tidak berjaya? Yang Berhormat Kuala Selangor tidak berjaya?

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Siapa yang mengkhianati Dasar Ekonomi Baru?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Siapa kena gasak Dasar Ekonomi Baru.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Siapa yang mengkhianati Dasar Ekonomi Baru?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tidak, saya hendak tanya Yang Berhormat Kuala Selangor...

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** UMNO Putera kah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, tidak boleh macam itu Yang Berhormat ya. Yang Berhormat Kuala Selangor...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Yang Berhormat Kuala Selangor sila duduk... [*Ketawa*] Yang Berhormat Petaling Jaya Utara juga sila duduk. Ini nanti guna kuasa pula sekarang... [*Ketawa*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dia tidak bagi jalanlah itu. Tidak bagi jalan.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Jadi kita sepatutnya bersyukur di atas kejayaan yang telah kita peroleh semoga dengan semangat, sikap kita bersyukur di atas kejayaan. Walaupun tidak sepenuhnya, akan memberikan peluang kepada kita untuk meningkatkan kejayaan kita. Perjuangan ini tidak berakhir, Parlimen ini tidak berakhir hari ini. Ia akan berterusan... *[Tepuk]* Perjuangan akan diperjuangkan di dalam Dewan yang mulia ini sampai bila-bila selagi dunia tidak kiamat.

Kita akan menghadapi berbagai-bagai masalah dan pihak pembangkang kalau betul-betul jujur dan ikhlas untuk memperjuangkan nasib negara, rakyat negara kita ini beri bantuan, sokongan bukannya menjadi penghalang kepada apa yang dilakukan oleh kita.

**Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Hendak sokong boleh? Sokong.

**Beberapa Ahli:** Sokong boleh.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Sokong, jangan sokong buat rebah... *[Ketawa]*

**Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Benar-benar sokong.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak. Selalunya Yang Berhormat Pasir Salak tahu pada sebelah ini tidak setuju sangat dengan pendapat-pendapat Yang Berhormat Pasir Salak. Akan tetapi dengan satu perenggan, dua perenggan sebentar tadi mengenai kuota yang merupakan satu semangat dan bukan merupakan satu paksaan fizikal 30% yang perlu dicapai kita. Saya ini amat bersetuju dan ianya, sememangnya tidak... Bunyi Yang Berhormat tadi tidak sama dengan bunyi sebelum ini yang saya pernah dengar...

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Sebelum ini banyak paksaan, mesti ada 30% *share holding* tidak kira apa. Akan tetapi sekarang semangat, kita setuju sebab semangat itu memang penting tetapi semangat untuk mencapai 30% itu perlu dicapai melalui sistem kompetitif, sistem peningkatan daya upaya seseorang...

**Seorang Ahli:** Daya saing.

**Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Ya, daya saing seseorang dan untuk lebih mencapai matlamat ini kita memerlukan satu polisi yang memberikan perhatian kepada pihak-pihak yang kurang berupaya dan bukannya pihak-pihak yang telah pun mencapai...

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Saya boleh cakap, katakan Yang Berhormat Kuala Selangor tadi, dia sudah capai PhD. daripada universiti yang unggul di dunia, *Imperial College*. Tidak akan dia masih lagi perlukan tongkat untuk berjalan. Kita ada Ketua UMNO, *UMNO Youth* sebelah sana dari *Oxford University*, tidak akan dia beli rumah RM2 juta

mesti ada 5% diskaun lagi. Kita hendak tolong semua yang miskin. Saya harap Yang Berhormat pun bersetuju...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih.

**Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Dari segi itu, kita perlu memberikan sokongan pihak yang memerlukannya dan bukan kepada pihak yang telah pun mencapai kejayaan.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih saudara Yang Berhormat dari PJ Utara. Kalau ada aspek-aspek yang kita boleh bersetuju, kenapa kita tidak boleh bersetuju? Kalau ada, kalau tidak ada, tidak bolehlah bersetuju. Kita fikirkan bersama di mana ada benda-benda yang kita boleh mencapai sesuatu persetujuan bersama ataupun a *common approach* dalam menyelesaikan masalah negara. Tidak ada masalah, tetapi saudara Yang Berhormat daripada PJ Utara, saya ingin mengingatkan bahawa apabila kita bercakap soal memberi bantuan dan sokongan ataupun memberi peluang kepada masyarakat perniagaan dan sesiapa juga untuk maju ke hadapan.

Kita masih ada lagi golongan-golongan yang tertinggal jauh ke belakang dan mereka ini tidak mempunyai sama ada dari segi ilmu pengetahuan ataupun dari segi kemahiran ataupun dari segi peralatan, keusahawanan dan juga kekuatan jiwa, rohani untuk menghadapi dunia yang lebih, sangat mencabar. Mereka ini kalau sekiranya tidak diberikan bantuan, tidak diberikan galakan, ini satu tindakan yang tidak adil kepada mereka.

Jadi, dengan sebab itu kita bersetuju, kita tidak mengira kaum dari segi untuk memberikan bantuan. Cuma secara kebetulan pada hari ini kebanyakan kaum bumiputera yang masih lagi jauh ketinggalan dan kita ini jangan lupa hasil kejayaan ekonomi negara kita ini menunjukkan bahawa kerajaan bersikap begitu adil sehinggakan pencapaian ekonomi pada hari ini kita lihat masyarakat India mengatasi masyarakat Melayu. Mereka merupakan golongan masyarakat India yang berpendapatan kedua tertinggi di dalam negara kita ini berbanding dengan masyarakat Melayu.

Jadi, dengan sebab itu langkah-langkah untuk membantu, janganlah dipertikaikan, janganlah dipersoalkan. Saya tidak ada masalah memberi biasiswa kepada anak-anak bukan Melayu yang cemerlang dalam pelajaran. Saya tidak ada masalah, tetapi jangan diusik bahagian yang kita perlu untuk pelajar bumiputera. Jangan diusik yang itu. Kerajaan boleh mewujudkan apa juga skim, apa juga perancangan bantuan untuk mereka yang mendapat kecemerlangan di dalam pelajaran, kita tidak akan menyekat.

Jadi, Yang Berhormat daripada Parti Pembangkang jangan bawa cerita dalam ceramah-ceramah kepada rakyat jelata yang mengatakan Kerajaan Barisan Nasional ini tidak adil, UMNO ini tidak adil. Kalau Yang Berhormat kata...

**Tuan Chua Tian Chang [Batu]:** Sekejap...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Kalau hendak kata menguntungkan UMNO Putera, peluang-peluang ekonomi saya rasa tolong buat kajian. Yang Berhormat PJ Utara, Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Kuala Selangor, yang mulutnya begitu celupar sekali, tolong... Berdosa besar menuduh UMNO Putera, UMNO Putera yang mendapat peluang. Ini Yang Berhormat Sri Gading ini sudah berapa lama dalam Dewan, apa peluang yang dia dapat?

**Seorang Ahli:** Tidak tahu...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Berapa ramai lagi UMNO-UMNO ini, apa yang kita dapat? Kita tidak dapat, yang banyak dapat ialah mereka-mereka yang tidak terlibat dalam kepimpinan UMNO. Mereka yang tidak aktif di dalam UMNO, sama ada kontraktor kelas 'F', sama ada kontraktor kelas 'A', tolong buat kajian. Jangan dengar dakyah, fitnah dan tohmahan kepada mereka-mereka yang tidak berjaya untuk mendapatkan peluang ataupun kontrak-kontrak. Mereka yang tidak berjaya inilah yang menjaja ke sana ke mari, dan juga berpakat dengan Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada Parti Pembangkang memburukkan kerajaan, memburukkan Menteri, memburukkan UMNO dan Barisan Nasional dengan tidak ada fakta yang jelas.

#### ■1950

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Yang Berhormat hendak kajiakah?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya hendak kajian!

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Bukan kerja kamilah nak memburukkan...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ya, kalau mahu bercakap, buat tuduhan, mesti dengan fakta, dengan bukti.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Boleh.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ini diajar di dalam Islam. Banyak daripada sebelah sana daripada parti Islam. Tolong kemukakan bukti. Kalau tidak ianya jatuh kepada fitnah. Yang Berhormat Kuala Selangor ini pakar dari segi bukan sahaja dari segi ekonomi...

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Jadi bolehkah?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** ..tapi hukum hakam pun dia dakwa dia pandai. Hah, bila kita bercakap dengan ayat al-Quran dia suruh baca. Oh itulah, ini, hendak *test* kita! Sekarang kita *test* dia, baru dia tahu. [Ketawa]

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Sila, sila.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Yang Berhormat Kapit.

**Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Terima kasih saudara Yang Berhormat Pasir Salak. Saya rasa terpanggil sebab saya tertarik juga dengan apa yang telah di hujah oleh Yang Berhormat Pasir Salak. Mengenai golongan yang sepatutnya dibantu perlu dibantu. Saya dari kaum Dayak, kaum minoriti kalau dikatakan dalam seluruh negara tapi majoriti di Sarawak.



Sebagai kaum bumiputera kita memang dalam sistem yang keistimewaanlah kita sebagai bumiputera. Akan tetapi hakikatnya kaum kita Dayak ini, bukan salah sesiapa oleh kerana sejarah negara kita bagaimana negara kita wujud sebagai negara Malaysia. Kita tertinggal, *the starting off point*, kita jauh tertinggal. Kita tidak hendak salahkan sesiapa pun. Kita bangga, kita berterima kasih oleh kerana kita diberi peluang juga selepas kita wujud sebagai negara Malaysia.

Sekolah-sekolah ada, sistem pelajarannya semuanya ada. Akan tetapi kalau dikatakan kita.. belum ramai lagi sampai ke tahap di mana kita boleh dikatakan kita sudah mampu. Jadi kita perlu sistem Dasar Ekonomi Baru ini untuk diteruskan pada golongan ataupun kaum kita Dayak ini. Mungkin sebegitu juga di negeri Sabah untuk kaum Kadazan Dusun di Sabah juga. Jadi yang saya hendak minta dari Yang Berhormat Pasir Salak, apakah saranan Yang Berhormat Pasir Salak kepada kerajaan bagi kami kaum-kaum Dayak di Sarawak.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih. Satu daripadanya ialah kerajaan perlu mempergiatkan pembangunan sumber manusia (*human capital development*) di kalangan masyarakat yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kapiti tadi dan membina semangat keusahawanan dengan kursus-kursus dan latihan yang bersesuaian.

Ini akan mewujudkan satu masyarakat Dayak yang berpotensi untuk maju dalam bidang apa sekali pun, sama ada dalam bidang profesion ataupun dalam bidang keusahawanan dan perniagaan. Tuan Yang di-Pertua, saya berharap mulai daripada hari ini kita akan mendengar daripada pihak parti pembangkang, Yang Berhormat-Yang Berhormat semua akan menyokong segala tindakan kerajaan untuk membantu masyarakat rakyat Malaysia yang masih tertinggal dengan tidak mengira kaum. *[Tepuk]*

**Tuan Chua Tian Chang [Batu]:** Sikit.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Kita hendak tengok, kalau nanti besok kerajaan mengumumkan skim-skim bantuan untuk bumiputera jangan pertikai. Kalau ada skim-skim kerajaan membantu masyarakat Cina yang miskin, jangan pertikai. Kalau ada rancangan kerajaan membantu masyarakat India yang miskin, jangan pertikai. Jangan pertikai!

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Yang Berhormat Pasir Salak sudah pandai sudah.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya hendak tengok keikhlasan apa yang disebut oleh parti pembangkang. Ini kerana mereka ini meniru kepada Datuk Nik Aziz, cakap putar-putar. *[Ketawa][Dewan riuh]*

**Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]:** Pasal apa pula? Cakap putar-putar, sudah fahamlah itu!

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** *[Menyampuk]*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Sudah melenting. Bila bos dia kena itu, dia melenting! Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu sahaja lagi sebagai penggulungan iaitu kerana masa pun sudah sampai kepada jam 8.00 malam. Iaitu berhubung dengan apa yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan *economic model* yang baru di mana beliau menekankan sektor perkhidmatan sebagai satu sektor ekonomi yang akan memacu kepada perkembangan ekonomi negara.

Saya menyokong langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk mengembangkan atau mempergiatkan lagi sektor servis ini. Namun begitu saya ingin memberi pandangan Tuan Yang di-Pertua, kepada Menteri dan juga kepada kerajaan, perlu ingat bahawa *service sector* ini akan hidup, akan berkembang maju kalau sekiranya sektor-sektor lain juga maju. Tidak ada servis, kegiatan perkhidmatan, kalau tidak ada perindustrian. Tidak ada kegiatan perkhidmatan kalau tidak ada kegiatan pertanian. Apakah jenis ekonomi kalau kita hanya bergantung kepada perkhidmatan dan tidak ada pengeluaran barang-barang. Kita akan menjadi masyarakat pengguna selama-lamanya.

Kita mahu jadi masyarakat pengeluar, *producers*, ini yang penting. Negara-negara yang maju adalah merupakan negara-negara yang menjadi pengeluar barang-barang, semua jenis barang. Pada hari ini kita membeli barang daripada luar. Barang daripada Jepun, Korea, Taiwan, Amerika, seluruh dunia. Barangan yang kita gunakan pada hari ini kita import daripada negara pengeluar-pengeluar. Jadi dengan sebab itulah maka negara kita kedudukan ekonominya tidak dapat mengatasi negara-negara yang lebih maju.

Apabila mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad meletakkan Wawasan 2020, ianya bermatlamatkan untuk menjadi negara kita ini sebagai sebuah negara maju berlandaskan kepada dasar untuk menjadikan negara kita ini negara industri, *an industrialized country*. Negara yang maju juga adalah *industrialized country*. Ianya negeri yang hebat dari segi perindustriannya, boleh mengeluarkan barangan penggunaan, boleh mengeluarkan barang-barang *consumer goods* dengan izin, *manufactured goods* dan sebagainya.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Minta laluan.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Masa sudah suntuk, saya hendak gulung ini Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Jangan gulung lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dia tidak bagi jalan Yang Berhormat. Duduklah Yang Berhormat.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Boleh sambung esok.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Besok saya tidak ada. Saya hendak balik kawasan. [Ketawa]

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Cuma satu sahaja Yang Berhormat Pasir Salak. Hendak tanya ...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tidak ada. Tiga minit ini saya hendak habiskan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, dia tidak bagi jalan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua, jadi dengan sebab itu di samping kita hendak mengembangkan sektor perkhidmatan ini jangan kita mengurangkan penekanan kita terhadap sektor perindustrian dan juga pertanian. Dalam keadaan kegawatan ekonomi, pertanian sangat penting. Tanpa pertanian, hari ini kita akan menghadapi masalah kerana sebahagian besar daripada sumber pendapatan kita dari segi wang asing adalah hasil daripada eksport kelapa sawit yang mana saya juga bertanggungjawab sebagai Pengerusi FELCRA. *[Ketawa]*

**Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]:** Baru kita tahu, Pengerusi FELCRA rupanya.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** *[Menyampuk]*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Janganlah dengki! *[Ketawa]* Bila sebut sahaja, dengki! Inilah masalah dengan pembangkang ini. Kalau hendak jadi Pengerusi tunggulah menang dulu untuk kerajaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang lain diamlah ya. Saya minta diam yang lain.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Jadi dengan sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya memohon kepada pihak menteri dan kerajaan supaya memberikan perhatian yang berat juga kepada sektor pembuatan dan juga kepada sektor pertanian untuk terus memacu ekonomi negara kita ini di masa yang akan datang. Sekian, terima kasih.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bandar Kuching. 7.59 mlm.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya berbahas dalam Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia 2009 ini. Ada beberapa perkara yang saya ingin sentuh dan saya ingin Yang Berhormat Menteri Kewangan yang membentangkan rang undang-undang ini mengambil perhatian. Saya ada kepercayaan bahawa Yang Berhormat Menteri seorang yang begitu pakar dalam bidang kewangan ini akan *will do a good job*.

■ 2000

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, sambung esok ya. *[Ketawa]*

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Okey, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya jemput Yang Berhormat Menteri.

### USUL

#### **MENANGGUHKAN MESYUARATDI BAWAH P.M 16(3)**

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), mesyuarat hari ini ditangguhkan sekarang.”

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Tuan Haji Fadillah bin Yusof]:** Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Baik.

### UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

#### **Agensi Pekerjaan Melakukan Penipuan**

**8.02 mlm.**

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam kesempatan harian dan dalam suasana ekonomi yang tidak kondusif kepada pasaran kerja, masih terdapat agensi-agensi pekerjaan yang menyamar sebagai konsultan guna tenaga dan sumber manusia, beroperasi di tengah-tengah bandar raya Kuala Lumpur untuk tujuan menipu orang ramai, yang terdiri daripada penganggur-penganggur bekas siswa dan pencari-pencari pekerjaan. Agensi-agensi ini akan mengikat kontrak dengan pencari-pencari kerja untuk menawarkan pekerjaan dengan janji-janji manis. Akan tetapi, pada akhirnya, pekerjaan yang dijanjikan itu, tidak disediakan walaupun mereka sudah membayar deposit dan caj konsultan kepada agensi tersebut.

Masalah ini sudah berlarutan begitu lama dan ramai pencari kerja menjadi mangsa penipuan, yang mana pekerjaan yang dijanjikan tidak muncul, dan wang yang dibayar tidak dikembalikan. Mangsa-mangsa telah membuat aduan kepada banyak pihak termasuk kementerian, polis, dan media massa. Namun, sindiket ini masih terus beroperasi dengan menggunakan pelbagai nama. Pejabat-pejabat operasi dikendalikan oleh kerani, sedangkan pengurus tidak kelihatan. Siapakah dalang di sebalik agensi-agensi ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah membangkitkan dalam Dewan yang mulia ini, pada Disember 2007, mengenai kegiatan sindiket ini, tetapi tidak ada tindakan diambil selepas itu. Malangnya, walaupun aduan dibuat, tetapi agensi terus beroperasi dan menerima langganan, kerana ia sudah *establish* dan dikendalikan dengan cekap. Saya ingin bertanya pihak kementerian, berapakah jumlah aduan yang diterima dalam kes ini dan sejauh manakah tindakan telah diambil ke atas mereka? Mengapakah ini sukar dibanteras? Dan mengapa dakwaan tidak dibuat ke atas pengusaha ini? Saya bimbang. Ia merupakan sindiket agensi tersusun, dan mendapatkan perlindungan pihak tertentu. Oleh sebab itu, maka sukar kita banteras.

Tuan Yang di-Pertua, contoh agensi terbabit ialah, Mega Access Resources (No. Pendaftaran 001583837-K yang beralamat Lot 7.23 & 7.24, Tingkat 7 Plaza Imbi, No. 28 Jalan Imbi, Kuala Lumpur) yang dilawat pencari kerja, mendaftar dengan membayar RM165 bagi *consultation* dan *documentation fees*. Manakala sebuah agensi lagi, Grand Paramount Enterprise (No. Pendaftaran 001710517-T beralamat level 10.02 Menara Pan Global, Lorong P. Ramlee, Kuala Lumpur) mengenakan pencari kerja membayar deposit sebanyak RM360. Agensi-agensi ini telah beroperasi bertahun-tahun tanpa lesen. Apakah alasan kementerian, sehingga sekarang gagal mengambil tindakan ke atas pengusaha-pengusaha yang membiarkan pencari-pencari kerja terus menjadi mangsa. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sila Yang Berhormat Menteri.

**8.05 mlm.**

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Maznah Mazlan]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bukit Bintang. Pada ketika ini, jumlah syarikat yang berdaftar dan mempunyai lesen agensi pekerjaan swasta adalah sebanyak 1,196. Aktiviti dan kegiatan mereka sentiasa dipantau dan mereka dikehendaki mematuhi peruntukan undang-undang yang ditetapkan. Setiap syarikat perlu memperbaharui lesen mereka setiap tahun. Memang terdapat segelintir individu dan syarikat yang tidak bertanggungjawab, dengan menjalankan aktiviti penempatan tanpa memperoleh lesen daripada Ketua Pengarah Tenaga Kerja terlebih dahulu. Mereka menjalankan operasi tanpa mematuhi etika yang ditentukan seperti mengenakan fi yang terlalu tinggi, menawarkan kekosongan jawatan yang tidak wujud dan sebagainya.

Modus operandi mereka adalah dengan mengiklankan kekosongan jawatan dengan tawaran gaji yang tinggi, menemu duga pencari kerja, memaklumkan pencari kerja telah berjaya, dan meminta yuran konsultasi dan sebagainya. Dari tahun 2007 hingga 2009, sebanyak 122 aduan telah diterima oleh Jabatan Tenaga Kerja berkaitan penipuan agensi pekerjaan swasta:-

<b>Bil</b>	<b>Tahun</b>	<b>Aduan</b>
1.	2007	51
2.	2008	47
3.	31 Mei 2009	24
Jumlah		122

Jenis-jenis aduan adalah seperti berikut:

<b>Bil</b>	<b>Jenis-jenis Aduan</b>	<b>Kes</b>
1.	Agensi yang menipu	60
2.	Agensi beroperasi tanpa lesen	16
3.	Tidak memperbaharui lesen	6
4.	Membuka cawangan tanpa kebenaran	2
5.	Tidak membayar <i>fee</i> yang ditetapkan	2
6.	Tiada lesen endorsan	3
7.	Lain-lain aduan	33

Janis-jenis tindakan yang diambil:

<b>Bil</b>	<b>Jenis Tindakan</b>	<b>KES</b>
1.	Aduan sudah selesai	103
2.	Aduan/ kes didakwa	9
3.	Dalam siasatan	10
<b>Jumlah</b>		122

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981, memperuntukkan hukuman yang boleh dikenakan bagi kesalahan menjalankan agensi pekerjaan tanpa lesen, adalah denda tidak melebihi RM5,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali. Syarikat Mega Access Resources, adalah salah satu syarikat agensi pekerjaan yang beroperasi tanpa lesen. Syarikat ini mengenakan caj perkhidmatan kepada pencari kerja dengan bayaran RM165.

Namun, pekerjaan yang dijanjikan tidak wujud. Kementerian Sumber Manusia sedang mengambil tindakan mahkamah ke atas syarikat ini. Kes ini tertangguh kerana saman ke mahkamah gagal diserahkan kepada pihak yang dituduh, disebabkan beliau gagal dikesan. Namun, kes ini akan disebut semula di Mahkamah Majistret 8, Kuala Lumpur, nombor kes A87-1339-2008 pada 7 Julai 2009.

Bagi syarikat Grand Paramount Enterprise, alamat terakhir yang dikesan pada 28 Mei 2008, adalah di No. 10-2-4 Diamond Square Commercial Centre, Jalan 3/50 Off Jalan Gombak, Kuala Lumpur. Namun begitu, didapati premis ini telah dikosongkan dan syarikat telah berpindah ke tempat lain. Jabatan Tenaga Kerja masih meneruskan pengesanan terhadap syarikat ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia memandang serius terhadap kegiatan syarikat yang melakukan penipuan ke atas pencari kerja. Kegiatan mereka ini akan menjejaskan dan mencemarkan nama baik agensi pekerjaan berlesen yang lain yang menjalankan urusan secara sah. Sehubungan dengan itu, Kementerian Sumber Manusia telah mengeluarkan surat pemberitahuan bertarikh 12 April 2007 kepada semua akhbar tempatan, memohon kerjasama mereka supaya tidak mengiklankan aktiviti-aktiviti pendaftaran dan penempatan bagi syarikat yang tidak mempunyai lesen yang sah.

Pada 28 April 2008, melalui akhbar *The Sun*, Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia, mengingatkan pencari-pencari kerja supaya menggunakan agensi pekerjaan berlesen untuk mendaftar dan memperoleh pekerjaan. Kementerian Sumber Manusia melalui Ketua Pengarah Tenaga Kerja memberikan kenyataan dari semasa ke semasa melalui akhbar, agar para pencari kerja tidak terpedaya dengan tawaran dan taktik syarikat tersebut.

#### ■2010

Pencari kerja juga perlu memainkan peranan dalam menangani masalah ini supaya lebih teliti dan berhati-hati dalam mendapatkan perkhidmatan agensi pekerjaan swasta sewaktu mencari pekerjaan. Sehubungan itu, pencari kerja sentiasa diingatkan agar mendapatkan perkhidmatan dari agensi pekerjaan swasta yang berdaftar dan berlesen dengan Kementerian Sumber Manusia. Pencari kerja boleh mendapatkan pengesahan dari ibu pejabat Jabatan Tenaga Kerja bagi menentukan status sesebuah agensi yang menawarkan perkhidmatan pencarian pekerjaan.

Saya ingin mengambil kesempatan ini memaklumkan bahawa Kementerian Sumber Manusia juga ada menyediakan perkhidmatan pencarian dan penawaran pekerjaan secara *online* ataupun melalui talian dan perkhidmatan yang disediakan adalah percuma. Bagi mereka yang ingin menggunakan perkhidmatan tersebut, sila layari [www.jobsmalaysia.gov.my](http://www.jobsmalaysia.gov.my). Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Premis Komersial Atas Tanah Milik dan Tanah Rizab KTM  
Diarah Keluar Tanpa Pampasan**

**8.13 mlm.**

**Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Pengangkutan Malaysia, Perbadanan Aset Kereta Api adalah sebuah badan berkanun persekutuan yang ditubuhkan untuk dipertanggungjawabkan bagi mengurus tadbir semua harta-harta KTM mengikut Seksyen 92 dan Seksyen 93 Akta Keretapi 1991.

Antara aktiviti ialah mengurus penyewaan tanah milik KTM dan tanah rizab KTM bagi tujuan premis kediaman dan komersial. Dalam menjayakan projek landasan kereta api berkembar Ipoh ke Padang Besar yang dalam pembinaan, banyak premis-premis kediaman dan komersial di atas tapak, di atas tanah milik dan rizab KTM yang perlu dikosongkan. Di Parlimen Jerai, mereka yang membina premis kediaman di atas tanah ini telah diarahkan untuk mengosongkan premis dengan kadar pampasan yang berpatutan tetapi bagi mereka yang membina premis komersial atau perniagaan di atas tapak yang disewa dari PAK iaitu Perbadanan Aset Kereta Api ini diarah mengosongkan premis tanpa dibenarkan untuk menuntut sebarang kadar pampasan dari PAK.

Ini menimbulkan rungutan dan ketidakpuasan hati mereka yang tidak berselang membayar sewa kepada PAK. Adalah diharapkan kementerian yang bertanggungjawab di atas dasar kemanusiaan dapat menimbang untuk meluluskan sedikit kadar pampasan kepada peniaga-peniaga yang menyewa aset PAK bagi meringankan bebanan dalam mengurus aktiviti perniagaan mereka di tempat dan tapak yang baru. Kementerian juga disarankan berbincang dengan Kerajaan Negeri Kedah untuk mendapatkan sebidang tanah untuk dijadikan tapak penempatan penduduk yang terlibat dengan pengambilan tanah bagi projek pembinaan landasan kereta api berkembar di seluruh negeri Kedah.

Penduduk-penduduk yang terlibat ini menghadapi masalah tapak penempatan untuk mendirikan rumah kediaman mereka apabila diarahkan berpindah dengan bayaran pampasan yang dijanjikan, penduduk-penduduk yang terlibat ini dapat menjadikan modal untuk mendirikan rumah bagi didiami bersama keluarga mereka. Kesediaan kementerian terbabit dalam menyediakan sebahagian prasarana utama ini akan dapat menyelesaikan permasalahan penduduk-penduduk yang terlibat dan sekali gus akan menjamin kesejahteraan rakyat negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan Menteri. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sila Yang Berhormat Menteri.

**8.15 mlm.**

**Timbalan Menteri Pengangkutan I [Datuk Abdul Rahim bin Bakri]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Projek landasan berkembar Ipoh ke Padang Besar adalah merupakan projek nasional Kerajaan Persekutuan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan bertujuan meningkatkan kemudahan dan infrastruktur kereta api negara untuk kepentingan ekonomi dan



keselesaan rakyat. Projek ini dilaksanakan oleh kontraktor utama iaitu MMC Gamuda dan mengambil masa lima tahun dan dijadualkan siap sepenuhnya pada tahun 2014.

Projek ini dirancang dengan teratur dan dilaksanakan untuk memperbaiki rangkaian *mode* pengangkutan negara supaya lebih efisien khususnya pengangkutan rel. Berdasarkan maklumat bancian terkini terdapat 571 buah premis yang merupakan setinggan kediaman di seluruh negeri Kedah dan perlu dipindahkan segera bagi memberi laluan kepada pihak kontraktor projek untuk melakukan kerja-kerja tanah. Manakala sebanyak 35 buah premis pula yang terdapat di mukim Jerai terdiri daripada empat buah kediaman, tiga lot tanah kosong dan 28 premis komersial yang menyewa dengan pihak Keretapi Tanah Melayu Berhad di atas tanah Perbadanan Aset Keretapi yang telah ditamatkan penyewaannya kerana terlibat dengan projek landasan berkembar ini.

Setakat ini penyewa-penyewa premis komersial dan perniagaan sememangnya diminta mengosongkan premis tanpa pampasan. Ini adalah kerana kontrak penyewaan yang dipersetujui bersama, penyewa-penyewa komersial ini dengan KTMB adalah tertakluk kepada perjanjian yang telah ditandatangani dan dipersetujui oleh mereka sendiri. Peruntukan perjanjian fasal 19 menyatakan bahawa pegawai, pengawal ataupun pengurusan KTMB tidak bertanggungjawab dalam membayar apa-apa pampasan atau ganti rugi ke atas penamatan atau penamatan lebih awal atau pembatalan perjanjian kepada penyewa ataupun kepada mana-mana pihak yang mempunyai kepentingan ke atas tanah tersebut.

Berdasarkan peruntukan perjanjian tersebut, kerajaan tidak perlu membayar sebarang pampasan kepada penyewa yang terbabit dan ini adalah dimaklumi oleh penyewa-penyewa tersebut. Mengenai saranan supaya pihak kementerian berbincang dengan pihak kerajaan berhubung dengan isu-isu berkaitan penempatan semula setinggan. Sukacita dimaklumkan sememangnya pihak kerajaan telah pun mengadakan pelbagai siri perbincangan. Pada masa ini jumlah pampasan yang dibayar kepada setinggan-setinggan di negeri Kedah adalah berdasarkan formula pampasan bayaran *ex-gratia* dan formula ini telah pun dipersetujui oleh Kerajaan Negeri Kedah masa kini.

Kerajaan berharap kerajaan-kerajaan negeri yang terlibat dengan projek ini termasuklah Kerajaan Negeri Kedah bekerjasama menyediakan kawasan penempatan semula setinggan atau projek-projek perumahan baru untuk tujuan pemindahan setinggan tersebut. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga pukul 10 pagi hari Rabu, 1 Julai 2009.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 8.17 malam.***